

MESYUARAT PERTAMA, TAHUN KEEMPAT, DEWAN NEGERI YANG KELIMA BELAS PERAK DARUL RIDZUAN

Soalan Dari : YB KAPT(B) DATO' MOHD NAJMUDDIN BIN ELIAS
Ahli Dewan Undangan Negeri : (BATU KURAU)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. MEMOHON YAB MENTERI BESAR MEMPERCEPATKAN PEMILIKAN GERAN HAK MILIK MASJID AL KURAUWI DI PEKAN BATU KURAU.

SOALAN DITOLAK (PT 24(2))

2. INGIN BERTANYA, APAKAH TINDAKAN KERAJAAN NEGERI BAGI MENGATASI MASALAH BANJIR DI KG. ULU SEPETANG?

Jawapan Soalan 2

- 1) Untuk makluman Yang Berhormat Batu Kurau bagi langkah penyelesaian jangka panjang, JPS Negeri Perak telah memohon di bawah Peruntukan Persekutuan bagi Rancangan Tebatan Banjir Sungai Sepetang, Perak Darul Ridzuan dalam Permohonan Projek RMK13, Rolling Plan 2 (RP2) bagi tahun 2027.
 - 2) Projek tebatan banjir ini akan meliputi keseluruhan kawasan Ulu Sepetang sehingga ke Pekan Kuala Sepetang dengan anggaran kos sebanyak RM297 juta.
 - 3) Di samping itu, JPS Daerah Larut Matang dan Selama turut melaksanakan kerja – kerja penyelenggaraan secara berkala bergantung kepada peruntukan yang diterima bagi mengurangkan impak banjir terutama sekali di Kawasan Kg. Ulu Sepetang.
3. APAKAH PERANCANGAN PIHAK KERAJAAN NEGERI BAGI MEMBANGUNKAN INDUSTRI PELANCONGAN DI SEKITAR JALAN BARU ANAK KURAU KE KAMUNTING?

Jawapan Soalan 3

Untuk makluman Yang Berhormat Batu Kurau,

Kerajaan Negeri melaksanakan pembangunan industri pelancongan secara menyeluruh melalui pendekatan kluster bagi memastikan setiap kawasan berpotensi turut menerima limpahan pembangunan dan tidak tertumpu kepada satu lokasi sahaja. Dalam konteks jajaran Jalan Baharu Anak Kurau ke Kamunting, produk-produk pelancongan di sepanjang laluan ini boleh diketengahkan melalui pelbagai bahan promosi pelancongan seperti Perak Pages, Coffee Trails dan Bikers Trail, yang menghimpunkan maklumat destinasi serta produk pelancongan untuk rujukan pelancong.

Pendekatan ini memudahkan pelancong merancang perjalanan dan mengenal pasti lokasi yang ingin dikunjungi, sekali gus menggalakkan pergerakan pelancong di sepanjang laluan tersebut serta meningkatkan perbelanjaan di kawasan setempat.

Pada masa yang sama, penglibatan komuniti dan pengusaha pelancongan terus diperkukuh melalui pelaksanaan program pembangunan kapasiti seperti Kursus Pemasaran Digital yang dilaksanakan secara kluster melibatkan kawasan Taiping, Kuala Sepetang, Selama dan Kerian. Kursus ini memberi pendedahan kepada peserta untuk memanfaatkan platform digital dalam mempromosikan produk mereka, seterusnya meningkatkan daya saing pengusaha tempatan.

Dalam masa yang sama, pelaksanaan promosi pelancongan turut dilaksanakan secara menyeluruh melalui pelbagai medium termasuk bahan promosi, platform digital serta penganjuran acara di kawasan sekitar seperti Taiping, yang secara tidak langsung menyumbang kepada peningkatan kehadiran pelancong ke kawasan berhampiran termasuk laluan tersebut.

Selain itu, liputan produk, program dan acara pelancongan turut dilaksanakan melalui platform media sosial rasmi bagi meningkatkan keterlihatan destinasi serta menarik minat pelancong kepada produk pelancongan yang tersedia di kawasan berkenaan.

SOALAN-SOALAN BERTULIS

1. APAKAH PERKEMBANGAN PERMOHONAN NAIKTARAF KEMUDAHAN DI SURAU KG. CHANGKAT PERAH ULU?

Jawapan Soalan 1

Dato' Seri Yang Dipertua,

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Agama Islam Negeri Perak (JAIPk) masih belum menerima permohonan lengkap daripada Jawatankuasa Surau Kampung Changkat Perah Ulu bagi tujuan menaik taraf kemudahan di surau berkenaan. Ini berikutan Jawatankuasa Surau tersebut perlu menyelesaikan terlebih dahulu urusan pewakafan tapak surau yang dimaksudkan.

2. APAKAH STATUS TERKINI PERMOHONAN MEMBINA BARU JAMBATAN BAWAH GUNUNG DI KG. SEMPENEH CEMPAKA?

Jawapan Soalan 2

Untuk makluman YB ,

Pihak Pentadbiran ini mengambil maklum dan memandang serius terhadap isu jambatan yang terletak di bawah Gunung Kg. Sempeneh Cempaka.

Untuk makluman, pihak Pentadbiran ini sememangnya mempunyai perancangan terhadap jambatan tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana bahagian tengah struktur jambatan tersebut telah mengalami mandapan. Sehubungan dengan itu, pihak Pentadbiran ini telah menjalankan siasatan di tapak bagi menganggarkan kos penyelenggaraan jambatan tersebut. Hasil siasatan mendapati bahawa anggaran kos bagi menyelenggara jambatan di bawah gunung Kg. Sempeneh Cempaka itu adalah RM500,000.00.

Dalam hubungan ini, pihak Pentadbiran ini akan menyenaraikan kerja penyelenggaraan jambatan tersebut di dalam Bajet Pembangunan Negeri Perak Tahun 2027.

3. PERKEMBANGAN PERMOHONAN MEMBINA GELANGGANG TAKRAW DI SABK MAAHAD AL-IMAN ASY-SYAFI'E DI JELAPANG IPOH.

SOALAN DITOLAK (PT 24(2))

4. APAKAH PERANCANGAN KERAJAAN NEGERI BAGI MENGATASI MASALAH BEKALAN AIR DI KG. PONDOK QUIN BATU KURAU?

Jawapan Soalan 4

Untuk makluman Yang Berhormat, bekalan air ke Kampung Pondok Quin, Batu Kurau adalah disalurkan daripada Loji Rawatan Air (LRA) Jelai dan LRA Batu Kurau.

Daripada semakan yang dilakukan oleh pihak LAP, dalam keadaan biasa, tekanan air di Pondok Quin adalah mencukupi dan memenuhi tahap piawaian standart yang telah ditetapkan oleh pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Walau bagaimanapun, tekanan air boleh mengalami penurunan terutamanya semasa waktu puncak dan ketika musim perayaan akibat permintaan bekalan air yang meningkat.

Sehubungan dengan itu, penduduk disarankan agar menyediakan tangki simpanan air sendiri yang berperanan untuk menyimpan air untuk kegunaan 1 hari selaras dengan keperluan dan garis panduan yang terkandung dalam *Uniform Technical Guidelines* Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)

Bagi tempoh jangka masa panjang, pihak Lembaga Air Perak (LAP) telah merancang untuk melaksanakan pembinaan Loji Rawatan Air (LRA) yang baharu di kawasan Batu Kurau.

Dengan adanya pembinaan LRA Batu Kurau ini, ianya dijangka dapat meningkatkan kapasiti bekalan serta aliran dan tekanan air secara signifikan seterusnya memastikan bekalan yang air yang lebih stabil dan konsisten kepada penduduk terlibat.

Secara keseluruhannya, Kerajaan Negeri melalui LAP komited untuk melaksanakan penyelesaian jangka sederhana dan panjang bagi memastikan isu tekanan air rendah di Kampung Pondok Quin dapat ditangani secara mampan.

5. APAKAH TINDAKAN PIHAK BERKUASA DALAM MEMBANTERAS KEDAI RUNCIT DAN PASAR MINI YANG DIJADIKAN PUSAT JUDI HARAM?

Jawapan Soalan 5

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat,

Undang-undang yang boleh dirujuk berkenaan pelesenan premis kedai runcit dan kedai serbaneka adalah Undang-Undang (UUK) Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Perbandaran Taiping) 2017.

Kawalan terhadap aktiviti perniagaan kedai runcit dan kedai serbaneka dikawal melalui tindakan pelesenan, hukuman operasi tanpa lesen dan pematuhan syarat lesen.

Merujuk UUK 3, mana-mana aktiviti melibatkan tred, perniagaan dan perindustrian atau penggunaan mana-mana tempat atau premis dalam kawasan Majlis hendaklah mendapat suatu lesen dari Pihak Kuasa Melesen. UUK 4 menyatakan bahawa Pihak Berkuasa Melesen hendaklah mengeluarkan lesen tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan yang dinyatakan di dalamnya. Sekiranya pemilik premis gagal mematuhi syarat lesen, tindakan di bawah UUK 49 boleh dikenakan ke atas pemilik premis. UUK 49 memperuntukkan Datuk Bandar, Setiausaha, Pegawai Undang-Undang, Penolong Pegawai Undang-Undang Majlis dan mana-mana pegawai yang diberi kuasa boleh mengkompaun mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan UUK ini dengan membuat satu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaun kesalahan itu apabila dibayar kepada Majlis sejumlah wang yang tidak melebihi RM1000 bagi kesalahan itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu.

Tindakan pendakwaan boleh dimulakan sekiranya jika jumlah yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang dibenarkan. Kegagalan mendapatkan lesen adalah merupakan kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi RM2000.00 atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan bagi kesalahan berterusan, boleh didenda tidak melebihi RM200.00 atau sebahagiannya bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan selaras dengan UUK 3.

Selain itu, tindakan pembatalan lesen premis dan tidak memperbaharui lesen boleh dikenakan ke atas pemilik premis tertakluk UUK ini.

Soalan Dari : YB PUAN KOO HAAI YEN
Ahli Dewan Undangan Negeri : (KERANJI)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. 1. Projek Naiktaraf Infrastruktur di Kawasan Keranji
 - (a) Sila nyatakan jumlah projek menaik taraf jalan raya, longkang, dan kemudahan awam yang telah dan sedang dilaksanakan di kawasan Keranji pada tahun 2024 dan 2025.
 - (b) Apakah kriteria utama yang digunakan oleh kerajaan negeri dalam menentukan keutamaan projek-projek kecil di kawasan luar bandar?
 - (c) Adakah kerajaan negeri bercadang menambah peruntukan khusus untuk penyelenggaraan berkala bagi jalan dan longkang di kawasan DUN Keranji?

SOALAN DITOLAK (PT 24(2))

2. 2. Isu Masa Menunggu Prosedur Endoskopi dan Pengesanan Awal Kanser
 - (a) Sila nyatakan purata masa menunggu bagi pesakit untuk menjalani prosedur endoskopi (OGDS dan kolonoskopi) di hospital kerajaan negeri Perak, khususnya bagi kes rujukan dari kawasan Kampar dan Keranji.
 - (b) Apakah langkah proaktif yang sedang dan akan diambil oleh kerajaan negeri untuk mengurangkan tempoh menunggu tersebut bagi memastikan rawatan segera dapat diberikan?
 - (c) Bagaimanakah kerajaan negeri bercadang untuk meningkatkan keberkesanan program saringan pengesanan awal kanser dalam kalangan penduduk luar bandar bagi meningkatkan kadar kelangsungan hidup pesakit?

Jawapan Soalan 2

JAWAPAN : (A)

Di Negeri Perak, terdapat lima buah hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang menyediakan perkhidmatan endoskopi, iaitu Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) Ipoh, Hospital Taiping, Hospital Teluk Intan, Hospital Seri Manjung dan Hospital Slim River (merupakan hospital pakar penuh di negeri Perak). Hospital-hospital berpakar ini menerima rujukan pesakit mengikut kawasan liputan yang telah ditentukan. Bagi pesakit dari Daerah Kampar yang memerlukan prosedur endoskopi lazimnya akan dirujuk ke HRPB Ipoh.

Secara amnya, tempoh menunggu bagi temujanji pesakit luar untuk prosedur endoskopi seperti **OGDS (Oesophago Gastro Duodenoscopy)** dan kolonoskopi adalah mengikut penilaian klinikal pesakit (triaging). Ia adalah seperti berikut:

- i) Pesakit berkeutamaan tinggi, seperti pesakit disyaki kanser dan mempunyai simptom membimbangkan, akan diberikan temujanji antara 1 hingga 2 minggu.

ii) Pesakit tanpa simptom tetapi disyaki kanser berdasarkan ujian saringan seperti **iFOBT (Immunochemical Fecal Occult Blood Test)** yang positif, akan diberikan temujanji antara 2 hingga 5 minggu. Ujian iFOBT adalah ujian bagi mengesan kehadiran darah mikroskopik di dalam najis.

iii) Pesakit kategori selain dari di atas diberikan temujanji antara 8 hingga 10 minggu.

JAWAPAN (B) :

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Perak sentiasa komited di dalam memastikan akses kepada perkhidmatan endoskopi dipertingkatkan. Antara langkah proaktif yang sedang dan akan dilaksanakan termasuk:

i) Pengukuhan perkhidmatan endoskopi di hospital berpakar agar kapasiti operasi dapat dipertingkatkan melalui:

1. penambahan dan penggantian peralatan endoskopi secara berperingkat
2. penambahan sumber manusia serta melatih lebih ramai pegawai perubatan serta staf sokongan
3. menaik taraf dan menambah bilik prosedur endoskopi

ii) perluasan perkhidmatan endoskopi di fasiliti KKM yang dikenal pasti bagi meningkatkan akses perkhidmatan kepada komuniti

Segala pendekatan yang dilaksanakan ini bertujuan untuk mempercepatkan pengesahan diagnosis ke atas pesakit bagi membolehkan rawatan awal dimulakan.

JAWAPAN (C) :

Kerajaan negeri melalui JKN Perak adalah komited meningkatkan keberkesanan program saringan kanser serviks dan payudara di kawasan luar bandar melalui pendekatan menyeluruh dan bersasar. Berbeza dengan kemudahan yang sedia ada di bandar di mana rakyat mudah mencapai perkhidmatan saringan daripada hospital awam (saringan pengesanan awal kanser tersedia di semua hospital awam) atau hospital swasta. Antara langkah utama termasuk :

1. Memperkuh perkhidmatan jangkau luar dan klinik bergerak ke kawasan pedalaman bagi menangani isu akses geografi dan kekangan pengangkutan. Pelaksanaan ujian HPV (**Human Papillomavirus**) sendiri untuk kanser serviks dijalankan bagi meningkatkan penerimaan wanita. Perkhidmatan pemeriksaan payudara klinikal (**CBE**) **Clinical Breast Examination** juga disediakan dengan rujukan terus untuk mamogram bagi kes berisiko. Pendekatan 'opportunistic screening' diperkasakan dengan menjadikan saringan kanser sebagai komponen rutin, yang ditawarkan semasa lawatan ke fasiliti kesihatan (contoh: antenatal, postnatal, perkhidmatan rawatan Penyakit Tidak Berjangkit atau NCD).
2. Penglibatan peranan komuniti melalui kerjasama dengan KOSPEN, pemimpin setempat dan sukarelawan kesihatan bagi meningkatkan kesedaran serta mengurangkan stigma terhadap saringan kanser.
3. Penggunaan pendekatan sistem digital seperti 'push notification' dalam mySejahtera untuk meningkatkan kehadiran dan pematuhan janji temu susulan,
4. Memperluaskan kolaborasi strategik dengan pertubuhan bukan kerajaan (seperti Yayasan ROSE, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia - LPPKN) dan sektor swasta, bagi menyokong akses kepada saringan dan rawatan awal.

5. Memudahkan akses kepada saringan secara percuma di fasiliti kerajaan, termasuk penggunaan kaedah yang lebih mudah seperti ujian Immunochemical Fecal Occult Blood Test' (iFOBT) bagi kanser kolorektal, serta memperkukuh sistem rujukan dan susulan bagi memastikan kes berisiko tinggi mendapat pengesahan diagnosis dan rawatan lanjut tanpa keciciran.

3. 3. Prosedur Operasi Standard (SOP) Pihak Polis dalam Menangani Gejala 'Mat Rempit'
- (a) Sila nyatakan SOP terperinci bagi pihak PDRM semasa melakukan pengejaran terhadap penunggang motosikal haram (Mat Rempit).
 - (b) Di bawah situasi dan jenis kesalahan apakah pihak polis dibenarkan secara sah untuk memulakan pengejaran terhadap pesalah di jalan raya?
 - (c) Apakah langkah-langkah yang diambil bagi memastikan keselamatan pengguna jalan raya yang lain serta anggota bertugas sentiasa terjamin semasa operasi pengejaran tersebut dijalankan?

Jawapan Soalan 3

Dato' Seri Yang di-Pertua,

Yang Berhormat Keranji bertanyakan mengenai Prosedur Operasi Standard (SOP) Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dalam menangani gejala 'Mat Rempit'.

Untuk makluman Dewan yang mulia, PDRM melaksanakan Prosedur Penguatkuasaan Operasi Samseng Jalan raya sepertimana Arahan Pengarah Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) Bil. 19. Objektif utama operasi ini adalah:

- 1) Menurunkan statistik kemalangan terutamanya kemalangan maut yang melibatkan motosikal;
- 2) Meningkatkan tahap keselamatan jalanraya; dan
- 3) Mendidik pengguna jalanraya bagi memastikan undang-undang jalanraya dipatuhi.

Sekiranya terdapat individu yang menunggang secara merbahaya dan boleh mengancam keselamatan dan ketenteraman awam, PDRM akan mengambil tindakan serta-merta menghentikan perbuatan tersebut termasuk mengejar pesalah di jalan raya.

SOALAN-SOALAN BERTULIS

1. 1. Pembangunan Ekonomi Tempatan dan SME
- (a) Sila nyatakan jumlah geran dan bantuan kewangan yang telah disalurkan kepada usahawan kecil dan sederhana (SME) di kawasan Keranji sejak tahun 2023.
 - (b) Apakah program latihan keusahawanan yang dijalankan oleh kerajaan negeri untuk membantu golongan muda dan wanita?
 - (c) Adakah terdapat rancangan untuk menubuhkan pusat inkubator perniagaan di Kampar bagi memperkukuh ekosistem startup tempatan?

Jawapan Soalan 1

2. 2. Keselamatan Sekolah di Kawasan Kampar
- (a) Adakah kerajaan negeri bercadang untuk memasang sistem CCTV di sekolah-sekolah bagi meningkatkan keselamatan murid dan kakitangan?
 - (b) Apakah langkah keselamatan tambahan yang akan diambil oleh kerajaan negeri bagi mencegah kejadian jenayah di kawasan sekolah?
 - (c) Adakah kerajaan negeri akan memperuntukkan dana khas untuk penyelenggaraan dan pemantauan sistem CCTV di sekolah-sekolah?

Jawapan Soalan 2

Keselamatan Sekolah di Kawasan Kampar

Adakah kerajaan negeri bercadang untuk memasang sistem CCTV di sekolah-sekolah bagi meningkatkan keselamatan murid dan kakitangan?

- Kerajaan negeri menyokong usaha meningkatkan keselamatan sekolah termasuk pemasangan sistem kamera litar tertutup (CCTV). Pada masa ini, inisiatif tersebut selari dengan langkah Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah memperuntukkan dana khusus serta melaksanakan pemasangan CCTV secara berperingkat di sekolah-sekolah terpilih di seluruh negara.
- Sebagai contoh, kerajaan melalui KPM telah menyediakan tambahan peruntukan bagi pemasangan CCTV sebagai langkah segera meningkatkan keselamatan dan mengurangkan risiko kejadian tidak diingini di institusi pendidikan .
- Di peringkat negeri, cadangan pemasangan CCTV di kawasan Kampar akan dipertimbangkan berdasarkan keperluan, tahap risiko keselamatan, serta keutamaan sekolah yang dikenal pasti.

- Di daerah Kampar peruntukan pemasangan sistem CCTV oleh KPM melibatkan sekolah yang mempunyai kemudahan asrama . Hanya ada dua sekolah yang mempunyai kemudahan asrama iaitu SMK Sultan Yusuff dan SK Ulu Geruntum. Pemasangan CCTV di SMK Sultan Yusuff telah selesai pada akhir tahun 2025 manakala untuk SK Ulu Geruntum belum ada peruntukan diturunkan.

Apakah langkah keselamatan tambahan yang akan diambil oleh kerajaan negeri bagi mencegah kejadian jenayah di kawasan sekolah?

Selain pemasangan CCTV, beberapa langkah keselamatan tambahan yang akan dan sedang dilaksanakan termasuk:

- Kerjasama dengan Polis Diraja Malaysia melalui pegawai perhubungan sekolah (PPS) dan rondaan berkala.
- Pengukuhan kawalan keselamatan sekolah termasuk kawalan keluar masuk pelawat.
- Penambahan tenaga pengawasan seperti warden, guru disiplin dan pembantu pengurusan murid.
- Program kesedaran dan pencegahan jenayah melibatkan murid, guru dan komuniti setempat.
- Penggunaan sistem pemantauan disiplin murid serta intervensi awal bagi isu tingkah laku.

Langkah ini selaras dengan pendekatan menyeluruh kerajaan yang turut melibatkan pemantauan, latihan kesiapsiagaan dan kerjasama komuniti bagi memastikan keselamatan murid sentiasa terjamin

Adakah kerajaan negeri akan memperuntukkan dana khas untuk penyelenggaraan dan pemantauan sistem CCTV di sekolah-sekolah?

Kerajaan negeri menyedari bahawa keberkesanan CCTV bukan sahaja bergantung kepada pemasangan, tetapi juga penyelenggaraan dan pemantauan berterusan.

Sehubungan itu:

- Peruntukan khas akan dipertimbangkan secara berfasa mengikut kemampuan kewangan dan keutamaan sekolah.
- Model pembiayaan secara kolaboratif turut digalakkan melibatkan PIBG, sektor swasta dan komuniti setempat.

3. Perluasan Perkhidmatan Bas MyBas untuk Pelajar Sekolah di Kampar

- (a) Adakah Kerajaan Negeri sedar akan beban kewangan ibu bapa pelajar SMK Seri Kampar yang terpaksa membayar tambang van sekolah setinggi RM130.00 sebulan bagi laluan dari Tronoh Mines ke sekolah?
- (b) Sila nyatakan status permohonan perluasan laluan perkhidmatan MyBas ke kawasan Kampung Bukit Pekan, Tronoh Mines, Air Hitam Labu dan Taman Mahkota bagi memudahkan urusan pengangkutan pelajar.
- (c) Apakah langkah penyalarsan yang sedang diambil bersama agensi berkaitan (seperti APAD) bagi memastikan akses pendidikan yang lebih adil dan mampu milik melalui sistem pengangkutan awam di kawasan ini?

Jawapan Soalan 3

a) Untuk makluman YB Keranji, Kerajaan Negeri mengambil maklum dan prihatin terhadap beban kewangan yang ditanggung oleh ibu bapa pelajar di sekitar kawasan Tronoh Mines, khususnya bagi pelajar SMK Seri Kampar yang perlu menggunakan perkhidmatan van sekolah dengan kadar tambang sekitar RM130.00 sebulan. Perkara ini dilihat sebagai satu isu yang wajar diberi perhatian, terutamanya dalam memastikan akses pendidikan yang lebih saksama dan mampu milik kepada semua lapisan masyarakat.

b) Bas.My merupakan Program Perkhidmatan Bas Berhenti-henti (SBST) yang dibiayai oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) dan dikawalselia oleh Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD). Melalui program ini, telah disediakan laluan sediaada Medan Kidd – Gopeng – Kampar yang beroperasi setiap hari sebanyak 24 trip sehari bermula pukul 6.00 pagi sehingga 8.00 malam. Berkenaan status permohonan perluasan laluan perkhidmatan MyBas ke kawasan Kampung Bukit Pekan, Tronoh Mines, Air Hitam Labu dan Taman Mahkota bagi memudahkan urusan pengangkutan pelajar, perkara ini di dalam tindakan pihak APAD selaku agensi yang mengawalselia Program Bas.My ini.

c) Bagi memastikan akses pendidikan yang lebih adil dan kos efektif, Kerajaan Negeri komited untuk terus bekerjasama dengan semua pihak berkepentingan terutamanya pihak APAD dan MOT dalam memastikan sistem pengangkutan awam yang lebih inklusif, khususnya bagi menyokong akses pelajar ke institusi pendidikan.

Bagi pihak APAD pula,

- d) Setiap pelan dan perancangan pembangunan adalah dibawah tanggungjawab Kerajaan Negeri. APAD adalah agensi teknikal yang akan memberi nasihat dan pandangan bagi memastikan setiap pelan yang dirancang mengikut prosedur dan dasar pelesenan yang telah ditetapkan berkaitan perkhidmatan pengangkutan awam.

- e) Perkara ini sedang dalam perancangan dan penelitian pihak Kerajaan Negeri bersama APAD bagi menilai keperluan serta kesesuaian pelaksanaan termasuk implikasi kewangan dan liputan perkhidmatan di kawasan terlibat. APAD akan mengemukakan maklum balas lanjut serta keputusan berhubung perkara ini selepas proses kajian tersebut dimuktamadkan.
- f) Bagi memastikan akses pendidikan yang lebih adil dan mampu milik melalui sistem pengangkutan awam, pihak operator BAS.MY telah menyediakan **Kad Konsesi Pelajar** pada kadar **RM10**. Kemudahan ini meliputi beberapa kawasan utama termasuk Station 18, Kampar, Tambun, Tanjong Rambutan, Bercham, Medan Kidd, Seri Iskandar, Chemor dan Kuala Kangsar. Buat masa ini, kad konsesi tersebut boleh diperolehi di kaunter Medan Kidd. Walau bagaimanapun, pihak operator juga akan menyediakan kaunter promosi dari semasa ke semasa di program atau acara berkaitan bagi memudahkan akses kepada pelajar. Maklumat lanjut berhubung inisiatif ini boleh diperolehi melalui pautan rasmi berikut : <https://www.facebook.com/share/1Z3onsRavi/>

4. 4. Pembangunan Belia dan Sukan di DUN Keranji

- (a) Sila nyatakan jumlah peruntukan pembangunan belia dan sukan yang diterima oleh kawasan DUN Keranji bagi tahun 2024 dan 2025.
- (b) Apakah bentuk program pembangunan bakat sukan remaja yang dijalankan bersama sekolah dan kelab tempatan?
- (c) Adakah kerajaan negeri bercadang membina dewan atau gelanggang tertutup baharu di kawasan ini?

Jawapan Soalan 4

MESYUARAT PERTAMA, TAHUN KEEMPAT, DEWAN NEGERI YANG KELIMA BELAS PERAK DARUL RIDZUAN

No. Rujukan: 26742

Soalan 4 (Keranji)

4. Pembangunan Belia dan Sukan di DUN Keranji

- (a) Sila nyatakan jumlah peruntukan pembangunan belia dan sukan yang diterima oleh kawasan DUN Keranji bagi tahun 2024 dan 2025.
- (b) Apakah bentuk program pembangunan bakat sukan remaja yang dijalankan bersama sekolah dan kelab tempatan?
- (c) Adakah kerajaan negeri bercadang membina dewan atau gelanggang tertutup baharu di kawasan ini?

Jawapan Soalan (a)

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada soalan Yang Berhormat berhubung jumlah peruntukan pembangunan belia dan sukan yang diterima oleh kawasan DUN Keranji bagi tahun 2024 dan 2025, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Negeri Perak, bagi pihak Kementerian Belia dan Sukan Malaysia melalui Jabatan Belia dan Sukan Negeri Perak, tiada peruntukan khas yang diperuntukkan secara spesifik dan tetap kepada kawasan DUN Keranji bagi tempoh tahun 2024 dan 2025.

Walaupun bagaimanapun, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Perak sentiasa peka dalam pembangunan belia terutamanya dalam usaha membangunkan personaliti dan juga sendiri mereka selaras dengan Dasar Belia Malaysia 2015. Di bawah dasar tersebut terdapat 8 jenis kumpulan belia yang menjadi fokus kepada Jabatan dalam melaksanakan pelbagai aktiviti bagi memenuhi dan meningkatkan potensi mereka. 8 kumpulan belia antaranya adalah:

1. **Belia Bersekolah**: Pelajar sekolah menengah yang memerlukan bimbingan sahaja dan motivasi.
2. **Belia Pengajian Tinggi**: Pelajar di IPTA/IPTS yang fokus kepada kemahiran tinggi dan kebolehpasaran.
3. **Belia Bekerjaya**: Belia yang sudah bekerja, fokus kepada peningkatan ekonomi dan kerjaya.
4. **Perkumpulan Belia**: Ahli pertubuhan/kelab belia yang aktif dalam kepimpinan dan sukarelawan.
5. **Belia Massa**: Belia umum (bandar/luar bandar) yang tidak terikat dengan persatuan, termasuk ibu bapa muda.
6. **Belia Malaysia Antarabangsa**: Belia yang berada di luar negara atau terlibat dalam agenda global.
7. **Belia Minoriti**: Belia daripada kumpulan minoriti yang memerlukan sokongan khusus.
8. **Belia Berisiko**: Belia yang memerlukan pemulihan atau bimbingan khas, merangkumi mereka yang menghadapi masalah sosial atau ekonomi.

Setiap pelaksanaan program ini dibuat mengikut peringkat daerah dan juga negeri dengan sasaran peserta sebagaimana yang dinyatakan.

Untuk makluman Yang Berhormat sekalian berikut adalah program yang dilaksanakan oleh Jabatan Belia dan Sukan Negeri Perak khususnya di daerah Kampar bagi tahun 2024 dan 2025.

Bahagian Pembangunan Belia

Jumlah peruntukan pelaksanaan program belia keseluruhan di negeri Perak bagi tahun:-

1. 2024 - RM 430,422.00
2. 2025 - RM 867,550.00

Program Belia yang diturun dan dilaksanakan di Daerah Kampar bagi tahun **2024** dan tahun **2025** adalah sebagaimana jadual berikut:

Tahun	Jumlah Program	Jumlah Peruntukan	Pecahan Kaum				Jumlah Peserta Keseluruhan
			Melayu	Cina	India	Lain-lain	
Tahun 2025	3	31,500.00	345	18	33	10	406
Tahun 2024	2	8,450.00	658	20	77	13	768
JUMLAH	5	39,950.00	1003	38	110	23	1174

Bahagian Pembangunan Rakan Muda

Jumlah peruntukan pelaksanaan program Rakan Muda keseluruhan di negeri Perak bagi tahun:-

3. 2024 - RM 347,600.00
4. 2025 - RM 680,000.00

Program Rakan Muda yang diturun dan dilaksanakan di Daerah Kampar bagi tahun 2024 dan tahun 2025 adalah sebagaimana jadual berikut:

Tahun	Jumlah Program	Jumlah Peruntukan	Pecahan Kaum				Jumlah Peserta Keseluruhan
			Melayu	Cina	India	Lain-lain	
Tahun 2025	4	25,300.00	345	18	35	12	410
Tahun 2024	12	55,000.00	650	20	75	13	758
JUMLAH	16	80,300.00	995	38	110	25	1168

Jumlah persatuan yang menerima peruntukan Bantuan Pelaksanaan Program di Daerah Kampar:

Jenis bantuan	Jumlah Persatuan Yang Menerima Bantuan Tahun 2024	Jumlah Bantuan Diterima Tahun 2024	Jumlah Persatuan Yang Menerima Bantuan Tahun 2025	Jumlah Bantuan Diterima Tahun 2025
Bantuan Pentadbiran	1	20,000.00	-	-
Bantuan Program Profail	8	29,480.00	9	42,050.00
Bantuan Program Bukan Profail	7	18,000.00	3	11,000.00

Peruntukan yang disediakan adalah dalam bentuk pelaksanaan pelbagai program yang diselaraskan di peringkat negeri oleh Jabatan Belia dan Sukan Negeri Perak dan seterusnya disalurkan kepada Pejabat Belia dan Sukan Daerah Kampar melalui surat kuasa belanja. Peruntukan ini digunakan bagi melaksanakan program-program berbentuk profil kementerian yang melibatkan masyarakat setempat di Daerah Kampar secara keseluruhannya, termasuk komuniti di kawasan DUN Keranji dan sekitarnya.

Antara program yang dilaksanakan termasuk penganjuran program ikonik kementerian seperti Semarak Hari Belia Negara Peringkat Daerah dan Hari Sukan Negara Peringkat Daerah. Program-program ini memberi manfaat secara langsung kepada masyarakat setempat melalui penglibatan belia, komuniti serta agensi-agensi berkaitan dalam aktiviti pembangunan belia dan pembudayaan sukan.

Pendekatan ini dilaksanakan bagi memastikan pengagihan peruntukan dapat dimanfaatkan secara menyeluruh oleh masyarakat di peringkat daerah tanpa terhad kepada sempadan kawasan DUN tertentu, sekali gus memberi impak lebih luas kepada pembangunan belia dan sukan di Daerah Kampar khususnya serta Negeri Perak secara amnya.

Jawapan Soalan (b)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan Negeri Perak (JBS Perak) terus komited melaksanakan inisiatif pembangunan bakat sukan remaja secara berterusan bagi tahun 2025 dan 2026, termasuk di kawasan DUN Keranji melalui Pejabat Belia dan Sukan Daerah (PBSD) Kampar.

Pendekatan yang dilaksanakan adalah secara menyeluruh, bukan sahaja memberi tumpuan kepada penganjuran pertandingan, malah menekankan aspek pembentukan sahsiah, disiplin, kerjasama berpasukan serta semangat kesukanan dalam kalangan remaja. Fokus utama diberikan kepada pelajar sekolah dan golongan belia sebagai kumpulan sasaran awal dalam pembangunan bakat sukan negeri.

Pelaksanaan program turut diperkukuhkan melalui kerjasama strategik bersama pihak sekolah, kelab sukan, persatuan serta kelab belia tempatan. Antara pertubuhan yang aktif di daerah Kampar termasuk GPMS Gopeng, Kelab Sukan Kecergasan Harmoni, Kelab Belia Tebing Tinggi, Kelab Rakan Muda Kampar, Kelab Belia Pekan Masjid, Kelab Belia Kampung Pintu Padang, Kelab Belia Menara, Kelab Belia Taman Gopeng Baru, Kelab Belia Malim Nawar serta beberapa persatuan dan kelab sukan tempatan yang sentiasa bekerjasama dengan PBSD Kampar sepanjang tahun 2025 dan diteruskan pada tahun 2026.

Melalui sinergi ini, pelbagai program pembangunan bakat, klinik sukan dan kejohanan komuniti telah dilaksanakan dengan penglibatan murid sekolah rendah dan menengah, serta sokongan pihak pentadbiran sekolah dan Pejabat Pendidikan Daerah. Pendedahan awal ini membolehkan bakat baharu dikenal pasti dan seterusnya disalurkan ke peringkat lebih tinggi melalui kerjasama dengan Majlis Sukan Negeri Perak dan persatuan sukan negeri.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan program bagi tahun 2025 dan 2026 ini berjaya menyemai minat bersukan sejak usia muda, memperkukuh nilai kepimpinan dan kesukarelawanan dalam kalangan belia serta menyediakan platform pencungkil bakat baharu yang berpotensi menjadi atlet pelapis negeri dan negara.

(JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGERI PERAK)

Jawapan soalan (c)

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada soalan Yang Berhormat sama ada kerajaan bercadang membina dewan atau gelanggang tertutup baharu di kawasan DUN Keranji, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Negeri Perak, pada masa ini Kementerian Belia dan Sukan Malaysia melalui Jabatan Belia dan Sukan Negeri Perak tidak mempunyai perancangan untuk membina kemudahan baharu di kawasan tersebut.

Ini kerana di dalam Daerah Kampar telah sedia terdapat kemudahan sukan milik kementerian yang menjadi tumpuan utama iaitu Kompleks Rakan Muda Kampar dibawah seliaan pengurusan Pejabat Belia dan Sukan Daerah Kampar. Kompleks ini telah siap dibina pada tahun 2006 dan seterusnya dirasmikan pada 21 Jun 2007 oleh Paduka Seri Sultan Perak.

Kompleks ini menyediakan pelbagai fasiliti sukan umum yang boleh dimanfaatkan oleh masyarakat setempat di kawasan DUN Keranji serta sekitarnya dengan kadar caj yang minimum serta persekitaran yang lebih selesa dan kondusif bagi aktiviti riadah. Antara fasiliti dan kemudahan sedia ada di kompleks tersebut termasuk dewan serbaguna, trek balapan, astaka serta padang bola sepak, gimnasium, asrama, rumah kayak, gelanggang sukan terbuka pelbagai guna serta tempat parker yang banyak dan luas untuk kegunaan pengunjung yang datang beriadah.

Selain itu, Kompleks Rakan Muda Kampar juga telah menerima beberapa penambahbaikan dari semasa ke semasa dan sentiasa diberi perhatian untuk projek baik pulih serta naik taraf yang bersesuaian. Pendekatan ini diambil bagi memastikan kemudahan sedia ada terus berada dalam keadaan baik dan mampu memberikan perkhidmatan terbaik kepada komuniti setempat di kawasan DUN Keranji dan sekitarnya tanpa keperluan pembinaan fasiliti baharu pada masa ini.

(JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGERI PERAK)

5. 5. Perumahan dan Kebajikan Penduduk B40

(a) Sila nyatakan jumlah permohonan rumah mampu milik di kawasan Kampar dan status kelulusannya setakat Oktober 2025.

(b) Apakah usaha kerajaan negeri dalam membantu keluarga B40 yang masih menyewa rumah lama atau uzur?

(c) Adakah terdapat rancangan untuk membina projek perumahan baharu khusus bagi penjawat awam muda di Kampar?

Jawapan Soalan 5

JAWAPAN A

Untuk makluman Yang Berhormat,

Jumlah permohonan Rumah Perakku I (Rumah Kos Rendah) dan Rumah Perakku II (Kos Sederhana) yang diterima melalui sistem perumahan LPHP bagi daerah Kampar dari Januari 2021 hingga Oktober 2025 adalah 1,152 pemohon, Sebanyak 226 pemohon terdiri daripada golongan M40 manakala 926 adalah terdiri daripada golongan B40.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, buat masa ini, tiada projek baru yang dibina di daerah Kampar bagi kategori rumah kos rendah dan kos sederhana.

JAWAPAN B

Untuk makluman Yang Berhormat,

Kerajaan Negeri telah berusaha dan berhasrat agar semua golongan terutamanya golongan B40 dapat memiliki rumah pertama di Negeri Perak. Justeru Kerajaan Negeri telah membangunkan rumah mampu milik di bawah Projek Rumah Perakku melalui Lembaga Perumahan Dan Hartanah Perak (LPHP). Projek ini memberi peluang kepada golongan ini untuk memiliki rumah dengan harga yang lebih rendah daripada harga pasaran.

Terdapat 3 jenis program perumahan yang ditawarkan iaitu Rumah Perakku I (kos rendah) yang berharga maksimum RM90,000.00 sebuah, Rumah Perakku II (kos sederhana) berharga maksimum RM160,000.00 sebuah dan Rumah Perakku III (kos sederhana tinggi) dengan harga maksimum RM250,000.00 sebuah yang bertujuan untuk membantu rakyat perak memiliki rumah sendiri mengikut had pendapatan isirumah. Bagi rumah Perakku I had pendapatan isi rumah yang ditetapkan adalah tidak melebihi RM5,000.00 sebulan dan rumah Perakku II, had pendapatan isirumah bermula RM5,001.00 dan tidak melebihi RM8,000.00 sebulan manakala rumah Perakku III had pendapatan isi rumah ialah melebihi RM8,000.00 sebulan.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Dan Hartanah Perak (LPHP) telah menyediakan satu Skim baru iaitu Skim Sewa Perak Sejahtera (SSPS) bagi membolehkan golongan muda terutamanya bagi pasangan yang baru berkahwin untuk menyewa rumah dengan kadar sewa 20% lebih rendah dari kadar semasa di kawasan tersebut. Ini dapat membantu mengurangkan beban kewangan kepada golongan sasaran sebelum mereka memiliki kediaman sendiri di samping sebagai persediaan awal sebelum mereka membeli kediaman.

Bagi golongan muda yang berpendapatan di bawah RM3,860.00 atau dan tidak mampu untuk membeli rumah sendiri, mereka boleh membuat permohonan untuk tinggal secara sewa di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) yang diselenggarakan di bawah LPHP. Namun ia tertakluk di bawah syarat-syarat yang telah ditetapkan dan juga keputusan temuduga yang dijalankan. Ini bagi mengelakkan sebarang ketidakadilan dan ketelusan dalam pemilihan penyewa.

JAWAPAN C

Untuk makluman Yang Berhormat,

Setakat ini LPHP masih belum mempunyai perancangan penambahan projek perumahan baharu di Daerah Kampar. Namun begitu, berdasarkan permohonan kebenaran merancang yang diterima oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi tahun 2025, sebanyak 3 permohonan diterima melibatkan perancangan pembangunan perumahan mampu milik merangkumi 219 unit Rumah Perakku I, 336 unit Rumah Perakku II dan 687 unit Rumah Perakku III.

Soalan Dari : YB ENCIK MOHAMAD HUSAIRI BIN ARIFFIN
Ahli Dewan Undangan Negeri : (KENERING)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan negeri, adakah benar terdapat cadangan atau perancangan untuk membangunkan projek mini hidro elektrik di kawasan Lata Lalang, Felda Lawin Utara, Gerik?

SOALAN DITOLAK (PT 27(1)(C))

Soalan Dari : YB ENCIK MOHD AKMAL BIN KAMARUDIN
Ahli Dewan Undangan Negeri : (SELAMA)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. Kejadian ribut dan angin kencang yang merosakkan rumah penduduk di beberapa kawasan baru-baru ini menimbulkan persoalan terhadap kesiapsiagaan menghadapi cuaca ekstrem. Apakah langkah kerajaan negeri bagi meningkatkan kesiapsiagaan bencana tersebut?

a. Apakah bentuk bantuan jangka panjang kepada mangsa kerosakan rumah akibat ribut?

Jawapan Soalan 1

Dato' Seri Yang di-Pertua,

Kerajaan Negeri memandang serius isu hakisan pantai yang melanda Kampung Nelayan Kuala Kurau, yang telah diklasifikasikan sebagai kawasan hakisan Tahap 2. Sehubungan itu, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Perak telah mengemukakan projek mitigasi di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) yang mana telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan bagi melindungi kawasan ini daripada ancaman hakisan dan fenomena air pasang besar.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini berdepan cabaran berikutan kewujudan penempatan tidak sah di atas tanah rizab di Kampung Nelayan B yang melibatkan kira-kira 20 buah rumah, sekaligus menjejaskan jajaran asal projek. Pada masa kini, JPS Perak telah mengambil pendekatan pelaksanaan secara berfasa, melalui Projek Pembaikan Ban Pantai di Kuala Kurau dengan Fasa 1 meliputi skop pembinaan ban dan struktur kawalan hakisan di sepanjang 16.km kini sedang dilaksanakan bagi melindungi kawasan sedia ada.

Dato' Seri Yang di-Pertua,

Dalam masa yang sama, sebagai langkah jangka pendek demi keselamatan penduduk, Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Kerian telah mengenal pasti beberapa Rancangan Perkampungan Tersusun (RPT) berhampiran yang berpotensi untuk dijadikan sebagai lokasi pemindahan. Namun demikian, penyediaan infrastruktur asas perlu dilaksanakan terlebih dahulu sebelum kawasan tersebut dapat diduduki.

Bagi memastikan penyelesaian yang menyeluruh dan tersusun, PDT Kerian akan mengadakan sesi libat urus bersama penduduk terlibat serta agensi-agensi berkaitan, di samping melaksanakan bincangan bagi mendapatkan maklumat yang lebih terperinci. Langkah ini penting bagi merangka penyelesaian yang bersesuaian dalam masa terdekat. Sekiranya isu penempatan ini dapat diselesaikan dengan sewajarnya, pihak JPS Perak akan meneruskan pelaksanaan Fasa 2 bagi melengkapkan keseluruhan perlindungan kawasan Kampung Nelayan Kuala Kurau.

Kerajaan Negeri kekal komited untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan rakyat sentiasa menjadi keutamaan, di samping menjamin pelaksanaan pembangunan dilaksanakan secara terancang, selamat dan berkesan.

2. Banyak aduan telah diterima berkaitan isu kacau ganggu monyet di beberapa kawasan dalam Negeri Perak.

Masalah ini melibatkan gangguan terhadap kediaman, kerosakan tanaman serta ancaman kepada ternakan, sekali gus menimbulkan keresahan dalam kalangan petani, penternak dan masyarakat setempat.

a. Sehubungan itu, apakah perancangan pihak kerajaan dalam menangani isu kacau ganggu haiwan liar seperti monyet ini secara lebih berkesan?

Jawapan Soalan 2

MUKADIMAH

Salam Perak Sejahtera 2030,

Terima kasih Dato' Seri Yang di-Pertua atas ruang untuk saya menjawab soalan mengenai kacau ganggu kera dan monyet yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Selama bersekali dengan Yang Berhormat Kubu Gajah dan Yang Berhormat Pasir Panjang.

Untuk makluman Yang Berhormat,

Kerajaan Negeri melalui Jabatan PERHILITAN Negeri Perak memandang serius peningkatan aduan berkaitan kacau ganggu monyet di beberapa kawasan di Negeri Perak yang melibatkan keselamatan penduduk, kerosakan tanaman serta gangguan kepada ternakan.

Dalam usaha menangani isu ini secara lebih berkesan dan bersepadu, beberapa perancangan telah dan sedang dilaksanakan seperti berikut:

a) Pengukuhan operasi kawalan populasi

- i. Melaksanakan operasi tangkapan menggunakan perangkap di kawasan *hotspot* aduan.
- ii. Pelaksanaan pelupusan secara terkawal bagi kes-kes tertentu yang kritikal dan berisiko tinggi.

b) Pendidikan dan kesedaran awam

- i. Mempergiat kempen kesedaran bagi mendidik masyarakat supaya tidak memberi makanan kepada monyet kerana ia menjadi punca utama perubahan tingkah laku haiwan tersebut menjadi agresif dan bergantung kepada manusia.
- ii. Menyampaikan garis panduan pengurusan konflik hidupan liar kepada komuniti setempat.

c) Kerjasama strategik antara agensi

- i. Memperkukuh kerjasama antara PERHILITAN, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pejabat Daerah serta agensi berkaitan bagi tindakan bersepadu termasuk pengurusan sisa pepejal dan kebersihan kawasan.
 - ii. Menggalakkan penglibatan komuniti setempat dalam menyalurkan maklumat awal dan menyokong tindakan mitigasi.
- d) Seterusnya adalah **Pemantauan dan respons aduan yang lebih cekap** iaitu :-
- i. Mempertingkatkan sistem pemantauan kawasan berisiko serta mempercepatkan tindakan respons terhadap aduan awam.
 - ii. Menjalankan penilaian berkala bagi memastikan keberkesanan langkah-langkah yang dilaksanakan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat,

Kerajaan Negeri komited untuk memastikan isu kacau ganggu monyet ini ditangani secara menyeluruh dengan mengambil kira keseimbangan antara keselamatan manusia dan pemuliharaan hidupan liar.

Yang Berhormat Dato' Seri Yang di-Pertua,

Dengan adanya pendekatan bersepadu ini, Kerajaan Negeri yakin masalah gangguan kera dapat dikawal secara lebih berkesan. Pendekatan ini juga dapat mengurangkan dan mengawal populasi gangguan monyet di kawasan konflik ke tahap minimum demi memastikan keharmonian dan kesejahteraan rakyat terus terpelihara.

Sekian, terima kasih.

Soalan ini telah dijawab secara lisan pada 16 April 2026
Persidangan Ketiga Tahun Keempat Dewan Negeri Yang Kelima Belas

Soalan Dari : YB ENCIK TIW TEE SIANG
Ahli Dewan Undangan Negeri : (TRONOH)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. Apakah status terkini projek pembinaan lebuh raya WISE yang kini menjadi satu tanda tanya dan kerisauan kepada penduduk di kawasan DUN Tronoh?

Jawapan Soalan 1

1) Untuk makluman Yang Berbahagia Tronoh Perjanjian Konsesi (*Concession Agreement, CA*) telah ditandatangani di antara pihak Kementerian Kerja Raya (KKR) dan syarikat konsesi. Untuk makluman, syarat duluan - *conditions precedent, CP* dalam perjanjian konsesi telah memperuntukkan bahawa perjanjian konsesi hanya berkuat kuasa setelah syarikat berjaya memenuhi syarat duluan dalam tempoh yang ditetapkan.

Peneraju bagi projek WISE ini adalah Kementerian Kerja Raya (KKR).

2) Pihak Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) melalui surat bertarikh 3 Mac 2026 kepada Kementerian Kerja Raya (KKR) telah memberikan perlanjutan tempoh yang kedua bagi pematuhan '*Condition Precedent*' (*CP*) untuk projek Lebuh raya WISE oleh East Coast Road Sdn. Bhd.

3) Perlanjutan tempoh yang kedua ini adalah bagi tempoh 3 bulan iaitu sehingga 4 Jun 2026 yang mana kerja - kerja pembinaan lebuh raya ini hanya dapat dimulakan setelah semua syarat - syarat bagi '*Condition Precedent*' (*CP*) adalah dipatuhi.

2. Negeri Perak telah ada satu program pengangkutan bas yang baik daripada kerajaan persekutuan. Apakah perancangan kerajaan negeri untuk mengkaji semula semua laluan bas awam yang sedia ada bagi meningkatkan kadar penumpang mengikut pembangunan sektor perumahan dan komersial?

Jawapan Soalan 2

1) Kerajaan Negeri Perak mengambil maklum bahawa keberkesanan sistem pengangkutan bas awam perlu sentiasa diselaraskan dengan perkembangan semasa, khususnya pertumbuhan kawasan perumahan dan komersial.

2) Kerajaan Negeri sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan dan Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) untuk memastikan perancangan dan penyelarasan laluan bas kekal relevan serta memenuhi keperluan mobiliti rakyat, termasuk mengambil kira perkembangan kawasan baharu.

3) Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri Perak melalui Program Bas Perak Sejahtera memberi tumpuan kepada penyediaan perkhidmatan di laluan sosial, khususnya di kawasan kurang liputan, bagi memudahkan akses ke kemudahan penting dan mengurangkan kos perjalanan rakyat, tertakluk kepada kemampuan kewangan Kerajaan Negeri.

- 4) Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) berperanan sebagai badan kawal selia yang bertanggungjawab memantau serta mengurus semua aspek berkaitan pelesenan perkhidmatan pengangkutan.
 - 5) Manakala, sebarang perancangan dan pembangunan negeri adalah terletak di bawah bidang kuasa serta tindakan Kerajaan Negeri.
3. Aduan lembu dan kerbau ternakan yang merayau di kawasan taman penduduk semakin serius sehingga mengganggu ketenteraman penduduk di kawasan DUN Tronoh dan DUN yang berhampiran. Apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan negeri bagi mengendalikan aduan tersebut?

Jawapan Soalan 3

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat,

Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) mengambil tindakan penguatkuasaan secara berterusan dengan melaksanakan di bawah peruntukan Undang-undang Kecil Pelesenan Haiwan Ternakan dan Haiwan Merayau (Majlis Daerah Batu Gajah) 2012 yang sediaada. Mengikut UUK 12 (1) kompaun yang dikenakan adalah tidak melebihi RM250.00 dan UUK 13 kesalahan berulang dikenakan fi maksimum sebanyak RM1,500.00.

Manakala bagi UUK 17 Penalti Am "Seseorang yang bersalah terhadap suatu kesalahan di bawah Undang-undang Kecil ini boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit (RM2000.00) atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya"

Tambahan pula, MDBG melaksanakan sitaan sebagai pendekatan terakhir dengan menyita haiwan secara terus dan kaedah lelongan awam secara sebut harga yang ditawarkan kepada penternak di luar daerah dan penjual daging sahaja.

Bagi tahun 2026, MDBG telah melaksanakan 4 kali operasi dengan jumlah tangkapan sebanyak 5 ekor (kerbau dan lembu).

Inisiatif terkini MDBG dalam pengurusan aduan haiwan merayau adalah seperti berikut:-

- a. Pelaksanaan operasi bersepadu secara besar-besaran dengan menumpukan kepada kandang-kandang haram. Kerjasama baik ini akan dilaksanakan bersama Pejabat Daerah dan Tanah Kinta (Batu Gajah), Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak, Polis Diraja Malaysia dan wakil-wakil jawatankuasa penduduk dan taman sekitar kawasan pentadbiran MDBG.
- b. Lantikan syarikat veterinar swasta untuk meningkatkan kecekapan dan memastikan operasi dapat dilaksanakan mengikut SOP dan pihak syarikat perlu memiliki lesen yang sah dan dalam tempoh yang ditetapkan.
- c. Pelaksanaan pemetaan aduan dengan memplotkan koordinasi dan pemadanan data lokasi aduan dengan lokasi kandang haiwan ternakan menggunakan sistem GIS.
- d. Memperkasakan tatacara dan kelulusan penggunaan ubat pelali iaitu dengan cara penyimpanan serta rekod penggunaan dipantau oleh pihak JPV.

SOALAN-SOALAN BERTULIS

1. Sila senaraikan kerja-kerja penurapan jalan, melukis semula garisan jalan dan sistem perpartian yang bakal dilakukan di kawasan DUN Tronoh sehingga bulan Jun 2026.

Jawapan Soalan 1

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat,

Senarai kerja-kerja penurapan jalan, melukis semula garisan jalan dan sistem perparitan yang akan dilaksanakan di kawasan DUN Tronoh oleh Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG):

1. Menaik Taraf Dan Membaik Pulih Longkang di Jalan Keretapi Pusing, MD Batu Gajah;
2. Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Taman Pusing Baru (Jalan Melati 1 Sehingga Jalan Melati 12) Serta Kerja-Kerja Berkaitan MDBG;
3. Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Taman Tronoh Hijau Serta Kerja-Kerja Berkaitan, MD Batu Gajah;
4. Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Di Jalan Manggis Dan Jalan Langsung Taman Changkat Serta Kerja-Kerja Berkaitan;
5. Kerja-Kerja Membaik Pulih Longkang Di Lorong Belakang Persiaran Bunga Raya 1 Dan Persiaran Bunga Raya 2 Serta Kerja-Kerja Berkaitan;
6. Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Laluan Indah 1 Dan Laluan Indah 3 Serta Kerja-Kerja Berkaitan;
7. Kerja-Kerja Pembersihan Monsoon Drain Di Laluan Permai 3A, Taman Bemban Permai, MD Batu Gajah;
8. Kerja-Kerja Pembersihan Monsoon Drain Di Lorong Bemban, Kawasan Perindustrian Bemban, MD Batu Gajah;
9. Kerja-Kerja Pembersihan Monsoon Drain Di Persiaran BG Perdana 1, Taman Batu Gajah Perdana, MD Batu Gajah;
10. Kerja-Kerja Pembersihan Monsoon Drain Di Laluan Tronoh Universiti 1 Dan Laluan Tronoh Universiti 5, Taman Tronoh Universiti Dan Persiaran Tronoh Akasia 1, Taman Tronoh Akasia, MD Batu Gajah;
11. Kerja-Kerja Membaikpulihan Longkang Di L/B Jalan Melati 3 & 6 Taman Pusing Baru, Jalan Ria 5 Taman Pusing Ria Dan L/B Laluan Harmoni 2A, Taman Saujana Harmoni Berserta Kerja-Kerja Berkaitan, MDBG;
12. Kerja-Kerja Membaikpulihan Longkang Dan Sinkhole Di RPA Siputeh, Jalan Utama Masuk Kinta Perdana 2 Taman Kinta Perdana Serta Kerja-Kerja Berkaitan, MDBG;
13. Kerja-Kerja Membaikpulihan Jalan Dan Longkang Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Di Laluan Bemban Harmoni 20, RPT Bemban, MDBG;
14. Kerja-Kerja Membaikpulihan Sinkhole Di Persiaran Bemban Raya 15, Taman Bemban Raya Serta Kerja- Kerja Berkaitan, MDBG.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, berikut adalah senarai kelulusan kerja Tahun 2026 sehingga April 2026 bagi Penyelenggaraan Berkala di Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri seliaan JKR bawah kawasan DUN Tronoh:-

Bil.	Nama Laluan	No. Laluan	Seksyen		Perihal Kerja
1	Jalan Jelapang - Ipoh - Ayer Tawar	FT005	687.00	688.00	Mill & Pave dan lain-lain kerja berkaitan
2	Jalan Jelapang - Ipoh - Ayer Tawar	FT005	681.00	683.00	Mill, Regulate & Pave dan lain-lain kerja berkaitan
3	Jalan Jelapang - Ipoh - Ayer Tawar	FT005	682.00	684.00	Mill, Regulate & Pave dan lain-lain kerja berkaitan
4	Jalan Jelapang - Ipoh - Ayer Tawar	FT005	679.00	681.00	Mill, Regulate & Pave dan lain-lain kerja berkaitan
5	Jalan Bemban	FT3152	1.50	2.50	Mill, Regulate & Pave dan lain-lain kerja berkaitan
6	Jalan Bemban	FT3152	0.000	1.000	Kerja mengecat semula garisan jalan Thermoplastic yang pudar menggunakan All Weather Thermoplastic (AWT) dan lain-lain kerja berkaitan

7	Jalan Jelapang - Ipoh - Ayer Tawar	FT005	673.900	709.700	Kerja mengecat semula road kerb & median kerb yang pudar dan lain-lain kerja berkaitan
8	Jalan Jelapang - Ipoh - Ayer Tawar	FT005	691.00		Kerja menaiktaraf longkang untuk mengatasi banjir dan kerja-kerja berkaitan
9	Jalan Siputeh - Batu Hampar	FT073	44.900		Kerja menaiktaraf pembentng bagi mengatasi banjir dan lain-lain kerja berkaitan
10	Jalan Jelapang - Ipoh - Ayer Tawar	FT005	678.500		Menggantikan expansion joint yang rosak dan kerja-kerja berkaitan
11	Jalan Batu Gajah - Bypass	A108	2.10	2.80	Kerja Menyenggara Permukaan Jalan Dan Kerja-kerja Berkaitan (Localised)

2. Berhubung insiden kematian ternakan di kawasan berhampiran Tronoh yang dipercayai berdekatan dengan sisa pembuangan haram, apakah hasil siasatan, langkah perbersihan sisa di mana sampel telah diambil oleh Jabatan Alam Sekitar dan langkah pencegahan bagi memastikan perkara sama tidak berlaku di Tronoh?

Jawapan Soalan 2

No. Rujukan : 26772 (Tronoh) (Bertulis)

Salam Sejahtera,

Untuk makluman Yang Berhormat Tronoh,

Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menjalankan siasatan di lokasi aduan pada 9 November 2025 bersama beberapa agensi berkaitan, antaranya Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pejabat Kesihatan Daerah Kinta, Jabatan Lesen dan Penguatkuasaan Majlis Daerah Batu Gajah, Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Perak, Jabatan Veterinar serta Pejabat Penghulu Tronoh Baru, dengan kehadiran pengadu bagi menunjukkan lokasi kejadian kematian lembu dan kawasan pelupusan buangan.

Hasil pemeriksaan mendapati terdapat buangan yang disyaki sebagai buangan terjadual di atas permukaan tanah serta ditanam di dalam tanah di empat (4) lokasi, Semakan dengan Pejabat Tanah Daerah Kinta mendapati buangan tersebut berada di atas Lot 70008, Lot 102430 dan juga rizab kerajaan.

Pemeriksaan lanjut turut menemukan label pada jumbo beg yang menunjukkan label industri yang tersebut. Sampel telah diambil dari empat (4) lokasi berkenaan dan analisis diperolehi dari Jabatan Kimia mendapati ia merupakan kod buangan terjadual SW104 dan SW204.

Susulan itu, JAS telah menjalankan siasatan lanjut di premis-premis terlibat dan kertas siasatan sedang disediakan untuk pendakwaan di bawah Seksyen 34B, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127). Pemilik tanah juga akan dipanggil untuk menglenkapkan siasatan.

Pemilik tanah disyorkan untuk pemasangan pagar, papan tanda larangan dan pencahayaan untuk memastikan kawasan mereka tidak disalahgunakan sebagai lokasi pembuangan haram.

Sekian, terima kasih.

3. Apakah pelan tindakan kerajaan negeri bagi membangunkan Kawasan Perindustrian Bemban 1, 2 dan 3 yang kini masih mempunyai banyak tanah yang masih tidak dibangunkan?

Jawapan Soalan 3

Untuk makluman Yang Berhormat Tronoh,

Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPk) telah membangunkan kawasan Estet Perindustrian Bemban, Mukim Sungai Terap, Daerah Kinta diatas hartanah seluas lebih kurang 305.40 ekar yang telah dilaksanakan secara berfasa tertakluk kepada kelulusan hartanah oleh Kerajaan Negeri.

Fasa Pertama (1)

- Hartanah seluas 216.8 ekar telah diluluskan kepada PKNPk bagi tujuan tapak perusahaan (lot-lot industri) pada tahun 1990an.
- PKNPk telah selesai melaksanakan pembangunan kerja – kerja infrastruktur utama bagi penyediaan 44 lot industri.
- Lebih kurang 95% lot telah dibangunkan oleh pelabur industri. Baki lot yang masih belum dibangunkan adalah dibawah tanggungjawab pihak pelabur kerana surat hakmilik telah dipindahmilik.

Fasa Kedua (2)

- Hartanah seluas 58.9 ekar telah diluluskan kepada PKNPk bagi tujuan tapak perusahaan (lot-lot industri) pada 3 Ogos 2001.
- Hartanah telah dipecah bahagi lot – lot industri kepada 33 lot industri.
- 6 lot (9.3728 ekar) telah dijual/dipindahmilik kepada syarikat Smart Paints Manufacturing Sdn. Bhd. bagi pembinaan kilang memproses cat yang telah siap dibangunkan.
- 2 lot (5.1482 ekar) telah dijual/dipindahmilik kepada syarikat Kumpulan Awambina Sdn. Bhd. bagi tujuan pembinaan sebuah kilang dan bengkel tetapi masih belum dibangunkan.
- 25 lot (44.335 ekar) telah dijual/dipindahmilik kepada Proffesional Latex Sdn. Bhd. Bagi tujuan pembinaan kilang sarung tangan getah tetapi masih belum dibangunkan.

Fasa Ketiga (3)

- Hartanah seluas lebih kurang 1.8 ekar telah diluluskan kepada PKNPk bagi tujuan tapak perusahaan – industri kecil dan sederhana pada 4 November 2020.
- PKNPk melalui Perak Industrial Resources Sdn. Bhd. sedang membangunkan 10 unit kilang berkembar 1 ½ tingkat. Peratus kemajuan kerja 38% dan dijangka akan disiapkan pada hujung tahun 2026 ini.

4. Apakah pelan tindakan Tourism Perak bagi merencanakan sektor pelancongan di kawasan DUN Tronoh?

Jawapan Soalan 4

Untuk makluman Yang Berhormat Tronoh,

Kerajaan Negeri melalui Tourism Perak melaksanakan pembangunan sektor pelancongan di kawasan Tronoh melalui pendekatan kluster, di mana kawasan ini berada di bawah Kluster Ipoh–Batu Gajah–Kampar–Kuala Kangsar (Greater Ipoh).

Melalui pendekatan ini, pelaksanaan program dan aktiviti pelancongan dilaksanakan secara bersepadu dalam kluster berkenaan, sekali gus membolehkan kawasan seperti Tronoh turut menerima kesan limpahan daripada kehadiran pelancong ke destinasi berhampiran.

Dalam masa yang sama, kerjasama turut dijalinan dengan pihak berkaitan seperti Majlis Daerah Batu Gajah serta Universiti Teknologi PETRONAS (UTP) dalam mengenal pasti dan mengetengahkan produk pelancongan yang berpotensi di kawasan ini. Antara tarikan yang dikenal pasti termasuk Geological Rock Garden yang mempunyai keunikan landskap geologi serta Masjid An-Nur UTP yang turut disenaraikan dalam Jejak Masjid Negeri Perak.

Di samping itu, Memory Lane Tronoh merupakan antara inisiatif acara setempat yang menyumbang kepada tarikan pengunjung melalui konsep bazar hujung minggu yang menampilkan gerai makanan, jualan produk tempatan serta suasana santai yang mesra pengunjung.

Bulan lalu, Tourism Perak turut memuatnaik satu hebahan melalui platform media sosial rasmi bagi memperkenalkan dan mempromosikan Memory Lane Tronoh kepada orang ramai. Liputan ini meningkatkan kesedaran terhadap acara dan kawasan tersebut serta menyumbang kepada peningkatan kehadiran pengunjung.

Pendekatan yang dilaksanakan ini bukan sahaja membantu meningkatkan keterlihatan kawasan Tronoh sebagai destinasi pelancongan, malah turut memberi manfaat kepada komuniti setempat melalui peluang perniagaan dan peningkatan aktiviti ekonomi.

5. Apakah status penambahan lampu jalan di kawasan yang gelap and berliku di seksyen 687 Lebuhraya Ipoh-Lumut?

Jawapan Soalan 5

Untuk makluman Yang Berhormat,

Pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) sentiasa prihatin terhadap isu keselamatan di laluan tersebut. Untuk makluman, permohonan peruntukan bagi pemasangan lampu jalan baharu telah pun diangkat ke peringkat **Ibu Pejabat JKR Malaysia (Kuala Lumpur)** melalui surat rasmi bertarikh **31 Oktober 2025**. Permohonan tersebut telah mengambil kira keperluan kritikal di **Laluan FT005 (Jalan Ipoh–Lumut)**, khususnya di **Seksyen 686 hingga 688, Daerah Kinta**, yang merangkumi kawasan di Seksyen 687 seperti yang dibangkitkan.

Pihak JKR komited untuk memulakan kerja-kerja pemasangan lampu jalan tersebut dengan kadar segera **sebaik sahaja kelulusan peruntukan diterima** daripada pihak Kementerian/Ibu Pejabat.

Sebagai langkah jangka pendek, JKR akan terus memantau keadaan perabot jalan seperti garisan jalan sedia ada bagi memastikan tahap keselamatan pengguna jalan raya di kawasan tersebut terpelihara.

Soalan Dari : YB ENCIK ZAFARULAZHAN BIN ZAN
Ahli Dewan Undangan Negeri : (KAMPONG GAJAH)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. Apakah program sokongan psikososial yang disediakan kepada petugas kesihatan.
2. Adakah kerajaan negeri telah berbincang dengan KKM bagi menambah penempatan pegawai perubatan di hospital utama negeri.

Jawapan Soalan 1

JAWAPAN : (1)

Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Perak amat menitikberatkan kesejahteraan mental dan emosi para petugas kesihatan yang merupakan tulang belakang sistem penyampaian perkhidmatan awam. Di negeri Perak, bilangan pakar psikiatri keseluruhannya di institusi dan hospital-hospital KKM di Negeri Perak adalah seramai 39 orang seperti perincian berikut:

1. Hospital Bahagia Ulu Kinta: 14 orang (ini termasuk Pengarah hospital dan Timbalan Pengarah (Perubatan))
2. Hospital Raja Permaisuri Bainun: 8 orang
3. Hospital Taiping: 6 orang
4. Hospital Teluk Intan: 4 orang
5. Hospital Seri Manjung: 4 orang
6. Hospital Slim River: 3 orang

Bagi memastikan kesihatan mental mereka sentiasa berada pada tahap optimum, beberapa program sokongan psikososial yang komprehensif telah dilaksanakan secara berterusan:

1.Saringan Minda Sihat: Melalui Program KOSPEN **WOW (Wellness Of Workers)**, saringan kesihatan mental untuk mengesan keresahan dan kemurungan, menggunakan Ujian GAD-7 dan Whooley dilaksanakan secara tahunan kepada petugas kesihatan JKN Perak.

2.Intervensi Minda Sihat: Lanjutan daripada saringan tersebut, petugas kesihatan yang menunjukkan skor sederhana, teruk & sangat teruk akan dirujuk ke Kaunselor / Pegawai Psikologi / Pegawai Perubatan / Pakar Perubatan Kesihatan Keluarga / Pakar Psikiatri untuk intervensi khusus.

Intervensi umum seperti bengkel pengurusan stres, teknik relaksasi, pengurusan kemarahan, komunikasi berkesan dan penyelesaian masalah serta program kerohanian turut dilaksanakan secara berkala dan melibatkan seluruh petugas kesihatan bagi memupuk budaya kerja yang sihat serta meningkatkan daya tahan (resilience) petugas kesihatan.

3.Sudut Minda Sihat: Menyediakan sudut / ruangan yang sesuai dan dilengkapi dengan kemudahan / aktiviti bagi merehatkan minda petugas kesihatan di tempat kerja. Antara aktiviti yang boleh dilakukan bagi melepaskan stress adalah senaman ringan, mendengar muzik, melakukan urutan leher dan bahu dan membaca bahan-bahan promosi berkaitan kesihatan mental.

4.Promosi & Advokasi:

i) Pasukan Mental Health and Psychosocial Support (MHPSS)

Pasukan ini diwujudkan di setiap 15 Hospital dan 12 Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) di seluruh negeri Perak. Antara peranan utama mereka termasuklah Intervensi Krisis, iaitu memberikan bantuan awal psikologi (Psychological First Aid - PFA) sekiranya berlaku kejadian trauma atau bebanan kerja luar biasa di sesuatu fasiliti.

ii) Sesi 'briefing & debriefing' kepada Pasukan Mobilisasi turut dilaksanakan sebelum dan selepas petugas kesihatan diarah menjalankan tugas luar kawasan, seperti membantu mangsa bencana banjir di Kelantan dan membantu Pasukan COVID-19 di Sabah / Sarawak bagi memastikan kesiapsiagaan mental, perkongsian pengalaman serta pengurusan emosi yang lebih berkesan.

iii)Perkhidmatan Talian Sokongan Psikososial (Talian HEAL 15555)

KKM menyediakan talian sokongan khusus yang dikendalikan oleh Pegawai Psikologi & Kaunseling. Talian ini memberi ruang kepada petugas kesihatan untuk meluahkan tekanan kerja atau masalah peribadi secara sulit dan profesional tanpa perlu merasa stigma.

Kerajaan Negeri melalui JKN Perak komited untuk memastikan tiada petugas kesihatan yang terabai dari sudut kebajikan mental mereka. Pemantauan berkala akan terus dijalankan bagi memastikan persekitaran kerja di Hospital dan Klinik Kesihatan seluruh negeri Perak kekal kondusif dan menyokong kesihatan holistik setiap petugas kesihatan.

JAWAPAN (2) :

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah sedia maklum akan keperluan optimum bilangan Pegawai Perubatan yang diperlukan di Negeri Perak berdasarkan maklum balas keperluan sumber manusia dan penghantaran reten perjawatan secara bulanan yang dikemukakan oleh Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Perak.

Penambahan bilangan Pegawai Perubatan di semua hospital, khususnya hospital berpakar, diperlukan setiap tahun bagi memenuhi peningkatan beban kerja akibat pertumbuhan populasi, kompleksiti penyakit dan perluasan perkhidmatan perubatan di dalam usaha meningkatkan mutu perkhidmatan dan kemudahan rawatan kepada komuniti.

Setiap tahun, Negeri Perak menerima penambahan waran perjawatan hakiki dan penempatan secara kontrak bagi Pegawai Perubatan di hospital-hospital dari KKM, namun ia masih tidak dapat memenuhi keperluan optimum. Isu ini dihadapi di semua negeri dan agihan penempatan Pegawai Perubatan bagi setiap negeri diputuskan oleh KKM mengikut had kelulusan sumber manusia yang diluluskan kepada KKM oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada setiap tahun.

JKN Perak akan terus berusaha dan berbincang dengan pihak KKM agar penambahan bilangan Pegawai Perubatan di Perak berada di tahap maksimum yang boleh dicapai pada setiap tahun khususnya di hospital berpakar.

Sehingga hujung Februari 2026, terdapat 106 kekosongan perjawatan hakiki pegawai perubatan di hospital-hospital KKM di Negeri Perak. Merujuk kepada *Health Facts 2025*, terbitan Pusat Informatik Kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia, **nisbah doktor kepada pesakit di Malaysia adalah sebanyak 1 doktor : 403 orang. Di negeri Perak, nisbah doktor kepada 1000 populasi penduduk adalah 1: 466.**

Perincian data menunjukkan negara Malaysia dan Singapura berada pada tangga teratas. Secara perbandingan kadar nisbah di negara-negara jiran adalah seperti berikut :

1. Indonesia – 1 : 1400
2. Singapura – 1 : 350
3. Filipina – 1: 1250
4. Thailand – 1 : 900
5. Vietnam – 1 : 700
6. Myanmar – 1 : 1250

Sumber : Doctors And Nurses : Health at a Glance : Asia/Pacific 2024/OECD & The Global Economy

2. Apakah status Program Kesejahteraan MADANI (SejaTi MADANI) di Negeri Perak? Berapakah projek yang telah diluluskan dan siap sepenuhnya?

SOALAN DITOLAK (persekutuan)

3. Apakah tindakan pihak kerajaan terhadap pemaju perumahan yang gagal menyiapkan projek mengikut jadual, menghasilkan kualiti pembinaan yang tidak memuaskan serta bersikap lepas tangan terhadap projek sakit, termasuk peratusan projek terlibat dan langkah penguatkuasaan yang diambil bagi melindungi kepentingan pembeli.

Jawapan Soalan 3

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat,

Kerajaan Negeri melalui LPHP sentiasa mengambil pendekatan menyeluruh dalam menangani isu pemaju perumahan yang gagal menyiapkan projek mengikut jadual serta isu pemaju yang mengabaikan projek perumahan yang telah diisytiharkan sebagai projek sakit.

LPHP telah melaksanakan pemantauan rapi melalui pengwujudan Jawatankuasa Kecil Pemantauan Projek Sakit dan Pemulihan Projek Terbengkalai (JKPSPT) yang dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Perak. Jawatankuasa ini berperanan sebagai platform untuk membincangkan langkah penyelesaian serta merangka langkah pemantauan dan pemulihan projek sakit dan terbengkalai.

Selain itu, LPHP turut bekerjasama dengan Jabatan Perumahan Negara (JPN) dalam usaha melantik pemaju penyelamat bagi membolehkan projek disambung semula. Walau bagaimanapun, dari aspek penguatkuasaan, tindakan terhadap pemaju seperti pengenaan kompaun, pendakwaan dan senarai hitam adalah dibawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan melalui JPN selaras dengan peruntukan Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118).

Pendekatan bersepadu ini bertujuan memastikan projek dapat disiapkan mengikut perancangan serta melindungi kepentingan pembeli daripada terus menanggung kerugian.

Soalan Dari : YB TUAN HAJI RAZMAN BIN ZAKARIA
Ahli Dewan Undangan Negeri : (GUNONG SEMANGGOL)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. Hal Ehwal FELDA

- (a) Berapakah jumlah keseluruhan hutang FELDA terhadap Kerajaan Negeri Perak sehingga tarikh terkini, termasuk butiran pecahan hutang mengikut kategori (hutang pokok, faedah, dan caj lain jika ada)?
- (b) Apakah langkah-langkah konkrit yang telah atau sedang diambil oleh Kerajaan Negeri Perak bagi menyelesaikan isu hutang ini, termasuk sebarang perjanjian penstrukturan semula hutang, jadual pembayaran yang ditetapkan, atau mekanisme penyelesaian lain yang telah dipersetujui bersama pihak FELDA dan Kerajaan Persekutuan?

SOALAN DITOLAK (PT 24(2))

2. Penggunaan Tanah di Negeri Perak

- (a) Berapakah jumlah keseluruhan keluasan tanah Negeri Perak yang telah diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan di bawah peruntukan Akta GSA, dan di manakah lokasi-lokasi tanah tersebut?
- (b) Berapakah keluasan tanah (dalam ekar atau hektar) yang kini dipegang dan diuruskan oleh setiap agensi di bawah Akta GSA, khususnya FELDA dan FELCRA, beserta butiran daerah atau kawasan yang terlibat di Negeri Perak?

Jawapan Soalan 2

Dato' Seri Yang di-Pertua,

Yang Berhormat Gunung Semanggol telah bertanyakan berkenaan keluasan tanah yang diserahkan oleh Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan di bawah Akta GSA khusus bagi FELDA dan FELCRA beserta butiran berkenaannya di negeri Perak.

Untuk makluman Yang Berhormat, Akta Penempatan Berkelompok 1960 atau Group Settlement Area Act 1960 yang lebih dikenali sebagai Akta GSA 1960 diwujudkan untuk menyediakan satu kerangka undang-undang yang jelas bagi pembangunan, pengurusan dan kawalan tanah secara berkelompok demi kepentingan sosioekonomi rakyat, khususnya di kawasan luar bandar. Akta ini diimplementasikan melalui kerjasama strategik yang melibatkan kerjasama antara Kerajaan Negeri sebagai pihak yang menyediakan tanah, Kerajaan Persekutuan sebagai pihak yang mengurus dan membangunkan tanah, dan rakyat sebagai penerima manfaat. Tujuan utama pembangunan di bawah akta ini adalah untuk menyediakan kediaman serta menjamin sumber pendapatan yang stabil kepada peserta melalui aktiviti pertanian secara berkelompok. Melalui sistem pengurusan ladang secara berpusat, peserta dapat menikmati pulangan dividen serta manfaat ekonomi yang berterusan tanpa mengetepikan hak pemilikan tanah. Pendekatan ini bukan sahaja menjadikan pembangunan lebih sistematik, malah berupaya memaksimumkan skala ekonomi serta meminimumkan risiko kegagalan individu.

Dato' Seri Yang di-Pertua,

Bagi menjawab persoalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Gunung Semanggol, kawasan GSA di negeri Perak yang diuruskan oleh FELCRA dan FELDA adalah seluas 35,214.18 hektar dengan pecahan seluas 7,190.65 hektar di bawah FELCRA dan selebihnya iaitu 28,023.53 hektar di bawah pengurusan FELDA. Bagi FELCRA, tanah-tanah GSA telah dipecahkan kepada dua (2) kumpulan iaitu Kawasan GSA Ladang Berpenempatan Peserta dan Kawasan GSA Ladang Tiada Penempatan. Bagi Kawasan GSA Ladang Berpenempatan Peserta, terdapat enam (6) penempatan dengan keluasan 4,953.20 hektar iaitu Rancangan Tanah Belia Lekir di daerah Manjung (459.19 hektar), Rancangan Tanah Belia Nasaruddin Belia di daerah Perak Tengah (286.61 hektar), Rancangan Tanah Belia Seberang Perak di daerah Perak Tengah (2,535.68 hektar),

Program Penempatan Semula Kampung (PPSK) Sungai Durian di daerah Kinta (177.46 hektar), PPSK Serigala di daerah Muallim (1,153.71 hektar) dan PPSK Changkat Sulaiman di daerah Batang Padang (340.55 hektar). Bagi Kawasan GSA Ladang Tiada Penempatan pula, terdapat empat (4) ladang dengan keluasan keseluruhan 2,237.45 hektar iaitu Projek Sungai Malau di daerah Larut Matang dan Selama (195.73 hektar), Projek Kledang Sayong di daerah Kuala Kangsar (271.47 hektar), Projek Kampung Kurnia Fasa 1 dan 2 di daerah Manjung (764.20 hektar) dan Projek Nasaruddin Pemulihan, daerah Perak Tengah (1,006.05 hektar). Bagi FELDA pula, terdapat 17 kawasan Rancangan FELDA dengan keluasan keseluruhan di empat (4) daerah seluruh Perak yang memberi manfaat ekonomi secara langsung kepada seramai 5,918 orang peneroka. Daerah Batang Padang mempunyai enam (6) kawasan Rancangan Felda dengan keluasan 11,226.04 hektar, Daerah Kuala Kangsar mempunyai (5) kawasan dengan keluasan 8,072 hektar, Daerah Muallim mempunyai empat (4) kawasan dengan keluasan 6,133.04 hektar, dan Daerah Hulu Perak mempunyai dua (2) kawasan dengan keluasan 2,592.45 hektar.

Dato' Seri Yang di-Pertua,

Secara dasarnya, dalam konteks pelaksanaan Akta GSA 1960, Kerajaan Negeri tidak menyerahkan tanah kepada Kerajaan Persekutuan sebaliknya pelupusan tanah dilaksanakan kepada peserta terlibat dan Kerajaan Negeri masih menerima hasil melalui Cukai Tanah Berulang. Pelaksanaan Akta GSA 1960 ini merupakan satu kerjasama strategik antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan, di mana Kerajaan Negeri menyediakan tanah, manakala Kerajaan Persekutuan melalui agensi seperti FELCRA dan FELDA menyediakan peruntukan pembangunan. Kerjasama ini bukan sahaja dapat menangani isu tanah terbiar, malah memastikan pemajuan tanah tersebut memberi pulangan ekonomi yang mampan kepada semua pihak serta mengoptimumkan sumber bagi memastikan kebajikan rakyat terjaga.

Soalan ini telah dijawab secara lisan pada 20 April 2026

Persidangan Kelima Tahun Keempat Dewan Negeri Yang Kelima Belas

3. Sekuriti Makanan Negeri Perak

(a) Berapakah jumlah pengeluaran benih padi oleh kilang benih di Negeri Perak dalam setahun dan adakah ia mencukupi berbanding keperluan penanaman padi di negeri tersebut atau masih bergantung kepada sumber luar?

(b) Nyatakan berapakah keluasan tanah sawah di kawasan Kerian yang telah atau sedang menjalani proses pengapuran (liming) bagi tujuan meningkatkan tahap pH tanah dan menaikkan hasil pengeluaran padi?

Jawapan Soalan 3

Untuk makluman YB,

Jumlah kuota pengeluaran benih padi oleh kilang benih di Negeri Perak yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dalam setahun adalah sebanyak 10,800 metrik tan. Kuota ini telah disenarai pendek hanya untuk tiga pengeluar benih iaitu Kilang Beras Bagan Serai, FELCRA Plantation Services Sdn Bhd dan Pertubuhan Peladang Negeri Perak. Bagi tahun 2025 jumlah pengeluaran benih padi oleh pengeluar benih padi di Perak adalah sebanyak 16,813 tan metrik iaitu melebihi kuota yang telah ditetapkan.

Di Negeri Perak keluasan bertanam bagi tanaman padi ialah seluas 37,410 ha semusim yang memerlukan sebanyak 5,237 metrik tan benih padi semusim bersamaan 10,474 metrik tan setahun. Berdasarkan pengeluaran benih padi yang dikeluarkan oleh kilang benih padi di Negeri Perak ianya adalah mencukupi bagi penanaman padi bagi tempoh satu tahun.

Pelaksanaan projek pengapuran (liming) di kawasan sawah IADA Kerian telah dilaksanakan secara berperingkat bagi meningkatkan tahap pH tanah serta produktiviti hasil pengeluaran padi. Sehingga kini, keluasan kawasan yang telah dan sedang menjalani proses pengapuran adalah seperti berikut:

Tahun 2024: seluas 4,000 hektar

Musim 1 Tahun 2025: seluas 4,362 hektar

Musim 2 Tahun 2025: seluas 2,000 hektar

Jumlah keseluruhan bagi tahun 2024 hingga 2025 adalah sebanyak **10,362 hektar**.

Secara kumulatif bagi tempoh 2021 hingga 2025, keluasan pengapuran yang telah dilaksanakan adalah sebanyak 15,360 hektar, iaitu 84.48% daripada keseluruhan keluasan sawah di IADA Kerian seluas 18,182 hektar.

Bagi tahun 2026, peruntukan pengapuran yang diluluskan adalah seluas 6,000 hektar. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,807 hektar telah siap dilaksanakan di Kompartmen C, Wilayah Kerian Laut, iaitu 30.12% daripada sasaran tahun 2026. Baki kawasan pengapuran akan diteruskan ke Wilayah Kerian Darat dan dijangka siap sepenuhnya pada Jun 2026.

Sehingga pelaksanaan semasa tahun 2026, jumlah keseluruhan kawasan yang telah siap dilaksanakan pengapuran adalah sebanyak 17,167 hektar, bersamaan 94.42% daripada keseluruhan keluasan sawah di IADA Kerian.

Tujuan pelaksanaan pengapuran ini adalah dapat meningkatkan kesuburan tanah, menstabilkan tahap pH tanah sawah seterusnya meningkatkan hasil pengeluaran dan produktiviti padi di kawasan terlibat.

Untuk makluman YB, keluasan kawasan yang terlibat dalam kerja-kerja pengapuran di bawah kendalian PPN Jentera bagi kawasan IADA Kerian adalah seluas 6,000 hektar, dengan tempoh pelaksanaan bermula dari bulan Mac hingga Jun.

Daripada jumlah tersebut, seluas 1,800 hektar sedang menjalani kerja pengapuran di kawasan Kerian Laut (Kuala Kurau) dengan menggunakan kapur cecair. Manakala baki seluas 4,200 hektar di kawasan Kerian Darat masih belum dimuktamadkan jenis kapur yang akan digunakan dan pelaksanaan kerja dijangka akan bermula pada pertengahan bulan April.

SOALAN-SOALAN BERTULIS

1. Berapakah bilangan sekolah rendah dan menengah di Negeri Perak yang masih kekurangan kemudahan asas seperti internet berkelajuan tinggi, makmal komputer berfungsi, dan bilik darjah yang kondusif, serta apakah pelan

tindakan kerajaan negeri bagi menangani masalah ini dalam tempoh dua tahun akan datang?

Jawapan Soalan 1

Berapakah bilangan sekolah rendah dan menengah di Negeri Perak yang masih kekurangan kemudahan asas seperti internet berkelajuan tinggi, makmal komputer berfungsi, dan bilik darjah yang kondusif

- Tiada sekolah yang tercicir
- Perkhidmatan internet sekolah dibekalkan melalui Kontrak Perkhidmatan Internet Bagi Agensi dan Sekolah JPN Perak bagi tempoh 1 tahun bermula 1 Julai 2025 hingga 30 Jun 2026.
- Sebanyak 1,104 buah sekolah telah dipasang talian internet menggunakan teknologi seperti berikut:
 - Fiber – 1,044 sekolah (94.5%) dengan kelajuan 300Mbps - 2Gbps
 - Broadband- 41 sekolah (3.7%) dengan kelajuan 30Mbps
 - Satelit – 19 sekolah (1.7%) dengan kelajuan 100Mbps
- Semua Makmal Komputer sekolah juga telah dilengkapi dengan peralatan ICT (laptop, projektor, pencetak) melalui Kontrak Sewaan Perkhidmatan Peralatan ICT Untuk Kegunaan PdP di Makmal Komputer Sekolah KPM.
- Tindakan yang telah diambil atau sedang berjalan/ dilaksanakan dalam penyediaan bilik darjah yang kondusif adalah seperti berikut:-
 - Pelaksanaan program menangani isu sekolah berkepadatan tinggi - pembinaan bilik darjah tambahan (aliran perdana)
 - Projek pembinaan bangunan tambahan baru
 - Projek pembinaan sekolah baharu
 - Program pembinaan bangunan modular dan IBS
 - Projek Ubah Suai dan Naik Taraf (USNT) Institusi Pendidikan KPM

Apakah pelan tindakan kerajaan negeri bagi menangani masalah ini dalam tempoh dua tahun akan datang?

- JPN Perak juga dalam pelaksanaan perolehan perkhidmatan internet untuk tempoh 3 tahun bermula 1 Julai 2026 hingga 30 Jun 2029. JPN menyasarkan penggunaan internet teknologi fiber yang berkelajuan tinggi (800Mbps-2Gbps) meningkat kepada 99% dalam tempoh 2 tahun pelaksanaan kontrak baharu ini.

2. Apakah langkah-langkah proaktif yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bersama Polis DiRaja Malaysia (PDRM) untuk mengurangkan kadar jenayah di kawasan hotspot, termasuk program komuniti, pemasangan kamera CCTV, atau rondaan bersepadu yang sedang atau akan dilaksanakan?

Jawapan Soalan 2

Untuk makluman Yang Berhormat Gunung Semanggol, antara langkah proaktif yang telah dilaksanakan oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dalam membanteras dan mengurangkan peningkatan kadar jenayah di kawasan hotspot adalah seperti berikut:-

- i. Meningkatkan rondaan Unit Kereta Peronda (MPV) dan Unit Rondaan Bermotosikal (URB);
- ii. Sentiasa mengadakan sekatan jalan raya;
- iii. Memupuk kesedaran masyarakat dalam menyalurkan maklumat kepada pihak berkuasa;
- iv. Mengadakan kempen kesedaran kepada masyarakat tentang bahaya jenayah; dan
- v. Mengadakan perjumpaan polis dengan masyarakat.

Selain itu, PDRM turut bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dan komuniti setempat dalam melaksanakan program pencegahan jenayah sepertimana berikut:

- i. Mengadakan program secara bersama di peringkat rukun tetangga;
- ii. Menjemput agensi Anti Dadah Kebangsaan (ADDK) untuk menyampaikan ceramah berkenaan penyalahgunaan dadah; dan
- iii. Mengadakan rondaan secara bersama.

3. Berapa banyak tanah wakaf di Negeri Perak yang masih belum dimajukan atau diproduktifkan, dan apakah rancangan MAIPK atau Kerajaan Negeri untuk membangunkan tanah-tanah wakaf tersebut bagi manfaat ummah, termasuk projek perumahan, pendidikan atau ekonomi?

Jawapan Soalan 3

Untuk makluman Yang Berhormat Gunung Semanggol,

Merujuk kepada subseksyen 27(1) Enakmen Wakaf (Perak) 2015, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK) merupakan pemegang amanah tunggal bagi semua wakaf yang terletak di dalam Negeri Perak. Peranan MAIPK meliputi kutipan wakaf tunai, penyempurnaan pendaftaran aset wakaf, penyelenggaraan, serta pengurusan semua perkara berkaitan tapak wakaf termasuk pembangunan aset wakaf.

Jumlah tanah wakaf di seluruh Negeri Perak melebihi 7,000 lot, di mana kira-kira 7% merupakan wakaf am, manakala 93% selebihnya terdiri daripada wakaf tapak dan saraan untuk masjid, surau, perkuburan Islam serta sekolah agama rakyat. Wakaf khas bagi tapak telah dibangunkan selaras dengan tujuan pewakafannya. Dalam usaha menjana hasil daripada aset wakaf bagi menampung keperluan pembangunan, MAIPK menggunakan dua kaedah utama. Pertama, pengurusan dan pembangunan dilaksanakan secara langsung oleh MAIPK berdasarkan subseksyen 24(1) Enakmen Wakaf, yang memperuntukkan tanggungjawab tersebut kepada MAIPK.

Kedua, tanah wakaf diuruskan oleh penerima manfaat (mawquf 'alaih) sebagai wakil pengurusan harta, selaras dengan subseksyen 27(2)(b) Enakmen Wakaf (Perak) 2015, yang membenarkan MAIPK melantik mana-mana pihak tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan bagi mengurus manfaat sesuatu mawquf untuk kepentingan mawquf 'alaih.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

MAIPK juga sentiasa berusaha mendapatkan pembiayaan bagi projek pembangunan tanah wakaf melalui kerjasama dengan Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan serta pihak berkaitan. Sebagai rekod, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) telah membantu MAIPK memperoleh dana pembangunan bagi Hotel Seri Warisan, Taiping berjumlah RM42 juta melalui peruntukan Rancangan Malaysia.

Selain itu, MAIPK merancang dan melaksanakan pembangunan tanah wakaf merangkumi pelbagai sektor termasuk perumahan, pendidikan, ekonomi, kesihatan, pertanian dan keagamaan (Islam). Antara inisiatif terkini, MAIPK telah menyiapkan projek ekonomi Pusat Dobi di Masjid Muhibbuddin Shah, Ipoh, dan kini sedang membangunkan dua buah Pusat Dialisis tambahan serta rumah inap bagi kemudahan pesakit yang memerlukan rawatan jangka panjang di hospital. Di samping itu, beberapa projek kerjasama dengan universiti juga sedang dilaksanakan.

4. Nyatakan berapakah bilangan program integrasi nasional atau perpaduan kaum yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) cawangan Perak dalam tempoh 2024-2025, dan berapakah jumlah peserta yang telah terlibat merentasi pelbagai kaum dan kawasan daerah?

Jawapan Soalan 4

JAWAPAN :

Untuk Makluman Yang Berhormat Gunung Semanggol,

Antara peranan yang dimainkan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional termasuklah meningkatkan usaha mengukuhkan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, memperkasa hal ehwal perhubungan dan pembangunan komuniti, mengukuhkan hal ehwal kanak-kanak bagi Taska dan Tabika Perpaduan, meningkatkan usaha penghayatan dan pembudayaan Rukun Negara serta menjadi rujukan dalam bidang perpaduan melalui penyelidikan.

Program-program yang telah dilaksanakan oleh JPNIN Negeri Perak pada tahun 2024-2025 adalah seperti berikut:

**SENARAI PROGRAM YANG TELAH DILAKSANAKAN JPNIN PERAK
BAGI TAHUN 2024**

BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	PERASMI	JUMLAH PESERTA
1	Program Gerak Rahmah : Jom Masak Bubur Lambuk Perpaduan 2024 Dan Penyampaian Sumbangan Rahmah Parlimen Tambun	25.3.2024	Dewan Orang Ramai Taman Meru, Ipoh	Yab Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim, Perdana Menteri Merangkap Ahli Parlimen Tambun	2000

2	Bicara Perpaduan "Bahasa Melayu Pemangkin Perpaduan Negara"	27.6.2024	Dewan Sri Melati, Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh	Pengarah IPG Kampus Ipoh	350
3	Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Negeri Perak Tahun 2024	30.6.2024	Dataran Bandaraya Ipoh	Yab Dato' Seri Saarani Bin Mohamad Menteri Besar Perak	10000
4	Program Chit Chat Belia Peringkat Negeri Perak "Rukun Negara Asas Perpaduan Dan Pembinaan Negara Bangsa"	11.9.2024	Al-Biruni, Unkl RCMP, Ipoh, Perak	Tuan Hj. Mansor Bin Mohd Hashim, Pengarah Jpnin Negeri Perak	500
5	Kejohanan Futsal Liga Sukan Uniti Tahun 2024 Peringkat Negeri Perak	29.9.2024	Manjung Indoor Sports Arena (MISA), Manjung	Tuan Hj. Mansor Bin Mohd Hashim, Pengarah Jpnin Negeri Perak	432
6	Kejohanan Badminton Liga Sukan Uniti Tahun 2024 Peringkat Negeri Perak	6.10.2024	Arena Badminton YMCA, Ipoh	Tuan Hj. Mansor Bin Mohd Hashim, Pengarah Jpnin Negeri Perak	200
7	Kejohanan Bola Jaring Liga Sukan Uniti Tahun 2024 Peringkat Negeri Perak	19.10.2024	Grand Kampar Sport Complex, Kampar	Yang Amat Mulia Tengku Datin Seri Noor Hazah Al Hajjah Yang Dipertua Persatuan Bola Jaring Negeri Perak	500
8	Kursus Pemantapan Skim Rondaan Sukarela RT Progresif Negeri Perak Siri 1/2024	16.11.2024	Hotel Taiping Perdana	YDH ACP Mohamad Nasir Bin Ismail, Ketua Polis Daerah Taiping	100
9	Kursus Pemantapan Skim Rondaan Sukarela RT Progresif Negeri Perak Siri 2/2024	30.11.2024	Hotel Grand Kampar	YDH ASP Shaiful Irwan Bin Mohd Ali, Ketua Bahagian Pencegahan Jenayah Dan Keselamatan Komuniti IPD Kampar	100

**SENARAI PROGRAM YANG TELAH DILAKSANAKAN JPNIN PERAK
BAGI TAHUN 2025**

BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	PERASMI	JUMLAH PESERTA
1	Majlis Penyerahan Dan Perasmian Pusat Rukun Tetangga Taman Keris / Batu 6 Lekir, Perak	8.2.2025	PRT Taman Keris / Batu 6, Manjung, Perak	YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam Bin	200

2	Program Jom Ronda Bersepadu Skim Rondaan Sukarela	8.2.2025	KRT Taman Chepor Raya, Ipoh, Perak	Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara	500
3	Program Kembara Rukun Tetangga Progresif 2025 KRT Taman Chemor Idaman	9.2.2025	KRT Taman Chemor Idaman, Kinta, Perak		200
4	Program Kembara Rukun Tetangga Progresif 2025 KRT Bota Kanan	9.2.2025	KRT Bota Kanan, Perak Tengah, Perak		100
5	Program Gerak Rahmah : Jom Masak Bubur Perpaduan Peringkat Negeri Perak Tahun 2025	15.3.2025	Perkarangan Masjid Al-Hidayah, RPT Pengkalan Pegoh Seberang, Ipoh	YB Dato' Seri Ir. Mohammad Nizar Bin Jamaluddin, Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur, Tenaga, Air Dan Pengangkutan Awam	250
6	Perayaan Songkran Peringkat Kebangsaan Tahun 2025	11 hingga 13.4.2025	Dewan Songkran, Kampung Tasek, Pengkalan Hulu	YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara	5000
7	Program Eksplorasi Perpaduan Satelit Madani Rakyat 2025 Perak	21.6.2025	Arena Kg. Dato' Seri Kamaruddin, Manjung	Encik Shamsul Bin Idris, Pegawai Daerah Manjung	1000
8	Kursus Kenegaraan Malaysia Madani (Komuniti) : Kawasan Rukun Tetangga Peringkat Negeri Perak	26 hingga 27.7.2025	Pusat Latihan Kenegaraan Ulu Kenas, Kuala Kangsar	Pegawai Akademi Kenegaraan Malaysia	100
9	Sambutan Minggu Perpaduan 2025 Peringkat Negeri Perak	27 hingga 28.9.2025		YAB Dato' Seri Saarani Bin Mohamad, Menteri Besar Perak	
10	Program Jejak Harmoni	27 Hingga 28.9.2025			
11	Sambutan Jubli Emas	27 Hingga 28.9.2025			
12	Bicara Perpaduan	28.9.2025	Stadium Indera Mulia, Ipoh	Encik Zulhisham Bin Ahmad Shukori, Pegawai Daerah Kinta	15000
13	Program Jalinan Integrasi Nasional Mahasiswa 2025	30.9.2025 Hingga 5.10.2025	KRT Tapah Road, Tapah	YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri	200

				Perpaduan Negara		
14	Program Jalinan Muhibah KRT Parlimen Tanjong Malim Sempena Sambutan Deepavali Tahun 2025	11.10.2025	Dewan Muhibbah, Bidor	YB Tuan Sivanesan A/L Achalingam, Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Kesihatan, Hal Ehwal Masyarakat India Dan Integrasi Nasional Merangkap ADUN Sungkai	1000	
15	Program Townhall Keselamatan Dan Perpaduan Negara Peringkat Negeri Perak Tahun 2025	15.11.2025	Kinta Ballroom, Hotel Travelodge, Ipoh, Perak	Puan Norwahidah Binti Zinalibdin, Pengarah Bahagian Pengurusan Perpaduan Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional	150	
16	Program Pintar Kreatif Tabika Perpaduan Peringkat Negeri Perak Tahun 2025	30.11.2025	Kompleks Belia & Sukan Ipoh	Encik Zulkifli Bin Hashim, Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional	1000	
17	Simposium Perpaduan Negeri Perak Chit Chat Perpaduan : Rukun Negara Aspirasi Jiwa Merdeka	10.12.25	Institut Latihan Statistik Malaysia (IISM), Sungkai	Tuan Hj Mansor Bin Mohd Hashim Pengarah, Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional Negeri Perak	200	

Bagi data pelaksanaan program yang telah dilaksanakan oleh jentera perpaduan JPNIN Perak iaitu Kawasan Rukun Tetangga (KRT) untuk seluruh negeri Perak bagi tahun 2024-2025 adalah seperti di bawah:

**MAKLUMAT PELAKSANAAN AKTIVITI RUKUN TETANGGA MENGIKUT DAERAH NEGERI PERAK
TAHUN 2024 - 2025**

BIL.	DAERAH	TAHUN 2024			TAHUN 2025		
		JUM KRT	JUM AKTIVITI	JUM PESERTA	JUM KRT	JUM AKTIVITI	JUM PESERTA
1	Kinta	191	455	29,353	192	321	23,742
2	Kampar	34	155	7,420	34	163	8,575
3	Batang Padang	36	183	11,559	36	172	13,252
4	Mualim	18	170	9,946	18	130	7,685
5	Larut Matang	90	61	3,995	92	116	10,643

	Selama						
6	Kerian	23	112	7,810	23	141	12,144
7	Manjung	53	196	12,950	53	184	14,456
8	Perak Tengah	30	225	9,515	30	220	9,370
9	Kuala Kangsar	43	468	24,608	43	326	15,143
10	Hulu Perak	24	154	10,879	24	84	8,731
11	Hilir Perak	36	193	25,786	38	285	39,591
12	Bagan Datuk	14	151	6,496	14	168	11,044
JUMLAH		592	2,523	160,317	597	2,310	174,376

MAKLUMAT PELAKSANAAN AKTIVITI RUKUN TETANGGA NEGERI PERAK MENGIKUT KLUSTER TAHUN 2024 – 2025

BIL.	KLUSTER AKTIVITI	JUMLAH AKTIVITI	JUMLAH AKTIVITI
1	Sukan	151	154
2	Rekreasi	43	35
3	Sosial	1,095	937
4	Kebajikan	194	156
5	Kebudayaan	79	114
6	Pendidikan	157	115
7	Keselamatan	77	76
8	Kesihatan & Alam Sekitar	313	259
9	Ekonomi	83	80
10	Agama	312	384
11	Lain-lain	19	0
JUMLAH AKTIVITI		2,523	2,310
JUMLAH PENYERTAAN		160,317	174,376

MAKLUMAT PENYERTAAN AKTIVITI RUKUN TETANGGA NEGERI PERAK MENGIKUT KAUM TAHUN 2024 – 2025

BIL.	KAUM	JUMLAH	JUMLAH
1	Melayu	122854	133808
2	Cina	18513	18425
3	India	17295	19222
4	Sabah	3	0
5	Sarawak	13	23
6	Lain-lain	1639	2898
JUMLAH		160317	174376

MAKLUMAT PENYERTAAN AKTIVITI RUKUN TETANGGA NEGERI PERAK MENGIKUT JANTINA TAHUN 2024 – 2025

BIL.	JANTINA	JUMLAH	JUMLAH
1	Lelaki	78,254	85,700
2	Perempuan	82,063	88,676
JUMLAH		160,317	174,376

5. Apakah perancangan dan program yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Perak bagi tahun semasa untuk membangunkan infrastruktur dan promosi agro-pelancongan di negeri Perak?

Jawapan Soalan 5

Untuk makluman Yang Berhormat Gunong Semangol,

Kerajaan Negeri melalui Tourism Perak telah terlibat dalam Program Lawatan dan Bengkel Pembangunan Pakej Agro Pelancongan yang dianjurkan oleh Tourism Malaysia pada 9 Julai 2025 di Hotel Travelodge, di mana pembentangan telah dibuat berkaitan produk agro pelancongan di Negeri Perak untuk dipakejkan oleh agen pelancongan.

Pembangunan produk agro pelancongan turut dilaksanakan melalui kerjasama dengan agensi dan komuniti setempat. Antara contoh termasuk pembangunan produk pelancongan di Kampung Padang Stang, Gerik di bawah RISDA, serta produk berkaitan sangkar ikan di Perak Tengah.

Walau bagaimanapun, pembangunan produk ini memerlukan sokongan berterusan daripada agensi berkaitan, khususnya dalam penyediaan kemudahan asas seperti jalan masuk, tempat letak kenderaan dan tandas bagi memastikan keselesaan pelancong serta kesiapsiagaan produk sebelum dipromosikan secara lebih meluas.

Dalam masa yang sama, pengusaha dalam segmen agro pelancongan turut diperkasa melalui pelaksanaan Kursus Pemasaran Digital yang memberi pendedahan kepada peserta dalam menghasilkan kandungan promosi serta memanfaatkan platform media sosial seperti TikTok bagi memasarkan produk mereka.

Dari segi promosi, pelbagai produk agro pelancongan yang tidak diketahui ramai namun mempunyai keunikan tersendiri turut diketengahkan kepada pasaran. Antaranya termasuk ladang anggur Kyoho di Agrotech Profarm, Gopeng, yang merupakan antara varieti anggur premium yang kebiasaannya ditanam di Jepun, serta ladang Japanese Musk Melon di Tambun yang merupakan antara yang terbesar di Malaysia.

Selain itu, produk tempatan seperti limau bali Tambun terus diperkenalkan kepada pelancong melalui platform media sosial serta semasa lawatan delegasi dan program fam trip, sekali gus meningkatkan keterlihatan produk agro pelancongan Negeri Perak di peringkat domestik dan antarabangsa.

Di samping itu, antara program dan acara yang berkaitan dengan segmen agro pelancongan termasuk Pesta Buah Diraja Perak 2026 yang akan diadakan pada 14 hingga 16 Jun 2026 di Batu Gajah, Pertandingan Memancing Terbuka Perak pada 19 April 2026 di Pantai Lumut Waterfront, serta penyertaan dalam Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) di MAEPS Serdang.

Program-program ini memberi ruang kepada pengusaha tempatan untuk mempromosikan produk masing-masing serta menarik kehadiran pelancong ke kawasan berkaitan, sekali gus menyumbang kepada pembangunan ekonomi setempat.

Pada masa yang sama, bagi tahun 2026, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM1.0 juta bagi projek pembangunan infrastruktur luar bandar di kawasan tumpuan pelancong, RM1.0 juta untuk menaik taraf ikon-ikon pelancongan serta penyelenggaraan kawasan pelancongan, dan RM0.5 juta bagi kerja-kerja menaik taraf papan tanda, penunjuk arah serta mercu tanda pelancongan.

Peruntukan ini bertujuan meningkatkan kemudahan asas seperti akses jalan, kemudahan pelawat dan elemen sokongan lain bagi memastikan pengalaman pelancong yang lebih selesa, selamat dan berkualiti.

Sehingga April 2026, sejumlah RM2.122 juta daripada jumlah keseluruhan RM2.5 juta telah diluluskan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi pelaksanaan projek-projek infrastruktur pelancongan di seluruh Negeri Perak berdasarkan permohonan serta keutamaan dan kesesuaian kawasan masing-masing.

Soalan Dari : YB ENCIK CHOONG SHIN HENG
Ahli Dewan Undangan Negeri : (CHENDERIANG)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. Penyediaan Ambulans Pacuan Empat Roda (4WD) untuk Kawasan Pedalaman di kawasan DUN Chenderiang

- a) Apakah usaha yang telah dan akan diambil oleh kerajaan bagi menyediakan kemudahan ambulans pacuan empat roda (4WD) untuk kawasan pedalaman di sekitar DUN Chenderiang, khususnya bagi membantu penduduk yang menghadapi kesukaran mendapatkan perkhidmatan kecemasan akibat keadaan jalan yang sukar dilalui oleh ambulans biasa?
- b) Bilakah perkhidmatan Ambulans biasa akan beroperasi di Klinik Kesihatan Batu 17, Jalan pahang?

Jawapan Soalan 1

JAWAPAN : (A)

Dato' Yang Dipertua,

Kawasan Dun Chenderiang di anggap lebih unik dalam usaha menangani isu kesihatan di negeri Perak. Terdapat tiga (3) kampung di kawasan DUN Chenderiang yang tidak dapat diakses oleh ambulans biasa, iaitu Pos Musuh, Kampung Batu 7 Ampang dan Kampung Sungai Lerek. Keadaan ini disebabkan oleh geografi dan kedudukan lokaliti ini yang agak terpencil selain keadaan jalan yang sempit serta tidak berturap, sekali gus menyukarkan kemasukan kenderaan kecemasan ke kawasan tersebut. Bagi tahun 2025 sebanyak 82 kes dapat direkodkan yang memerlukan perkhidmatan ambulans pacuan empat roda (4WD) di kawasan ini.

Sehingga Mac 2026 jumlah kes yang tercatat adalah sebanyak 14 kes (28% dari panggilan kecemasan 999). Ia memberikan liputan kawasan sehingga Batu 25, Jalan Pahang yang dianggap sempadan bagi negeri Perak dan Pahang.

Kerajaan melalui Jabatan Kesihatan Negeri Perak telah mengenal pasti keperluan ambulans pacuan empat roda (4WD) untuk kemudahan perkhidmatan kecemasan penduduk di DUN Chenderiang terutama di kawasan pedalaman yang mempunyai capaian perhubungan yang tidak sesuai bagi kenderaan ambulans biasa. Permohonan bagi mendapatkan ambulans 4WD telah dipanjangkan kepada peringkat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Jabatan Kesihatan Negeri semenjak tahun 2022, dan usaha yang berterusan dalam mendapatkan maklum balas sentiasa dilaksanakan. Perkara ini juga telah mendapat perhatian dan pertimbangan daripada pihak pengurusan tertinggi KKM di Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam pada tahun 2025.

Pada masa ini, kerjasama dengan agensi lain seperti Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat serta komuniti setempat dapat dimanfaatkan sekiranya ada kes kecemasan bagi akses ke kawasan pedalaman yang tidak boleh dilalui oleh ambulans biasa. Kerajaan akan terus menilai keperluan penyediaan ambulans pacuan empat roda dari semasa ke semasa berdasarkan keadaan geografi, akses jalan dan keperluan perkhidmatan kecemasan di kawasan tersebut.

JAWAPAN (B) :

Klinik Kesihatan Batu 17 mula beroperasi secara rasmi sebagai Klinik Kesihatan Jenis 7 pada 1 Julai 2018. Klinik ini merupakan naik taraf daripada Klinik Desa Batu 17, yang telah memberikan perkhidmatan kesihatan kepada penduduk setempat sejak 22 September 2010. Sebanyak **5242 penduduk** menerima perkhidmatan kesihatan dari Klinik Kesihatan Batu 17.

Klinik ini menyampaikan perkhidmatan kesihatan bagi pesakit luar seperti perkhidmatan penyakit berjangkit (tuberkulosis, denggi dan lain-lain), penyakit tidak berjangkit (diabetes, hipertensi, asma), kecemasan, penjagaan luka moden, saringan kesihatan, saringan dan rawatan berhenti merokok, saringan minda sihat, dan domisiliari (perawatan di rumah bagi pesakit yang terlantar yang dirujuk oleh hospital).

Selain itu klinik tersebut juga memberikan perkhidmatan kesihatan bagi pesakit ibu dan anak seperti perkhidmatan pra-kehamilan, antenatal (ibu mengandung), postnatal (selepas bersalin), perancang keluarga, perkembangan kanak-kanak, imunisasi kanak-kanak sehingga umur 2 tahun, kanak-kanak kurang zat makanan dan lawatan ke rumah bagi ibu selepas bersalin dan kes-kes ibu mengandung yang berisiko tinggi.

Disamping itu perkhidmatan sokongan seperti perkhidmatan farmasi, perkhidmatan secara lawatan (sebulan sekali) seperti perkhidmatan runding cara pemakanan, pemulihan fisioterapi, cara kerja dan lawatan klinikal dari Pakar Perubatan Keluarga turut disertakan.

Salah satu inisiatif tambah nilai kerajaan di klinik desa ini adalah *perkhidmatan jangkau luar (outreach)* bagi saringan kesihatan melalui National Health Screening Initiative (NHSI) dan PEKA B40, demo masakan dan saringan penyakit berjangkit seperti tuberkulosis, kusta dan malaria.

Sukacita dimaklumkan perkhidmatan ambulans di Klinik Kesihatan Batu 17 telah pun memulakan operasi sejak **awal Januari 2026** dengan menggunakan sebuah ambulans baharu yang diperolehi dari Kementerian Kesihatan Malaysia. Sebanyak 17 klinik kesihatan di negeri Perak telah menerima penambahan kenderaan *Ambulan Type B* termasuk Klinik Kesihatan Batu 17. Penambahan ambulan ini dapat meningkatkan kecekapan respon kecemasan, membolehkan pemindahan pesakit kritikal yang pantas dan selamat ke hospital. Selain itu ia dapat memperkasakan perkhidmatan penjagaan kesihatan primer,

terutamanya di kawasan pedalaman dengan menyediakan akses pengangkutan kos rendah atau percuma untuk golongan memerlukan.

2. Jambatan di Kampung Batu Melintang Tapah

- a) Apakah status penyelenggaraan jambatan di Kampung Batu Melintang Tapah?
- b) Adakah kerajaan negeri bercadang membina jambatan baharu bagi menjamin keselamatan penduduk?

Jawapan Soalan 2

Terima kasih Yang Berhormat Chenderiang atas soalan yang dikemukakan. Dato Seri Yang Dipertua Terima kasih Yang Berhormat Chenderiang atas soalan yang dikemukakan. Dato Seri Yang Dipertua, Kerajaan negeri sentiasa memberi perhatian terhadap keperluan infrastruktur rakyat, khususnya kemudahan asas yang menjadi laluan utama masyarakat setempat seperti Jambatan Batu Melintang di Kampung Batu Melintang, Mukim Batang Padang, Daerah Batang Padang yang berada dalam kawasan DUN Chenderiang. Jambatan ini merupakan laluan utama bagi penduduk Kampung Batu Melintang dan kampung rangkaian iaitu Kampung Sunut dengan anggaran penduduk seramai lebih kurang 280 orang. Laluan ini juga menjadi laluan bagi penduduk Kampung Orang Asli Kenoh dan Sungai Merah seramai lebih kurang 100 orang, di samping menjadi laluan utama orang ramai dan penduduk sekitar ke Sekolah Kebangsaan Batu Melintang serta Klinik Desa Batu Melintang. Untuk makluman Yang Berhormat, Jambatan Batu Melintang telah dibina sekitar tahun 1980 dan mula rosak akibat mendapan di bawah jambatan. Pada sekitar tahun 1994, jambatan baharu telah dibina sebagai alternatif bagi menggantikan jambatan yang telah rosak. Saban tahun laluan tersebut menjadi sibuk dengan penambahan penduduk dan terdapat keperluan bagi menggantikan jambatan yang rosak tersebut. Tambahan lagi, jalan lain yang menghubungkan penduduk ke Kampung Batu Melintang merupakan jalan pertanian dan tidak sesuai dilalui oleh kenderaan seperti kereta. Dato Seri Yang Dipertua, Kerajaan Negeri mengambil maklum keperluan membina jambatan baharu bagi menjamin keselamatan penduduk. Sehubungan itu, Pejabat Daerah dan Tanah Batang Padang telah mengemukakan permohonan bagi Membina Baru Jambatan dan Membaik Pulih Tebing Sungai di Kampung Batu Melintang di bawah Rolling Plan 2 Tahun 2027 di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13). Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam memastikan keselamatan dan kesejahteraan rakyat, khususnya penduduk luar bandar di Dun Chenderiang. Cadangan pembinaan jambatan baharu di Kampung Batu Melintang akan dipertimbangkan berdasarkan laporan teknikal, tahap keuzuran struktur sedia ada serta keperluan semasa penduduk setempat. Insyallah

3. Penambahbaikan sistem laluan sehalu di Pekan Tapah yang akan dilaksanakan oleh kerajaan secara berfasa bagi meningkatkan kelancaran aliran trafik demi kesejahteraan rakyat.

- a. Bilakah pembinaan jalan baharu atau jalan pintas menghubungkan FT001 Seksyen 539.0 ke FT059 Seksyen 2.0 akan bermula dan jangka masa siap pembinaan tersebut?
- b. Kerajaan telah mengenalpasti satu lokasi strategik yang dicadangkan sebagai tapak penempatan semula penjaja. Bilakah mereka akan dipindahkan ke tempat tersebut?

Jawapan Soalan 3

Untuk makluman pihak Yang Berhormat,

- a. Projek yang dimaksudkan merupakan projek Membina Jalan Baharu Bagi Menghubungkan FT001 Sek 539 Ke FT059 Sek 2.00 Daerah Batang Padang (Reka Dan Bina).
- b. Surat Setuju Terima (SST) telah dikeluarkan kepada kontraktor yang berjaya pada 3 April 2026.
- c. Tempoh projek ini adalah selama 156 minggu di mana Tarikh Milik Tapak adalah pada 16 April 2026 dan Tarikh Siap pada 11 April 2029.
- d. Cadangan lokasi tapak penempatan semula penjaja adalah di luar bidang kuasa pihak JK
- e. Bagi penempatan semula penjaja, MDT telah mengenalpasti lokasi baharu yang bersesuaian.
- f. Pada masa yang sama, MDT juga bersedia untuk memindahkan penjaja, termasuk peniaga sedia ada dan pengusaha MyKiosk, ke lokasi baharu yang telah dikenal pasti sebaik sahaja tapak baharu tersebut diserahkan secara rasmi kepada MDT.

SOALAN-SOALAN BERTULIS

1. Di Kawasan DUN Chenderiang kini hanya mempunyai sebuah klinik kesihatan sahaja untuk pelbagai rawatan. Prasarana kemudahan kesihatan rakyat perlu dipertingkatkan.

a) Apakah status terkini tapak yang telah diluluskan oleh kerajaan bagi perancangan mewujudkan klinik kesihatan baharu di mukim Chenderiang yang kini mempunyai kepadatan penduduk?

b) Bilakah anggaran jangka masa pelaksanaan pembinaan klinik kesihatan baharu di mukim Chenderiang akan bermula dan berapa jumlah kos pembinaannya?

Jawapan Soalan 1

JAWAPAN (A):

Kerajaan telah menilai dan terdapat keperluan untuk sebuah Klinik Kesihatan jenis 4 di kawasan DUN Chenderiang, memandangkan Klinik Kesihatan yang berdekatan terletak di DUN Ayer Kuning (iaitu Klinik Kesihatan Temoh dan Klinik Kesihatan Tapah). Permohonan untuk membina Klinik Kesihatan Chenderiang Jenis 4 telah mendapat sokongan pada tahun 2021. Berdasarkan perbincangan awal, satu plot tanah terletak di persimpangan Chenderiang, Jalan Kampar-Tapah di Mukim Chenderiang telah dikenalpasti.

Susulan itu, prosedur pemberimilikan tanah kerajaan negeri kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan sedang dilaksanakan.

Untuk makluman Dato' Yang Dipertua, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Perak Bil.2134 pada 7 Mac 2024 telah meluluskan permohonan pemberimilikan untuk tapak Klinik Kesihatan Chenderiang, Mukim Chenderiang Daerah Batang Padang dalam bentuk surat hakmilik Pajakan Mukim bagi tempoh pegangan 99 tahun dengan kategori Bangunan dan syarat nyata adalah Bangunan Klinik Kesihatan.

Dalam hal ini Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan (JKPTG) melalui surat bertarikh 2 Disember 2024 kepada pentadbir Tanah Batang Padang telah memohon agar permohonan tersebut diangkat semula untuk kelulusan MMKN Perak supaya diberimilik kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) dengan pegangan selama lamanya dengan syarat nyata diubah kepada Tiada.

Semakan Jabatan Kesihatan Negeri Perak pada 9 Februari 2026 mendapati bahawa Pejabat Daerah Dan Tanah Batang melalui surat bertarikh 12 November 2025 memanjangkan permohonan ini kepada Pejabat Tanah Dan Galian (PTG) Negeri Perak untuk tindakan selanjutnya. Penyelesaian isu tapak perlu diberi keutamaan sebelum permohonan projek dalam RMK dapat dimulakan.

JAWAPAN(B) :

Kerajaan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa komited dalam memastikan kemudahan Kesihatan awam yang mencukupi dan berkualiti disediakan kepada rakyat, termasuk di kawasan sekitar Mukim Chenderiang.

Cadangan pembinaan Klinik Kesihatan baharu di Mukim Chenderiang telah dimasukkan dalam Pelan Pembangunan Fasiliti Kesihatan Awam JKN Perak sebagai perancangan pembangunan fasiliti kesihatan bagi menampung keperluan penduduk setempat.

Bagi tujuan pelaksanaan, projek ini merupakan antara cadangan projek di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13). Walau bagaimanapun, pelaksanaannya tertakluk kepada beberapa perkara, antaranya pemberian hakmilik tanah yang bersesuaian serta kelulusan projek oleh KKM. Sehubungan itu, anggaran jangkamasa pelaksanaan pembinaan hanya dapat ditentukan selepas projek diluluskan. Jumlah kos sebenar akan ditentukan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) berdasarkan skop projek, reka bentuk fasiliti serta keperluan teknikal yang ditetapkan.

Kerajaan akan terus meneliti keperluan Pembangunan fasiliti kesihatan di kawasan ini bagi memastikan perkhidmatan Kesihatan yang lebih baik dapat disediakan kepada penduduk setempat.

2. Peruntukan Hal Ehwal Bukan Islam

a)Sila senaraikan maklumat terperinci nama pertubuhan-pertubuhan yang mendapat peruntukan tersebut dengan jumlah yang diluluskan mengikut kaum Cina, India, Sikh dan Orang Asli di Negeri Perak dari tahun 2023 hingga kini tahun 2026

b) Siapakah pegawai yang bertanggungjawab meluluskan dan menyelaraskan peruntukan HEBl mengikut kaum masing-masing?

Jawapan Soalan 2

JAWAPAN :

TAHUN 2023

BIL	DAERAH	CINA (RM)	INDIA (RM)
1	DAERAH BAGAN DATUK	50,000.00	227,500.00
2	DAERAH BATANG PADANG	125,000.00	341,000.00
3	DAERAH HILIR PERAK	378,000.00	85,000.00
4	DAERAH PENGKALAN HULU	134,000.00	18,500.00
5	DAERAH KAMPAR	150,000.00	96,500.00
6	DAERAH KINTA	698,000.00	530,550.00
7	DAERAH KUALA KANGSAR	50,000.00	63,500.00
8	DAERAH LARUT MATANG, DAN SELAMA	164,000.00	270,000.00
9	DAERAH MANJUNG	251,000.00	165,000.00
10	DAERAH KERIAN	-	154,450.00
11	DAERAH MUALIM	-	48,000.00
	JUMLAH :	2,000,000.00	2,000,000.00

TAHUN 2024

BIL	DAERAH	INDIA (RM)	CINA (RM)
1	DAERAH HILIR PERAK / BAGAN DATUK	871,500.00	1,271,100.00
2	DARAH KAMPAR / GOPENG	412,000.00	320,000.00
3	DAERAH KINTA	1,960,405.00	1,753,900.00
4	DAERAH MUALIM / BATANG PADANG	465,920.00	105,000.00
5	DAERAH KUALA KANGSAR	206,000.00	217,000.00
6	DAERAH LARUT MATANG / SELAMA	358,000.00	200,000.00
7	DAERAH MANJUNG	562,500.00	770,000.00
8	DAERAH KERIAN	153,675.00	40,000.00
9	DAERA H PENGKALAN HULU	10,000.00	-
10	HULU PERAK	-	260,000.00
11	PASIR SALAK	-	10,000.00
12	SUNGAI SIPUT	-	53,000.00
	JUMLAH	5,000,000.00	5,000,000.00

TAHUN 2025			
BIL	DAERAH	CINA	INDIA
1	DAERAH HILIR PERAK / BAGAN DATUK	1,758,000.00	582,500.00
2	DARAH KAMPAR / GOPENG	396,000.00	162,500.00
3	DAERAH KINTA	2,553,000.00	2,292,300.00
4	DAERAH MUALIM / BATANG PADANG	35,000.00	1,535,750.00
5	DAERAH KUALA KANGSAR	213,000.00	233,000.00
6	DAERAH LARUT MATANG / SELAMA	285,000.00	233,000.00
7	DAERAH MANJUNG	543,000.00	682,950.00
8	DAERAH KERIAN	75,000.00	170,000.00
9	DAERAH HULU PERAK	109,000.00	108,000.00
10	SUNGAI SIPUT	33,000.00	-
	JUMLAH	6,000,000.00	6,000,000.00

TAHUN 2026 (sampai bulan April)			
BIL	DAERAH	INDIA (RM)	CINA (RM)
1	DAERAH HILIR PERAK / BAGAN DATUK	55,000.00	362,000.00
2	DARAH HULU PERAK	20,000.00	-
3	DAERAH KINTA	520,000.00	1,665,000.00
4	DAERAH MUALIM / BATANG PADANG	80,400.00	8,000.00
5	DAERAH KUALA KANGSAR	115,000.00	95,000.00
6	DAERAH MANJUNG	50,000.00	20,000.00
	JUMLAH :	840,000.00	2,150,000.00

JAWAPAN (B) :

Di Perak, peruntukan HEBI (Hal Ehwal Bukan Islam) lazimnya diselaras oleh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) yang memegang portfolio berkaitan hal ehwal bukan Islam

Bagi masyarakat India, penyelarasan dilaksanakan oleh YB Dato' A.Sivanesan , yang bertanggungjawab menguruskan hal ehwal masyarakat India termasuk peruntukan berkaitan rumah ibadat dan program komuniti.

Manakala bagi masyarakat Cina, tanggungjawab tersebut dipikul oleh YB Woo Kah Leong , yang menyelaras agihan bantuan serta peruntukan berkaitan masyarakat Cina.

3. Kemudahan infrastruktur yang sempurna dan projek perumahan kepada Masyarakat Orang Asli di Kawasan Tapah

a) Sila senaraikan setiap projek pembangunan kemudahan infrastruktur dan nilai peruntukan yang telah diluluskan kepada perkampungan Orang Asli di Kawasan DUN Chenderiang mengikut tahun dari 2022 hingga kini tahun 2026?

b) Sila senaraikan setiap projek perumahan kepada perkampungan masyarakat Orang Asli di Kawasan DUN Chenderiang yang telah diluluskan oleh kerajaan dari tahun 2022 hingga kini tahun 2026.

c) Apakah status kerja-kerja pemuliharaan Jalan serta kerja-kerja pengukuhan tebing jalan di Kg Pos Musuh?

Jawapan Soalan 3

untuk makluman YB,

Projek Bantuan Rumah Orang Asli dan Projek Pembangunan Kemudahan Infrastruktur oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) bagi setiap tahun adalah bergantung kepada peruntukan yang diberikan oleh pihak Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW). Peruntukan ini kemudiannya akan dibahagikan kepada 5 daerah yang mempunyai penduduk Orang Asli.

Di DUN Chenderiang, terdapat 55 perkampungan orang asli di mana terdapat seramai 10,831 penduduk dengan ketua isi rumah adalah seramai 3021.

(c) Kerja-kerja tersebut dilaksanakan oleh JKR Batang Padang. Lawatan kemajuan projek oleh JAKOA telah dibuat pada pertengahan Mac 2026. Projek tersebut sudah berada dalam 85% - 90% siap dimana penduduk Orang Asli Pos Musuh sudah boleh melalui jalan tersebut.

KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR DI PERKAMPUNGAN ORANG ASLI DUN CHENDERIANG

NAMA PROGRAM	NAMA PROJEK	KAMPUNG ORANG ASLI	NILAI PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN
PROJEK BEKALAN AIR TERAWAT DI PERKAMPUNGAN ORANG ASLI	Kerja-kerja naiktaraf sistem rawatan air	KOA LATA KINJANG	RM100,000.00
	Kerja-kerja baikpulih dan menaiktaraf sistem rawatan air	KOA SG BOT DALAM, BATU 8	RM100,000.00
PROJEK MENAIKTARAF, MEMBAIK PULIH DAN MENYELENGGAR A JALAN RAYA DI KOA SEMENANJUNG MALAYSIA	Kerja-kerja turap semula jalan premix	KOA LATA KINJANG	RM86,569.08

2022

2023

PROJEK BEKALAN AIR TERAWAT DI PERKAMPUNGAN ORANG ASLI	Fasa 2-Kerja membina baru tandak dan sistem perpaipan	KOA SG GENTING	RM50,000.00
	Perkhidmatan membekal dan menghantar peralatan bekalan air serta kelengkapan lain.	KOA POSWOH	RM25,000.00
PROJEK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR	Fasa 2 - Kerja-kerja membina tandas	KOA POS MUSOH	RM40,000.00
PROJEK MENAIKTARAF, MEMBAIK PULIH DAN MENYELENGGAR A JALAN RAYA DI KOA SEMENANJUNG MALAYSIA	Kerja pembinaan Jalan Premix	KOA SUNGAI RENSAK	RM50,000.00
	Fasa 2 - Kerja membina baru Jalan Konkrit	KOA POS MUSOH	RM50,000.00
	Kerja menurap semula Jalan	KOA AMPANG WOH	RM100,000.00

2024

PROJEK BEKALAN AIR TERAWAT DI PERKAMPUNGAN ORANG ASLI	Projek menaiktaraf tandak dan sistem rawatan air	KOA KENOH	RM50,000.00
	Projek menaiktaraf tandak dan sistem rawatan air	KOA KENDERONG	RM50,000.00
PROJEK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR	Kerja membaikpulih dewan orang ramai	KOA POS WOH	RM73,000.00
	Kerja membina penahan Tebing	KOA LANDOR	RM18,000.00
	Baikpulih Infrastruktur	KOA LATA KINJANG	RM50,000.00

2025

PROJEK BEKALAN AIR TERAWAT DI PERKAMPUNGAN ORANG ASLI	PROJEK KERJA MENAIKTARAF SISTEM RAWATAN AIR SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN	KOA SG BOT DALAM	RM100,000.00
--	---	------------------	--------------

PROJEK MENAIKTARAF, MEMBAIK PULIH DAN MENYELENGGAR A JALAN RAYA DI KOA SEMENANJUNG MALAYSIA	KERJA MEMBINA JALAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN	KOA BATU 6	RM25,950.00
PROJEK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR	KERJA MENAIKTARAF DEWAN ORANG RAMAI	KOA BATU 16	RM65,000.00
2026			
PROJEK MENAIKTARAF, MEMBAIK PULIH DAN MENYELENGGAR A JALAN RAYA DI KOA SEMENANJUNG MALAYSIA	Kerja menurap semula Jalan Premix	KOA SG ODAK, KENDERONG, POS WOH DAN AMPANG WOH	RM150,000.00
PROJEK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR	Kerja membaikpulih Dewan Orang Ramai	KOA SG SAMAK	RM60,000.00

4. Ekonomi & Peluang Pekerjaan

- a) Apakah inisiatif kerajaan negeri untuk meningkatkan peluang pekerjaan bagi penduduk tempatan di DUN Chenderiang?
- b) Adakah terdapat perancangan untuk menarik pelaburan industri ke kawasan ini?

Jawapan Soalan 4

JAWAPAN : (A)

Kerajaan Negeri melalui kerjasama strategik bersama agensi Persekutuan seperti MIDA, serta agensi tenaga kerja yang berkaitan telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi meningkatkan pelaburan serta peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan secara keseluruhan di Perak termasuk di kawasan DUN Chenderiang.

Adalah dimaklumkan bahawa, Kerajaan samada Negeri atau Persekutuan memberi tumpuan kepada penarikan pelaburan berimpak tinggi dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan, khususnya di kawasan berhampiran seperti daerah Kinta dan daerah Muar yang berfungsi sebagai kluster industri utama. Pelaburan-pelaburan ini secara langsung atau tidak langsung akan memberi kesan limpahan ekonomi seperti peluang perniagaan dan peluang pekerjaan kepada penduduk sekitar termasuk di Chenderiang.

Kerajaan juga turut memperkukuh pembangunan tenaga kerja tempatan melalui program peningkatan kemahiran (upskilling) dan latihan semula (reskilling) dengan kerjasama institusi TVET, HRD Corp dan

industri. Pendekatan ini memastikan tenaga kerja tempatan bersedia untuk memenuhi keperluan industri, khususnya dalam sektor berteknologi tinggi.

Melalui platform seperti karnival kerjaya dan padanan pekerjaan dengan kerjasama agensi seperti PASAK, PERKESO dan agensi berkaitan, peluang pekerjaan yang diwujudkan oleh pelabur dapat disalurkan secara terus kepada rakyat tempatan, sekali gus meningkatkan kadar kebolehpasaran di kawasan tersebut.

Di dalam konteks pelaburan yang difasilitasi oleh MIDA dan InvestPerak, syarikat digalakkan untuk memberi keutamaan kepada pengambilan pekerja tempatan melalui komposisi tenaga kerja yang menekankan majoriti pekerja tempatan, sekali gus memastikan limpahan manfaat pelaburan dinikmati oleh penduduk setempat.

Untuk makluman Yang Berhormat, ketika ini terdapat sebuah projek pelaburan berskala besar dari luar negara yang sedang beroperasi di kawasan Chenderiang bagi pengeluaran produk quicklime dan hydrated lime. Pihak syarikat telah menyatakan hasrat untuk memperluaskan lagi operasi kilang sedia ada serta memindahkan sebahagian operasi mereka dari Singapura ke Negeri Perak, yang secara langsung akan meningkatkan peluang pekerjaan baharu kepada rakyat tempatan.

Dalam pada itu, susulan kewujudan jajaran paip gas asli dari Hutan Melintang ke Bidor, pihak Gas Malaysia Berhad kini sedang merancang untuk menyambung jajaran paip gas asli tersebut dari Bidor ke Chenderiang dengan sokongan serta pemudah cara daripada Kerajaan Negeri. Usaha ini amat penting memandangkan gas asli merupakan salah satu sumber tenaga bersih yang diperlukan oleh pihak industri, sekali gus berpotensi menarik lebih banyak pelaburan baharu ke kawasan tersebut pada masa hadapan.

Berdasarkan statistik PERKESO, jumlah kekosongan jawatan di seluruh negara yang diiklankan dalam Portal MYFutureJobs sehingga 31 Disember 2025 adalah sebanyak 1.43 juta [1,429,145] kekosongan jawatan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 71,815 kekosongan jawatan direkodkan di negeri Perak yang mana sebanyak 1,035 kekosongan jawatan adalah kawasan di sekitar Parlimen Tapah termasuk DUN Chenderiang.

PERKESO dan Kerajaan Negeri amat komited meningkatkan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan termasuk pencari kerja di sekitar DUN Chenderiang dengan melaksanakan beberapa inisiatif, antaranya;

i. Memperkasakan platform pencarian pekerjaan iaitu portal MYFutureJobs bagi memastikan kesesuaian kemahiran pencari kerja dengan keperluan dan permintaan pekerjaan pada masa hadapan. Selain itu, pusat kerjaya yang menyediakan ekosistem hala tuju kerjaya yang lengkap secara fizikal dan dalam talian telah diperkenalkan. **MYFutureJobs Career Exploration Centre (MYCEC)** yang terletak di NU Sentral, Kuala Lumpur merupakan Hab Imersif Pertama di Malaysia yang direka khusus untuk mentransformasikan pendekatan pencarian kerja. Bagi memperluaskan capaian MYCEC secara dalam talian dan fizikal, enam Institut Penilaian Tinggi (IPT) akan dipilih sebagai lokasi perintis MYCEC sebelum diperluaskan secara berperingkat ke IPT awam dan swasta di seluruh negara.

ii. Menetapkan syarat peniklanan di Portal MYFutureJobs bagi mana mana majikan yang ingin melaksanakan pengambilan pekerja asing atau ekspatriat hendaklah mengiklankan kekosongan jawatan sekurang-kurangnya 30 hari dan majikan dikehendaki melaksanakan program temu duga sebagai usaha untuk mengambil pekerja tempatan bagi memenuhi kriteria kekosongan jawatan tersebut sebagai pra-syarat bagi pengambilan pekerja asing atau ekspatriat.

iii. Menjalankan kerjasama strategik dengan Jabatan Penjara Malaysia (JPM) melalui Program Pemulihan Penghuni Penjara dalam meningkatkan kemahiran dan menyediakan perlindungan sosial, sekaligus mengurangkan isu kebergantungan terhadap pekerja asing.

iv. Melaksanakan program-program kebolehpasaran pekerjaan bagi menarik perhatian dan minat golongan muda seperti Karnival Pekerjaan, Program Temu Duga Khas, Program Temu Duga Mingguan, Career talk, Program Profiling Golongan Sasar, Benqkel kebolehpasaran Pekerjaan, Kaunseling Kerjaya dan pelbagai program berteraskan pembangunan modal insan.

v. Melaksanakan Program Karnival Kerjaya kepada pencari kerja tempatan di seluruh Malaysia. Berdasarkan statistik PERKESO, dari tempoh Januari 2025 sehingga 31 Mac 2026, PERKESO Negeri Perak telah melaksanakan sebanyak 499 Program Karnival Kerjaya termasuk sesi temuduga harian dan mingguan. Program

ini telah berjaya menarik seramai 19,726 pencari kerja. Daripada jumlah tersebut, seramai 8,421 orang pencari kerja telah berjaya mendapatkan pekerjaan. Manakala seramai 5,367 orang pencari kerja telah berjaya melangkah ke temuduga peringkat seterusnya.

- vi. Melaksanakan Program Eksplorasi Kerjaya yang merupakan platform untuk membantu meningkatkan soft skills pelajar sekolah seperti persediaan dan perancangan pelajar sebelum melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Program ini turut memberi pendedahan kepada mereka untuk memilih kerjaya yang bersesuaian dengan personaliti, minat, kemahiran dan kebolehan mereka. Sepanjang tahun 2025, program ini telah menjelajahi sebanyak 239 sekolah di seluruh negara melibatkan seramai 15,262 pelajar sekolah.

JAWAPAN (B) :

Untuk makluman Yang Berhormat Chenderiang,

Kerajaan negeri menitikberatkan keperluan rakyat dalam mendapatkan peluang pekerjaan demi membangun dan melestarikan sumber manusia di negeri Perak. Sehubungan itu, kerajaan negeri melalui Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK) aktif menjalankan program-program temu duga terbuka seperti Jelajah Kerjaya Perak Sejahtera yang merangkumi daerah-daerah dalam negeri Perak. Antaranya, Jelajah Kerjaya Perak Sejahtera ini telah dijalankan di daerah Batang Padang bagi menampung permintaan pekerjaan di kawasan seperti Chenderiang, Tapah, Bidor, dan Sungkai. Berikut adalah Jelajah Kerjaya Perak Sejahtera yang telah dijalankan di daerah ini:

Jelajah Kerjaya Perak Sejahtera Daerah Batang Padang			
Tarikh	Pencari Kerja	Penempatan	Peluang Pekerjaan
8 Jun 2024	275 orang	53	3,554 kekosongan

Jelajah Kerjaya Perak Sejahtera ini menghimpunkan majikan-majikan yang berdaftar di bawah aplikasi Talent Perak yang menawarkan kekosongan jawatan yang terdapat di kawasan program dijalankan dan di sekitar negeri Perak.

Aplikasi Talent Perak yang dikendalikan oleh agensi pelaksana PASAK merupakan sebuah platform pencarian kerja yang bertujuan untuk memperluas akses kepada seluruh rakyat Perak, di samping berfungsi sebagai kemudahan kepada pencari kerja yang terlepas untuk mendapatkan peluang-peluang program temu duga di kawasan-kawasan tertentu. Berdasarkan data yang diperolehi daripada aplikasi Talent Perak, sebanyak 134 kekosongan jawatan telah ditawarkan melalui platform Talent Perak. Daripada jumlah ini, sebanyak 29 kekosongan jawatan masih aktif. Berikut merupakan peluang pekerjaan yang pernah ditawarkan di Daerah Batang Padang melalui inisiatif Talent Perak:

Peluang Kerjaya di Daerah Batang Padang dalam Platform Talent Perak

No	Company	Job Title	Vacancy	Status	
1	FIC KUCHING PROPERTY SDN BHD	Food & Beverage (Supervisor)	1	Active	
		My Shoppe (Associate)	1		
2	J.K. Wire Harness Sdn Bhd	General Maintenance Technician	1		
		Maintenance Engineer	1		
3	Lhoist (Malaysia) Sdn Bhd	Electrical Engineer	1		
	SIMFONI AWANA SDN BHD	Praktikal Ladang	10		
4	FIC KUCHING PROPERTY SDN BHD	Pool Associate	2		
5	FIC KUCHING PROPERTY SDN BHD	Food & Beverage (Associate)	3		
		Housekeeping (Associate)	3		
6	J.K. Wire Harness Sdn Bhd	Maintenance Technician	3		
7	SYKT. CAHAYA MUDA PERAK (OIL MILL) SDN. BHD.	Boilerman	3		
8	FIC KUCHING PROPERTY SDN BHD	Housekeeping (Supervisor)	1		Completed
		Steward (Supervisor)	1		
9	J.K. Wire Harness Sdn Bhd	HR Executive	1		
		HRA Officer	1		

		Production Control Executive	1	
		Production Control Officer	1	
		Production Engineer	1	
		Production Executive	1	
		QA Engineering	1	
		Safety And Health Officer	1	
		Supervisor	1	
		Supervisor-Finish Goods	1	
		Supervisor Cut and Crimp	1	
		Technician – General Maintenance	1	
		Technician – Quality Assurance	1	
10	SYKT. CAHAYA MUDA PERAK (OIL MILL) SDN. BHD.	Engineer	1	
11	J.K. Wire Harness Sdn Bhd	Engineer Technical	2	
		Internship - Admin	2	
		Internship - Technician	2	
		Leader	2	
		Production Supervisor	2	
		Technician- Technical	2	
12	FIC KUCHING PROPERTY SDN BHD	Steward (Associate)	3	
13	Lhoist (Malaysia) Sdn Bhd	Graduate Development Program - Jr Engineer	3	
14	J.K. Wire Harness Sdn Bhd	Technician	4	
15	J.K. Wire Harness Sdn Bhd	Production Members	50	
16	J.K. Wire Harness Sdn Bhd	HR Executive	1	Inactive
		Production Executive- Cut & Crimp	1	
17	Hock Ban Hin	Admin Clerk	5	
		Delivery Driver	5	
		Salesperson	5	
JUMLAH KESELURUHAN :			134	

5. Pembangunan Pelancongan di kawasan DUN Chenderiang

a) Bilakah pelaksanaan kerja-kerja mengecat deretan kedai sebanyak 48 unit di Pekan Chenderiang akan bermula oleh Majlis Daerah Tapah?

b) Selain pelaksanaan kerja-kerja mengecat deretan kedai, apakah tempat pelancongan baru yang akan dibangunkan dan dirangkaikan oleh Majlis Daerah Tapah di kawasan DUN Chenderiang?

Jawapan Soalan 5

JAWAPAN A

Untuk makluman Yang Berhormat,

Majlis Daerah Tapah (MDT) komited dalam memperindahkan kawasan Pekan Chenderiang sebagai salah satu usaha meningkatkan imej bandar dan menyokong pembangunan sektor pelancongan tempatan.

Cadangan pelaksanaan kerja-kerja mengecat deretan 48 unit kedai di Pekan Chenderiang adalah tertakluk kepada kelulusan peruntukan daripada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC).

Untuk makluman, surat permohonan peruntukan telah dikemukakan kepada MOTAC pada tahun 2025 dan sehingga kini masih dalam pertimbangan serta menunggu kelulusan peruntukan. MDT akan terus membuat susulan dengan Kementerian berkaitan bagi memastikan permohonan ini diberi pertimbangan sewajarnya.

JAWAPAN B

Untuk makluman Yang Berhormat,

MDT telah mengenalpasti Taman Awam Tasek Temoh sebagai lokasi strategik untuk diperkasakan sebagai salah satu destinasi pelancongan utama di kawasan DUN Chenderiang. Kawasan ini mempunyai kelebihan dari segi landskap semula jadi, tasik dan persekitaran rekreasi yang sesuai untuk aktiviti riadah keluarga.

MDT merancang untuk mengembangkan Taman Awam Tasek Temoh melalui penambahbaikan kemudahan seperti laluan pejalan kaki, kawasan rekreasi keluarga, landskap yang lebih menarik, serta penyediaan kemudahan sokongan seperti pencahayaan dan kemudahan asas pelawat. Pembangunan ini akan dilaksanakan secara berfasa tertakluk kepada kelulusan peruntukan dan keutamaan pembangunan semasa.

Soalan Dari : YB DR NAJIHATUSSALEHAH BINTI AHMAD
Ahli Dewan Undangan Negeri : (BOTA)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. Adakah terdapat garis panduan khusus daripada kerajaan negeri berkaitan penyediaan Tong Roro dikawasan yang tidak berada dibawah pengurusan PBT?
Bagaimanakah mekanisme penguatkuasaan terhadap pembuangan sampah haram di Tong Roro diluar kawasan PBT?
Apa plan perancangan kerajaan negeri dalam menguruskan sisa elektronik kerana banyak juga sisa yang dibuang secara semborono samada dlm Tong Rora di PBT atau luar PBT?
Adakah kerajaan negeri menyediakan pusat pengumpulan ewaste yang mencukupi khususnya dikawasan luar bandar?

SOALAN DITOLAK (melebihi pecahan)

2. Adakah kerajaan negeri melihat e-waste sebagai peluang ekonomi melalui industri kitar semula dan pemulihan berharga?
Berapa banyakkah kursus atau latihan yang telah diberikan kepada usahawan tempatan dalam industri pengurusan e -waste?
Berapakah jumlah sisa elektronik yang direkodkan di negeri ini dalam tempoh 5 tahun kebelakangan,mengikut kategori peralatan serta pecahan kawasan bandar dan luar bandar?

Jawapan Soalan 2

No. Rujukan : 26842 (Bota) (Lisan)

Untuk makluman Yang Berhormat Bota,

Sisa elektrik dan elektronik (*e-waste*) bukan sekadar bahan buangan semata-mata, ia merupakan sumber bahan mentah sekunder seperti emas, perak, tembaga dan unsur nadir bumi yang mampu dipulih serta diintegrasikan semula ke dalam rantai bekalan industri global. Pendekatan ini secara langsung mengurangkan tekanan terhadap sumber asli baharu, sekaligus memperkukuh kecekapan penggunaan sumber melalui pemulihan bahan yang optimum dan lestari.

Justeru, pembangunan ekosistem pengurusan *e-waste* yang komprehensif dan bersepadu membuka ruang kepada pengembangan aktiviti *urban mining* secara berskala, penjanaaan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi, serta menarik aliran pelaburan strategik dalam sektor kitar semula, teknologi hijau, pemprosesan bahan termaju dan inovasi industri.

Yang Berhormat Dato' Seri Yang di-Pertua,

- a) Dalam usaha memartabatkan Promosi Ekonomi Kitaran, pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS) memainkan peranan proaktif melalui jalinan kerjasama strategik dengan pelbagai pihak berkepentingan dalam industri. Inisiatif ini bertujuan menggalakkan sektor industri untuk beralih secara progresif daripada kaedah pelupusan konvensional kepada model Ekonomi Kitaran (*Circular Economy*). Di bawah konsep ini, sisa elektronik tidak lagi diklasifikasikan sebagai bahan buangan semata-mata, sebaliknya diuruskan secara sistematik sebagai sumber bahan mentah sekunder yang mempunyai nilai pasaran tinggi.

Pendekatan ini bukan sahaja memaksimumkan pemulihan sumber berharga, malah secara langsung menyokong matlamat kelestarian negeri melalui pengurangan kebergantungan kepada sumber asli yang baharu.

b) *E-Waste* (SW110) adalah salah satu daripada 77 jenis buangan terjadual yang tersenarai di bawah Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005. Pengurusan *e-waste* oleh pihak industri adalah mengikut kepada garis panduan pengurusan buangan terjadual sebagaimana yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS). Jabatan ini melalui Institut Alam Sekitar Malaysia (EIMAS) menyediakan kursus kompetensi iaitu "*Certified Profesional in Scheduled Wastes Management (CePSWAM)*" bagi melatih wakil-wakil industri dalam kemahiran untuk pengurusan buangan terjadual.

c) Berdasarkan rekod aktiviti pengumpulan sisa elektronik (*e-waste*) yang dianjurkan oleh agensi kerajaan, sekolah, masjid bagi tempoh tahun 2023 hingga 2026, jumlah keluruhan sisa yang berjaya dikumpulkan adalah sebanyak 1,008 metrik tan, dengan pecahan kategori lain-lain (selain 6 barang) muncul sebagai penyumbang terbesar melalui berat terkumpul sebanyak 741.29 metrik tan. Manakala, computer atau laptop sebanyak 90.65 metrik tan dan pendingin hawa sebanyak 63.80 metrik tan, diikuti oleh televisyen 57.91 metrik tan, peti ais 28.19 metrik tan, mesin basuh 23.29 metrik tan, serta telefon bimbit 2.97 metrik tan.

Secara kesimpulannya, transformasi pengurusan *e-waste* ini bukan sahaja memperkukuh ketahanan alam sekitar, malah menjadi pencetus kepada peralihan strategik yang lebih luas ke arah ekonomi kitaran (*circular economy*), sebuah model yang memastikan nilai sumber kekal beredar dalam sistem ekonomi secara berterusan, menghasilkan impak jangka panjang yang bermakna bagi negara dan generasi akan datang.

Sekian, terima kasih.

3. Apakah situasi semasa kes Tuberculosis dinegeri Perak?termasuk jumlah kes yang direkodkan ,kadar jangkitan serta langkah kerajaan negeri dalam menangani penularan penyakit ini?
Apakah pecahan kes TB mengikut daerah dinegeri Perak ?
Adakah kemudahan kesihatan dan peruntukan yang sedia ada mencukupi untuk menangani isu TB ini?

SOALAN DITOLAK (Melebihi pecahan)

SOALAN-SOALAN BERTULIS

1. Apakah rasional dan keperluan kerajaan negeri mewujudkan Mukim baharu yang dinamakan Mukim Jaya Baru di Perak Tengah?Adakah kerajaan negeri telah menjalan kan sesi libat urus dengan penduduk berhampiran sebelum sesuatu mukim diwujudkan ?Bilakah kerajaan negeri akan menyediakan kemudahan bekalan air paip dan elektrik dikawasan terbabit?

SOALAN DITOLAK (fakta salah)

2. Apa langkah pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan peniaga tidak mengambil kesempatan menaikkan harga barangan harian selepas berlakunya kenaikan harga Diesel baru-baru ini?
Adakah kerajaan telah bersedia dengan intervensi khusus bagi membantu rakyat dan apa kerjasama yang dilakukan bersama kerajaan pusat?

Jawapan Soalan 2

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat Bota.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sentiasa memberikan perhatian serius ke atas isu kos sara hidup dan mengambil langkah yang perlu bagi membantu rakyat yang terkesan. Antara tindakan KPDN bagi menangani isu ini adalah dengan memastikan kestabilan harga barangan keperluan harian dan melaksanakan kawalan harga ke atas barangan tertentu yang menjadi keperluan asas rakyat.

Kawalan harga barang dilaksanakan melalui punca kuasa perundangan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 [Akta 723] yang bertujuan untuk melindungi pengguna daripada kenaikan harga yang tidak munasabah serta memastikan bekalan keperluan asas sentiasa mencukupi termasuk semasa musim perayaan. Mekanisme kawalan harga yang dilaksanakan pada masa ini merangkumi:

1. Menetapkan harga maksimum bagi barangan keperluan asas seperti gula pasir putih, minyak masak peket, minyak masak sawit tulen dalam botol, gas petroleum cecair dan tepung gandum kegunaan am agar ia mampu dibeli oleh rakyat; dan
2. Melaksanakan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) semasa perayaan utama iaitu Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidilfitri, Pesta Gawai dan Kaamatan, Deepavali dan Krismas melibatkan kawalan harga ke atas barang tertentu yang lazimnya mempunyai permintaan tinggi semasa musim perayaan.

Dasar Kerajaan ketika ini adalah melaksanakan reformasi dalam penyaluran subsidi melalui pelaksanaan penyasaran subsidi diesel di Semenanjung Malaysia yang bermula pada 10 Jun 2024. Subsidi diesel masih diteruskan oleh Kerajaan, namun ianya dilaksanakan secara bersasar supaya risiko ketirisan meliputi penyelewengan dan penyeludupan dapat ditangani dengan lebih berkesan. Justeru, dalam aspek penguatkuasaan dan pemantauan, KPDN telah melaksanakan langkah-langkah seperti berikut:

1. Melaksanakan Ops Kesan 5.0 yang bertujuan untuk memastikan peniaga tidak mengambil kesempatan menaikkan caj perkhidmatan atau harga barangan dengan sewenang-wenangnya.
2. Pemantauan harga secara berkala melibatkan 316 barangan keperluan pengguna terpilih di lebih 2,170 premis di seluruh negara. Data yang dikumpul bukan sahaja membolehkan KPDN membuat analisis trend harga barang tetapi mengenal pasti strategi dan intervensi yang bersesuaian.
3. Penugasan lebih 2,400 anggota penguat kuasa KPDN di lapangan secara konsisten untuk menjalankan pemeriksaan harian di lokasi tumpuan pengguna seperti pasar awam, pasar raya dan kedai runcit. *Omnipresence* Pegawai Penguat Kuasa secara berterusan ini bertindak sebagai langkah pencegahan kepada peniaga bagi memastikan mereka sentiasa mematuhi undang-undang yang sedang berkuat kuasa.
4. Penguatkuasaan perundangan Akta 723 yang memperuntukkan mana-mana peniaga yang melakukan kesalahan menjual barangan harga terkawal melebihi harga maksimum, maka tindakan boleh diambil seperti berikut:
 - a) Bagi individu, boleh didenda oleh Mahkamah sehingga RM100,000.00 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya atau dikompaun sehingga RM50,000.00; dan
 - b) Bagi pertubuhan perbadanan pula boleh didenda sehingga RM500,000.00 atau dikompaun sehingga RM250,000.00.

Selain itu, KPDN turut memfokuskan kepada agenda pemerikasaan pengguna agar lebih berinformasi, tahu hak sebagai pengguna dan berani bertindak melalui saluran yang betul. Ini termasuk berperanan sebagai 'mata dan telinga' kepada Kerajaan dengan melaporkan sebarang salah laku peniaga melalui sembilan saluran rasmi seperti aplikasi WhatsApp dan portal e-Aduan KPDN. Dalam hal ini, setiap aduan yang lengkap berkaitan kenaikan harga akan disiasat segera dalam tempoh 24 jam.

Sekian, terima kasih.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Pelaksanaan penyerasan subsidi diesel, Kerajaan telah menetapkan harga diesel kepada sektor-sektor yang layak seperti berikut:

1. Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) 2.0 yang menggunakan kaedah *fleet card* bagi kenderaan logistik berkelayakan untuk membendung kesan terhadap harga barangan pengguna, ditetapkan pada harga RM2.15 seliter;
2. Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) 1.0 bagi kenderaan-kenderaan pengangkutan awam darat termasuk bas sekolah, bas ekspres, ambulans dan bomba kekal pada harga RM 1.88 seliter; dan
3. Diesel bersubsidi untuk nelayan kekal pada harga RM1.65 seliter.

Selain itu, penyerasan subsidi juga diperkenalkan dalam bentuk bantuan tunai melalui inisiatif berikut:

1. Bantuan tunai BUDI Individu sebanyak RM300 sebulan (tambahan RM100 untuk tempoh interim bermula 17 Mac 2026) kepada warganegara Malaysia yang memiliki kenderaan diesel persendirian untuk menampung perbelanjaan bahan api diesel yang meningkat; dan
 2. Bantuan tunai BUDI Agri-Komoditi sebanyak RM300 sebulan (tambahan RM100 untuk tempoh interim bermula 17 Mac 2026) bagi petani kecil dan pekebun kecil komoditi untuk mengurangkan kesan kepada punca pendapatan mereka.
3. Adakah kerajaan bercadang menaik taraf sistem lampu jalan dan menambah dengan kadar segera jumlah lampu jalan dikawasan berisiko kemalangan khususnya sepanjang Jalan IPOH - LUMUT berhampiran Batu 29-30 di Titi Gantong ?

Jawapan Soalan 3

Untuk makluman Yang Berhormat,

- 1) Pihak JKR telah menerima kelulusan peruntukan bagi pemasangan lampu jalan baharu di Jalan Ipoh – Lumut (FT005), Seksyen 658.0, Daerah Perak Tengah.
 - 2) Kerja pemasangan lampu tersebut akan disiapkan pada tahun semasa.
 - 3) Kerja-kerja penambahbaikan serta pemasangan lampu jalan sentiasa dikenal pasti dan kerja-kerja akan dilaksanakan sebaik peruntukan diterima.
4. Berapa ramaikah wanita yang terlibat dalam sektor pembuat keputusan diperingkat kerajaan negeri? Apakah pelan jangka panjang kerajaan negeri bagi melahirkan lebih ramai wanita sebagai pemimpin dalam ekonomi dan masyarakat? Berapa ramaikah wanita yang terlibat dalam menganggotai Ahli PBT dalam setiap daerah atau perbandaran?

Jawapan Soalan 4

Yang Berhormat Bota,

Kerajaan Negeri Perak sentiasa komited dalam memperkukuh penyertaan wanita dalam sektor pembuat keputusan selaras dengan sasaran sekurang-kurangnya **30 peratus penglibatan wanita** di peringkat kepimpinan.

Untuk makluman Yang Berhormat, di peringkat legislatif negeri, seramai **12 orang wanita daripada 59 Ahli Dewan Undangan Negeri**, iaitu kira-kira **20.3 peratus**, kini terlibat secara langsung dalam proses pembuat keputusan di Negeri Perak.

Selain itu, wanita turut memainkan peranan penting dalam perkhidmatan awam negeri termasuk dalam jawatan pengurusan tertinggi, kepimpinan jabatan serta agensi pelaksana dasar.

Bagi keanggotaan Ahli Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pula, sejak 2024, daripada **286 orang Ahli Majlis yang telah dilantik**, seramai **71 orang adalah wanita**, bersamaan kira-kira **25 peratus** daripada keseluruhan keanggotaan.

Pelantikan ini melibatkan semua kategori PBT di Negeri Perak merangkumi Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah, namun pecahan mengikut daerah adalah berbeza berdasarkan pelantikan semasa.

Dalam usaha melahirkan lebih ramai wanita sebagai pemimpin dalam ekonomi dan masyarakat, Kerajaan Negeri melalui agenda pemerkasaan wanita sedang melaksanakan pendekatan jangka panjang yang berfokus dan berstruktur.

Antara inisiatif utama Kerajaan negeri ialah:

- **Program Wanita Inspirasi Negeri Perak**, yang memberi penekanan kepada pembangunan kepimpinan wanita berpotensi di pelbagai peringkat termasuk akar umbi ;
- **Persidangan Perundingan Wanita Perak**, sebagai platform strategik menghimpunkan wanita pemimpin, profesional serta pertubuhan bukan kerajaan bagi membincangkan isu, dasar dan hala tuju pembangunan wanita negeri.

Untuk makluman, kedua-dua inisiatif ini telah memasuki **tahun ketiga pelaksanaan**, dan menjadi antara mekanisme penting dalam memperkasa jaringan, meningkatkan kapasiti serta melahirkan barisan pemimpin wanita yang lebih kompeten dan berdaya saing.

Kesimpulannya, walaupun tahap penyertaan wanita di Negeri Perak kini berada pada sekitar **20 hingga 25 peratus**, Kerajaan Negeri akan terus komited memperkukuh dasar, program dan pelaksanaan bagi mencapai sasaran sekurang-kurangnya **30 peratus penglibatan wanita dalam sektor pembuat keputusan**, demi memastikan pembangunan negeri yang lebih inklusif dan seimbang.

Sekian, terima kasih.

5. Berapakah jumlah PAWE yang telah diwujudkan untuk empat tahun kebelakangan ini? apakah aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan PAWE yang baru khasnya ? Adakah dengan kewujudan PAWE yang baru telah berjaya membuka peluang kerjaya baru kepada penduduk tempatan dan apakah usaha PAWE yang boleh membantu meningkatkan pendapatan golongan warga emas?

Jawapan Soalan 5

Yang Berhormat Bota,

Penuaan penduduk merupakan satu fenomena demografi yang semakin ketara di Malaysia dan memberi implikasi langsung kepada keperluan perkhidmatan sosial, khususnya di negeri Perak. Dalam usaha meningkatkan kesejahteraan warga emas, kerajaan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah memperkenalkan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) sebagai salah satu intervensi utama berasaskan komuniti.

PAWE berfungsi sebagai platform bagi menyediakan aktiviti sosial, sokongan psikososial serta program pembangunan diri kepada warga emas. Oleh itu, analisis terhadap perkembangan penubuhan PAWE adalah penting bagi menilai tahap komitmen dan keberkesanan dasar penuaan di peringkat negeri.

1. Perkembangan Penubuhan PAWE di Perak

Tahun 2022, jumlah PAWE yang beroperasi di Perak dianggarkan sebanyak 12 buah. Angka ini mencerminkan tahap asas penyediaan perkhidmatan komuniti kepada warga emas pada ketika itu.

Memasuki tahun 2023, terdapat usaha untuk menambah bilangan PAWE melalui kelulusan penubuhan pusat baharu di bawah peruntukan kerajaan Persekutuan. Sebanyak satu (1) buah PAWE telah ditubuhkan.

Perkembangan yang lebih ketara dapat dilihat pada tahun 2024 apabila sebanyak enam (6) PAWE baharu telah ditubuhkan, menjadikan jumlah keseluruhan meningkat kepada kira-kira 18 buah. Pertambahan ini menunjukkan komitmen yang lebih jelas daripada kerajaan dalam memperluaskan liputan perkhidmatan kepada warga emas, khususnya di kawasan komuniti.

Bagi tahun 2025 sebanyak 4 buah PAWE tambahan telah ditubuhkan. Secara keseluruhannya **sehingga kini terdapat 23 buah PAWE yang telah beroperasi di negeri Perak.**

PAWE di negeri Perak menawarkan pelbagai aktiviti yang merangkumi aspek kesihatan, sosial, pendidikan, dan ekonomi. Aktiviti kesihatan termasuk senaman berkumpulan seperti *tai chi* dan *yoga*, pemeriksaan kesihatan berkala, serta terapi pemulihan asas bagi warga emas dengan mobiliti terhad. Aktiviti sosial pula merangkumi bengkel kemahiran seperti kraf tangan, memasak, penggunaan teknologi asas, serta program interaksi generasi muda-warga emas untuk mengurangkan pengasingan sosial.

Dari aspek pendidikan, PAWE menyediakan latihan literasi digital bagi warga emas, termasuk penggunaan telefon pintar dan platform transaksi dalam talian, serta kesedaran mengenai hak dan polisi kerajaan. Aktiviti keusahawanan pula melibatkan latihan dan bimbingan dalam perniagaan mikro, seperti pembuatan kraftangan, produk makanan kecil, atau tanaman herba, yang membolehkan warga emas memasarkan produk mereka secara komunal atau digital.

2. Peluang Kerjaya Baharu untuk Penduduk Tempatan

Kewujudan PAWE telah membuka peluang kerjaya baharu kepada penduduk tempatan melalui beberapa saluran seperti berikut:

- i. Penglibatan penduduk tempatan sebagai tenaga pengajar atau fasilitator bagi kelas kemahiran, aktiviti kesihatan dan literasi digital.
- ii. PAWE memerlukan tenaga sukarelawan dan kakitangan pengurusan, yang memberikan peluang pekerjaan formal dan separa formal, terutamanya bagi belia dan individu separuh umur.
- iii. Program keusahawanan komuniti yang dianjurkan oleh PAWE menyediakan peluang bagi penduduk tempatan untuk memasarkan produk mereka melalui pusat komuniti, seterusnya merangsang aktiviti ekonomi di peringkat mikro.

3. Usaha PAWE dalam Meningkatkan Pendapatan Warga Emas

PAWE turut memberi tumpuan kepada peningkatan ekonomi warga emas melalui pelbagai inisiatif. Program keusahawanan mikro menyediakan platform untuk warga emas menjana pendapatan melalui kraftangan, makanan dan produk komuniti. Latihan pemasaran digital membolehkan mereka mengakses pasaran lebih luas melalui platform dalam talian. Selain itu, kerjasama dengan NGO atau agensi kerajaan menyediakan sokongan modal permulaan dan bimbingan usahawan. PAWE juga memperkenalkan sistem pertukaran kemahiran atau "*community time bank*" di beberapa lokasi, yang membolehkan warga emas menukar masa mereka dengan ganjaran atau perkhidmatan yang bernilai.

Walaupun PAWE baharu menunjukkan sumbangan positif, terdapat beberapa kekangan. Skala peluang ekonomi yang disediakan masih terhad dan bergantung kepada kemahiran individu serta sokongan komuniti. Kelestarian pendapatan tambahan untuk warga emas juga memerlukan integrasi lebih kukuh dengan pasaran dan sektor swasta.

Kesimpulannya, PAWE di negeri Perak telah memperluas aktiviti sosial, kesihatan, pendidikan dan ekonomi untuk warga emas, sambil membuka peluang kerjaya baharu kepada penduduk tempatan. Usaha yang dijalankan oleh PAWE dalam bidang keusahawanan dan literasi digital membolehkan warga emas meningkatkan pendapatan mereka, walaupun potensi penuh memerlukan sokongan tambahan daripada kerajaan negeri, sektor swasta, dan komuniti.

Pembangunan berterusan dan pengukuhan mekanisme pemantauan PAWE adalah penting untuk memastikan kesejahteraan sosial dan ekonomi warga emas dapat dipelihara secara mampan dalam menghadapi cabaran masyarakat menua.

Sekian, terima kasih.

Soalan Dari : YB DR. MOHAMAD YUSRI BIN BAKIR
Ahli Dewan Undangan Negeri : (AYER KUNING)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. Beberapa kawasan dalam DUN Ayer Kuning dikenal pasti mengalami masalah liputan internet dan telekomunikasi yang lemah sehingga menjejaskan aktiviti harian penduduk, termasuk urusan pembelajaran dalam talian, perniagaan digital serta komunikasi asas. Dilaporkan bahawa sebanyak 27 lokasi di kawasan ini mempunyai tahap liputan yang tidak memuaskan, sekali gus menimbulkan kebimbangan dalam kalangan penduduk luar bandar yang bergantung kepada capaian internet untuk urusan pendidikan, ekonomi dan perkhidmatan kerajaan digital.

1. Apakah jumlah sebenar lokasi dalam DUN Ayer Kuning yang dikenal pasti mempunyai liputan internet yang lemah ketika ini?

2. Apakah status pelaksanaan projek penambahbaikan liputan telekomunikasi di kawasan yang terjejas tersebut?

3. Bilakah sasaran masa yang ditetapkan untuk menyelesaikan masalah liputan internet lemah di kawasan DUN Ayer Kuning?

Jawapan Soalan 1

JAWAPAN:

Kerajaan Negeri bersama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sentiasa bekerjasama rapat dalam memastikan perluasan capaian internet berkualiti dapat dinikmati oleh seluruh lapisan masyarakat.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga September 2025, liputan rangkaian 4G di kawasan berpenduduk di Parlimen Tapah, yang merangkumi DUN Ayer Kuning, telah mencapai 99.56%.

Di bawah Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA), MCMC telah memperuntukan sebanyak 8 menara baharu 4G di kawasan DUN Ayer Kuning yang mana 7 menara baharu ini telah siap beroperasi manakala 1 lagi menara baharu dalam pelaksanaan. Dalam pada masa yang sama, sebanyak 55 stesen pemancar telah siap dinaik taraf kepada rangkaian 4G bagi meningkatkan mutu dan kualiti liputan telekomunikasi sedia ada di DUN Ayer Kuning. Manakala bagi perkhidmatan jalur lebar talian tetap pula, sebanyak 5,718 premis telah tersedia dengan capaian gentian optik berkeupayaan gigabit. Selain itu, terdapat juga 11 tapak pemancar 5G telah siap beroperasi manakala 4 tapak pemancar 5G dalam pelaksanaan di DUN Ayer Kuning.

Walaupun bagaimanapun, MCMC mengambil maklum berhubung aduan yang melibatkan 27 lokasi yang mengalami gangguan serta kualiti liputan yang kurang memuaskan. Berdasarkan aduan tersebut, pihak MCMC akan berhubung dengan pihak YB bagi mendapatkan perincian lanjut sebelum turun ke lapangan untuk menjalankan siasatan dan penilaian seterusnya, termasuk melaksanakan ujian Standard Mandatori Kualiti Perkhidmatan (MSQoS) di lokasi terlibat.

Berdasarkan hasil ujian MSQoS, pihak MCMC akan menilai dapatan yang diperolehi dan seterusnya mengambil tindakan lanjut, serta berkongsi hasil penilaian bersama penyedia perkhidmatan bagi tujuan pelaksanaan penambahbaikan di kawasan berkenaan.

Orang awam yang terjejas juga dialu-alukan untuk mengemukakan aduan rasmi melalui portal aduan MCMC (<https://aduan.mcmc.gov.my>) sekiranya kualiti perkhidmatan tidak memenuhi piawaian atau menghadapi sebarang masalah, bagi mempercepatkan tindakan susulan terhadap isu yang dilaporkan.

Selain itu, MCMC turut menyediakan aplikasi ujian liputan iaitu NEXUS MCMC bagi membolehkan orang awam menjalankan ujian kelajuan internet di kawasan masing-masing. Hasil ujian yang menunjukkan kelajuan muat turun di bawah 10 Mbps secara konsisten akan disalurkan kepada penyedia perkhidmatan untuk tindakan penyiasatan serta pelaksanaan penambahbaikan lanjut.

2. Rakyat masih terbeban dengan kenaikan kos sara hidup yang berterusan, khususnya melibatkan harga makanan, perumahan dan peluang pekerjaan tempatan. Keadaan menjadi lebih mendesak apabila konflik yang tercetus pada awal Mac di Timur Tengah telah menyebabkan harga minyak melonjak tinggi. Walaupun terdapat pemberian subsidi, realitinya rakyat tetap terpaksa menanggung harga tanpa subsidi sebaik sahaja kuota liter bulanan yang diperuntukkan habis.

1. Apakah langkah segera yang telah dan akan diambil oleh kerajaan negeri untuk menangani peningkatan kos sara hidup rakyat, khususnya melibatkan harga makanan, perumahan dan peluang pekerjaan tempatan?

2. Bagaimanakah kerajaan negeri memperkuatkan intervensi bagi memastikan bekalan dan harga barangan keperluan asas di peringkat negeri kekal stabil dan tidak membebankan rakyat?

3. Apakah perancangan jangka sederhana dan panjang kerajaan negeri dalam mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan tempatan yang mampan bagi mengurangkan tekanan kos sara hidup rakyat?

Jawapan Soalan 2

Dato' Seri Yang di-Pertua,

Kerajaan negeri sangat menghargai keprihatinan ahli-ahli yang berhormat berhubung implikasi konflik geopolitik yang sedang berlaku terhadap kesejahteraan ekonomi negeri dan kehidupan rakyat. Untuk makluman, sebanyak tujuh (7) soalan lisan dan tiga (3) soalan bertulis diterima menyentuh mengenai isu ini. Maka izinkan saya menjawab soalan lisan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat Pasir Pinji, Yang Berhormat Trong, Yang Berhormat Pokok Assam, Yang Berhormat Ayer Kuning, Yang Berhormat Pantai Remis dan Yang Berhormat Behrang secara bersekali kerana ianya saling berkaitan. Sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, saya telah mendapatkan ulasan-ulasan dan pandangan-pandangan daripada semua agensi pusat dan negeri untuk membolehkan kerajaan negeri memahami keadaan semasa dan mengambil tindakan-tindakan untuk jangka masa pendek, jangka masa sederhana dan jangka masa panjang. Kerana itu saya nak mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan penghargaan kepada agensi-agensi kerajaan persekutuan dan negeri yang telah mengambil berat dan memberi respon yang segera kepada kerajaan negeri iaitu Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Getah (RISDA), Institut Darul Ridzwan (IDR), Perak Invest Management Center, (PIMC), Sekretariat Usahawan Negeri Perak (STEP), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN), Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak (LPHP), Jabatan Pertanian, Jabatan Veterinar dan juga Jabatan Perikanan yang telah memberi respon sehingga membolehkan bukan sahaja untuk menjawab soalan-soalan yang banyak ini tetapi juga Insya-Allah menjadi program bagaimana kerajaan akan mengambil tindakan seterusnya.

Ahli-ahli yang berhormat, konflik di Asia Barat yang terdeteksi sejak Februari 2026 kini berkembang menjadi krisis geopolitik yang memberi kesan besar kepada ekonomi global secara menyeluruh. Walaupun pada awalnya kita dikhabarkan bahawa konflik ini menunjukkan tanda-tanda reda dan peperangan seolah-olah menuju ke penghujungnya, tetapi perkembangan terbaharu membayangkan keadaan sebaliknya. Kita boleh mendapat maklumat daripada akhbar-akhbar dan juga daripada sumber-sumber rasmi kerajaan. Kegagalan rundingan antara Amerika Syarikat dan Iran pada hujung minggu lalu yang berakhir tanpa penyelesaian konkrit telah meningkatkan semula risiko gangguan perdagangan berpanjangan. Keadaan ini melonjakkan semula harga minyak dunia dan memberi tekanan lanjut kepada kos tenaga serta logistik global ini sekaligus memungkinkan tekanan krisis tenaga global yang memberi kesan terhadap segenap aspek dalam rantai ekonomi negara termasuklah negeri Perak. Semua sektor dijangka menerima tempas daripada ketidaktentuan ini. Penutupan dan gangguan laluan perdagangan memberi kesan langsung kepada bekalan input bahan mentah di peringkat global. Kenaikan kos penghantaran, *premium insurance* kapal dan perubahan haluan perdagangan antarabangsa menyumbang kepada kos pengeluaran yang lebih tinggi serta penurunan produktiviti. Antara sektor yang dijangka terkesan ialah pembuatan, perkhidmatan, pembinaan dan juga perumahan.

Sektor pelancongan turut menerima tempas apabila pelancong luar negara mengambil pendekatan lebih berhati-hati atas faktor keselamatan dan peningkatan kos perjalanan. Terdapat juga di kalangan pelancong-pelancong Eropah yang telah membatalkan tempahan-tempahan mereka. Sektor pertanian juga tidak terkecuali apabila kenaikan kos input pertanian dan logistik memberi kesan terus kepada harga barang asas seperti sayur-sayuran, buah-buahan, ayam, telur dan hasil pertanian yang lain termasuk baja sekaligus memberi tekanan kepada keterjaminan makanan.

Yang Berhormat Dato' Seri Yang di-Pertua,

1) Kesan kepada sektor nelayan, pertanian dan penternakan.

Kenaikan harga petrol dan diesel telah meningkatkan kos operasi secara ketara dalam sektor pengeluaran makanan. Dalam sektor penternakan, kos makanan ternakan, logistik dan operasi ladang meningkat sehingga 10%-30%. Malah situasi ini lebih membimbangkan kerana kebergantungan tinggi kepada import bahan mentah seperti jagung dan soya di mana lebih 90% jagung bijirin negara adalah diimport. Dalam sektor perikanan pula, nelayan laut dalam khususnya zon C2 (komersial) yang tidak mendapat bantuan subsidi petrol atau diesel berdepan peningkatan kos bahan api yang menjejaskan kekerapan ke laut serta hasil tangkapan ikan bernilai tinggi. Sektor akuakultur dan pembuatan makanan ternakan turut terkesan akibat peningkatan kos input import sekaligus memberi tekanan kepada margin keuntungan dan kelangsungan operasi syarikat.

2) Impak kepada pengguna di negeri Perak.

Peningkatan kos pengeluaran telah menyebabkan kenaikan harga makanan asas seperti ayam, daging, telur dan ikan. Penduduk negeri Perak berdepan tekanan kos sara hidup yang semakin meningkat, memandangkan perbelanjaan makanan merangkumi sekitar 30% hingga 40% daripada pendapatan isi rumah menurut Department of Statistics Malaysia. Keadaan ini memberi kesan lebih ketara kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Selain itu, pengurangan bekalan hasil laut menjejaskan kestabilan harga dan pilihan makanan sedangkan ikan menyumbang lebih 50% sumber protein haiwan rakyat Malaysia berdasarkan data Food and Agriculture Organization.

3) Kesan kepada rantaian bekalan makanan.

Kenaikan harga bahan api menjejaskan keseluruhan rantaian bekalan makanan daripada pengeluaran hingga ke pasaran. Kos tenaga dan pengangkutan yang boleh menyumbang sehingga 30% hingga 60% daripada kos logistik makanan meningkatkan tekanan harga di setiap peringkat rantaian. Pengurangan tangkapan laut dalam mengurangkan bekalan ikan dan menjejaskan industri pemrosesan. Manakala peningkatan kos bahan mentah import seperti jagung dan soya menimbulkan risiko gangguan bekalan input. Dalam masa yang sama, kadar sara diri bagi beberapa komoditi seperti daging lembu yang masih sekitar 20% hingga 30% menunjukkan kebergantungan kepada import sekaligus meningkatkan kerentanan terhadap kejutan global.

Dato' Seri Yang di-Pertua,

Cadangan dan peluang strategik.

Situasi ini merupakan peluang untuk memperkukuh sektor makanan negeri melalui pengurangan kebergantungan kepada import dan peningkatan kecekapan. Pembangunan industri makanan tempatan seperti jagung dan sumber alternatif perlu dipergiat bagi menstabilkan kos pengeluaran. Penggunaan tenaga alternatif seperti solar dan biogas di ladang juga mampu mengurangkan kebergantungan kepada bahan api serta menjimatkan kos jangka panjang. Pengukuhan rantaian bekalan tempatan melalui pendekatan pengeluaran, pemrosesan dan pemasaran dalam negeri dapat mengurangkan kos logistik dan menstabilkan harga. Peralihan kepada akuakultur moden serta pemanfaatan teknologi digital bagi pemantauan bekalan dan harga turut berpotensi meningkatkan kecekapan pasaran. Secara keseluruhannya, pendekatan ini bukan sahaja membantu mengekang kenaikan harga makanan dan memastikan kestabilan bekalan, malah berpotensi mewujudkan ekonomi baharu berasaskan inovasi, nilai tambah dan sumber tempatan, sekali gus memperkukuh sekuriti makanan dan daya tahan ekonomi negeri dalam jangka panjang.

Dato' Seri Yang di-Pertua,

Yang Berhormat Pasir Pinji dan Yang Berhormat Pokok Assam membangkitkan tentang kedudukan pelaburan asing. Saya perlu melaporkan bahawa berdasarkan pemantauan semasa, senario pelaburan asing di Malaysia amnya dan negeri Perak khususnya masih kekal berdaya tahan. Impak kepada negeri ini setakat ini masih berada pada tahap minimum dan terkawal. Tiada pelaburan utama yang dibatalkan manakala projek-projek sedia ada terus berjalan seperti yang dirancang. Malah dari sudut peluang, Malaysia termasuk negeri Perak ini berpotensi untuk mendapat manfaat daripada fenomena pengalihan rantaian bekalan apabila syarikat antarabangsa mencari destinasi pelaburan alternatif yang lebih stabil di rantau Asia. JP Morgan Chase & CO. pada 27 Mac 2026 turut menyenaraikan Malaysia sebagai antara ekonomi yang masih berdaya tahan dalam mendepani tekanan krisis tenaga semasa. Manakala kumpulan Bank Dunia dalam kenyataan rasmi bertarikh 9 April 2026 mengunjurkan pertumbuhan ekonomi Malaysia 2026 pada kadar 4.4% beraskan permintaan domestik yang masih kekal kukuh. Kita harap supaya ini akan berkekalan.

Dato' Seri Yang di-Pertua,

Dalam mendepani keadaan yang serba dinamik ini, kerajaan negeri memilih untuk terus berpegang kepada pendekatan berpaksikan perkembangan semasa kerana landskap geopolitik dunia boleh berubah dengan pantas. Justeru, kerajaan tidak mahu membuat sebarang andaian awal. atau jamanan jaminan yang bersifat spekulatif sebaliknya akan terus meneliti implikasi semasa dengan penuh tanggungjawab. Fokus kerajaan pada masa ini ialah memastikan tahap kesiapsiagaan sentiasa berada pada tahap optimum termasuk dari sudut pemantauan ekonomi, penyelarasan maklumat bersama agensi berkaitan serta kerjasama rapat dengan kerajaan persekutuan untuk memahami perkembangan semasa dan implikasinya kepada negeri.

3. Kerajaan Negeri Perak telah melaksanakan pelbagai program bantuan khusus bagi membantu golongan B40 dan miskin tegar keluar daripada kitaran kemiskinan. Namun, realitinya masih ramai rakyat yang layak dan memerlukan bantuan terus tercicir daripada manfaat program sedia ada. Keadaan ini menimbulkan persoalan sama ada pendekatan dan keutamaan kerajaan negeri benar-benar mencukupi serta tersasar daripada skala sebenar keperluan rakyat di lapangan.

1. Bagaimanakah kerajaan negeri memastikan golongan yang benar-benar memerlukan tidak tercicir akibat kekangan peruntukan program?

2. Apakah indikator atau ukuran yang digunakan oleh kerajaan negeri untuk menilai keberkesanan program-program tersebut?

3. Bagaimanakah kerajaan negeri memastikan penilaian keberkesanan ini dibuat secara telus dan tidak sekadar bersandarkan laporan di atas kertas?

Jawapan Soalan 3

Bismillahirrahmanirahim,

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,

Salam Malaysia Madani, Salam Perak Sejahtera 2030

Yang Berhormat Dato' Seri Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada Yang Berhormat Ayer Kuning atas soalan yang dikemukakan berhubung usaha Kerajaan Negeri dalam memastikan golongan B40 dan miskin tegar tidak tercicir daripada menerima bantuan serta bagaimana keberkesanan program dinilai secara telus dan berimpak.

(S1) Bagaimanakah kerajaan negeri memastikan golongan yang benar-benar memerlukan tidak tercicir akibat kekangan peruntukan program?

1. Unutuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Perak mengakui bahawa dalam mana-mana sistem bantuan, kemungkinan keciciran masih boleh berlaku, khususnya melibatkan kes-kes terpencil di lapangan yang tidak tampil atau tidak sempat direkodkan. Namun, yang lebih penting adalah bagaimana kerajaan bertindak secara responsif, sistematik dan berterusan untuk mengesan serta menangani keciciran tersebut agar tidak menjadi kelemahan yang berpanjangan dalam sistem penyampaian bantuan.

2. Dalam memastikan golongan yang benar-benar memerlukan tidak tercicir, Kerajaan Negeri menggunakan pendekatan yang menyeluruh dan bersepadu dengan menggabungkan penggunaan data, pengesanan aktif di lapangan serta penyelarasan rentas pelbagai agensi.

3. Kerajaan Negeri menggunakan sistem eKasih yang diselaraskan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri sebagai pangkalan data kemiskinan nasional bagi mengenal pasti, memprofil dan memantau status isi rumah miskin dan miskin tegar secara lebih sistematik dan berasaskan data. Walau bagaimanapun, pendekatan ini tidak terhad kepada

pendaftaran pasif semata-mata, sebaliknya turut diperkukuh dengan pelaksanaan **program turun padang seperti Ziarah Kasih, lawatan ke rumah oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pejabat Daerah serta penglibatan penghulu dan komuniti setempat bagi mengesan kes-kes yang tidak tampil memohon bantuan tetapi sebenarnya berada dalam keadaan memerlukan.**

4. Kerajaan Negeri juga membuka ruang kepada orang awam, pemimpin setempat dan organisasi untuk melaporkan kes kemiskinan melalui pelbagai saluran seperti Pejabat Daerah, Pejabat Penghulu Mukim dan Pejabat Pembangunan Negeri.

5. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah menubuhkan **Task Force Mesyuarat Focus Group Kesejahteraan Rakyat di peringkat daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah** yang turut disertai oleh **semua agensi pemberi bantuan** yang akan sentiasa bersidang bagi memastikan data kemiskinan sentiasa dikemaskini serta setiap kes baharu dinilai secara telus dan menyeluruh. Dalam masa yang sama, pelbagai saluran aduan dan rayuan seperti Talian Kasih 15999, sistem dalam talian, Hari Bertemu Pelanggan dan kehadiran terus ke pejabat disediakan bagi memastikan tiada individu yang tercicir daripada semakan semula.

6. Sebagai usaha memperkukuh lagi sistem penyampaian bantuan, **Kerajaan Negeri telah memperkemas Program One Stop Centre Sejahtera Sosial bagi tahun 2026** sebagai satu pendekatan baharu yang lebih berfokus dan berimpak. Program ini merupakan kesinambungan daripada pelaksanaan sejak tahun 2024, namun **telah ditambah baik kepada model intervensi berasaskan keluarga**. Melalui pendekatan ini, setiap daerah akan mengenal pasti sekurang-kurangnya seratus Ketua Isi Rumah daripada kategori miskin dan miskin tegar dalam data eKasih untuk **dijadikan keluarga sasaran dan melalui proses profiling menyeluruh**.

7. **Setiap keluarga akan dikelaskan mengikut kluster seperti kesihatan, keusahawanan, pendidikan dan latihan kemahiran berdasarkan keperluan sebenar mereka**. Intervensi yang dilaksanakan kemudiannya disokong oleh rakan strategik yang terdiri daripada agensi kerajaan, institusi latihan dan sektor swasta bagi memastikan bantuan yang diberikan lebih tersasar dan berimpak. Program ini dilaksanakan secara berfasa melibatkan pemilihan keluarga, penglibatan komuniti serta pemantauan berterusan terhadap kemajuan keluarga sasaran. Bagi tujuan ini, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM600,000 dengan setiap daerah menerima RM50,000 bagi memastikan pelaksanaan yang menyeluruh.

8. Pendekatan ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri bukan sahaja memperbaiki sistem sedia ada, **malah sedang beralih kepada model intervensi yang lebih tersusun, menyeluruh dan berimpak bagi memastikan tiada rakyat yang tercicir daripada sistem bantuan**. Suka untuk saya kongsi juga bahawa **bantuan Kerajaan Negeri pada hari ini tidak lagi tertumpu kepada pemberian bantuan kewangan secara bulanan semata-mata, sebaliknya turut memberi penekanan kepada aspek pengupayaan diri dan ahli keluarga melalui penyertaan dalam program latihan kemahiran seperti TVET serta keusahawanan**. Pendekatan ini bertujuan memastikan kemahiran yang diperolehi dapat dimanfaatkan untuk mengembangkan potensi diri, seterusnya meningkatkan pendapatan dan mengurangkan kebergantungan kepada bantuan secara berterusan.

9. Saya mengambil kesempatan di dewan yang mulia ini, untuk menzahirkan ucapan penghargaan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pejabat-pejabat daerah dan tanah dan semua agensi pemberi bantuan yang telah bertungkus lumus tanpa mengira masa, mengorbankan waktu cuti mereka untuk menjalankan program One Stop Centre Sejahtera Sosial ini.

(S2) Apakah indikator atau ukuran yang digunakan oleh kerajaan negeri untuk menilai keberkesanan program-program tersebut?

Yang Berhormat Dato' Seri Yang di-Pertua,

10. Dalam menilai keberkesanan program bantuan pula, Kerajaan Negeri menggunakan indikator yang jelas, berasaskan data serta mengambil kira impak sebenar terhadap kehidupan penerima, dan bukan sekadar jumlah bantuan yang disalurkan.

11. Ukuran utama yang digunakan adalah berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang ditetapkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dan Kementerian Ekonomi, yang merangkumi keperluan asas makanan dan bukan makanan bagi memastikan isi rumah mampu menjalani kehidupan yang sejahtera. **Di Negeri Perak, pendapatan per kapita bagi kategori miskin tegar adalah RM331 di kawasan bandar dan RM320 di luar bandar, manakala kategori miskin adalah RM769 di bandar dan RM656 di luar bandar.**

12. Sehubungan itu, keberkesanan program diukur melalui keupayaan isi rumah untuk keluar daripada status kemiskinan, termasuk peningkatan pendapatan sehingga melepasi PGK serta keupayaan untuk berdikari tanpa bergantung kepada bantuan secara berterusan. Hakikatnya, berdasarkan data semasa, kadar keluar daripada kemiskinan di Negeri Perak menunjukkan trend yang positif dan telah melepasi sasaran nasional, sekali gus membuktikan bahawa pendekatan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri adalah berfungsi dan memberi impak yang nyata.

13. Untuk makluman Dewan, berdasarkan data eKasih sehingga 31 Disember 2025, seramai 732 Ketua Isi Rumah telah berjaya dinoktahkan daripada status miskin tegar di Negeri Perak, sekali gus mencapai matlamat sifar miskin tegar. Selain itu, seramai 11,648 Ketua Isi Rumah atau 45 peratus telah berjaya keluar daripada status miskin, melepasi sasaran nasional sebanyak 33 peratus.

14. Di peringkat Jabatan Kebajikan Masyarakat, keberkesanan bantuan turut dinilai berdasarkan keupayaan memenuhi keperluan asas, peranan bantuan sebagai sokongan sosial dan alat pemulihan serta tahap pengurangan kebergantungan penerima terhadap bantuan. **Sehingga Mac 2026, seramai 55,514 penerima bantuan telah menerima manfaat bantuan kewangan bulanan di Negeri Perak.**

15. Sementara itu, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak turut menilai keberkesanan program zakat melalui kajian impak secara saintifik dengan kerjasama institusi akademik seperti Universiti Teknologi MARA dan INCIEF University bagi menilai perubahan sebenar dalam kehidupan penerima bantuan dari segi peningkatan pendapatan, kesejahteraan hidup serta kelangsungan ekonomi mereka.

(S3) Bagaimanakah kerajaan negeri memastikan penilaian keberkesanan ini dibuat secara telus dan tidak sekadar bersandarkan laporan di atas kertas?

Yang Berhormat Dato' Seri Yang di-Pertua,

16. Kerajaan Negeri amat menitikberatkan aspek ketelusan dalam memastikan penilaian keberkesanan program tidak hanya bersandarkan laporan di atas kertas semata-mata, sebaliknya benar-benar mencerminkan keadaan sebenar di lapangan.

17. Dalam hal ini, **semua program bantuan tertakluk kepada pematuhan peraturan kewangan dan prosedur operasi standard serta diaudit secara berkala melalui audit dalaman dan audit oleh Jabatan Ketua Audit Negara bagi memastikan integriti** dalam pengurusan peruntukan dan pelaksanaan program sentiasa terpelihara.

18. Di samping itu, **verifikasi lapangan dilaksanakan secara berterusan melalui lawatan ke rumah, siasatan kes dan ulang kaji penerima bantuan bagi memastikan bantuan yang diberikan benar-benar sampai kepada kumpulan sasar serta dimanfaatkan sepenuhnya.** Pendekatan ini penting bagi memastikan data yang direkodkan bukan sekadar angka di atas kertas, tetapi selari dengan realiti kehidupan sebenar penerima di lapangan.

Yang Berhormat Dato' Seri Yang di-Pertua,

19. Kerajaan Negeri mengakui bahawa cabaran menangani kemiskinan adalah satu usaha berterusan yang memerlukan pendekatan yang dinamik dan sentiasa ditambah baik. Namun melalui sistem pelaksanaan yang komprehensif serta diperkukuh dengan inisiatif baharu seperti Program One Stop Centre Sejahtera Sosial 2026 yang berasaskan intervensi keluarga secara menyeluruh, Kerajaan Negeri bukan sahaja memperkukuh sistem bantuan, tetapi memperkemas keseluruhan ekosistem pengurusan kemiskinan di negeri ini.

20. Apa yang membezakan pendekatan Kerajaan Negeri hari ini ialah kita tidak hanya mengurus bantuan, tetapi kita mengurus jalan keluar daripada kemiskinan, dengan memastikan setiap intervensi yang dilaksanakan benar-benar memberi impak kepada kehidupan rakyat.

Sekian, terima kasih.

Soalan ini telah dijawab secara lisan pada 16 April 2026

SOALAN-SOALAN BERTULIS

1. Masalah tekanan air rendah di kawasan Ayer Kuning yang berlarutan sekian lama terus membebankan kehidupan harian rakyat, tanpa penyelesaian yang tuntas daripada pihak berwajib. Keadaan ini bukan sahaja menjejaskan keperluan asas seperti bekalan air bersih yang mencukupi, malah mencerminkan kelemahan dalam perancangan dan pelaksanaan infrastruktur bekalan air di peringkat negeri.

1. Apakah punca utama masalah tekanan air rendah yang berlarutan di kawasan Ayer Kuning?
2. Apakah tindakan segera yang telah diambil oleh kerajaan negeri untuk mengatasi masalah tekanan air di kawasan tersebut?
3. Apakah pelan jangka panjang kerajaan negeri bagi memastikan isu tekanan air di Ayer Kuning diselesaikan secara menyeluruh dan tidak berulang?

Jawapan Soalan 1

1) Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan hasil siasatan melalui pemasangan data logger di kawasan Ayer Kuning, didapati bahawa dakwaan berhubung masalah gangguan bekalan air yang berlarutan adalah tidak mencerminkan keadaan sebenar di lapangan.

2) Gangguan yang berlaku adalah bersifat sementara serta hanya berlaku pada keadaan tertentu, khususnya semasa musim perayaan dan ketika kejadian kepala air yang menyebabkan muka sauk (*intake*) Loji Rawatan Air (LRA) Bukit Temoh tersumbat.

3) Sehubungan itu, sebagai langkah mengatasi masalah tekanan air tersebut, LAP menyarankan orang ramai untuk menyediakan tangki simpanan air sendiri yang berperanan untuk menyimpan air untuk kegunaan 1 hari selaras dengan keperluan dan garis panduan yang terkandung dalam *Uniform Technical Guidelines* Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)

4) Dalam masa yang sama, LAP dalam proses melaksanakan kerja-kerja menaik taraf muka sauk sedia ada bagi mengatasi masalah *intake* tersumbat seterusnya mengurangkan risiko gangguan bekalan di masa hadapan.

2. Keberkesanan langkah kerajaan negeri dalam menangani isu ternakan berkeliaran di DUN Ayer Kuning terus menjadi persoalan apabila insiden kemalangan maut masih berulang sehingga menimbulkan kebimbangan serius dalam kalangan masyarakat. Keadaan ini lebih membimbangkan apabila beberapa lokasi dikenal pasti sebagai hotspot kemalangan iaitu di Banir, Ayer Kuning dan Changkat Petai, yang menunjukkan masalah ini bukan sahaja berlarutan malah semakin kritikal.

1. Apakah penilaian kerajaan negeri terhadap tahap keberkesanan langkah sedia ada dalam menangani isu ternakan berkeliaran di DUN Ayer Kuning, khususnya di kawasan Banir, Ayer Kuning dan Changkat Petai yang dikenal pasti sebagai hotspot kemalangan?
2. Apakah tindakan penguatkuasaan yang telah dilaksanakan di lokasi-lokasi tersebut termasuk jumlah tangkapan ternakan, kompaun yang dikeluarkan serta pemantauan terhadap pemilik yang terlibat?
3. Apakah perancangan penambahbaikan yang akan dilaksanakan bagi mengawal isu ini secara lebih berkesan, termasuk langkah pencegahan di kawasan hotspot serta pendekatan baharu bagi memastikan keselamatan pengguna jalan raya terjamin?

Jawapan Soalan 2

JAWAPAN 1

Untuk makluman Yang Berhormat,

Isu ternakan berkeliaran yang menjejaskan keselamatan awam sentiasa diberi perhatian serius oleh Majlis Daerah Tapah melalui pelaksanaan Tindakan penguatkuasaan secara berterusan.

Ternakan berkeliaran masih dikesan di beberapa lokasi dan dalam kebanyakan kes,kegagalan mengenal pasti pemilik ternakan kerana kebanyakan haiwan ternakan berkeliaran ini tidak mempunyai sebarang tanda pengenalan yang sepatutnya dikenakan kepada setiap haiwan ternakan seperti yang terkandung di dalam Enakmen Pendaftaran Kerbau Lembu 1981.

JAWAPAN 2

Untuk makluman Yang Berhormat,

MDT telah melaksanakan tindakan berikut bagi menangani isu ini, antaranya ialah operasi sitaan haiwan ternakan berkeliaran secara berkala di tempat awam. Selain itu, pemantauan berterusan di kawasan hotspot yang dikenal pasti. Walaubagaimanapun, tindakan kompaun dan pendakwaan tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya berikutan kekangan dalam mengenal pasti pemilik ternakan.

JAWAPAN 3

Untuk makluman Yang Berhormat,

MDT akan terus mempergiatkan operasi sitaan di kawasan hotspot serta meningkatkan pemantauan secara berkala. Haiwan ternakan berkeliaran akan disita dan lelongan akan dibuat bagi haiwan ternakan yang tidak dituntut. Selain itu, pihak majlis juga mengenakan bayaran dan caj tuntutan yang tinggi ke atas pemilik haiwan ternakan yang ingin menuntut kembali haiwan ternakan yang disita dengan kadar denda sebanyak RM 250.00 dan kadar caj tuntutan sebanyak RM 3,750.00 dimana jumlah keseluruhan yang perlu dibayar oleh pemilik haiwan ternakan adalah RM4,000.00.

MDT komited untuk menangani isu ini secara berterusan melalui Tindakan penguatkuasaan dan pendekatan pencegahan demi memastikan keselamatan masyarakat sentiasa terpelihara.

Soalan Dari : YB ENCIK KHALIL BIN YAHAYA
Ahli Dewan Undangan Negeri : (KUBU GAJAH)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. Laluan Tebing Tinggi ke Alor Pongsu merupakan antara laluan penting yang digunakan oleh penduduk setempat sebagai penghubung utama bagi urusan harian termasuk ke tempat kerja, sekolah dan laluan ke Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, keadaan infrastruktur di laluan tersebut didapati kurang memuaskan, khususnya melibatkan jambatan yang lebih selamat serta keadaan turapan jalan yang beralun di laluan Tebing Tinggi Sungai Malau yang menjejaskan keselesaan dan keselamatan pengguna jalan raya.

(a) Mohon penjelasan daripada pihak Kerajaan Negeri mengenai baik pulih jambatan bagi laluan Tebing Tinggi ke Alor Pongsu, termasuk jangka masa pelaksanaan projek tersebut.

(b) Apakah tindakan pihak Kerajaan bagi menangani masalah turapan jalan yang beralun di laluan Tebing Tinggi ke Sungai Malau dan perancangan untuk kerja-kerja naik taraf atau penyelenggaraan dalam masa terdekat?

Jawapan Soalan 1

(a) Untuk makluman Yang Berhormat, pihak JKR sedia maklum berkenaan keperluan pembaikan serta menaiktaraf Jambatan Sungai Ijok, FT147, Seksyen 22.7, Jalan Bagan Serai – Alor Pongsu – Selama, Daerah Larut Matang dan Selama.

Tindakan Jangka Pendek

i) Pihak JKR telah mengangkat permohonan kelulusan bagi pemasangan Jambatan Panel Keluli Bermodular sebagai jambatan sementara dan dijangka siap pada tahun semasa sekiranya permohonan ini diluluskan.

Tindakan Jangka Panjang

ii) Permohonan projek penggantian jambatan ini telah disenaraikan sebagai keutamaan pertama bagi kategori jambatan dalam Rolling Plan Kedua (RP2), Rancangan Malaysia Ke-13 (RMKe-13), Negeri Perak melalui Mesyuarat Pembentangan Permohonan Projek RMKe-13 Rolling Plan Kedua (RP2)

(b) Pihak JKR telah mengangkat permohonan penyenggaraan berkala pavemen bagi menambah baik keadaan turapan jalan sedia ada melalui Anggaran Penyenggaraan Jabatan Tahunan ke Ibu Pejabat JKR Malaysia, dan permohonan tersebut telah mengambil kira laluan FT147, Jalan Bagan Serai - Alor Pongsu – Selama, Daerah Larut, Matang dan Selama seperti berikut:-

.	Nama Laluan	No. Laluan	Seksyen		Perihal Kerja
1	Jalan Bagan Serai - Alor Pongsu - Selama	0147	19.00	20.00	Partial Reconstruction dan lain-lain kerja berkaitan
2	Jalan Bagan Serai - Alor Pongsu - Selama	0147	21.10	21.80	Mill And Pave dan lain-lain kerja berkaitan
3	Jalan Bagan Serai - Alor Pongsu - Selama	0147	23.00	24.00	Partial Reconstruction dan lain-lain kerja berkaitan
4	Jalan Bagan Serai - Alor Pongsu - Selama	0147	27.90	28.70	Mill And Pave dan lain-lain kerja berkaitan
5	Jalan Bagan Serai - Alor Pongsu - Selama	0147	29.00	30.00	Mill And Pave dan lain-lain kerja berkaitan
6	Jalan Bagan Serai - Alor Pongsu - Selama	0147	30.40	31.00	Mill And Pave dan lain-lain kerja berkaitan
7	Jalan Bagan Serai - Alor Pongsu - Selama	0147	31.50	32.00	Mill And Pave dan lain-lain kerja berkaitan
8	Jalan Bagan Serai - Alor Pongsu - Selama	0147	32.00	32.50	Mill And Pave dan lain-lain kerja berkaitan

Kerja penyenggaraan akan dilaksanakan sebaik kelulusan diterima.

Soalan ini telah dijawab secara lisan pada 20 April 2026
Persidangan Kelima Tahun Keempat Dewan Negeri Yang Kelima Belas

2. Isu pembinaan rumah ibadat tanpa kebenaran di Malaysia mesti ditangani secara tegas mengikut lunas undang-undang, termasuk Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, bagi memastikan keselamatan awam dan keharmonian masyarakat. Kerajaan tidak membenarkan pembinaan tidak sah dan menekankan kepentingan pematuhan prosedur, di mana pihak berkuasa tempatan (PBT) bertanggungjawab mengawal selia serta mengambil tindakan. Pendekatan tertib dan adil diperlukan untuk menyelesaikan isu ini bagi mengelakkan ketegangan antara kaum. Selain itu, nyatakan

(a) Berapakah jumlah rumah ibadat (tokong, kuil & masjid) yang dikenal pasti dibina tanpa kebenaran di negeri Perak setakat ini ?

(b) Berapakah jumlah aduan awam yang diterima berkaitan pembinaan rumah ibadat (tokong, kuil & masjid) tanpa kebenaran di negeri Perak?

Jawapan Soalan 2

Dato' Seri Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri menerusi Pejabat Pengarah Tanah dan Galian (PTG) bersama-sama Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) di seluruh negeri Perak kini sedang melaksanakan tindakan bancian secara menyeluruh bagi mengenal pasti jumlah sebenar rumah ibadat yang dibina tanpa kebenaran di negeri ini. Mengenai status penguatkuasaan, sejak tahun 2025 sehingga kini, Kerajaan Negeri telah menerima sebanyak 18 aduan awam berhubung pembinaan rumah ibadat secara tidak sah di atas tanah kerajaan melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA). Berdasarkan aduan tersebut, siasatan di lapangan segera dijalankan bagi menentusahkan status tapak berkenaan. Sekiranya terbukti berlaku pencerobohan di atas tanah kerajaan, Notis Amaran di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 akan dikeluarkan oleh pihak PDT. Melalui notis ini, pihak terbabit akan diberi tempoh antara 14 sehingga 30 hari untuk merobohkan struktur dan mengosongkan tanah tersebut. Sekiranya pihak terbabit gagal mematuhi arahan pengosongan dalam tempoh yang ditetapkan, isu ini akan diangkat ke Jawatankuasa Hal Ehwal Bukan Islam (HEBI) Negeri Perak dan Jawatankuasa Khas Pembangunan Kaki Bukit dan Gua Negeri Perak bagi menelaraskan tindakan penyelesaian. Tindakan penyelesaian ini merangkumi operasi penguatkuasaan bagi merobohkan struktur binaan seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara (Akta 828) di mana pihak yang didapati bersalah boleh dikenakan hukuman denda maksimum

RM500,000, tindakan penjara tidak melebihi 5 tahun, atau kedua-duanya sekali. Di samping itu, cadangan penyelesaian untuk memindahkan rumah ibadat tersebut ke kawasan ganti yang lebih sesuai atau dalam keadaan tertentu, tindakan pemertaaan secara in-situ juga boleh dipertimbangkan, namun ia tertakluk kepada syarat ketat iaitu binaan tersebut tidak menimbulkan isu keselamatan dan keharmonian, tidak bercanggah dengan pengezonan kawasan serta mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

Sebagai langkah proaktif dan pengawalseliaan yang lebih teratur, pihak PTG Negeri Perak juga telah mengeluarkan garis panduan rasmi, iaitu Pekeliling Bil. 3 Tahun 2025 berkaitan Pengurusan Kuil serta Pekeliling Bil. 4 Tahun 2025 berkaitan Pengurusan dan Tindakan bagi Isu Tokong, untuk memastikan pengurusan rumah ibadat bukan Islam sentiasa terkawal dan mematuhi lunas perundangan.

(NOTA TAMBAHAN):

1. BAHAGIAN KERAJAAN TEMPATAN

Tindakan penguatkuasaan terhadap pembinaan rumah ibadat bukan Islam di atas tanah kerajaan adalah di bawah bidang kuasa Pejabat Tanah dan Galian Negeri Perak. Undang-Undang yang dirujuk berkaitan pembinaan rumah ibadat bukan Islam secara tidak sah (tokong/kuil) adalah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara (KTN) dan Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Perak Darul Ridzuan Bil. 4/2025. Seksyen 425 KTN memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang menduduki, atau membina apa-apa bangunan di atas, mana-mana tanah kerajaan, tanah rizab atau tanah perlombongan tanpa kebenaran yang sah adalah melakukan kesalahan dan boleh disabitkan, dikenakan denda yang tidak melebihi RM500,000.00, atau dipenjarakan untuk suatu tempoh yang tidak melebihi lima(5) tahun.

Mana-mana orang yang bersubahat dalam melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 425 KTN adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, jika disabitkan, dikenakan denda yang tidak melebihi RM500,000.00, atau dipenjarakan untuk suatu tempoh yang tidak melebihi lima (5) tahun, atau kedua-duanya.

Seksyen 426A (1)(c) KTN memperuntukkan mana-mana pegawai polis yang tidak rendah dari pangkat Inspektor, Pendaftar, Pentadbir Tanah, Pegawai Penempatan atau lain-lain pegawai yang diberi kuasa dengan sempurnanya oleh Pihak Berkuasa Negeri bolehlah tanpa waran:-

- a) Menahan mana-mana orang yang dijumpai melakukan atau cuba melakukan atau bersubahat untuk melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 425 atau 426;
- b) Merampas apa-apa kenderaan, traktor, alat pertanian atau apa-apa benda lain sekalipun yang dipercayainya telah digunakan atau sedang digunakan dalam melaksanakan suatu kesalahan di bawah seksyen itu; dan
- c) Memusnahkan, membinasa atau memindah mana-mana bangunan, atau mengambilmilik atas nama Pihak Berkuasa Negeri apa-apa tanaman, yang dibina atau ditanam di atas mana-mana tanah sebagai pelanggaran terhadapnya.

Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Perak Darul Ridzuan Bil. 4/2025 bertujuan untuk memberi panduan kepada Pentadbir Tanah (PT) berhubung Dasar Bagi Penyelarasan Permohonan Pelupusan Rumah Ibadat (Tokong). Pekeliling ini merangkumi kaedah pelupusan rumah ibadat dan kaedah penguatkuasaan pembinaan rumah ibadat yang tidak sah.

Selain itu, pembinaan sesuatu bangunan hendaklah mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pihak Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Undang-undang yang dirujuk adalah seperti berikut:-

- i. Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)
- ii. Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)
- iii. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam

Berdasarkan Seksyen 70(1) Akta 133, pembinaan sesuatu bangunan hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis daripada PBT. Mana-mana orang yang bercadang untuk mendirikan bangunan hendaklah mengemukakan apa-apa pelan yang dikehendaki di bawah Akta 133 dan Akta 172. Pelan yang dimaksudkan adalah Pelan Bangunan, Kejuruteraan dan pelan-pelan yang berkaitan di bawah UUK Bangunan Seragam. Kegagalan mendapat kebenaran bertulis daripada Pihak Berkuasa Tempatan menyebabkan tindakan penguatkuasaan dilakukan di bawah Seksyen 72 Akta 133.

Tindakan di bawah Seksyen 72 Akta 133 adalah PBT akan menyampaikan notis kepada pemunya tanah untuk tindakan seperti berikut:-

- a) Tidak memulakan atau meneruskan pendirian bangunan itu;
- b) Meruntuhkan bangunan itu dalam masa yang dinyatakan oleh pihak berkuasa tempatan; dan
- c) Mengambil langkah sebagaimana yang diperintahkan oleh pihak berkuasa tempatan.

Sekiranya pemunya itu tidak dapat meruntuhkan bangunan yang dinyatakan dalam tempoh yang diberikan di dalam notis itu, pemunya itu boleh meminta PBT menjalankan kehendak notis itu. Tambahan, kos dan belanja meruntuhkan bangunan, harta alih dalam bangunan itu, menyimpan harta alih hendaklah ditanggung oleh pemunya itu. Kegagalan pemunya mematuhi notis itu boleh dikenakan tindakan denda didenda tidak melebihi RM250.00 bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas tamat tempoh yang dinyatakan dalam notis itu.

Selain itu, bagi tindakan mendirikan sesuatu bangunan, Seksyen 19 Akta 172 hendaklah dibaca bersama dengan Akta 133. Seksyen 19 memperuntukkan bahawa tiada seorang dapat memulakan pemajuan melainkan jika kebenaran merancang telah diperolehi daripada PBT. Seksyen 26 Akta 172 memperuntukkan kesalahan tidak mendapatkan kebenaran merancang apabila disabitkan, didenda tidak melebihi RM500,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua (2) tahun atau kedua-duanya dan, berkenaan dengan suatu kesalahan yang berterusan, didenda selanjutnya sehingga RM5,000.00 bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan yang pertama bagi kesalahan itu. Bagi pembinaan rumah ibadat atau pencerobohan di atas tanah milik, pemunya tanah hendaklah bertanggungjawab dan menyelesaikan sendiri isu tersebut dengan cara seperti tindakan undang-undang ke atas penceroboh berkenaan.

3. Isu gangguan hidupan liar seperti monyet dan kera semakin membimbangkan, khususnya di kawasan penempatan dan kebun penduduk sehingga menjejaskan keselamatan, kesihatan serta sumber pendapatan mereka. Susulan kelulusan Enakmen Perladangan Unggas dalam persidangan Dewan yang lalu, mohon penjelasan daripada pihak Kerajaan Negeri mengenai perkembangan terkini dalam menangani permasalahan ini.

(a) Apakah tindakan terkini, langkah jangka pendek dan jangka panjang yang telah dan sedang diambil oleh pihak Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah gangguan monyet dan kera, termasuk usaha kawalan populasi, pemindahan serta kerjasama dengan agensi berkaitan?

(b) Adakah pihak Kerajaan Negeri telah menubuhkan satu jawatankuasa khas atau pasukan bertindak bagi menangani isu ini secara lebih menyeluruh, dan sekiranya ya, adakah penglibatan Ahli Dewan Negeri (ADN) kawasan turut diberi peranan dalam jawatankuasa tersebut bagi memastikan tindakan yang diambil lebih

berkesan di peringkat setempat?

(c) Selain itu, apakah bentuk sokongan atau bantuan yang disediakan kepada penduduk yang terjejas, termasuk mekanisme aduan, tindakan segera serta program kesedaran bagi mengurangkan konflik antara manusia dan hidupan liar?

Jawapan Soalan 3

MUKADIMAH

Salam Perak Sejahtera 2030,

Terima kasih Dato' Seri Yang di-Pertua atas ruang untuk saya menjawab soalan mengenai kacau ganggu kera dan monyet yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Selama bersekali dengan Yang Berhormat Kubu Gajah dan Yang Berhormat Pasir Panjang.

Untuk makluman Yang Berhormat,

Kerajaan Negeri melalui Jabatan PERHILITAN Negeri Perak memandang serius peningkatan aduan berkaitan kacau ganggu monyet di beberapa kawasan di Negeri Perak yang melibatkan keselamatan penduduk, kerosakan tanaman serta gangguan kepada ternakan.

Dalam usaha menangani isu ini secara lebih berkesan dan bersepadu, beberapa perancangan telah dan sedang dilaksanakan seperti berikut:

- a) **Pengukuhan operasi kawalan populasi**
 - i. Melaksanakan operasi tangkapan menggunakan perangkap di kawasan *hotspot* aduan.
 - ii. Pelaksanaan pelupusan secara terkawal bagi kes-kes tertentu yang kritikal dan berisiko tinggi.
- b) **Pendidikan dan kesedaran awam**
 - i. Mempergiat kempen kesedaran bagi mendidik masyarakat supaya tidak memberi makanan kepada monyet kerana ia menjadi punca utama perubahan tingkah laku haiwan tersebut menjadi agresif dan bergantung kepada manusia.
 - ii. Menyampaikan garis panduan pengurusan konflik hidupan liar kepada komuniti setempat.
- c) **Kerjasama strategik antara agensi**
 - i. Memperkukuh kerjasama antara PERHILITAN, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pejabat Daerah serta agensi berkaitan bagi tindakan bersepadu termasuk pengurusan sisa pepejal dan kebersihan kawasan.
 - ii. Menggalakkan penglibatan komuniti setempat dalam menyalurkan maklumat awal dan menyokong tindakan mitigasi.
- d) Seterusnya adalah **Pemantauan dan respons aduan yang lebih cekap** iaitu :-
 - i. Mempertingkatkan sistem pemantauan kawasan berisiko serta mempercepatkan tindakan respons terhadap aduan awam.
 - ii. Menjalankan penilaian berkala bagi memastikan keberkesanan langkah-langkah yang dilaksanakan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat,

Kerajaan Negeri komited untuk memastikan isu kacau ganggu monyet ini ditangani secara menyeluruh dengan mengambil kira keseimbangan antara keselamatan manusia dan pemuliharaan hidupan liar.

Yang Berhormat Dato' Seri Yang di-Pertua,

Dengan adanya pendekatan bersepadu ini, Kerajaan Negeri yakin masalah gangguan kera dapat dikawal secara lebih berkesan. Pendekatan ini juga dapat mengurangkan dan mengawal populasi gangguan monyet di kawasan konflik ke tahap minimum demi memastikan keharmonian dan kesejahteraan rakyat terus terpelihara.

Sekian, terima kasih.

SOALAN-SOALAN BERTULIS

1. Berapakah jumlah rumah Program Perumahan Rakyat atau rumah mampu milik yang telah disediakan oleh kerajaan negeri di kawasan Kubu Gajah setakat ini ?

Jawapan Soalan 1

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat,

Tiada Program Perumahan Rakyat (PPR) yang tersedia di kawasan Kubu Gajah. PPR yang terhampir dengan kawasan Kubu Gajah adalah PPR Kamunting Lestari (260 unit rumah) dan PPR Taman Toh Jabit (199 unit rumah) dan setakat ini tiada penyediaan rumah mampu milik oleh kerajaan negeri di kawasan Kubu Gajah.

Untuk makluman juga, penyediaan perumahan di Negeri Perak adalah di bawah pelaksanaan pemaju swasta dan juga beberapa agensi-agensi di bawah Kerajaan Negeri. LPHP sebagai agensi penggerak pembangunan perumahan khususnya mampu milik sentiasa menggalakkan dan mengalu-alukan penglibatan agensi-agensi termasuk pemaju swasta untuk menyediakan perumahan mampu milik di Negeri Perak.

Namun begitu, cadangan pembangunan perumahan adalah mengikut perancangan setiap pemain industri perumahan berdasarkan ketersediaan tanah, modal perniagaan serta kesesuaian tapak.

2. Risiko Kebergantungan Tenaga Kerja Luar

(a)Apakah strategi kerajaan negeri bagi mengelakkan situasi di mana projek mega seperti AHTV bergantung kepada tenaga kerja luar negeri atau luar negara kerana kekurangan tenaga kerja tempatan yang berkemahiran tinggi.

(b)Adakah kerajaan negeri mempunyai unjuran keperluan tenaga kerja sektor EV dan semikonduktor menjelang tahun 2030.

(c)Apakah langkah mempercepatkan pembangunan tenaga kerja tempatan ?

Jawapan Soalan 2

JAWAPAN (A) :

Untuk makluman Yang Berhormat Kubu Gajah,

Kerajaan negeri telah memperkasakan strategi bagi mempersiapkan tenaga mahir yang bertepatan dengan keperluan pembangunan projek mega AHTV dengan menjalankan kerjasama strategik antara pihak kerajaan, industri, institusi TVET dan badan-badan berkepentingan. Antaranya adalah:

i. Mesyuarat Tenaga Kerja Daerah Muallim telah dijalankan pada tahun 2023 melibatkan Majlis Daerah Tanjong Malim, Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK), serta industri dan institusi pengajian yang melibatkan bidang automotif di sekitar daerah Muallim.

ii. Bengkel Koridor TVET Malaysia Siri 4 telah dijalankan pada Mei 2023. Bertujuan untuk mendapatkan input daripada pemain industri berkenaan pekerja berkemahiran dan jenis kemahiran yang diperlukan di dalam industri.

iii. Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal TVET Bil 1 2024 telah dijalankan bagi mengukuhkan kolaborasi antara industri dan penyedia latihan sejajar dengan hala tuju TVET di bawah Agenda Perak Sejahtera 2030.

iv. Industry - Academia Collaboration Workshop Perak (IAC) telah dijalankan pada Oktober 2024 bagi memadankan kemahiran dan peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh pemain industri dan institusi.

Berdasarkan statistik PERKESO, dari tempoh Januari sehingga 31 Disember 2025, jumlah kekosongan jawatan yang diiklankan dalam Portal MYFutureJobs adalah sebanyak 1.43 juta [1.429.145] kekosongan jawatan. Daripada jumlah tersebut, kekosongan jawatan bagi berkemahiran tinggi yang berteraskan kecerdasan buatan atau Artificial Intelligence (AI) seperti jawatan yang diiklankan adalah seperti *Automation Engineer*, *Cloud Engineer*, *Data Scientist* dan *Software Developer* adalah sebanyak 27,109 kekosongan jawatan yang mana 255 kekosongan jawatan tersebut adalah di negeri Perak.

Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) melalui PERKESO secara berterusan mengatur strategi dan melaksanakan inisiatif dalam memperkukuh kerjasama dengan institusi latihan dan sektor swasta di seluruh negara bagi meningkatkan kemahiran tenaga kerja tempatan

PERKESO dan Kerajaan Negeri juga secara berterusan mengambil langkah proaktif mengatur strategi dan melaksanakan inisiatif dalam memperkukuh kerjasama dengan institusi latihan dan sektor swasta di seluruh negara bagi meningkatkan kemahiran tenaga kerja tempatan, sekali gus menurunkan kebergantungan kepada tenaga kerja luar negeri atau luar negara dalam mengisi kekosongan iawatan dalam industri mega yang sedang dibanqukan iaitu di Lembah Teknologi Tinggi Automotif (AHTV) Tanjung Malim, Bandar Perindustrian Maritim Lumut (LuMIC) dan Taman Perindustrian Hijau Bersepadu Kerian. Antaranya

i. Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) yang di antara PERKESO, HRD Corp dan HCL Technologies Malaysia Sdn Bhd di bawah Program Latihan Next TECH yang bertujuan untuk membantu orang yang kehilangan pekerjaan dan golongan lain seperti graduan, pencari kerja dan pekerja gig dalam latihan kemahiran semula, peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran.

ii. Menjalinkan kerjasama strategik dengan Pepper Labs dalam membina impak dan negara melalui teknologi, inovasi serta perkonasian strategik, untuk mengintegrasikan penyelesaian AI dalam transformasi tadbir urus dan penyampaian perkhidmatan. Kerjasama ini menyeralahkan kedudukan unik Pepper Labs sebagai pemacu yang dipercayai dalam agenda digital dan sosioekonomi negara.

iii. Melaksanakan program-program kebolehpasaran pekerjaan bagi menarik perhatian dan minat golongan muda seperti Karnival Pekerjaan, Program Temu Duqa Khas, Program Temu Duqa Minquuan, Career talk, Program Profiling Golongan Sasar, Bengkel Kebolehpasaran Pekerjaan, Kaunseling Kerjaya dan pelbagai program berteraskan pembangunan modal insan.

iv. Melaksanakan Program Eksplorasi Kerjaya yang bertujuan memperkasakan pasaran kerja negara dan mempersiapkan tenaga kerja mahir negara. Program ini membantu meningkatkan soft skills pelajar seperti persediaan dan perancangan pelajar sebelum melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Program ini turut memberi pendedahan kepada mereka untuk memilih kerjaya yang bersesuaian dengan personaliti, minat, kemahiran dan kebolehan mereka. Sepanjang tahun 2025, program ini telah menelaiahi sebanyak 239 sekolah di seluruh negara melibatkan seramai 15,262 pelajar sekolah.

v. Menyediakan faedah insurans pekerjaan bagi membantu Orang Berinsurans (OB) termasuk golongan belia dan graduan yang kehilangan pekerjaan dalam meningkatkan kemahiran (upskilling) dan latihan semula (*reskilling*) di bawah LINDUNG Kerjaya. Berdasarkan statistik PERKESO, dari tempoh Januari 2025 hingga 31 Mac 2026, seramai 601 Orang Berinsurans (OB) yang kehilangan pekerjaan di negeri Perak telah memohon untuk menialani program peningkatan kemahiran (upskilling) dan latihan semula (*reskilling*) di bawah skim LINDUNG Kerjaya. Daripada jumlah tersebut, seramai 572 peserta telah diluluskan untuk menjalani program latihan dan seramai 173 peserta mendapat pekerjaan.

JAWAPAN (B) :

Kerajaan negeri, dengan kerjasama agensi persekutuan seperti Malaysian Investment Development Authority dan Ministry of Investment, Trade and Industry, sentiasa meneliti unjukan keperluan tenaga kerja berdasarkan trend pelaburan semasa dan hala tuju industri global.

Secara umumnya, sektor kenderaan elektrik (EV) dan semikonduktor dijangka memerlukan peningkatan ketara dalam tenaga kerja berkemahiran tinggi menjelang tahun 2030, khususnya dalam bidang kejuruteraan, automasi, reka bentuk litar bersepadu (IC design), analitik data serta teknologi pembuatan maju.

Sehubungan itu, kerajaan negeri sedang memperkukuh perancangan tenaga kerja melalui pendekatan berasaskan data (*data-driven workforce planning*), termasuk mengenal pasti jurang kemahiran (*skills gap*) dan merangka program latihan yang bersesuaian. Langkah ini penting bagi memastikan Negeri Perak bersedia memenuhi permintaan industri masa hadapan serta kekal kompetitif dalam menarik pelaburan berkualiti tinggi.

Hasil daripada kerjasama Mesyuarat Tenaga Kerja Daerah Muallim, kerajaan negeri dapat mempersiapkan tenaga mahir yang kompetitif melalui pelaksanaan kursus TVET jangka pendek yang sejajar dengan permintaan industri semasa dan masa hadapan. Antaranya, kerajaan negeri melalui PASAK menjalankan kursus TVET dalam bidang-bidang kemahiran yang mampu menyokong industri Electric Vehicle (EV) dan semikonduktor. Antaranya adalah seperti yang berikut:

Senarai Kursus TVET Tahun 2025 yang Seajar dengan Keperluan Industri EV dan Semikonduktor

Bil.	Kursus TVET	Kuota Penyertaan (Orang)
1	Advanced PLC Programming Mechatronics System Smart Design	10
2	Award In Electric Vehicle (EV) Awareness Program	40
3	Omron PLC Training Course	20
4	Omron Programmable Logic Controller (PLC) Training Course - All In One (PLC-Servo-HMI)	20
5	Vehicle Electrical & Electronic System Services	20
6	Vehicle Electrical And Electronic System Services	20
7	Malaysia–China Youth TVET Training: AI in Manufacturing Automation	27
8	Malaysia–China Youth TVET Training: New Energy Vehicle	25
9	Malaysia–China Youth TVET Training: Train-the-Trainer (EV Automotive)	18
	Jumlah:	200

JAWAPAN (C):

Bagi memajukan pembangunan tenaga kerja tempatan, kerajaan negeri telah dan sedang melaksanakan beberapa inisiatif strategik yang menyeluruh. Antaranya ialah memperkukuh ekosistem Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) melalui pemodenan kurikulum, peningkatan kemudahan latihan serta peluasan akses kepada program kemahiran berteknologi tinggi.

Kerajaan negeri juga menggalakkan pelaksanaan program latihan berasaskan industri seperti apprenticeship, internship dan on-the-job training bagi mempercepatkan proses pembelajaran serta meningkatkan kebolehpasaran graduan. Dalam masa yang sama, inisiatif upskilling dan reskilling turut diperkasakan bagi membantu tenaga kerja sedia ada menyesuaikan diri dengan keperluan industri baharu.

Selain itu, kerjasama strategik antara kerajaan, agensi-agensi, industri dan institusi pendidikan terus dipertingkatkan bagi mewujudkan ekosistem pembangunan bakat yang lebih responsif dan dinamik. Pendekatan ini bukan sahaja mempercepatkan penyediaan tenaga kerja mahir, malah memastikan pembangunan modal insan negeri selari dengan keperluan pelaburan berteknologi tinggi.

Bagi mempercepatkan pembangunan tenaga kerja tempatan, Majlis TVET Negeri Perak melalui PASAK telah mengorak langkah proaktif dengan menjalankan 11 kluster program TVET bagi membuka peluang kepada rakyat Perak untuk mendapatkan kursus latihan TVET jangka pendek secara percuma. 11 kluster yang dimaksudkan ini merujuk kepada pengkhususan kumpulan-kumpulan tertentu dan mengambil kira keperluan dari setiap lapisan masyarakat di negeri Perak. Di mana, 11 kluster program TVET ini terdiri daripada:

- i. Program TVET Modular Industri;
- ii. Program TVET Mahir Kerja;
- iii. Program TVET OKU;
- iv. Program TVET Orang Asli;
- v. Program TVET Anak Yatim;
- vi. Program TVET Warga Emas;
- vii. Program TVET Desa Mahir;
- viii. Program TVET Pelancongan;
- ix. Program TVET Tahfiz;
- x. Program TVET Usahawan; dan
- xi. TVET Exchange Program.

Melalui program TVET ini, kerajaan negeri dapat membekalkan tenaga mahir tempatan yang berdaya saing demi memenuhi permintaan industri pada masa kini dengan kadar segera. Sehubungan dengan itu, bagi menjamin permintaan tenaga kerja pada masa akan datang dapat dipenuhi, kerajaan negeri melalui PASAK mengambil langkah awal turun ke sekolah-sekolah menjalankan program Pemetaan Kerjaya sejak tahun 2021 sehingga kini. Program Pemetaan Kerjaya ini memberi fokus kepada kumpulan murid menengah atas untuk memberi pendedahan awal tentang TVET melalui aktiviti menarik seperti taklimat kerjaya, pameran, hands-on, dan kursus kemahiran jangka pendek, bagi mempersiapkan kemasukan anak muda ke dalam bidang TVET agar dapat menyumbang ke dalam pembangunan ekonomi negeri pada masa akan datang.

datang. Sepanjang tahun 2025, Pemetaan Kerjaya telah dijalankan sebanyak 47 sesi melibatkan sebanyak 125 buah sekolah dan telah memberi manfaat kepada seramai 4,547 orang murid.

3. Apakah perancangan komprehensif kerajaan negeri dalam menambah dan memperkasa kemudahan rumah orang tua atau pusat jagaan warga emas khususnya melibatkan golongan yang uzur, tiada penjaga serta berpendapatan rendah, agar kebajikan dan kesejahteraan mereka terus terpelihara secara menyeluruh ?
- (a) Berapakah jumlah rumah orang tua atau pusat jagaan warga emas yang sedia ada di negeri ini mengikut daerah, serta kapasiti semasa yang mampu ditampung ?
- (b) Adakah kerajaan negeri mempunyai perancangan untuk membina kemudahan baharu atau menaik taraf pusat sedia ada dalam tempoh terdekat dan jangka panjang, termasuk melibatkan kerjasama dengan agensi berkaitan atau pihak swasta ?
- (c) Apakah kriteria dan pertimbangan utama dalam pemilihan lokasi pembinaan rumah orang tua, termasuk aspek keperluan setempat, akses kepada kemudahan kesihatan, sokongan komuniti serta faktor sosioekonomi penduduk di sesuatu kawasan ?

SOALAN DITOLAK (melebihi pecahan)

4. Sejauh manakah kerajaan negeri memandang serius isu keganasan rumah tangga yang berpunca daripada penyalahgunaan dadah yang dilihat semakin membimbangkan dan memberi kesan langsung kepada keselamatan wanita serta kanak-kanak ?
- (a) Adakah terdapat peningkatan kes yang ketara dalam tempoh terkini ?
- (b) Apakah tindakan segera yang diambil terhadap pelaku ?

Jawapan Soalan 4

Yang Berhormat Kubu Gajah,

1. Isu keganasan rumah tangga yang berpunca daripada penyalahgunaan dadah sememangnya dipandang serius oleh Kerajaan Negeri kerana kesannya yang besar terhadap keselamatan mangsa serta kesejahteraan institusi keluarga. Sehubungan itu, pelbagai langkah bersepadu telah dilaksanakan melalui kerjasama antara agensi bagi memastikan perlindungan, pemulihan dan pencegahan dapat dilaksanakan secara menyeluruh.

2. Antara tindakan utama yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

2.1 Memperkasakan Perintah Pelindungan Kecemasan (EPO)

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat memastikan Perintah Pelindungan Kecemasan (EPO) dapat dikeluarkan dengan segera kepada mangsa keganasan rumah tangga. Perintah ini berkuat kuasa selama tujuh (7) hari sementara menunggu Perintah Pelindungan Interim (IPO) atau Perintah Pelindungan (PO). Mangsa boleh hadir ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah atau menghubungi pihak berkuasa seperti Polis Diraja Malaysia untuk tindakan segera. Pelaksanaan EPO ini membolehkan perlindungan diberikan dalam tempoh 24 jam bagi mengelakkan kemudaratan yang lebih serius.

2.2 Penyediaan Perkhidmatan Pelindungan di Tempat Selamat

Mangsa turut disediakan perlindungan di tempat selamat yang diuruskan oleh kerajaan atau agensi yang diluluskan. Di Negeri Perak, terdapat lima (5) lokasi tempat selamat yang telah diwartakan oleh JKM. Lokasi-lokasi ini disediakan bagi memastikan keselamatan mangsa daripada sebarang gangguan pelaku, serta memberi ruang kepada mangsa untuk mendapatkan perlindungan sementara.

2.3 Pelaksanaan Program Pemulihan

Kerajaan Negeri turut memberi penekanan kepada aspek pemulihan mangsa selaras dengan peruntukan di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994. Mangsa akan dirujuk kepada program pemulihan yang bersesuaian, termasuk intervensi psikososial, kaunseling serta sokongan daripada JKM dan agensi berkaitan, tertakluk kepada persetujuan mangsa.

2.4 Program Advokasi dan Kerjasama Strategik Antara Agensi

Pelaksanaan program advokasi seperti jerayawara kesedaran keganasan rumah tangga turut dipergiatkan bagi meningkatkan kefahaman masyarakat mengenai isu ini serta saluran bantuan yang disediakan. Selain itu, JKM menjalinkan kerjasama erat dengan agensi seperti Polis Diraja Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam usaha menangani kes secara holistik.

Mangsa juga boleh mendapatkan bantuan melalui Talian Kasih 15999 bagi tujuan pelaporan kes dan sokongan emosi.

3. Kesimpulannya, langkah-langkah yang dilaksanakan ini jelas menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri dalam menangani isu keganasan rumah tangga, termasuk yang berpunca daripada penyalahgunaan dadah, melalui pendekatan menyeluruh merangkumi aspek perlindungan, pemulihan dan pencegahan.

Sekian, terima kasih.

5. Klinik desa merupakan salah satu fasiliti kesihatan penting bagi penduduk di kawasan luar bandar, terutamanya untuk mendapatkan rawatan asas dan perkhidmatan perubatan awal. Namun begitu, terdapat beberapa cabaran yang dilaporkan berkaitan pengurusan klinik desa, termasuk dari segi kekurangan kakitangan dan peralatan yang perlu bagi memastikan perkhidmatan dapat diberikan secara optimum.

(a) Mohon penjelasan daripada pihak Kerajaan Negeri mengenai langkah-langkah yang telah dan akan diambil bagi memastikan klinik desa mempunyai jumlah kakitangan yang mencukupi untuk menampung keperluan penduduk setempat.

(b) Apakah tindakan yang diambil untuk menambah atau mengekalkan peralatan serta fasiliti di klinik desa agar perkhidmatan kesihatan dapat diberikan dengan baik dan berkesan?

(c) Selain itu, adakah terdapat perancangan jangka panjang untuk menaik taraf atau menambah fasiliti klinik desa sedia ada bagi mempertingkatkan keberkesanan perkhidmatan kesihatan di kawasan luar bandar?

Jawapan Soalan 5

JAWAPAN :

Klinik Desa (KD) merupakan antara fasiliti kesihatan primer yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia bagi memberi perkhidmatan penjagaan kesihatan asas kepada penduduk luar bandar, khususnya melibatkan perkhidmatan kesihatan ibu dan anak seperti rawatan kanak-kanak, pemeriksaan ibu mengandung serta penjagaan selepas bersalin (post-natal).

Menjawab soalan pertama Yang Berhormat ,

Bagi memastikan perkhidmatan di KD dapat dilaksanakan dengan baik, penempatan anggota kesihatan adalah ditentukan berdasarkan keperluan perkhidmatan dan jumlah kedatangan pesakit. Berdasarkan Pelan Pembangunan Fasiliti Kesihatan Awam, pendekatan rasionalisasi perkhidmatan dilaksanakan dengan menggabungkan perkhidmatan KD yang berkedatangan rendah atau menyerapkan perkhidmatan ke Klinik Kesihatan (KK) berhampiran. Pendekatan ini membolehkan penduduk mendapatkan perkhidmatan daripada fasiliti yang mempunyai bilangan anggota kesihatan yang lebih mencukupi serta perkhidmatan yang lebih menyeluruh.

Menjawab soalan kedua , Dari segi penyediaan peralatan dan fasiliti, kerajaan sentiasa memastikan peralatan asas yang diperlukan bagi perkhidmatan kesihatan ibu dan anak di KD disediakan mengikut keperluan perkhidmatan. Dalam pelaksanaan rasionalisasi perkhidmatan pesakit yang mendapatkan perkhidmatan di KK akan turut mendapat manfaat daripada kemudahan peralatan perubatan yang lebih lengkap, selaras dengan skop perkhidmatan KK yang lebih komprehensif.

Menjawab soalan ketiga ,bagi perancangan jangka panjang, pembangunan dan penambahbaikan fasiliti kesihatan adalah berpandukan Pelan Pembangunan Fasiliti Kesihatan Awam Kementerian Kesihatan Malaysia. Melalui pelan ini, keperluan fasiliti baharu, penaiktarafan fasiliti sedia ada serta rasionalisasi perkhidmatan akan dinilai berdasarkan faktor seperti taburan penduduk, akses kepada perkhidmatan kesihatan serta keperluan semasa komuniti. Pendekatan ini bertujuan memastikan penduduk, termasuk di kawasan luar bandar, terus mendapat akses kepada perkhidmatan kesihatan yang berkualiti, lebih komprehensif dan berkesan melalui rangkaian fasiliti kesihatan kerajaan yang dirancang secara menyeluruh.

Soalan Dari : YB ENCIK RAHIM BIN ISMAIL

Ahli Dewan Undangan Negeri : (CHANGKAT JERING)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. Mengikut seksyen 433B Kanun Tanah Negara kebenaran dari pihak berkuasa negeri Foreigner's Consent perlu dibuat dan adalah syarat untuk pembelian sesebuah hartanah yang melibatkan pembeli yang bukan warganegara, Soalannya, berapakah jumlah sebenar harta @ rumah dan jenis harta yang dimiliki oleh bukan warganegara serta nilai minima hartanah tersebut yang boleh dibeli dalam negeri Perak.

Jawapan Soalan 1

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat,

sehingga 30 Mac 2026, terdapat sebanyak 866 unit hartanah yang dimiliki oleh warganegara asing di Negeri Perak, merangkumi pelbagai kategori termasuk bangunan (perniagaan kediaman dan Perindustrian), pertanian dan kategori Nil (tiada). Perincian jenis hartanah yang dimiliki oleh warganegara asing adalah seperti berikut:

Bil	Kategori	Jumlah Hartanah (Unit)
1.	Bangunan (Perniagaan, Kediaman & Perindustrian)	553
2.	Pertanian	286
3.	Tiada (Nil)	27
	JUMLAH	866

Bagi harga minima perolehan hartanah oleh warganegara asing pula, ianya adalah **berbeza** bergantung kepada beberapa faktor seperti:

- i. Jenis hartanah (hakmilik tanah atau hakmilik strata),
- ii. Jenis pegangan (pajakan atau pegangan bebas),
- iii. Kaedah perolehan sama ada daripada pemaju atau pasaran sekunder (*subsale*), serta
- iv. Zon lokasi hartanah.

Perincian lanjut mengenai kadar harga minima tersebut adalah sebagaimana yang diperincikan di dalam jadual di bawah:

Harga Minima Perolehan Hartanah oleh Warganegara Asing melalui Pembelian terus dari Pemaju

Harga Minima Perolehan Hartanah oleh Warganegara Asing pembelian melalui individu/ syarikat (*sub-sales*)

Untuk makluman Yang Berhormat juga, bagi kategori hartanah **kediaman dan pertanian (*homestead*)**, pemilikan oleh warganegara asing adalah **terhad kepada dua (2) unit sahaja bagi setiap individu**. Pemilikan oleh individu dan syarikat yang dimiliki oleh individu yang sama adalah **dikira sebagai satu pemilikan**.

Selain itu, bagi pemegang pas **Malaysia My Second Home Programme (MM2H)**, harga minima perolehan hartanah adalah **USD100,000.00** bagi satu unit kediaman atau bersamaan dengan nilai tersebut, dan turut tertakluk kepada had maksimum **dua (2) unit kediaman sahaja**.

Manakala bagi warganegara asing yang berstatus **Penduduk Tetap (PR)**, kadar minima perolehan hartanah adalah seperti berikut:

- i. **Kategori kediaman:** minimum RM300,000.00; dan
 - ii. **Kategori perniagaan, perindustrian dan pertanian (homestead):** tertakluk kepada kadar harga minima yang sama seperti yang ditetapkan dalam jadual berkaitan.
2. Baru-baru ini tular mengenai seorang pelajar yang cemerlang dalam STPM namun tidak mendapat pilihan pertama melalui UPU, walaupun keputusan akedamiknya sangat baik. Pelajar tersebut akhirnya menerima tajaan penuh daripada sebuah persatuan dan melanjutkan pengajian di Universiti Sains Malaysia (USM). Berdasarkan situasi ini, berapa ramai anak Perak yang menghadapi nasib serupa iaitu pelajar cemerlang tetapi tidak mendapat tempat di Universiti Awam pilihan mereka atau peluang biasiswa?
Apakah langkah dan inisiatif Kerajaan Negeri bagi membantu anak-anak Perak yang berpotensi tinggi ini agar tidak tercicir dan terus diberi peluang menyambung pelajaran diperingkat yang lebih tinggi?

Jawapan Soalan 2

Untuk makluman, dasar pengambilan pelajar yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui sistem UPUOnline® adalah berasaskan kepada **prinsip meritokrasi dengan menggunakan pakai 90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum**.
Prinsip meritokrasi ini telah dilaksanakan secara adil, telus dan sistematik.

Melalui UPUOnline®, pelajar bebas membuat pilihan bidang yang ingin dipelajari di peringkat pendidikan tinggi namun kejayaan calon mendapat tempat di Universiti Awam (UA) bukan hanya melihat kepada pencapaian akademik semata-mata tetapi bergantung kepada **kedudukan merit, memenuhi syarat am dan syarat khas** yang ditetapkan, **bilangan tempat yang disediakan** serta **lulus temuduga dan/atau ujian** bagi program pengajian yang menetapkan keperluan berkenaan.

Berhubung dengan calon yang dimaksudkan, KPT telah mengeluarkan Kenyataan Media bagi menjelaskan perkara ini pada 9 September 2025 dan telah dijawab semasa persidangan Parlimen di Dewan Rakyat. Calon ini telah berjaya ditawarkan program Sarjana Muda Pengurusan Dengan Kepujian (Strategi & Organisasi/ Pemasaran/ Kewangan/ Operasi/ Perniagaan Antarabangsa/ Kewangan Islam/ Analitik Perniagaan) di Universiti Sains Malaysia (USM) yang juga **merupakan pilihan beliau di dalam sistem UPUOnline®**.

Dalam hubungan ini, **calon telah ditawarkan tempat berdasarkan pencapaian merit dan pilihan program yang dimohon, sama seperti calon-calon yang lain tanpa ada keutamaan kepada calon lepasan STPM, Matrikulasi mahupun Asasi.**

Berdasarkan prinsip ini juga, semua calon yang layak dengan markah merit tertinggi tanpa mengira kaum, agama, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal diberi peluang untuk mengikuti pengajian di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan MARA Bahagian Pendidikan Tinggi (MARA BPT). Semua pelajar yang mendapat PNGK 4.00 ditawarkan tempat pengajian dalam senarai pilihan mereka.

Dalam hal ini, KPT ingin menjelaskan bahawa semua keputusan UPUOnline® dijana oleh sistem berdasarkan pemarkahan merit yang ditetapkan mengikut kursus atau program yang dimohon sekali gus menolak dakwaan wujudnya kelompongan dalam sistem sedia ada. Pada masa sama, KPT terbuka untuk menerima sebarang pandangan dan penambahbaikan pada sistem sedia ada.

Sekian, terima kasih.

Apakah langkah dan inisiatif Kerajaan Negeri bagi membantu anak-anak Perak yang berpotensi tinggi ini agar tidak tercicir dan terus diberi peluang menyambung pelajaran diperingkat yang lebih tinggi?

Kerajaan Negeri Perak komited dalam memastikan anak-anak negeri yang berpotensi tinggi tidak tercicir daripada arus pendidikan serta terus diberi peluang melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Antara langkah dan inisiatif yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

Bimbingan Laluan Pendidikan dan Kemasukan ke IPT

- Kerajaan negeri bekerjasama dengan rakan sinergi seperti Yayasan Sultan Azlan Shah dalam menganjurkan bengkel konsultasi pengisian borang UPUOnline bagi kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).
- Bengkel ini memberi bimbingan menyeluruh kepada murid lepasan SPM serta ibu bapa berkaitan pemilihan program pengajian, hala tuju kerjaya serta laluan pendidikan yang bersesuaian dengan minat dan potensi pelajar.
- Inisiatif ini membantu meningkatkan peluang kemasukan pelajar ke IPT serta mengelakkan keciciran akibat kekurangan maklumat atau kesilapan dalam permohonan.

Program Khas untuk Pelajar Berpotensi (Golongan B40)

- Kerajaan negeri turut memberi penekanan kepada pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah (B40) melalui pelaksanaan program khas seperti:
 - Program Anak Angkat Cikgu Saarani
 - Tuisyen Saarani
- Program-program ini menyediakan sokongan berbentuk bimbingan akademik, pemantauan berterusan serta motivasi, bagi memastikan pelajar kekal cemerlang dan tidak tercidir.
- Pendekatan ini juga membantu merapatkan jurang pendidikan serta memberi peluang yang lebih adil kepada pelajar berpotensi tinggi daripada latar belakang kurang berkemampuan.

Program Biasiswa dan Tajaan Pendidikan

- Kerajaan negeri melalui kerjasama strategik bersama Uni Enrol telah memperkenalkan Program Biasiswa Potensi Anak Perak 2026.
- Program ini menawarkan peluang kepada pelajar lepasan SPM 2025 untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi bagi tempoh sehingga tiga (3) tahun.
- Inisiatif ini bertujuan meringankan beban kewangan serta membuka lebih banyak peluang kepada pelajar cemerlang untuk mencapai potensi maksimum mereka.

3. Isu kurang minat pelajar menyambung pelajaran selepas SPM adalah cabaran serius kerana ia memberi kesan kepada pembangunan modal insan dan ekonomi negeri. Apakah langkah dan strategik kerajaan negeri untuk menghadapi situasi ini.

Jawapan Soalan 3

Apakah langkah dan strategik kerajaan negeri untuk menghadapi situasi ini.

Kerajaan Negeri Perak mengambil pendekatan menyeluruh dalam memastikan murid, khususnya di peringkat sekolah menengah, mendapat pendedahan yang jelas terhadap laluan pendidikan dan kerjaya bagi mengelakkan keciciran selepas SPM. Pendekatan ini dilaksanakan melalui Pelan Strategik Pendidikan Kerjaya yang merangkumi beberapa komponen utama seperti berikut:

Pendedahan Awal dan Bimbingan Kerjaya

- Program kaunseling kerjaya dilaksanakan secara berterusan di sekolah menengah bagi membantu murid mengenal pasti minat, potensi dan kecenderungan masing-masing.
- Murid turut didedahkan kepada pelbagai laluan selepas SPM termasuk akademik, kemahiran, keusahawanan dan latihan industri.
- Kerajaan negeri juga menggalakkan kolaborasi bersama alumni sekolah dan pihak industri bagi memberi pendedahan dunia sebenar pekerjaan serta perkongsian pengalaman kerjaya.
- Pendekatan ini penting bagi membantu murid membuat keputusan yang lebih tepat dan terarah mengenai masa depan mereka.

Memperkasa Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET)

- Kerajaan negeri memberi penekanan kepada laluan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) sebagai pilihan setara dengan aliran akademik.
- Kerjasama dengan pihak industri diperkukuh bagi memastikan program TVET selari dengan keperluan pasaran kerja semasa.
- Usaha ini bertujuan melahirkan tenaga kerja mahir yang memenuhi kehendak industri serta meningkatkan kebolehpasaran lepasan sekolah.

Pemeriksaan Pendidikan STEAM

- Kerajaan negeri turut memperkukuh pendidikan STEAM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Seni dan Matematik) melalui kerjasama dengan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS).
- Pendekatan ini memberi penekanan kepada kemahiran masa hadapan termasuk pemikiran kritis, inovasi dan penggunaan teknologi.

- Integrasi STEAM dalam pendidikan membantu menyediakan murid untuk menghadapi cabaran ekonomi digital dan Revolusi Industri.

Kempen Kesedaran dan Perubahan Persepsi

- Pelbagai kempen kesedaran dilaksanakan bagi mengubah persepsi masyarakat terhadap laluan kemahiran dan TVET.
- Kejayaan lepasan TVET, institusi kemahiran dan kolej komuniti diketengahkan sebagai contoh bagi meningkatkan keyakinan pelajar dan ibu bapa.
- Inisiatif ini penting bagi memastikan semua laluan pendidikan dilihat sebagai pilihan yang bernilai dan berpotensi tinggi.

Penglibatan Ibu Bapa dan Komuniti

- Program kesedaran turut diperluaskan kepada ibu bapa dan penjaga bagi meningkatkan kefahaman mereka mengenai kepentingan pendidikan selepas SPM.
- Selain itu, program outreach dilaksanakan kepada komuniti yang kurang mendapat akses maklumat, khususnya di kawasan luar bandar.
- Pendekatan ini memastikan maklumat berkaitan peluang pendidikan dan kerjaya dapat disampaikan secara menyeluruh kepada semua lapisan masyarakat.

Sistem Profil Kerjaya Murid (ePKM)

- Kerajaan negeri menyokong penggunaan Sistem Profil Kerjaya Murid (ePKM) sebagai platform utama dalam membantu murid merancang laluan pendidikan dan kerjaya secara lebih sistematik dan terarah.
- Sistem ini berfungsi untuk mengenal pasti minat, kecenderungan, personaliti serta potensi murid, seterusnya membantu memadamkan mereka dengan laluan pendidikan yang bersesuaian sama ada dalam aliran akademik, TVET atau kemahiran.
- Salah satu tujuan ePKM ini adalah memastikan semua pelajar mempunyai Profil Halatuju Pendidikan dan Kerjaya yang jelas sebelum meninggalkan alam persekolahan.
- Melalui ePKM, data murid dapat dianalisis oleh guru bimbingan dan kaunseling bagi membolehkan intervensi awal dilaksanakan, khususnya kepada murid yang berisiko tercicir atau masih belum mempunyai hala tuju yang jelas.
- Selain itu, penggunaan sistem ini membantu pihak sekolah merancang program bimbingan kerjaya yang lebih berfokus dan berimpak tinggi, selaras dengan keperluan murid serta kehendak pasaran kerja semasa.
- Secara keseluruhannya, ePKM menyokong usaha kerajaan negeri dalam memastikan setiap murid mempunyai perancangan kerjaya yang jelas selepas SPM, sekali gus meningkatkan kebolehpasaran dan daya saing mereka pada masa hadapan.

Data dari Sistem Profil Kerjaya Murid (ePKM) SPM Tahun 2024

- Rujuk Lampiran

Soalan Dari : YB ENCIK GOH SEE HUA
Ahli Dewan Undangan Negeri : (PASIR PINJI)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. Bag Plastik Sekali guna

- a. Apakah sambutan masyarakat ke atas larangan pembekalan beg plastik sekali guna sehingga hari ini?
- b. Apakah hukuman dan denda yang akan dikenakan kepada mereka yang melanggar larangan ini selepas bulan September 2026?

Jawapan Soalan 1

No. Rujukan : 26886 (Pasir Pinji) & 27207 (Simpang Pulai) (Lisan)

Salam Sejahtera,

Yang Berhormat Dato' Seri Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab secara bersekali persoalan yang ditimbulkan oleh **Yang Berhormat Pasir Pinji** dan **Yang Berhormat Simpang Pulai** kerana menyentuh perkara yang sama, iaitu larangan plastik sekali guna di negeri Perak.

Untuk makluman kedua-dua Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Perak telah melaksanakan **Kempen Tiada Beg Plastik** sejak Januari 2023 melalui pengenaan caj RM0.20 pada setiap hari Sabtu oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Walau bagaimanapun, peningkatan kutipan caj pencemaran plastik pada tahun 2024 dan 2025 berbanding tahun 2023 menunjukkan tahap kesedaran masyarakat terhadap kesan negatif penggunaan plastik sekali guna masih perlu dipertingkatkan.

Sehubungan itu, bagi memperkukuh pelaksanaan kempen ini, Majlis Mesyuarat Kerajaan Bil. 2204 bertarikh 17 Disember 2025 telah bersetuju untuk melaksanakan larangan penggunaan beg plastik jinjit sekali guna di seluruh negeri Perak mulai 1 Mac 2026, yang dikuatkuasakan setiap hari di lokasi-lokasi yang telah ditetapkan seperti berikut:

BIL	LOKASI	PENERAJU
1	Hutan Simpan	Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPk)
2	Taman Negeri Royal Belum & Taman Negeri Pulau Sembilan	Perbadanan Taman Negeri Perak (PTNPk)
3	Geopark Lenggong	Badan Pengurusan Geopark Lenggong
4	Geopark Lembah Kinta	Perbadanan Taman Negeri Perak (PTNPk)
5	Premis Tetap (a) pasaraya hiper (<i>hypermarket</i>) (b) pasaraya besar (<i>supermarket</i>) (c) pasaraya serbaneka (<i>departmental store</i>) (d) kedai serbaneka (<i>convenient store</i>) (e) restoran makanan segera (<i>fast food restaurant</i>) (f) kedai serbaneka stesen minyak (<i>petrol station convenient store</i>) (g) kedai rangkaian (<i>chain store</i>) (h) farmasi (<i>pharmacy</i>); dan (i) lain-lain premis berkaitan yang akan dimasukkan ke dalam senarai ini pada masa akan datang (<i>others</i>)	Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

Sebagai alternatif, pengusaha dibenarkan menjual atau membekalkan beg guna semula pada harga berpatutan, tertakluk kepada kos yang ditanggung oleh pengusaha. Pada masa yang sama, masyarakat digalakkan untuk membudayakan amalan membawa beg sendiri dalam urusan harian.

Bagi memastikan pelaksanaan yang lancar, tempoh peralihan selama enam (6) bulan telah diperuntukkan sebelum penguatkuasaan penuh dilaksanakan. Tempoh ini bertujuan memberi ruang kepada pelaksanaan program pendidikan, advokasi dan libat urus komuniti, khususnya di kawasan luar bandar, kampung tradisi dan penempatan pedalaman, agar masyarakat dapat menyesuaikan diri serta memahami rasional dasar ini.

Oleh yang demikian, impak pelaksanaan larangan penggunaan plastik sekali guna dari segi pengurangan sisa pepejal, termasuk data perbandingan sebelum dan selepas pelaksanaan, atau sambutan masyarakat terhadap larangan pembekalan beg plastik sekali guna hanya dapat dinilai secara menyeluruh selepas tempoh peralihan berakhir dan penguatkuasaan dilaksanakan

sepenuhnya. Namun begitu, pemantauan awal akan terus dijalankan bagi menilai trend perubahan serta keberkesanan dasar ini dari semasa ke semasa.

b) Yang Berhormat Dato' Seri Yang di-Pertua,

Dari segi peniaga kecil, pelaksanaan dasar ini dijangka menyebabkan sedikit peningkatan kos operasi pada peringkat awal, khususnya dalam penyediaan alternatif seperti beg guna semula atau bahan pembungkusan yang lebih mesra alam. Walau bagaimanapun, impak tersebut boleh diurus dan diseimbangkan melalui penawaran beg guna semula kepada pelanggan pada harga berpatutan.

Bagi pengguna pula, Kerajaan Negeri amat mengharapkan berlakunya perubahan tingkah laku yang lebih positif, khususnya dengan peningkatan amalan membawa beg sendiri ketika membeli-belah. Walaupun pada peringkat awal mungkin wujud cabaran penyesuaian, terutamanya di kawasan luar bandar, saya yakin tahap penerimaan dalam kalangan pengguna akan terus meningkat dari semasa ke semasa. Keyakinan ini didorong oleh pelaksanaan berterusan program kesedaran, pendidikan serta advokasi yang giat dijalankan.

(c) Yang Berhormat Dato' Seri Yang di-Pertua,

Antara cabaran utama yang dijangka dalam pelaksanaan dasar larangan penggunaan plastik sekali guna ini adalah tahap pematuhan yang tidak seragam, khususnya di premis kecil, di samping kekangan dari segi kesedaran masyarakat terhadap kepentingan mengurangkan penggunaan plastik sekali guna. Selain itu, isu penguatkuasaan dan pemantauan akan turut menjadi cabaran yang memerlukan kerjasama berterusan serta penyelarasan yang berkesan antara pelbagai agensi berkaitan.

Sehubungan itu, selepas tamat tempoh peralihan pada September 2026, mana-mana pihak yang didapati melanggar larangan penggunaan beg plastik sekali guna boleh dikenakan tindakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Pelaksanaan perintah larangan ini adalah dengan mengguna pakai Seksyen 107(2), Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] yang memperuntukkan bahawa:

“Tiap-tiap lesen atau permit yang diberi adalah tertakluk kepada apa-apa syarat dan sekatan yang difikirkan patut oleh pihak berkuasa tempatan dan boleh dibatalkan oleh pihak berkuasa tempatan pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa sebab.”

Berdasarkan peruntukan ini, PBT boleh mengenakan tindakan seperti pembatalan atau penggantungan lesen perniagaan terhadap premis yang gagal mematuhi syarat larangan tersebut. Selain itu, tindakan kompaun atau penalti juga boleh dikenakan tertakluk kepada undang-undang kecil yang sedang berkuat kuasa di bawah bidang kuasa PBT masing-masing.

Sekian, terima kasih.

2. Enakmen Hotel Perak 2023

a. Minta Kerajaan Negeri nyatakan jumlah pendaftaran premis yang telah diterima setakat ini?

- b. Berapakah jumlah kutipan CPT yang telah dikutip sehingga hari ni ?
- c. Minta kerajaan negeri nyatakan agihan CPT ini kemana digunakan?

Jawapan Soalan 2

JAWAPAN A

Untuk makluman Yang Berhormat,

Sehingga tempoh semasa, sebanyak 1,340 hotel telah mendaftar di bawah Enakmen Hotel Perak 2023.

JAWAPAN B

Untuk makluman Yang Berhormat,

Kutipan Caj Perkhidmatan Tempatan bagi tahun 2025 adalah berjumlah RM6.41 juta dan bagi tahun 2026 sehingga 31 Mac 2026 berjumlah RM2.15 juta.

JAWAPAN C

Untuk makluman Yang Berhormat,

50% daripada hasil kutipan CPT diagihkan dalam bentuk sumbangan kepada pihak berkuasa tempatan bagi tujuan perbelanjaan pelancongan setempat merangkumi:

- i. Penganjuran program atau acara pelancongan yang berfokus kepada tarikan tempatan, warisan, budaya dan produk komuniti;
- ii. Aktiviti promosi dan pemasaran destinasi pelancongan setempat melalui bahan promosi, platform digital atau kempen kesedaran;
- iii. Penambahbaikan kemudahan awam di kawasan tarikan pelancongan termasuk papan tanda, kemudahan pengunjung, kebersihan dan aksesibiliti; atau
- iv. Pelaksanaan program kerjasama strategik dengan komuniti setempat dan pihak berkepentingan berkaitan.

Manakala baki 50% lagi merupakan hasil kepada kerajaan negeri yang akan digunakan bagi tujuan pembangunan negeri secara keseluruhan, termasuk meningkatkan kemudahan awam serta menyokong inisiatif-inisiatif strategik yang memberi manfaat kepada rakyat dan ekonomi negeri.

3. Pelaburan

- a. Adakah perang di Timor Tengah memberi kesan terhadap pelaburan asing di negeri?
- b. Apakah pelan dan rancangan kerajaan negeri untuk mengatasi impak perang Timor Tengah?

Jawapan Soalan 3

Dato' Seri Yang di-Pertua,

Kerajaan negeri sangat menghargai keprihatinan ahli-ahli yang terhormat berhubung implikasi konflik geopolitik yang sedang berlaku terhadap kesejahteraan ekonomi negeri dan kehidupan rakyat. Untuk makluman, sebanyak tujuh (7) soalan lisan dan tiga (3) soalan bertulis diterima menyentuh mengenai isu ini. Maka izinkan saya menjawab soalan lisan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Kepayang, Yang Berhormat Pasir Pinji, Yang Berhormat Trong, Yang Berhormat Pokok Assam, Yang Berhormat Ayer Kuning, Yang Berhormat Pantai Remis dan Yang Berhormat Behrang secara bersekali kerana ianya saling

berkaitan. Sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, saya telah mendapatkan ulasan-ulasan dan pandangan-pandangan daripada semua agensi pusat dan negeri untuk membolehkan kerajaan negeri memahami keadaan semasa dan mengambil tindakan-tindakan untuk jangka masa pendek, jangka masa sederhana dan jangka masa panjang. Kerana itu saya nak mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan penghargaan kepada agensi-agensi kerajaan persekutuan dan negeri yang telah mengambil berat dan memberi respon yang segera kepada kerajaan negeri iaitu Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Getah (RISDA), Institut Darul Ridzwan (IDR), Perak Invest Management Center, (PIMC), Sekretariat Usahawan Negeri Perak (STEP), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN), Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak (LPHP), Jabatan Pertanian, Jabatan Veterinar dan juga Jabatan Perikanan yang telah memberi respon sehingga membolehkan bukan sahaja untuk menjawab soalan-soalan yang banyak ini tetapi juga Insya-Allah menjadi program bagaimana kerajaan akan mengambil tindakan seterusnya.

Ahli-ahli yang berhormat, konflik di Asia Barat yang teretus sejak Februari 2026 kini berkembang menjadi krisis geopolitik yang memberi kesan besar kepada ekonomi global secara menyeluruh. Walaupun pada awalnya kita dikhabarkan bahawa konflik ini menunjukkan tanda-tanda reda dan peperangan seolah-olah menuju ke penghujungnya, tetapi perkembangan terbaharu membayangkan keadaan sebaliknya. Kita boleh mendapat maklumat daripada akhbar-akhbar dan juga daripada sumber-sumber rasmi kerajaan. Kegagalan rundingan antara Amerika Syarikat dan Iran pada hujung minggu lalu yang berakhir tanpa penyelesaian konkrit telah meningkatkan semula risiko gangguan perdagangan berpanjangan. Keadaan ini melonjakkan semula harga minyak dunia dan memberi tekanan lanjut kepada kos tenaga serta logistik global ini sekaligus memungkinan tekanan krisis tenaga global yang memberi kesan terhadap segenap aspek dalam rantaian ekonomi negara termasuklah negeri Perak. Semua sektor dijangka menerima tempas daripada ketidaktentuan ini. Penutupan dan gangguan laluan perdagangan memberi kesan langsung kepada bekalan input bahan mentah di peringkat global. Kenaikan kos penghantaran, *premium insurance* kapal dan perubahan haluan perdagangan antarabangsa menyumbang kepada kos pengeluaran yang lebih tinggi serta penurunan produktiviti. Antara sektor yang dijangka terkesan ialah pembuatan, perkhidmatan, pembinaan dan juga perumahan.

Sektor pelancongan turut menerima tempas apabila pelancong luar negara mengambil pendekatan lebih berhati-hati atas faktor keselamatan dan peningkatan kos perjalanan. Terdapat juga di kalangan pelancong-pelancong Eropah yang telah membatalkan tempahan-tempahan mereka. Sektor pertanian juga tidak terkecuali apabila kenaikan kos input pertanian dan logistik memberi kesan terus kepada harga barang asas seperti sayur-sayuran, buah-buahan, ayam, telur dan hasil pertanian yang lain termasuk baja sekaligus memberi tekanan kepada keterjaminan makanan.

Yang Berhormat Dato' Seri Yang di-Pertua,

1) Kesan kepada sektor nelayan, pertanian dan penternakan.

Kenaikan harga petrol dan diesel telah meningkatkan kos operasi secara ketara dalam sektor pengeluaran makanan. Dalam sektor penternakan, kos makanan ternakan, logistik dan operasi ladang meningkat sehingga 10%-30%. Malah situasi ini lebih membimbangkan kerana kebergantungan tinggi kepada import bahan mentah seperti jagung dan soya di mana lebih 90% jagung bijirin negara adalah diimport. Dalam sektor perikanan pula, nelayan laut dalam khususnya zon C2 (komersial) yang tidak mendapat bantuan subsidi petrol atau diesel berdepan peningkatan kos bahan api yang menjejaskan kekerapan ke laut serta hasil tangkapan ikan bernilai tinggi. Sektor akuakultur dan pembuatan makanan ternakan turut terkesan akibat peningkatan kos input import sekaligus memberi tekanan kepada margin keuntungan dan kelangsungan operasi syarikat.

2) Impak kepada pengguna di negeri Perak.

Peningkatan kos pengeluaran telah menyebabkan kenaikan harga makanan asas seperti ayam, daging, telur dan ikan. Penduduk negeri Perak berdepan tekanan kos sara hidup yang semakin meningkat, memandangkan perbelanjaan makanan merangkumi sekitar 30% hingga 40% daripada pendapatan isi rumah menurut Department of Statistics Malaysia. Keadaan ini memberi kesan lebih ketara kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Selain itu, pengurangan bekalan hasil laut menjejaskan kestabilan harga dan pilihan makanan sedangkan ikan menyumbang lebih 50% sumber protein haiwan rakyat Malaysia berdasarkan data Food and Agriculture Organization.

3) Kesan kepada rantaian bekalan makanan.

Kenaikan harga bahan api menjejaskan keseluruhan rantaian bekalan makanan daripada pengeluaran hingga ke pasaran. Kos tenaga dan pengangkutan yang boleh menyumbang sehingga 30% hingga 60% daripada kos logistik makanan meningkatkan tekanan harga di setiap peringkat rantaian. Pengurangan tangkapan laut dalam mengurangkan bekalan ikan dan menjejaskan industri pemprosesan. Manakala peningkatan kos bahan mentah import seperti jagung dan soya menimbulkan risiko gangguan bekalan input. Dalam masa yang sama, kadar sara diri bagi beberapa komoditi seperti daging lembu yang masih sekitar 20% hingga 30% menunjukkan kebergantungan kepada import sekaligus meningkatkan kerentanan terhadap kejutan global.

Dato' Seri Yang di-Pertua,

Cadangan dan peluang strategik.

Situasi ini merupakan peluang untuk memperkukuh sektor makanan negeri melalui pengurangan kebergantungan kepada import dan peningkatan kecekapan. Pembangunan industri makanan ternakan tempatan seperti jagung bijirin dan sumber alternatif perlu dipergiat bagi menstabilkan kos pengeluaran. Penggunaan tenaga alternatif seperti solar dan biogas di ladang juga mampu mengurangkan kebergantungan kepada bahan api serta menjimatkan kos jangka panjang. Pengukuhan rantaian bekalan tempatan melalui pendekatan pengeluaran, pemprosesan dan pemasaran dalam negeri dapat mengurangkan kos logistik dan menstabilkan harga. Peralihan kepada akuakultur moden serta pemanfaatan teknologi digital bagi pemantauan bekalan dan harga turut berpotensi meningkatkan kecekapan pasaran. Secara keseluruhannya, pendekatan ini bukan sahaja membantu mengekang kenaikan harga makanan dan memastikan kestabilan bekalan, malah berpotensi mewujudkan ekonomi baharu berasaskan inovasi, nilai tambah dan sumber tempatan, sekali gus memperkukuh sekuriti makanan dan daya tahan ekonomi negeri dalam jangka panjang.

Dato' Seri Yang di-Pertua,

Yang Berhormat Pasir Pinji dan Yang Berhormat Pokok Assam membangkitkan tentang kedudukan pelaburan asing. Saya perlu melaporkan bahawa berdasarkan pemantauan semasa, senario pelaburan asing di Malaysia amnya dan negeri Perak khususnya masih kekal berdaya tahan. Impak kepada negeri ini setakat ini masih berada pada tahap minimum dan terkawal. Tiada pelaburan utama yang dibatalkan manakala projek-projek sedia ada terus berjalan seperti yang dirancang.

Malah dari sudut peluang, Malaysia termasuk negeri Perak ini berpotensi untuk mendapat manfaat daripada fenomena pengalihan rantaian bekalan apabila syarikat antarabangsa mencari destinasi pelaburan alternatif yang lebih stabil di rantau Asia. JP Morgan Chase & CO. pada 27 Mac 2026 turut menyenaraikan Malaysia sebagai antara ekonomi yang masih berdaya tahan dalam mendepani tekanan krisis tenaga semasa. Manakala kumpulan Bank Dunia dalam kenyataan rasmi bertarikh 9 April 2026 mengunjurkan pertumbuhan ekonomi Malaysia 2026 pada kadar 4.4% beraskan permintaan domestik yang masih kekal kukuh. Kita harap supaya ini akan berkekalan.

Dato' Seri Yang di-Pertua,

Dalam mendepani keadaan yang serba dinamik ini, kerajaan negeri memilih untuk terus berpegang kepada pendekatan berpaksikan perkembangan semasa kerana landskap geopolitik dunia boleh berubah dengan pantas. Justeru, kerajaan tidak mahu membuat sebarang andaian awal. atau jamanan jaminan yang bersifat spekulatif sebaliknya akan terus meneliti implikasi semasa dengan penuh tanggungjawab. Fokus kerajaan pada masa ini ialah memastikan tahap kesiapsiagaan sentiasa berada pada tahap optimum termasuk dari sudut pemantauan ekonomi, penyelarasan maklumat bersama agensi berkaitan serta kerjasama rapat dengan kerajaan persekutuan untuk memahami perkembangan semasa dan implikasinya kepada negeri.

SOALAN-SOALAN BERTULIS

1. Akta pegurusan sisa pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672)
 - a. Bilakah negeri akan menggunakan akta ini?
 - b. Apakah pertimbangan yang melewati penggunaan akta ini?

Jawapan Soalan 1

JAWAPAN A

Untuk makluman Yang Berhormat,

Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam atau lebih dikenali sebagai Akta 672 telah digubal dan diwartakan di peringkat persekutuan pada tahun 2007. Akta 672 ini bermatlamat untuk memastikan keseragaman undang-undang dalam pengawalan dan pengawalseliaan perkara-perkara yang berhubungan dengan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.

Meskipun beberapa siri perbincangan strategik dengan pihak Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) mengenai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Akta 672) telah dilaksanakan, Kerajaan Negeri masih belum melaksanakan penswastan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal berdasarkan akta tersebut.

Pada masa ini, pengurusan sampah di Negeri Perak dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang merupakan pihak yang bertanggungjawab dalam menyelenggara dan menyediakan perkhidmatan pembersihan awam berdasarkan Seksyen 72 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Kuasa ini dilaksanakan melalui beberapa punca kuasa perundangan dan peraturan berkaitannya seperti Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap 2025 berdasarkan punca kuasa di bawah Akta 171 yang digunakan oleh PBT masing-masing. Jika Kerajaan Negeri menandatangani Akta 672, Kerajaan Negeri akan memberikan kuasa eksekutif kepada Kerajaan Persekutuan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.

JAWAPAN B

Untuk makluman Yang Berhormat,

Sekiranya Kerajaan Negeri ingin menguatkuasakan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Akta 672), semua tanggungjawab pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam akan diambil alih sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan termasuklah pelantikan kontraktor bagi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.

Oleh yang demikian sekiranya Kerajaan Negeri ingin melantik kontraktor dan operator bagi menguruskan tapak pelupusan setelah penerimaan Akta 672, pelantikan tersebut hendaklah dirujuk kepada Kerajaan Persekutuan terlebih dahulu. Mana-mana syarikat yang ingin mengusaha atau melaksanakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam perlulah mendapatkan kelulusan membina dan lesen mengoperasikan fasiliti pengurusan sisa pepejal untuk dipertimbangkan sebagai kontraktor oleh Kerajaan Persekutuan.

Walau bagaimanapun, secara kontranya, Kerajaan Negeri tidak lagi mempunyai kuasa eksekutif terhadap pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam dan seterusnya memberi kesan langsung kepada polisi sedia ada

2. Kecurian kabel TM

- a. Berapakah kes yang dilaporkan pada tahun 2025 sehingga kini?
- b. Berapa tangkapan dan jumlah denda yang dikeluarkan dari tahun 2025 sehingga kini?

Jawapan Soalan 2

JAWAPAN A:

Berdasarkan data daripada pihak Polis Diraja Malaysia, PDRM. Kes kecurian kabel Telekom Malaysia (TM) yang dilaporkan berlaku di Negeri Perak bagi Tahun 2025 hingga Mac 2026 adalah sebanyak 268 kes dengan kes selesai sebanyak 200 kes atau 74.62 % serta nilai kerugian keseluruhan adalah sebanyak RM 2,372,810.00. Daerah Ipoh merupakan daerah yang mencatatkan kes tertinggi dan daerah Pengkalan Hulu adalah daerah yang paling rendah mencatatkan kes kecurian kabel Telekom Malaysia (TM) di Negeri Perak.

Berdasarkan data terkini yang oleh pihak TM, sehingga kini sebanyak 194 kes kecurian kabel telah direkodkan di seluruh negeri Perak.

Daripada jumlah tersebut, kawasan Lembah Kinta sahaja mencatatkan 77 kes, menjadikannya antara kawasan yang paling terjejas dalam tempoh semasa. Angka ini bukan sahaja mencerminkan tahap keseriusan jenayah berkenaan, malah menunjukkan bahawa kawasan tumpuan ekonomi dan penempatan penduduk terus menjadi sasaran utama sindiket kecurian kabel.

Hakikat ini menuntut tindakan yang lebih agresif dan menyeluruh daripada semua pihak berkepentingan. Tanpa pendekatan yang lebih tegas dan bersepadu, kebimbangan terhadap gangguan infrastruktur serta keselamatan awam dijangka akan terus berlarutan.

JAWAPAN B:

Bagi tempoh tahun 2025 hingga Mac 2026, seramai 741 orang telah di tangkap. Tangkapan tertinggi kes kecurian kabel adalah bagi daerah Ipoh sebanyak 321 orang.

Berdasarkan rekod pihak TM, sepanjang tahun 2025 sehingga kini, sebanyak 25 kes tangkapan telah direkodkan melibatkan aktiviti kecurian kabel di negeri Perak.

3. Trafik Pintar

- a. Apakah rancangan PBT Bandaraya Ipoh dalam penggunaan sistem trafik Pintar secara menyeluruh?
- b. Adakah keadaan trafik bertambah baik dan kesesakan jalan raya dikurangkan?
- c. Berikan contoh kawasan sekiranya ada.

Jawapan Soalan 3

JAWAPAN A

Untuk makluman Yang Berhormat,

Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) telah menguna pakai Sistem Lampu Isyarat Pintar sejak tahun 2024. Pelaksanaannya adalah di 4 persimpangan Jalan Sultan Idris Shah, Ipoh.

Pada penghujung tahun 2025, pihak MBI ada menerima peruntukan daripada Kementerian Digital untuk pengembangan sistem berkenaan sebanyak RM1.7 juta melibatkan 6 persimpangan di Jalan Sultan Iskandar Shah, Ipoh.

JAWAPAN B

Untuk makluman Yang Berhormat,

Antara impak hasil pemasangan lampu isyarat pintar di kawasan MBI ini adalah pengurangan masa perjalanan sebanyak 80%. Sebelum ini, kenderaan terpaksa berhenti di setiap persimpangan akibat fasa masa hijau yang tidak diselaraskan.

Setelah pemasangan lampu isyarat pintar, kenderaan tidak perlu berhenti di setiap persimpangan kerana terdapatnya sistem aliran *green wave* yang dijana pada setiap persimpangan. Kenderaan dapat menjimatkan masa dari 320 saat ke 80 saat untuk melalui persimpangan pertama hingga ke persimpangan keempat dan terus ke destinasi yang dituju.

JAWAPAN C

Untuk makluman Yang Berhormat,

Contoh lokasi yang telah mengguna pakai lampu isyarat pintar adalah di Jalan Sultan Idris Shah, Ipoh dan Jalan Sultan Iskandar Shah, Ipoh

4. Ambulan

- a. Berapa buah ambulan yang dimiliki Hospital Permaisuri Bainun?
- b. Berapakah keperluan perkhidmatan ambulan dalam satu hari?
- c. Adakah kerajaan negeri merancang untuk menambah bilangan buah ambulan?

Jawapan Soalan 4

JAWAPAN : (A)

Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) mempunyai sebanyak 19 buah ambulans bagi operasi seperti berikut:

1. Perkhidmatan rawatan pra hospital (panggilan ambulans kecemasan)
2. Penghantaran pesakit antara fasiliti (dalam dan luar Perak)
3. Pengangkutan pesakit antara blok-blok klinikal dalam HRPB
4. Perkhidmatan Liputan Perlindungan Perubatan
5. Perkhidmatan Retrieval Neonatal & Pediatrik Negeri Perak.

JAWAPAN (B):

Di sebalik beban kerja yang terus meningkat saban tahun, bilangan ambulans sedia ada di HRPB adalah memadai berdasarkan kepada limitasi sumber manusia sedia ada. Namun, penggantian bagi empat buah ambulans yang telah berusia 15 tahun dan ke atas dan kerap mengalami kerosakan menjadi keutamaan agar kelancaran perkhidmatan semasa tidak terjejas.

JAWAPAN C :

Permohonan penambahan dan penggantian ambulans bagi keperluan fasiliti-fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di Negeri Perak diangkat setiap tahun oleh Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Perak. Umumnya, tender perolehan ambulans berpusat serta bilangan agihan ambulans ke semua negeri, termasuk Perak, diputuskan oleh pihak ibu pejabat KKM.

5. Pendidikan khas

- a. Berapakah jumlah sekolah yang menawarkan pendidikan khas?
- b. Sila senaraikan sekolah yang menawarkan pendidikan khas.
- c. Berapakah jumlah murid yang ada?

Jawapan Soalan 5

Berapakah jumlah sekolah yang menawarkan pendidikan khas?

- **Sekolah Pendidikan Khas (SPK)**
Terdapat sebanyak 2 buah Sekolah Pendidikan Khas, iaitu:
 - SK Pendidikan Khas Ipoh
 - SK Pendidikan Khas Taiping
- **Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI)**
Program ini dilaksanakan di beberapa peringkat seperti berikut:
 - Prasekolah : 32 buah sekolah
 - Sekolah Rendah : 155 buah sekolah
 - Sekolah Menengah : 88 buah sekolah

Sila senaraikan sekolah yang menawarkan pendidikan khas.

Rujuk Lampiran

Berapakah jumlah murid yang ada?

Rujuk Lampiran

Soalan Dari : YB ENCIK CHEAH POU HIAN
Ahli Dewan Undangan Negeri : (JELAPANG)

SOALAN-SOALAN BERTULIS

1. Longkang di hadapan kedai-kedai di sepanjang jalan utama Kampung Baru Jelapang sering tersumbat dan memerlukan pembersihan besar-besaran dari semasa ke semasa. Keadaan ini bukan sahaja memerlukan tenaga kerja yang ramai, malah melibatkan kos penyelenggaraan yang tinggi. Sehubungan dengan itu, saya ingin bertanya
 - a. Adakah pihak berkuasa telah menyiasat punca utama penyumbatan yang kerap berlaku di sepanjang jalan tersebut? Adakah ia berpunca daripada masalah tersumbat pada sistem saliran hulu di sumbernya?
 - b. Adakah kerajaan negeri bercadang untuk menaik taraf atau menambah baik sistem saliran di kawasan tersebut bagi menyelesaikan secara menyeluruh masalah longkang tersumbat yang berlarutan ini?

Jawapan Soalan 1

JAWAPAN A

Untuk makluman Yang Berhormat,

Sistem saliran di kawasan Kampung Baru Jelapang menyalurkan aliran air ke longkang utama di sepanjang jalan Jelapang – Chemor. Hasil pemerhatian dan penyiasatan mendapati bahawa penyumbatan yang kerap berlaku adalah disebabkan oleh beberapa faktor utama antaranya adalah seperti berikut:

- i. Kebanyakan longkang di jalan utama adalah jenis tertutup;
- ii. Terdapat juga pengubahsuaian oleh pemilik premis di mana longkang terbuka telah ditukar kepada longkang tertutup; dan

- iii. Kapasiti longkang sedia ada tidak mencukupi untuk menampung aliran air hujan terutamanya semasa hujan lebat.

JAWAPAN B

Untuk makluman Yang Berhormat,

Pihak Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) mengambil maklum bahawa sistem saliran sedia ada memerlukan penambahbaikan bagi penyelesaian jangka masa panjang. Sehubungan itu, cadangan penaiktarafan longkang sedang dipertimbangkan termasuk mengambil kira:

- i. Pembesaran saiz longkang sedia ada; dan
- ii. Penukaran longkang tertutup kepada sistem yang lebih mudah disenggara.

2. 2. Kebelakangan ini, didapati terdapat jalan raya yang masih dalam keadaan baik turut menerima penurapan semula, manakala banyak jalan raya yang berada dalam keadaan buruk masih tidak dapat dibaiki atas faktor-faktor tertentu. Sehubungan dengan itu, saya ingin bertanya

a. Apakah kriteria yang digunakan oleh pihak berkuasa tempatan untuk menentukan sesuatu jalan perlu diturap semula?

b. Sebelum permohonan penurapan semula diluluskan dan kerja-kerja dimulakan, adakah tinjauan lapangan telah dilakukan untuk menilai keperluan sebenar penurapan semula tersebut?

Jawapan Soalan 2

JAWAPAN A

Untuk makluman Yang Berhormat,

Secara puratanya, jalan-jalan sekitar Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) telah mencapai tahap keadaan permukaan jalan (*pavement condition index*) yang memerlukan tindakan penyelenggaraan seperti penurapan semula jalan.

Kebanyakan jalan telah mencapai jangka hayat reka bentuk jalan melebihi 10 tahun sehingga 20 tahun menyebabkan keadaan jalan sedia ada yang mudah rosak, beralun, tidak rata, retakan jalan, kehilangan agregat permukaan (*ravelling*), berlubang (*potholes*), mendapan serta tidak memberikan fungsi dan keselesaan terhadap pemanduan kepada pengguna-pengguna jalan raya.

JAWAPAN B

Untuk makluman Yang Berhormat,

Pihak MBI melaksanakan tinjauan di lokasi jalan yang dicadangkan dan semakan penentuan keperluan-keperluan merupakan prosedur wajib sebelum permohonan penurapan semula sesuatu jalan dikemukakan bagi tujuan penyelenggaraan dalam rizab

jalan.

Semasa semakan dibuat, kerja-kerja pengukuran dan cadangan-cadangan kerja pembaikan yang berkaitan selain kerja menurap semula turut diteliti dan diambil kira sebagai kos dalam sesuatu projek supaya penyenggaraan jalan tersebut diselesaikan secara keseluruhan.

3. 3. Kegiatan curi kabel yang semakin berleluasa telah menimbulkan kebimbangan dalam kalangan masyarakat. Beberapa kes pencurian kabel tular di media sosial baru-baru ini, termasuk satu kejadian di Kampung Baru Jelapang, di mana rakaman langsung menunjukkan seorang pencuri kabel selepas pihak berkuasa menerima laporan daripada penduduk tempatan. Penduduk tempatan kuarir akan keselamatan mereka jika identiti mereka dikenali oleh kartel penjenayah ini.

Apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak berkaitan untuk menangani jenayah ini, serta mengelakkan risiko kehilangan nyawa akibat penutup longkang yang dibuka?

Jawapan Soalan 3

JAWAPAN:

Bagi menangani jenayah curi kabel dan mengelak kemalangan berlaku, PDRM Perak telah mengambil langkah-langkah perlu seperti berikut :-

- i) Membuat tangkapan dan pendakwaan ke atas penjenayah yang melakukan kes curi kabel. Bagi tempoh tahun 2025 hingga Mac 2026, seramai 741 orang telah di tangkap.
- ii) Melaksanakan operasi bersepadu bersama lain-lain agensi atau jabatan seperti TNB, TELEKOM, syarikat TELCO, PBT, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Imigresen, Kementerian Kesihatan dan sebagainya dengan membuat pemeriksaan premis barang lusuh yang berlesen dan tidak berlesen. Bagi tempoh tahun 2025 hingga Mac 2026, sebanyak 402 pemeriksaan telah dijalankan dan sebanyak 48 kertas siasatan polis telah di buka di bawah pelbagai kesalahan.
- iii) Melalui rondaan dan pemantauan yang di buat oleh Unit Rondaan Bermotosikal (URB) dan Cawangan Mobile Patrol Vehicle (MPV) dalam Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK), jika mereka menemui lubang manhole yang terbuka akan menutup kembali lubang berkenaan. Jika penutup manhole hilang, pihak polis akan membuat tandaan dan melaporkan kepada pihak Telekom Malaysia (TM) untuk penggantian.

Isu kecurian kabel bukan sahaja melibatkan kerugian kepada infrastruktur negara, malah turut mengundang risiko keselamatan yang serius kepada orang awam, khususnya apabila penutup longkang atau manhole dibuka dan dibiarkan tanpa perlindungan. Keadaan ini boleh mengakibatkan kemalangan yang mengancam nyawa, sekali gus menuntut tindakan yang tegas dan bersepadu daripada semua pihak berkaitan.

Dalam konteks ini, beberapa langkah telah diambil bagi menangani jenayah tersebut serta mengurangkan risiko kepada keselamatan penduduk. Antaranya ialah pelaksanaan rondaan secara berkala oleh unit keselamatan TM di kawasan laluan kabel, terutamanya di lokasi yang dikenal pasti sebagai berisiko tinggi. Langkah ini bertujuan meningkatkan kehadiran pengawasan di lapangan, sekali gus bertindak sebagai pencegahan kepada kegiatan jenayah.

Selain itu, pihak TM turut mengadakan perbincangan bersama pihak polis bagi memperkukuhkan kerjasama strategik, termasuk memohon bantuan rondaan berkala oleh pihak berkuasa di kawasan 'hot spot'. Pendekatan kolaboratif ini penting dalam memastikan pemantauan yang lebih menyeluruh serta tindakan yang lebih pantas sekiranya berlaku insiden.

Di samping usaha penguatkuasaan, pendekatan teknikal juga dilaksanakan melalui inisiatif menutup (seal) manhole serta program copper recovery yang telah bermula sejak tahun 2022. Penutupan manhole ini bukan sahaja menghalang akses kepada kabel bawah tanah, malah secara langsung mengurangkan risiko lubang terbuka yang boleh membahayakan pengguna jalan raya dan pejalan kaki. Manakala penggantian kabel tembaga pula bertujuan menghapuskan tarikan utama kepada pelaku jenayah.

Walau bagaimanapun, usaha ini perlu diperkukuhkan dengan pemantauan berterusan, penguatkuasaan yang konsisten serta kesedaran masyarakat terhadap kepentingan melaporkan sebarang aktiviti mencurigakan. Hanya melalui pendekatan menyeluruh dan komitmen berterusan, isu kecurian kabel serta risiko keselamatan yang berkaitan dapat ditangani secara berkesan demi kesejahteraan rakyat.

4. 4. Penduduk di kawasan perumahan sering mengadu tentang lampu jalan yang malap di sepanjang Lebuhraya Ipoh-Lumut, khususnya dari Jelapang Square hingga Taman Kledang Permai. Sehubungan dengan itu, saya ingin bertanya

a. Adakah kerajaan negeri mempertimbangkan untuk memasang lampu jalan tambahan di sepanjang laluan tersebut bagi meningkatkan keselamatan jalan raya?

b. Adakah kerajaan negeri telah menilai keperluan pencahayaan di sepanjang laluan tersebut, dan apakah sebarang pelan atau jadual pelaksanaan projek yang telah dirancang?

Jawapan Soalan 4

Untuk makluman Yang Berhormat,

- a. Pihak JKR telah menerima kelulusan pemasangan lampu jalan baharu di Jalan Ipoh – Lumut (FT005), Seksyen 708.0-709.0, Daerah Kinta dan kerja pemasangan lampu tersebut akan disiapkan pada tahun semasa.
 - b. Pihak JKR sentiasa menilai keperluan pemasangan lampu jalan baharu serta keperluan penyenggaraan sistem lampu jalan dan lampu isyarat dari semasa ke semasa. Pihak JKR juga mengangkat permohonan kelulusan melalui Anggaran Penyenggaraan Jabatan secara tahunan dan *one-off* mengikut keperluan. Kerja-kerja akan dilaksanakan sebaik kelulusan diterima.
5. 5. Memandangkan ketidakpastian situasi antarabangsa dan risiko peperangan mungkin menjejaskan bekalan makanan global
- a. Sekiranya berlaku gangguan bekalan makanan, adakah kerajaan negeri telah menyediakan pelan kontingensi bagi menangani kekurangan tersebut?
 - b. Adakah kerajaan negeri merancang untuk memperkukuh pengeluaran makanan tempatan serta mekanisme simpanan makanan, bagi memastikan bekalan makanan asas rakyat terjamin sekiranya berlaku situasi kecemasan?

Jawapan Soalan 5

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Konflik di Asia Barat yang tercetus sejak bulan Februari 2026 telah menjadi krisis geopolitik yang memberi impak besar kepada ekonomi global secara menyeluruh. Kita kini berdepan kemungkinan krisis tenaga global yang memberi kesan terhadap segenap aspek rantai ekonomi negara, tidak terkecuali kepada negeri Perak. Semua sektor dijangka akan menerima impak daripada krisis global ini. Penutupan dan gangguan laluan perdagangan di Selat Hormuz memberi kesan gangguan bekalan input bahan mentah di peringkat global. Kenaikan kos penghantaran, premium insurans kapal dan perubahan laluan perdagangan antarabangsa menyumbang secara signifikan kepada kos pengeluaran yang tinggi dan penurunan produktiviti pengeluaran. Antara yang terkesan adalah sektor pembuatan, perkhidmatan, pembinaan dan perumahan. Sektor pertanian juga terkesan oleh kenaikan kos input pertanian dan logistik yang memberi impak langsung kepada pengguna melalui kenaikan harga barang asas seperti sayur-sayuran, buah-buahan, ayam, telur dan hasil pertanian lain sekaligus menjejaskan keterjaminan makanan.

Sektor pelancongan juga tidak terkecuali menerima tempas ekoran konflik yang semakin sukar diramal apabila pelancong luar negara mengambil sikap lebih berhati-hati atas faktor keselamatan dan kos perjalanan yang meningkat secara drastik.

Dato' Seri Yang di-Pertua,

Yang Berhormat Pasir Pinji dan Yang Berhormat Pokok Assam ada bertanyakan tentang kesan krisis global ini kepada kedudukan pelaburan asing di negeri Perak.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada pemantauan semasa, senario pelaburan asing di Malaysia amnya dan di negeri Perak secara khusus dilihat masih berdaya tahan. Impak kepada negeri Perak juga dilihat masih berada pada tahap minimum dan terkawal. Tiada pelaburan utama yang dibatalkan setakat ini, dan projek-projek sedia ada terus berjalan seperti dirancang. Dilihat dari sudut peluang, Malaysia termasuk negeri Perak berpotensi mendapat manfaat melalui fenomena pengalihan rantai bekalan apabila syarikat antarabangsa mencari lokasi pelaburan alternatif yang lebih stabil di rantau Asia Tenggara. JPMorgan Chase & Co pada 27 Mac 2026 menyenaraikan Malaysia sebagai antara ekonomi paling berdaya tahan dalam menghadapi krisis tenaga pada ketika ini dan masih berada dalam keadaan relatif stabil. Kumpulan Bank Dunia dalam kenyataan rasmi bertarikh 9 April 2026 pula mengunjurkan pertumbuhan ekonomi Malaysia 2026 kepada 4.4 peratus daripada 4.1 peratus berdasarkan permintaan domestik yang berdaya tahan. Doa dan harapan kita semua semoga keadaan ini dapat dikekalkan. Dalam mendepani krisis yang serba dinamik ini, harus saya akui secara jujur di dalam dewan yang mulia ini bahawa tiada perkara yang benar-benar pasti. Justeru, Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk memberi sebarang jaminan mutlak yang bersifat spekulatif. Fokus kita pada saat ini bukan pada janji-janji manis, sebaliknya pada kesiapsiagaan kita untuk menyesuaikan strategi mengikut keadaan semasa yang sering berubah. Kerajaan Negeri akan sentiasa memantau perkembangan semasa dan bekerjasama rapat dengan Kerajaan Persekutuan untuk merangka strategi adaptasi bagi meminimumkan impak krisis ini kepada ekonomi dan kesejahteraan rakyat. Kebersamaan yang kita bina telah berjaya membawa negeri ini mengharungi jerih perih pandemik Covid-19 dan kita bangkit semula. Dengan komitmen semua pihak, insya-Allah sekali lagi kita mampu mendepani cabaran getir ini bersama-sama.

SOALAN-SOALAN LISAN

1. 1. Di bawah agenda pengukuhan kelestarian alam sekitar dalam Pelan Perak Sejahtera 2030, adakah kerajaan negeri mempunyai pelan yang sistematik untuk meningkatkan kebersihan dan penghijauan di bahagian bahu jalan serta pembahagi jalan utama di negeri ini, bagi memperindah landskap bandar dan mengurangkan masalah

longgokan sampah?

Adakah kerajaan negeri telah mewujudkan mekanisme penyelenggaraan berkala serta menetapkan pihak yang bertanggungjawab bagi memastikan usaha pembersihan dan penghijauan di bahu jalan serta pembahagi jalan dapat dilaksanakan secara berterusan?

Jawapan Soalan 1

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat,

Bagi yang melibatkan jalan-jalan perbandaran, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sentiasa memantau kerja-kerja penyelenggaraan rutin di bahu jalan yang dilaksanakan oleh pihak konsesi MARRIS yang mana merangkumi skop kerja R03 (Pemotongan Rumput) dan R07 (Pembersihan Longkang). Kerja- kerja tersebut dilaksanakan mengikut jadual pusing kerja seperti berikut :-

- a. R03 Pemotongan Rumput = 2 kali sebulan.
- b. R07 Pembersihan Longkang = 1 kali sebulan.

Dalam pada itu, PBT bertanggungjawab memastikan penyelenggaraan dilakukan mengikut zon dan jadual yang telah ditetapkan bagi memastikan aspek estetika serta kebersihan terpelihara. Kerajaan Negeri sentiasa memastikan peruntukan daripada Pemberian Penyelenggaraan Jalan Negeri (MARRIS) digunakan secara optimum mengikut garis panduan terkini berdasarkan data jalan yang telah didaftarkan PBT di dalam sistem MARRIS mengikut jadual penyelenggaraan rutin yang ditetapkan dalam kontrak konsesi.

Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) menjalankan perkhidmatan pembersihan kawasan iaitu penyapuan semua jalan utama, jalan protokol, jalan-jalan di pusat bandar, lorong belakang / perumahan dan tempat pejalan kaki mengikut jadual yang telah ditetapkan bagi meningkatkan kebersihan dan penghijauan di bahagian bahu jalan / pembahagi jalan utama serta mengurangkan masalah longgokan sampah.

Pendekatan ini dilaksanakan dengan lebih sistematik dalam usaha meningkatkan kebersihan dan penghijauan di bahu jalan serta pembahagi jalan selaras dengan aspirasi Pelan Perak Sejahtera 2030.

Dari aspek penghijauan rizab jalan, MBI sedang melaksanakan program penggantian pokok-pokok berisiko tinggi seperti Khaya *senegalensis* yang dikenal pasti mudah tumbang kepada spesies pokok yang lebih sesuai dan berisiko rendah. Pelaksanaan ini memberi tumpuan khusus kepada kawasan strategik seperti bahu jalan di laluan utama, hadapan kawasan komersial serta kawasan perumahan bagi memastikan aspek keselamatan, estetika dan kelestarian landskap bandar dapat dipertingkatkan.

Bagi aspek penyelenggaraan, MBI telah menetapkan mekanisme pelaksanaan secara berjadual yang melibatkan pembahagian kawasan kepada 10 zon bahu jalan iaitu 7 zon dilaksanakan secara kontrak dan 3 zon dilaksanakan secara dalaman (*in-house*).

Antara skop penyelenggaraan yang dilaksanakan meliputi:

- a. Pembersihan sisa sampah;
- b. Kerja cantasan pokok renek (*trimming*);
- c. Pembajaan; dan
- d. Kawasan serangga melalui kerja meracun.

Walaupun bagaimanapun, skop ini tidak termasuk kerja pemotongan rumput kerana ia adalah di bawah seliaan konsesi penyelenggaraan bahu jalan yang dikendalikan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Puncak Emas Infra Sdn. Bhd.

Secara keseluruhannya, pendekatan ini menunjukkan bahawa kerajaan negeri melalui MBI telah mewujudkan satu sistem penyelenggaraan yang berstruktur dengan pembahagian tanggungjawab yang jelas antara agensi bagi memastikan kerja-kerja pembersihan dan penghijauan dapat dilaksanakan secara berterusan dan berkesan.

2. Memandangkan isu kediaman dan perumahan masih menjadi antara isu yang giat diperbincangkan, apakah perkembangan terkini Skim Sejahtera Perak (SSPS)?
- a. Sila nyatakan
 - i. Jumlah unit Skim Sejahtera Perak (SSPS) yang telah disediakan oleh kerajaan negeri di seluruh Perak
 - ii. Kadar penghunian semasa unit tersebut
 - iii. Jumlah keluarga yang telah menerima manfaat
 - iv. Status penyelenggaraan kemudahan unit berkenaan dan
 - v. Dasar sewa yang sedang dilaksanakan.
 - b. Bagi kawasan DUN Jelapang khususnya, sila nyatakan
 - i. Status penyediaan unit SSPS
 - ii. Kadar penghunian semasa
 - iii. Status penyelenggaraan kemudahan dan
 - iv. Jumlah keluarga yang menerima manfaat.

SOALAN DITOLAK (lebih pecahan)

3. Bagi meningkatkan kebersihan persekitaran komuniti dan mengurangkan masalah pembuangan sampah haram, saya ingin bertanya
- a. Apakah inisiatif yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan negeri, sama ada secara langsung atau melalui pihak berkuasa tempatan (PBT) di Perak, dalam menguruskan sisa buangan besar serta menjaga kebersihan kawasan komuniti?
 - b. Adakah kerajaan negeri bercadang untuk menambah stesen pengumpulan sisa buangan besar yang bersifat tetap, bagi mengurangkan masalah pembuangan sampah besar secara haram?

Jawapan Soalan 3

JAWAPAN A

Untuk makluman Yang Berhormat,

Perkhidmatan pengurusan sisa pepejal diuruskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Perak. PBT sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik dalam melaksanakan fungsinya sebagai sebuah pihak berkuasa tempatan dengan memastikan kebersihan persekitaran di dalam kawasan operasi PBT sentiasa terjaga melalui pelaksanaan perkhidmatan kutipan sampah dengan kekerapan sebanyak tiga (3) kali seminggu di kawasan perumahan dan setiap hari di kawasan komersial.

PBT juga melaksanakan kerja-kerja pembersihan dan sapuan jalan di kawasan pusat bandar setiap hari bagi memastikan tempat tumpuan orang ramai sentiasa berada dalam keadaan bersih. Di samping itu, kerja-kerja pembersihan juga dilaksanakan setiap hari di kesemua pasar-pasar awam seliaan PBT.

Kerja-kerja penyelenggaraan pemotongan rumput di kawasan tanah lapang dan padang permainan turut dijalankan setiap bulan supaya kawasan terbabit sentiasa terjaga bagi kegunaan orang awam menjalankan aktiviti seperti beriadah serta mengelakkan daripada menjadi semak samun yang boleh mencacatkan pemandangan.

Dalam pada itu, Kerajaan Negeri melalui semua PBT telah melaksanakan pelbagai usaha dan inisiatif bagi menangani isu sampah haram seperti berikut:-

- i. Pelaksanaan Program Kutipan Sampah Di Luar Kawasan Operasi PBT yang melibatkan sebanyak 174 Kampung di seluruh Negeri Perak;
- ii. Pemantauan secara berterusan dilakukan secara berkala terutama di kawasan yang telah dikenal pasti sebagai tempat pembuangan sampah haram;
- iii. Pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di lokasi *hotspot* sampah haram untuk mengenal pasti pelaku pembuangan sampah haram;
- iv. Penguatkuasaan Undang-undang dengan mengeluarkan kompaun kepada individu atau syarikat yang dikenal pasti membuang sampah di kawasan pembuangan sampah haram;
- v. Penambahan skop kutipan sampah berserta kutipan sampah haram di lokasi yang telah ditetapkan dalam kontrak pengurusan sisa pepejal PBT yang berkaitan;
- vi. Program Wawancara Perak Bersih dan Sihat (PERAK BEST) di PerakFM yang merupakan program pendidikan dan kesedaran awam bagi mendidik masyarakat tentang kepentingan menjaga kebersihan dan membuang sampah di tempat yang betul;
- vii. Program Gotong-Royong Pembersihan Sampah Haram Bersama Komuniti Setempat bagi menggalakkan komuniti setempat untuk melaporkan sebarang aktiviti pembuangan sampah haram kepada pihak berkuasa;
- viii. Pemasangan Papan Tanda Amaran Pembuangan Sampah;
- ix. Pengedaran Risalah Kesedaran Kepada Komuniti Setempat;
- x. Program Pemurniaan Tapak Sampah Haram dan Pemasangan CCTV;
- xi. Program Sifar Sampah dan Kempen Anti Sampah Haram;
- xii. Promosi di portal dan media sosial berkaitan penyediaan tong sampah persendirian di setiap kawasan perumahan dalam kawasan operasi PBT;
- xiii. Program Pengumpulan Sisa Buangan Elektrik dan Elektronik (e-waste);
- xiv. Program Kerjasama Kitar Semula Bersama Pihak Sekolah;
- xv. Pembuatan Baja Kompos Dari Sisa Makanan Dan Tumbuhan;
- xvi. Program Keindahan, Kebersihan dan Keceriaan di Kawasan PBT;
- xvii. Program Penanaman Pokok; dan
- xviii. Program-program kesedaran secara berterusan kepada masyarakat contohnya Hari Tanpa Kenderaan, Program Hari Tanpa Beg Plastik, Program Kitar Semula dan e-waste.

JAWAPAN B

Untuk makluman Yang Berhormat,

Buat masa ini tiada sebarang perancangan oleh PBT-PBT bagi mewujudkan stesyen pengumpulan sisa pukal kerana perkhidmatan kutipan sampah yang disediakan di kawasan perumahan dibuat secara dari pintu ke pintu oleh syarikat kutipan sampah yang telah dilantik oleh PBT-PBT mengikut jadual kutipan setiap 3 kali seminggu.

Bagi premis kediaman yang tidak dapat diberi perkhidmatan kutipan secara dari pintu ke pintu, PBT menyediakan kutipan secara berpusat dengan menyediakan tong sampah sama ada jenis leach bin mahupun roro bin dengan kekerapan kutipan sampah yang khusus.

Dalam pada itu, pihak PBT turut melaksanakan kutipan sampah pukal secara berkala dan sebarang perancangan untuk menambah kekerapan kutipan sampah pukal adalah bergantung kepada kemampuan kewangan PBT-PBT yang perlu menanggung kos operasi perkhidmatan tersebut.

Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri melalui PBT perlu meneliti dengan menyeluruh sebelum mewujudkan stesyen pengumpulan sisa pukal di kawasan komuniti bagi mengelakkan longgokan sampah di tempat yang tidak sesuai yang boleh membawa kepada wujudnya '*mini landfill*'.

Buat masa ini, pembinaan stesyen pengumpulan sisa pukat dilihat kurang praktikal dan hanya mewujudkan kembali persekitaran yang busuk serta bawaan penyakit tambahan jika tidak diselenggara dan pihak penduduk gagal memanfaatkannya.

Walaubagaimanapun, PBT turut mengambil inisiatif bagi menambahbaik perkhidmatan sisa pukat ini dari semasa ke semasa melalui langkah berikut:-

- i. Pelaksanaan kutipan sampah pukat berdasarkan permohonan yang dikemukakan dan tertakluk kepada ketersediaan logistik PBT bagi melaksanakan kutipan sampah pukat tersebut;
- ii. Menaikkan Kekerapan Kutipan Sampah Pukat di kawasan perumahan, terutama di kawasan yang mempunyai jumlah penduduk tinggi. Langkah diambil dengan menambah bilangan lori kutipan sampah dan tenaga kerja bagi mempercepatkan proses kutipan, menyediakan jadual kutipan yang lebih kerap, terutamanya bagi sampah pukat seperti perabot lama dan peralatan elektrik terpakai dan meningkatkan kerjasama dengan syarikat konsesi sisa pepejal untuk memastikan kutipan dilakukan secara lebih efisien;
- iii. Kutipan sampah pukat disediakan sewaktu musim perayaan sahaja di beberapa lokasi perumahan melalui program 'spring cleaning' dengan menyediakan kemudahan tong roro;
- iv. Pelaksanaan kutipan sampah pukat dilaksana secara permohonan melalui program perayaan utama; dan
- v. Mengenakan kadar bayaran tertentu bagi penduduk yang memerlukan perkhidmatan kutipan sisa pukat di luar jadual kutipan yang dilaksanakan oleh pihak PBT.

Soalan Dari : YB ENCIK JASON NG THIEN YEONG
Ahli Dewan Undangan Negeri : (ASTAKA)

SOALAN-SOALAN BERTULIS

1. Berapakah jumlah wang rizab kerajaan negeri Perak terkini berbanding dengan jumlah-jumlah wang rizab negeri sejak tahun 2022.

Jawapan Soalan 1

Untuk makluman Yang Berhormat Astaka, wang rizab Kerajaan Negeri merupakan wang awam yang terdiri daripada pegangan tunai dan pelaburan yang diuruskan bagi menjamin kestabilan kewangan negeri. Pada tahun 2022 dan 2023, wang rizab Kerajaan Negeri dalam bentuk pelaburan adalah berjumlah Sembilan Ratus Enam Belas Perpuluhan Tiga Tujuh Juta Ringgit (RM 916.37 juta). Seterusnya, bagi tahun 2024 dan 2025, jumlah wang rizab tersebut telah mencatatkan peningkatan kepada Sembilan Ratus Tiga Puluh Enam Perpuluhan Tiga Tujuh Juta Ringgit (RM 936.37 juta). Sehingga 31 Mac 2026, jumlah wang rizab Kerajaan Negeri dalam bentuk pelaburan kekal pada Sembilan Ratus Tiga Puluh Enam Perpuluhan Tiga Tujuh Juta Ringgit (RM 936.37 juta). Manakala nilai pasaran adalah berjumlah Sembilan Ratus Lapan Puluh Empat Perpuluhan Tiga Dua Tujuh Juta Ringgit (RM 984. 327 juta). Secara keseluruhan, prestasi terkini jumlah rizab pada nilai buku Kerajaan Negeri menunjukkan peningkatan sebanyak Dua Puluh Juta Ringgit (RM 20 juta) berbanding tahun 2022.

2. Masalah Banjir Kilat Sitiawan
 1. Apakah usaha Kerajaan terutamanya pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam menyelesaikan masalah banjir kilat di Pekan Sitiawan?
 2. Adakah Kerajaan Negeri boleh menubuhkan satu jawatankuasa tetap khas yang melibatkan pelbagai agensi, seperti PDT, MPM, JKR, JPS, APM dan sebagainya untuk tujuan penyelarasan dalam usaha menyelesaikan masalah banjir kilat di Sitiawan?
 3. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai satu rancangan untuk menaiktaraf infrastruktur yang sedia ada bagi menghadapi masalah perubahan iklim yang semakin ketara?

Jawapan Soalan 2

JAWAPAN 1

Untuk makluman Yang Berhormat,

Majlis Perbandaran Manjung sentiasa memantau kejadian banjir kilat yang berlaku dikawasan **penyelenggaraan** Majlis Perbandaran Manjung terutamanya di kawasan DUN Astaka dan kawasan sekitarnya. Bagi mengatasi masalah banjir kilat yang sering melanda kawasan Sitiawan, pihak Majlis Perbandaran Manjung telah melaksanakan beberapa projek tebatan banjir pada tahun 2023-2025.

Antara langkah yang diambil termasuklah kerja-kerja mendalam dan menaik taraf sistem saliran utama, pembinaan longkang konkrit baharu di kawasan berisiko tinggi, serta penyelenggaraan berkala terhadap parit dan sungai sedia ada. Selain itu, perangkap sampah dan sistem pam air turut dipertingkatkan bagi memastikan aliran air hujan lebih lancar dengan penciptaan teknologi baharu iaitu Smart Energy Monitoring System (System Pump) di Taman Indah Ria, Ayer Tawar. Pelaksanaan projek-projek ini bertujuan mengurangkan risiko limpahan air serta meningkatkan kecekapan sistem saliran di kawasan tersebut.

Untuk makluman, pihak Majlis telah membelanjakan peruntukan sebanyak RM 5.9 juta dari tahun 2023 hingga 2025 melalui peruntukan pelbagai agensi samada Majlis, Negeri dan juga Persekutuan.

Peruntukan-peruntukan yang disalurkan telah digunakan sepenuhnya bagi kerja-kerja menaiktaraf kolam tadahan, longkang taman, pembinaan flood gate, menaiktaraf parit-parit tanah kepada longkang-longkang konkrit dan juga menyelenggara longkang ditaman-taman lama yang sudah rosak sehingga mengganggu pengaliran air keluar.

JPS telah mengemukakan permohonan bagi Menaiktaraf Sungai Bekah bagi mengatasi banjir di Mukim Sitiawan dalam RMK 13.

JAWAPAN 2

Untuk makluman Yang Berhormat,

Berkaitan cadangan penubuhan jawatankuasa tetap khas, dari sudut teknikal adalah wajar dipertimbangkan bagi memperkukuh koordinasi antara PDT, MPM, JKR dan JPS. Jawatankuasa ini boleh berperanan dalam penyelarasan data teknikal, penentuan keutamaan projek berasaskan analisis risiko, penyediaan pelan induk saliran bersepadu serta pemantauan pelaksanaan dan prestasi sistem secara lebih sistematik dan berfokus.

Pada ketika ini telah diadakan Mesyuarat Penyelarasan Isu Banjir Daerah Manjung pada 3 Mac 2026 yang dipengerusikan oleh Tuan Pegawai Daerah Manjung. Keahlian mesyuarat ini terdiri daripada YB ADUN, MPM, JKR Daerah Manjung, JPS Daerah Manjung, APM Daerah Manjung dan PDT Manjung sebagai urus setia mesyuarat.

JAWAPAN 3

Untuk makluman Yang Berhormat,

MPM mempunyai perancangan untuk menaiktaraf infrastruktur sedia ada bagi menghadapi impak perubahan iklim melalui pendekatan kejuruteraan yang lebih berdaya tahan, termasuk semakan parameter reka bentuk berdasarkan intensiti hujan ekstrem, pelaksanaan konsep *Sustainable Urban Drainage Systems* (SUDS) seperti kolam takungan dan sistem resapan, pembinaan infrastruktur tebatan banjir bersepadu serta penggunaan pemodelan hidraulik dan GIS bagi menyokong perancangan dan mitigasi jangka panjang secara lebih efektif.

JPS telah mengemukakan permohonan bagi Kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam Mukim Sitiawan dan Lumut bagi mengatasi banjir di Mukim Sitiawan dalam RMK 13 yang akan mengambilkira isu perubahan iklim semasa. Hasil kajian akan digunapakai oleh pelbagai agensi di Daerah Manjung bagi menaiktaraf sistem saliran berkaitan.

3. Hal Ehwal Bukan Islam (HEBI)

1. Adakah Jawatankuasa Hal Ehwal Bukan Islam Kerajaan Negeri Perak mempunyai ahli jawatankuasa dan sekiranya ada, siapakah ahli-ahli tersebut?
2. Berapakah peruntukan yang telah diluluskan untuk tujuan HEBI dan sila nyatakan secara terperinci badan-badan (contoh tokong cina, kuil hindu, gereja dan sbgnya) yang menerima peruntukan tersebut.

Jawapan Soalan 3

JAWAPAN (1) :

Tiada mempunyai ahli Jawatankuasa Hal Ehwal Bukan Islam Kerajaan Negeri Perak.

JAWAPAN (2) :

TAHUN 2026 (sampai bulan April)			
BIL	DAERAH	INDIA (RM)	CINA (RM)
1	DAERAH HILIR PERAK / BAGAN DATUK	55,000.00	362,000.00
2	DARAH HULU PERAK	20,000.00	-
3	DAERAH KINTA	520,000.00	1,665,000.00
4	DAERAH MUALIM / BATANG PADANG	80,400.00	8,000.00
5	DAERAH KUALA KANGSAR	115,000.00	95,000.00
6	DAERAH MANJUNG	50,000.00	20,000.00
	JUMLAH :	840,000.00	2,150,000.00

4. Daging khinzir merupakan sumber protein yang penting bagi golongan bukan Melayu di negeri Perak. Adakah Kerajaan Negeri akan terus membenarkan sektor perternakan khinzir di negeri Perak dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri supaya sektor tersebut mencapai tahap kebersihan yang ditetapkan?

Jawapan Soalan 4

JAWAPAN :

Daging khinzir merupakan salah satu sumber protein penting bagi sebahagian rakyat, justeru sektor penternakan khinzir akan terus dibenarkan tertakluk kepada pematuhan ketat terhadap dasar, perundangan dan piawaian teknikal yang ditetapkan. Bagi memastikan sektor ini mencapai tahap kebersihan dan biosekuriti yang tinggi, Kerajaan Negeri melalui jabatan teknikal khususnya Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak (JPVPk) telah dan akan melaksanakan langkah-langkah berikut :

i. Pematuhan Perundangan dan Piawaian Penternakan

Semua ladang diwajibkan mematuhi Enakmen Pengawalan Penternakan Babi 1992 dan Kaedah-Kaedah Pengawalan Penternakan Babi (Lesen) 2009 serta mengaplikasikan Amalan Penternakan Baik (Good Animal Husbandry Practice - GAHP) serta Standard Operating Procedure (SOP) yang merangkumi pengurusan sisa, kawalan bau, kawalan vektor serta kebersihan persekitaran ladang. Ladang juga perlu mematuhi keperluan aspek perundangan melibatkan agensi lain yang berkaitan khususnya PBT dan PDT.

ii. Peralihan kepada Peladangan Moden

Kerajaan Negeri menggalakkan dan secara berperingkat mewajibkan peralihan kepada sistem reban tertutup atau sistem moden berkonsepkan **Modern Pig Farming (MPF)** yang lebih terkawal dari segi pelepasan effluen, bau dan risiko pencemaran.

iii. Pengurusan Sisa dan Effluen

Ladang diwajibkan menyediakan sistem rawatan sisa yang berkesan seperti kolam takungan, rawatan biologi atau teknologi *waste-to-energy* bagi memastikan pelepasan effluen mematuhi piawaian yang ditetapkan dalam enakmen.

iv. Penguatkuasaan dan Pemantauan

Pemeriksaan berkala dan penguatkuasaan dilaksanakan secara berterusan. Tindakan tegas termasuk kompaun atau pembatalan lesen akan dikenakan terhadap pengusaha yang gagal mematuhi syarat yang ditetapkan.

v. Kawalan Biosekuriti

Langkah biosekuriti diperketatkan bagi mencegah penularan penyakit haiwan seperti African Swine Fever (ASF), termasuk kawalan kemasukan, sanitasi, dan pemantauan kesihatan ternakan.

5. Sistem Pengangkutan Manjung

1. Apakah status terkini lebuhraya Tanjung Malim-Lumut dan bilakah projek tersebut dijangka siap?
2. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk membangunkan sistem keretapi untuk menghubungkan Batu Gajah dan Lumut?
3. Adakah Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kementerian Pengangkutan Malaysia boleh melanjutkan perkhidmatan Bas.My ke Daerah Manjung?

Jawapan Soalan 5

1) Projek Lebuhraya Tanjong Malim – Lumut merupakan salah satu projek infrastruktur jangka panjang, termasuk untuk menyokong pembangunan Lembah Automotif Berteknologi Tinggi (AHTV) di Tanjong Malim dan kawasan perindustrian di Lumut.

Cadangan projek ini akan dibina secara berfasa dan merupakan salah satu projek keutamaan negeri di bawah Rolling Plan, RMKe-12 dan RMKe-13.

Bagi Fasa 1 projek ini telah diluluskan di bawah RP5, RMKe-12 di bawah tajuk:

Kerja Awalan Menaik Taraf Lebuhraya Tanjung Malim-Lumut: Fasa 1: Menaik Taraf Jalan Tol Tanjung Malim Ke Politeknik Sultan Azlan Shah (FT001), Dari Seksyen 466.8 Hingga Seksyen 483 (Reka Bentuk & Pengambilan Tanah).

Di bawah RP1, RMKe-13, telah diluluskan bagi **Kerja Awalan Projek Menaik Taraf Laluan FT100 (Seksyen 10.4) Ke Laluan FT3145 Pelabuhan Lumut (Seksyen 5.4), Manjung, Perak Fasa 5: Tanjung Malim-Pelabuhan Lumut (Reka Bentuk).**

Di bawah RP2, RMKe-13 telah diangkat permohonan **Menaiktaraf Laluan FT001 (Seksyen 483) Dari Politeknik Sultan Azlan Shah ke Laluan A264 (Seksyen 0.5), Daerah Muallim. (Fasa 3: Tanjung Malim – Pelabuhan Lumut).**

2) Pihak KTMB telah mengangkat permohonan peruntukan kepada Kerajaan Persekutuan di bawah RP2, RMK13 bagi Kajian Kebolehlaksanaan Projek Rel Kereta Api Batu Gajah ke Jeti Lumut.

3) Kerajaan Negeri bersedia untuk membantu memudah cara pelaksanaan peluasan perkhidmatan **BAS.MY** ke Daerah Manjung melalui kerjasama erat dengan **Kementerian Pengangkutan Malaysia** dan agensi berkaitan seperti APAD. Usaha ini termasuk penyelarasan keperluan di peringkat tempatan, penyediaan data sokongan permintaan penumpang, serta cadangan laluan yang bersesuaian bagi memastikan perkhidmatan yang dirancang benar-benar memenuhi keperluan penduduk setempat.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan peluasan ini adalah tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan Kerajaan Persekutuan dari segi dasar, peruntukan kewangan serta kajian kebolehlaksanaan yang menyeluruh. Kerajaan Negeri akan terus komited untuk menyokong dan mempercepatkan proses ini demi meningkatkan aksesibiliti dan kualiti pengangkutan awam di Daerah Manjung.

1. Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) berperanan sebagai badan kawal selia yang bertanggungjawab memantau serta mengurus semua aspek berkaitan pelesenan perkhidmatan pengangkutan. Manakala, sebarang perancangan dan pembangunan negeri adalah terletak di bawah bidang kuasa serta tindakan Kerajaan Negeri.

2. Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) berperanan sebagai badan kawal selia yang bertanggungjawab memantau serta mengurus semua aspek berkaitan pelesenan perkhidmatan pengangkutan. Manakala, sebarang perancangan dan pembangunan negeri adalah terletak di bawah bidang kuasa serta tindakan Kerajaan Negeri.

3. Untuk makluman, **Bahagian Perancangan Polisi Mod Jalan, APAD** memaklumkan bahawa perkhidmatan **BAS.MY IPOH** dirancang dengan mengambil kira keperluan menghubungkan kawasan-kawasan sekitar bandaraya Ipoh. Pada masa ini, sebanyak **16 laluan** telah diperkenalkan meliputi **5 kawasan Pihak Berkuasa Tempatan** dengan **liputan sejauh 442.8 km**. Namun, laluan-laluan sedia ada tersebut tidak meliputi sehingga ke kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Manjung. Ini kerana perancangan laluan-laluan sedia ada mengambil kira liputan laluan program SBST terdahulu serta keperluan penambahbaikan laluan sedia ada ke Kuala Kangsar dan Kampar. Selain itu, jadual dan kekerapan laluan-laluan lain turut ditambahbaik bagi mengoptimalkan kos dan permintaan penumpang.

Justeru, sebarang pengenalan laluan baharu atau penambahbaikan laluan sedia ada boleh dipertimbangkan untuk dilaksanakan selagi ia tidak melebihi kos kontrak sedia ada yang telah dimuktamadkan Kerajaan. Perkara tersebut akan dikaji semasa kajian semula laluan di bawah program SBST yang dijalankan oleh APAD setelah perkhidmatan BAS.MY mencapai purata trip penumpang yang stabil setiap bulan, iaitu sekurang-kurangnya 6 bulan setelah beroperasi. Antara perkara yang akan dinilai oleh APAD untuk kajian ini adalah prestasi permintaan semasa, tempoh perjalanan dan kekerapan perkhidmatan dan maklumbalas/aduan pengguna.

1. Pihak MPM tidak mendapat maklumat yang terkini berkaitan cadangan lebuhraya berkenaan. difahamkan telah ada cadangan jajaran dari Tanjung Malim ke Kg Aceh, Lumut dan cadangan lebuhraya ini akan di ambil kira potensi dan impak kepada pembangunan di daerah Manjung pada peringkat penyediaan Rancangan Tempatan Daerah (RTD) Manjung 2040 yang sedang dalam penyediaan.

2. Terdapat cadangan membina laluan rel antara Batu Gajah - Lumut dan masih di peringkat kajian awalan oleh pihak kerajaan negeri dan KTMB.

3. MPM sangat mengalu-alukan cadangan berkenaan melanjutkan perkhidmatan Bas.My ke Daerah Manjung.

SOALAN-SOALAN LISAN

1. Apakah usaha-usaha Kerajaan Negeri dalam
 1. Meningkatkan tahap keselamatan jalan raya di jalan negeri A125?
 2. Menaiktaraf sistem pencahayaan di jalan negeri A125 terutamanya dari Simpang Dua ke Pekan Gurney yang menjadi tempat hotspot kemalangan kerana lampu jalan yang tidak mencukupi?
 3. Membangunkan satu jalan alternatif yang menyambungkan Pekan Sitiawan dan Bandar Baru Setia Awan Perdana yang merupakan bandar baharu dan semakin pengguna jalan raya?

Jawapan Soalan 1

Untuk makluman Yang Berhormat,

1. Kerja-kerja penyenggaraan yang dilaksanakan di laluan A125, Jalan Simpang Lima – Kg. Koh, Daerah Manjung pada tahun 2025 dan tahun 2026 adalah seperti berikut:-

Bil.	Nama Laluan	No. Laluan	Seksyen		Perihal Kerja
Tahun 2025					
1	Jalan Simpang Lima – Kg. Koh	A125	0.5	0.9	Kerja menyenggara road kerb lain-lain kerja berkaitan
2	Jalan Simpang Lima – Kg. Koh	A125	8.5	9.0	Kerja menyenggara permukaan jalan serta kerja lain berkaitan
Tahun 2026					
1	Jalan Simpang Lima -Kg Koh	A125	Localised		Kerja-Kerja Mengecat Semula Garisan Jalan Dan Kerja Lain Yang Berkaitan
2	Jalan Simpang Lima -Kg Koh	A125	0.3		Kerja - Kerja Penyenggaraan / Pembaikan Pembentung Serta Kerja Lain Berkaitan

2. Pihak JKR telah melaksanakan kerja penambahbaikan sistem pencahayaan di laluan tersebut pada tahun 2025 seperti berikut:-

Bil.	Nama Laluan	No. Laluan	Seksyen	Perihal Kerja
Tahun 2025				
1	Jalan Simpang Lima – Kg. Koh	A125	12	Kerja pemasangan baru bagi lampu solar jenis LED

3. Pembangunan Bandar Baharu Setia Awan Perdana (BBSAP) yang bermula pada penghujung Tahun 2014 dirancang dan dimajukan oleh Syarikat Blossom Eastland Sdn. Bhd. (BESB).

4. Pembangunan bandar Baharu ini merangkumi rumah kediaman dengan pelbagai kemudahan asas lain yang dibina secara berfasa mengikut tahun perancangan yang telah dibuat.

5. Berdasarkan kepada kelulusan laporan TIA pada 21 Mac 2016, tiada keperluan untuk membina jalan baharu berikutan jalan sedia ada mampu menampung isipadu trafik setelah pembangunan ini siap.

6. Walau bagaimana pun, JKR Perak telah mensyaratkan kepada pihak pemaju (BESB) untuk menaiktaraf dua (2) persimpangan berisyarat tiga (3) lengan (**Three Ledged Signalized Junction**) di jalan JKR yang terlibat iaitu Jalan Negeri, Jalan Simpang Dua (A 125) dan Jalan Persekutuan, Jalan Sungai Wangi – Kampung Kayan (FT5) sepertimana pengesyoran yang dibuat oleh perunding trafik melalui laporan TIA yang telah dikemukakan untuk kelulusan JKR.

7. Syarat ini telah mengambil kira unjuran Tahun Pembangunan pada Tahun ke 6 hingga 8 (Fasa 3 pembangunan) iaitu pada Tahun 2022-2024.

8. Kerja-kerja menaik taraf yang perlu dilaksanakan oleh pihak pemaju BESB ialah dengan menambah satu (1) Lorong dari semua arah.

2. Pelaburan Negeri Perak

- Berapakah jumlah pelaburan yang telah diluluskan pada tahun 2025 untuk negeri Perak dan sila perincikan sektor pelaburan bagi pelaburan-pelaburan terse but.
- Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam menarik pelaburan yang bernilai tinggi untuk menggalakkan pemindahan teknologi dan penciptaan peluang pekerjaan yang berpendapatan tinggi?
- Apakah status terkini projek LuMIC dan berapakah pelaburan yang telah diluluskan setakat sekarang untuk projek LuMIC?

Jawapan Soalan 2

Untuk makluman Yang Berhormat Astaka,

Pada tahun 2025, Negeri Perak telah mencatatkan prestasi pelaburan yang amat memberangsangkan dengan jumlah pelaburan diluluskan sebanyak RM15.76 bilion melibatkan 560 projek serta berpotensi mewujudkan 10,704 peluang pekerjaan. Pencapaian ini merupakan peningkatan yang sangat signifikan berbanding RM8.74 bilion pada tahun 2024, sekali gus hampir menggandakan nilai pelaburan dan menandakan tahun 2025 sebagai satu “breakthrough year” bagi landskap pelaburan negeri.

Kejayaan ini lebih bermakna kerana dicapai dalam suasana ketidaktentuan ekonomi global dan cabaran geopolitik, termasuk konflik antarabangsa serta tekanan rantaian bekalan. Namun demikian, Negeri Perak kekal berdaya tahan dan kompetitif hasil kekuatan asas ekonomi, keupayaan sektor industri tempatan, kos operasi yang kompetitif serta kedudukan strategik berhampiran hab industri utama seperti Selangor dan Pulau Pinang.

Dari segi struktur pelaburan, sektor pembuatan terus menjadi pemacu utama dengan sumbangan sebanyak RM9.39 bilion atau kira-kira 60% daripada keseluruhan pelaburan, serta menjana 10,010 peluang pekerjaan. Ini mencerminkan peranan sektor tersebut sebagai tulang belakang ekonomi negeri, didorong oleh subsektor strategik seperti automotif, pemprosesan makanan, elektrik dan elektronik (E&E) serta produk mineral bukan logam. Perkembangan ini selari dengan pembangunan kluster industri seperti Automotive High-Tech Valley (AHTV) dan inisiatif keterjaminan makanan.

Sementara itu, sektor perkhidmatan merekodkan pelaburan sebanyak RM6.35 bilion dengan majoriti projek diluluskan tertumpu kepada subsektor hartanah, logistik, utiliti serta perkhidmatan sokongan industri yang memperkukuh ekosistem perindustrian negeri. Sektor utama pula menyumbang dalam skala yang lebih kecil, mencerminkan peralihan struktur ekonomi Perak ke arah ekonomi berasaskan industri dan perkhidmatan bernilai tinggi.

Bagi memastikan momentum ini berterusan, Kerajaan Negeri melalui InvestPerak terus melaksanakan pendekatan strategik yang holistik dan proaktif. Antara inisiatif utama termasuk penyertaan dalam pameran dan ekspo di dalam serta luar negara bagi mempromosikan peluang pelaburan, pemudahcaraan urusan pelabur khususnya dalam menyelesaikan isu pelaksanaan projek, serta pengukuhan jaringan kerjasama dengan pelabur, persatuan industri, perunding dan agensi teknikal. Kerjasama erat dengan agensi persekutuan seperti MITI dan MIDA turut diperkasakan bagi memastikan promosi pelaburan dilaksanakan secara bersepadu dan berimpak tinggi.

Selaras dengan perkembangan ekonomi global, tumpuan turut diberikan kepada misi penggalakan pelaburan ke luar negara, khususnya ke China melalui strategi China+1. Penyertaan dalam misi pelaburan yang dirancang bersama MIDA pada tahun 2026 dijangka membuka lebih banyak peluang pelaburan berkualiti tinggi ke Negeri Perak.

Dalam konteks ini, Projek Bandar Perindustrian Lumut (LuMIC) merupakan antara inisiatif strategik baharu yang berpotensi menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi negeri pada masa hadapan. Projek ini kini berada pada peringkat perancangan dan kajian kebolehlaksanaan, namun telah menunjukkan kemajuan yang memberangsangkan. Pelan Induk Pembangunan LuMIC yang dibentangkan pada 10 April 2025 menjadi asas kepada pembangunan zon perindustrian maritim dan logistik yang berdaya saing.

Kajian kebolehlaksanaan bagi LuMIC 1 sedang dilaksanakan di kawasan Sungai Manjung, meliputi aspek teknikal, geologi, alam sekitar serta navigasi dan pergerakan kapal bagi memastikan pembangunan yang terancang dan mampan. Dari segi tanah, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan pajakan seluas 196.7 ekar kepada PKNPk untuk tempoh 99 tahun pada 15 April 2025, dengan 155.57 ekar diperuntukkan bagi pembangunan LuMIC 1 serta 41.13 ekars bagi pembangunan Markas Operasi Pasukan Polis Marin Wilayah 1. Selain itu, Kerajaan Negeri telah meluluskan pewartaan kawasan seluas 142,471.1 ekar di Wilayah Sungai Dinding sebagai waterbody reserve bagi menyokong pembangunan LuMIC pada 7 Mei 2025.

Kerajaan Persekutuan juga telah memperuntukkan RM 2.5 juta di bawah RMK-13 pada 10 Oktober 2025 bagi pelaksanaan kajian kebolehlaksanaan, manakala LuMIC Development Sdn. Bhd. iaitu syarikat usahasama antara PKNPk dan Port of Antwerp-Bruges International, giat menjalankan sesi libat urus dengan pelabur tempatan dan antarabangsa. Ia telah berjaya menarik minat daripada pelabur dari negara seperti Singapura, Belgium dan Brazil mencerminkan potensi besar projek ini sebagai hab industri maritim serantau.

Kesimpulannya, prestasi pelaburan Negeri Perak pada tahun 2025 bukan sahaja menunjukkan peningkatan yang ketara dari segi kuantiti, malah turut memperlihatkan kualiti pelaburan yang lebih strategik dan berimpak tinggi. Disokong oleh dasar yang pro-pelabur serta projek pemangkin seperti LuMIC, Negeri Perak berada pada landasan kukuh untuk terus muncul sebagai destinasi pelaburan yang kompetitif, mampan dan berdaya saing di peringkat nasional dan serantau.

3. Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam membanteras pencurian elektrik untuk aktiviti Bitcoin Mining yang semakin berleluasa dan telah menjejaskan bekalan elektrik kepada pengguna-pengguna yang lain? Apakah tindakan undang-undang yang akan diambil terhadap pemilik mesin Bitcoin yang jelas menggunakan elektrik yang dicuri, selain daripada tindakan terhadap pemilik premis yang dijadikan sebagai kambing hitam?

Jawapan Soalan 3

1. Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) telah menasihatkan pengguna agar tidak terlibat dengan gejala pengusikan meter atau menggunakan bekalan elektrik secara haram untuk aktiviti perlombongan bitcoin kerana ianya bukan sahaja boleh mengancam keselamatan pengguna dan ekonomi negara (jika ianya tidak dibendung) malah boleh meningkatkan risiko kehilangan nyawa dan harta benda.
2. Bagi mengekang aktiviti perlombongan bitcoin secara haram ini, pihak TNB telah menggunakan teknologi yang terkini seperti **drone & data analytic** untuk mengesan premis bitcoin yang berkaitan dengan berkesan.
3. Ianya dapat menganalisa **meter event** bagi meter pintar dan corak penggunaan tenaga elektrik di premis.
4. Seterusnya, **data analytic** ini amat berguna dalam membantu TNB bagi mengesan premis yang terlibat dengan aktiviti perlombongan haram bitcoin.
5. Selain itu, operasi bersepadu juga turut dilakukan bersama dengan pelbagai agensi seperti Suruhanjaya Tenaga (ST), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (NFCC) dan pihak berkuasa tempatan (PBT).
6. Dengan kerjasama strategik bersama dengan agensi-agensi tersebut, ia telah membantu pihak TNB dalam melaksanakan rampasan ke atas mesin perlombongan bitcoin ke atas premis-premis yang terlibat.
7. Dalam masa yang sama, peruntukan di bawah **Seksyen 37(1), 37(3) dan 37(14) Akta Bekalan Elektrik 1990** yang sebelum ini dikuatkuasakan oleh Suruhanjaya Tenaga (ST) telah diperturunkan kuasanya kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM).
8. Penurunan kuasa ini membolehkan PDRM mengambil tindakan terus di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 terhadap kesalahan berkaitan usikan pemasangan meter, khususnya kes yang melibatkan aktiviti perlombongan bitcoin secara

haram.

9. Selain itu, **Seksyen 38(3), (4) & (5) Akta Bekalan Elektrik 1990** juga memperuntukkan tindakan yang boleh diambil oleh TNB untuk menuntut kerugian hasil dan perbelanjaan berkaitan bagi pengusikan yang berlaku ke atas pemasangan meter TNB.
10. Sejak tahun 2018 sehingga Feb 2026, pihak TNB telah mengambil tindakan ke atas **17,489 premis** di seluruh negara dan Negeri Perak sendiri melibatkan **4,283 premis** yang terlibat dalam perlombongan bitcoin serta matawang krypto dan melakukan pengubahsuaian meter atau penyambungan bekalan elektrik secara haram.
11. Untuk makluman, Negeri Perak merekodkan kedua tertinggi di Semenanjung yang melibatkan kes aktiviti perlombongan haram bitcoin.
12. Aktiviti ini telah mengakibatkan **kerugian kepada TNB sebanyak RM5.49 billion** bagi tempoh tersebut.
13. Sebagai maklumat tambahan, berikut merupakan pecahan kes tertinggi yang melibatkan kawasan di Perak iaitu Daerah Manjung sebanyak 1742 premis dengan anggaran kerugian sebanyak RM 53.4 juta dan Daerah Perak Tengah (Seri Iskandar) sebanyak 857 premis dengan anggaran kerugian sebanyak RM 26.2 juta.
14. Disamping itu, berdasarkan rekod sehingga Feb 2026 sebanyak 1157 operasi telah dijalankan bersama dengan pihak PDRM yang melibatkan sebanyak 3240 premis perlombongan.
15. Disebabkan peningkatan nilai matawang krypto bitcoin daripada tahun 2018 hingga Feb 2026 sebanyak 732%, aktiviti perlombongan bitcoin serta matawang krypto ini telah meningkat secara mendadak daripada tahun 2018 hingga tahun 2026.
16. Berikutan ketiadaan akta atau peraturan yang khusus bagi mengawalselia aktiviti perlombongan bitcoin serta matawang krypto, pihak TNB atau Suruhanjaya Tenaga hanya boleh mengambil tindakan ke atas kesalahan penggunaan elektrik secara curang sahaja.
17. Adalah dicadangkan, satu akta khusus untuk mengawalselia aktiviti perlombongan bitcoin serta matawang krypto perlu diwujudkan.
18. Sebagai langkah pencegahan di Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, adalah dicadangkan juga agar **Subseksyen 37(1), (3) atau (14) Akta Bekalan Elektrik 1990** dikaji dan ditambahbaik bagi membendung kegiatan penggunaan elektrik secara haram dengan mengenakan hukuman yang lebih berat.
19. Selain itu juga, adalah dicadangkan Penglibatan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah penting kerana mereka mempunyai kuasa berkaitan aspek premis, perlesenan, penggunaan tanah dan keselamatan bangunan.
20. Disamping itu, PBT dapat membantu menutup atau menyita premis yang terlibat, sekali gus memperkukuhkan tindakan bersepadu bagi membanteras aktiviti perlombongan bitcoin haram dengan lebih menyeluruh dan berkesan
21. Disamping itu, pihak PDRM Perak sangat mengambil serius kes mencuri bekalan elektrik bagi tujuan *mining bitcoin* yang melibatkan kerugian besar kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB).
22. Serbuan, rampasan dan tangkapan secara berterusan telah dijalankan keatas premis yang terlibat seperti berikut :
 - a) Sepanjang tahun 2024, sebanyak 148 serbuan telah dijalankan dengan tangkapan seramai 37 orang dan sebanyak 2,657 buah mesin bitcoin telah di rampas. **Nilai rampasan sebanyak RM 531,400**
 - b) Bagi tahun 2025, sebanyak 332 serbuan telah dijalankan dengan tangkapan seramai 119 orang dan sebanyak 4,086 buah mesin bitcoin telah di rampas dengan **nilai rampasan sebanyak RM 817,200**
 - c) Bagi tempoh Januari hingga Mac 2026 pula, sebanyak 36 serbuan telah di jalankan dan seramai (9) orang telah ditangkap, sebanyak 544 buah mesin bitcoin telah di rampas dengan **nilai rampasan sebanyak RM 108,800.**
23. Pihak polis telah menjalankan siasatan mengikut peruntukan undang-undang seperti berikut :-
 - a) Seksyen 379 Kanun Keseksaan kerana mencuri elektrik yang membawa hukuman penjara sehingga 7 tahun atau denda atau kedua-duanya.
 - b) Seksyen 427 Kanun Keseksaan kerana melakukan khianat yang membawa hukuman tidak kurang 1 tahun dan tidak melebihi 5 tahun atau denda atau kedua-duanya.
 - c) Seksyen 37 Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447) kerana melakukan gangguan, kecurian dan kerosakan pada pemasangan bekalan elektrik.
24. Pihak PDRM turut bekerjasama dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) melalui operasi bersepadu yang dijalankan terutama semasa serbuan dan rampasan dibuat. Kedua-dua pihak juga sentiasa berkongsi maklumat bagi mengenal pasti sindiket dan individu yang terlibat.

Soalan Dari : YB ENCIK MUHAMMAD FAISAL BIN ABDUL RAHMAN
Ahli Dewan Undangan Negeri : (TRONG)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. Konflik geopolitik yang semakin memuncak di Timur Tengah berpotensi menjejaskan rantaian bekalan tenaga global serta meningkatkan kos bahan api. Mohon Kerajaan Negeri menyatakan sejauh manakah krisis tenaga

global ini dijangka memberi kesan kepada sektor perindustrian di Perak khususnya yang melibatkan pelaburan dalam sektor pembuatan, elektrik dan elektronik serta industri berasaskan petroleum.

Jawapan Soalan 1

Dato' Seri Yang di-Pertua,

Kerajaan negeri sangat menghargai keprihatinan ahli-ahli yang berhormat berhubung implikasi konflik geopolitik yang sedang berlaku terhadap kesejahteraan ekonomi negeri dan kehidupan rakyat. Untuk makluman, sebanyak tujuh (7) soalan lisan dan tiga (3) soalan bertulis diterima menyentuh mengenai isu ini. Maka izinkan saya menjawab soalan lisan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Keayang, Yang Berhormat Pasir Pinji, Yang Berhormat Trong, Yang Berhormat Pokok Assam, Yang Berhormat Ayer Kuning, Yang Berhormat Pantai Remis dan Yang Berhormat Behrang secara bersekali kerana ianya saling berkaitan. Sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, saya telah mendapatkan ulasan-ulasan dan pandangan-pandangan daripada semua agensi pusat dan negeri untuk membolehkan kerajaan negeri memahami keadaan semasa dan mengambil tindakan-tindakan untuk jangka masa pendek, jangka masa sederhana dan jangka masa panjang. Kerana itu saya nak mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan penghargaan kepada agensi-agensi kerajaan persekutuan dan negeri yang telah mengambil berat dan memberi respon yang segera kepada kerajaan negeri iaitu Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Getah (RISDA), Institut Darul Ridzwan (IDR), Perak Invest Management Center, (PIMC), Sekretariat Usahawan Negeri Perak (STEP), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN), Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak (LPHP), Jabatan Pertanian, Jabatan Veterinar dan juga Jabatan Perikanan yang telah memberi respon sehingga membolehkan bukan sahaja untuk menjawab soalan-soalan yang banyak ini tetapi juga Insya-Allah menjadi program bagaimana kerajaan akan mengambil tindakan seterusnya.

Ahli-ahli yang berhormat, konflik di Asia Barat yang tercetus sejak Februari 2026 kini berkembang menjadi krisis geopolitik yang memberi kesan besar kepada ekonomi global secara menyeluruh. Walaupun pada awalnya kita dikhabarkan bahawa konflik ini menunjukkan tanda-tanda reda dan peperangan seolah-olah menuju ke penghujungnya, tetapi perkembangan terbaharu membayangkan keadaan sebaliknya. Kita boleh mendapat maklumat daripada akhbar-akhbar dan juga daripada sumber-sumber rasmi kerajaan. Kegagalan rundingan antara Amerika Syarikat dan Iran pada hujung minggu lalu yang berakhir tanpa penyelesaianan konkrit telah meningkatkan semula risiko gangguan perdagangan berpanjangan. Keadaan ini melonjakkan semula harga minyak dunia dan memberi tekanan lanjut kepada kos tenaga serta logistik global ini sekaligus memungkinkan tekanan krisis tenaga global yang memberi kesan terhadap segenap aspek dalam rantai ekonomi negara termasuklah negeri Perak. Semua sektor dijangka menerima tempas daripada ketidaktentuan ini. Penutupan dan gangguan laluan perdagangan memberi kesan langsung kepada bekalan input bahan mentah di peringkat global. Kenaikan kos penghantaran, *premium insurance* kapal dan perubahan haluan perdagangan antarabangsa menyumbang kepada kos pengeluaran yang lebih tinggi serta penurunan produktiviti. Antara sektor yang dijangka terkesan ialah pembuatan, perkhidmatan, pembinaan dan juga perumahan.

Sektor pelancongan turut menerima tempas apabila pelancong luar negara mengambil pendekatan lebih berhati-hati atas faktor keselamatan dan peningkatan kos perjalanan. Terdapat juga di kalangan pelancong-pelancong Eropah yang telah membatalkan tempahan-tempahan mereka. Sektor pertanian juga tidak terkecuali apabila kenaikan kos input pertanian dan logistik memberi kesan terus kepada harga barang asas seperti sayur-sayuran, buah-buahan, ayam, telur dan hasil pertanian yang lain termasuk baja sekaligus memberi tekanan kepada keterjaminan makanan.

Yang Berhormat Dato' Seri Yang di-Pertua,

1) Kesan kepada sektor nelayan, pertanian dan penternakan.

Kenaikan harga petrol dan diesel telah meningkatkan kos operasi secara ketara dalam sektor pengeluaran makanan. Dalam sektor penternakan, kos makanan ternakan, logistik dan operasi ladang meningkat sehingga 10%-30%. Malah situasi ini lebih membimbangkan kerana kebergantungan tinggi kepada import bahan mentah seperti jagung dan soya di mana lebih 90% jagung bijirin negara adalah diimport. Dalam sektor perikanan pula, nelayan laut dalam khususnya zon C2 (komersial) yang tidak mendapat bantuan subsidi petrol atau diesel berdepan peningkatan kos bahan api yang menjejaskan kekerapan ke laut serta hasil tangkapan ikan bernilai tinggi. Sektor akuakultur dan pembuatan makanan ternakan turut terkesan akibat peningkatan kos input import sekaligus memberi tekanan kepada margin keuntungan dan kelangsungan operasi syarikat.

2) Impak kepada pengguna di negeri Perak.

Peningkatan kos pengeluaran telah menyebabkan kenaikan harga makanan asas seperti ayam, daging, telur dan ikan. Penduduk negeri Perak berdepan tekanan kos sara hidup yang semakin meningkat, memandangkan perbelanjaan makanan merangkumi sekitar 30% hingga 40% daripada pendapatan isi rumah menurut Department of Statistics Malaysia. Keadaan ini memberi kesan lebih ketara kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Selain itu, pengurangan bekalan hasil laut menjejaskan kestabilan harga dan pilihan makanan sedangkan ikan menyumbang lebih 50% sumber protein haiwan rakyat Malaysia berdasarkan data Food and Agriculture Organization.

3) Kesan kepada rantaian bekalan makanan.

Kenaikan harga bahan api menjejaskan keseluruhan rantaian bekalan makanan daripada pengeluaran hingga ke pasaran. Kos tenaga dan pengangkutan yang boleh menyumbang sehingga 30% hingga 60% daripada kos logistik makanan meningkatkan tekanan harga di setiap peringkat rantaian. Pengurangan tangkapan laut dalam mengurangkan bekalan ikan dan menjejaskan industri pemprosesan. Manakala peningkatan kos bahan mentah import seperti jagung dan soya menimbulkan risiko gangguan bekalan input. Dalam masa yang sama, kadar sara diri bagi beberapa komoditi seperti daging lembu yang masih sekitar 20% hingga 30% menunjukkan kebergantungan kepada import sekaligus meningkatkan kerentanan terhadap kejutan global.

Dato' Seri Yang di-Pertua,

Cadangan dan peluang strategik.

Situasi ini merupakan peluang untuk memperkukuh sektor makanan negeri melalui pengurangan kebergantungan kepada import dan peningkatan kecekapan. Pembangunan industri makanan ternakan tempatan seperti jagung dan sumber alternatif perlu dipergiat bagi menstabilkan kos pengeluaran. Penggunaan tenaga alternatif seperti solar dan biogas di ladang juga mampu mengurangkan kebergantungan kepada bahan api serta menjimatkan kos jangka panjang. Pengukuhan rantaian bekalan tempatan melalui pendekatan pengeluaran, pemprosesan dan pemasaran dalam negeri dapat mengurangkan kos logistik dan menstabilkan harga. Peralihan kepada akuakultur moden serta pemanfaatan teknologi digital bagi pemantauan bekalan dan harga turut berpotensi meningkatkan kecekapan pasaran. Secara keseluruhannya, pendekatan ini bukan sahaja membantu mengekang kenaikan harga makanan dan memastikan kestabilan bekalan, malah berpotensi mewujudkan ekonomi baharu berasaskan inovasi, nilai tambah dan sumber tempatan, sekali gus memperkukuh sekuriti makanan dan daya tahan ekonomi negeri dalam jangka panjang.

Dato' Seri Yang di-Pertua,

Yang Berhormat Pasir Pinji dan Yang Berhormat Pokok Assam membangkitkan tentang kedudukan pelaburan asing. Saya perlu melaporkan bahawa berdasarkan pemantauan semasa, senario pelaburan asing di Malaysia amnya dan negeri Perak khususnya masih kekal berdaya tahan. Impak kepada negeri ini setakat ini masih berada pada tahap minimum dan terkawal. Tiada pelaburan utama yang dibatalkan manakala projek-projek sedia ada terus berjalan seperti yang dirancang.

Malah dari sudut peluang, Malaysia termasuk negeri Perak ini berpotensi untuk mendapat manfaat daripada fenomena pengalihan rantaian bekalan apabila syarikat antarabangsa mencari destinasi pelaburan alternatif yang lebih stabil di rantau Asia. JP Morgan Chase & CO. pada 27 Mac 2026 turut menyenaraikan Malaysia sebagai antara ekonomi yang masih berdaya tahan dalam mendepani tekanan krisis tenaga semasa. Manakala kumpulan Bank Dunia dalam kenyataan rasmi bertarikh 9 April 2026 mengunjurkan pertumbuhan ekonomi Malaysia 2026 pada kadar 4.4% beraskan permintaan domestik yang masih kekal kukuh. Kita harap supaya ini akan berkekalan.

Dato' Seri Yang di-Pertua,

Dalam mendepani keadaan yang serba dinamik ini, kerajaan negeri memilih untuk terus berpegang kepada pendekatan berpaksikan perkembangan semasa kerana landskap geopolitik dunia boleh berubah dengan pantas. Justeru, kerajaan tidak mahu membuat sebarang andaian awal. atau jamanan jaminan yang bersifat spekulatif sebaliknya akan terus meneliti implikasi semasa dengan penuh tanggungjawab. Fokus kerajaan pada masa ini ialah memastikan tahap kesiapsiagaan sentiasa berada pada tahap optimum termasuk dari sudut pemantauan ekonomi, penyelarasan maklumat bersama agensi berkaitan serta kerjasama rapat dengan kerajaan persekutuan untuk memahami perkembangan semasa dan implikasinya kepada negeri.

2. Mohon kerajaan negeri menyatakan sejauh manakah keberkesanan program pembangunan wanita dan keusahawanan wanita yang dilaksanakan di negeri Perak dalam membantu meningkatkan pendapatan isi rumah.

Jawapan Soalan 2

Soalan ini telah dijawab secara lisan pada 21 April 2026

Persidangan Keenam Tahun Keempat Dewan Negeri Yang Kelima Belas

3. Aktiviti pengkuarian di beberapa kawasan di negeri termasuk di Dalam Perak menimbulkan kebimbangan terhadap kesan alam sekitar serta keselamatan komuniti berhampiran. Apakah langkah kerajaan negeri bagi memastikan aktiviti kuari dikawal secara lestari.

Jawapan Soalan 3

Dato' Seri Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab secara bersekali persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dalam dan Yang Berhormat Lubok Merbau kerana menyentuh perkara yang sama iaitu kekhawatiran mengenai aktiviti pengkuarian di kawasan-kawasan tertentu di dalam negeri Perak.

Untuk makluman kedua-dua Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Perak sentiasa komited dalam memastikan aktiviti perlombongan dan pengkuarian dilaksanakan secara terkawal, selamat serta berlandaskan prinsip pembangunan lestari. Sejalan dengan aspirasi Pelan Perak Sejahtera 2030, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Agenda Perlombongan Bertanggungjawab sebagai inisiatif strategik yang menekankan amalan perlombongan mampan. Agenda ini memberi fokus kepada pelaksanaan tadbir urus yang baik, pematuhan ketat kepada Prosedur Operasi Standard (SOP), penggunaan teknologi moden yang mesra alam, serta pemeliharaan biodiversiti dan kesejahteraan komuniti sekitar. Pada masa yang sama, ia turut memacu pembangunan industri hiliran bagi meningkatkan nilai tambah sumber mineral serta hasil negeri.

Bagi memperkukuh kawal selia, mulai tahun 2024, setiap aktiviti perlombongan dan pengkuarian diwajibkan memperoleh kelulusan daripada agensi teknikal berkaitan sebelum operasi dimulakan. Antara kelulusan tersebut adalah:

- a) Laporan Penilaian Kesan Alam Sekeliling (EIA) dan Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) oleh Jabatan Alam Sekitar;
- b) Kajian Penilaian Impak Sosial (SIA) oleh Plan@Malaysia;
- c) Pelan Kawalan Hakis dan Kelodak (ESCP) oleh Jabatan Pengairan dan Saliran;
- d) Skim Pengendalian Melombong (SKSPM) oleh Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia; dan
- e) Kebenaran Merancang (KM) oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Selain itu, pengusaha kuari dan lombong juga diwajibkan memperbaharui Lesen Pemindahan Bahan Mineral (LPBM) pada setiap tahun. Kelulusan pembaharuan lesen ini tertakluk kepada penilaian prestasi oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri, termasuk pematuhan kepada syarat teknikal, pembayaran royalti dan fi berkaitan. Kegagalan mematuhi syarat yang ditetapkan boleh menyebabkan pembaharuan lesen ditolak atau ditangguhkan sehingga tindakan pembetulan diambil. Dari aspek teknikal, Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) memainkan peranan penting sebagai badan kawal selia di bawah Akta Pembangunan Mineral 1994. Setiap operasi kuari diwajibkan memperoleh kelulusan Skim Pengendalian Melombong (SKSPM), yang merangkumi pelan terperinci berkaitan kaedah pengorekan, keselamatan operasi dan pengurusan peletupan yang disediakan oleh profesional bertauliah.

JMG turut menetapkan kawalan ketat terhadap aktiviti peletupan, termasuk pemantauan gegaran bumi dan ledakan udara menggunakan peralatan seismograf. Bagi kawasan berhampiran penempatan awam atau kawasan sensitif, kawalan tambahan

dikenakan termasuk keperluan kelulusan khas bagi setiap aktiviti peletupan. Pendekatan pengauditan sendiri berasaskan Sustainable Development Indicators (SDI) turut diperkenalkan oleh JMG, di mana pengusaha kuari diwajibkan menjalankan audit sendiri setiap enam bulan oleh perunding bertauliah yang diiktiraf oleh Lembaga Jurutera Malaysia. Penilaian SDI merangkumi enam (6) kriteria utama iaitu pematuhan undang-undang, amalan terbaik, faedah kepada komuniti, amalan hijau, tanggungjawab sosial korporat (CSR) dan nilai estetika.

Kesimpulannya, Kerajaan Negeri Perak melalui pendekatan yang menyeluruh merangkumi perancangan dasar, kawal selia teknikal, pemantauan berterusan dan penguatkuasaan tegas oleh Jabatan dan Agensi berwajib, sentiasa berusaha memastikan aktiviti pengkuarian dilaksanakan secara bertanggungjawab, mampan dan tidak menjejaskan keseimbangan alam sekitar serta mengutamakan keselamatan rakyat, di samping terus menyumbang kepada pembangunan ekonomi negeri.

(NOTA TAMBAHAN) :-

1. JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS (JMG)

Nota tambahan Kajian Status Pencemaran Yang Berlaku Di Daerah Hulu Perak Berkaitan Air Sungai Bertukar Menjadi Biru oleh JMG akan disediakan dan dibekalkan oleh En. Surendran Nair, Penolong Pengarah (Sumber Asli, Alam Sekitar & Air) UPEN setelah mendapat maklumat berkaitan daripada pihak JMG.

SOALAN-SOALAN BERTULIS

1. Nelayan warga asing tanpa izin telah semakin ramai di Dun Trong dan Kuala Sepetang serta seluruh Perak. Kegiatan mereka telah menjejaskan pendapatan nelayan Tempatan. Apakah tindakan kerajaan bagi mengatasi masalah ini.

SOALAN DITOLAK (Andaian)

2. Kemalangan manusia dengan haiwan rayau di waktu malam kerap berlaku di Dun Trong. Bilakah kerajaan akan menggubal undang-undang bagi mencegah daripada berlaku lagi masalah.

Jawapan Soalan 2

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat,

Majlis Perbandaran Taiping telah mewartakan dan menguatkuasakan Undang-Undang Kecil Pelesenan Haiwan Ternakan dan Haiwan Merayau (Majlis Perbandaran Taiping) 2012. Tindakan boleh diambil di bawah Undang-Undang Kecil yang berikut:

Haiwan Merayau

11.(1) Pemunya atau pemegang lesen yang membiarkan haiwan ternakan merayau-rayau di dalam kawasan Majlis adalah melakukan satu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(2) Mana-mana haiwan yang didapati merayau-rayau di dalam kawasan Majlis boleh ditangkap dengan apa jua cara oleh Yang Dipertua atau Setiausaha atau oleh mana-mana orang lain yang diberi kuasa khas oleh Yang Dipertua dan hendaklah dengan serta-merta dibawa ke suatu tempat simpanan atau paun yang ditentukan oleh Yang Dipertua atau Setiausaha atau mana-mana lokasi lain yang ditentukan oleh Yang Dipertua atau Setiausaha.

(3) Tiada pampasan kena dibayar bagi mana-mana haiwan yang disembelih atau ditangkap atau tercedera atau dilupuskan di bawah perenggan (2).

Kuasa Untuk Mengkompaun

12. (1) Yang Dipertua atau Setiausaha atau mana-mana Pegawai Yang Diberi Kuasa boleh menawar atau membenarkan untuk mengkompaun kesalahan-kesalahan di bawah peruntukan undang-undang kecil 3, 9, 10 dan 11 dengan sejumlah wang tidak melebihi dua ratus lima puluh ringgit (RM250.00) dengan memberi notis seperti dalam Borang 3 Jadual Pertama.

(2) Mana-mana haiwan yang ditangkap dan ditahan boleh didapati kembali oleh pemiliknya dengan membayar kos tuntutan semula tidak kurang daripada satu ribu ringgit (RM1,000.00) untuk seekor dan bagi tiap-tiap hari selepas itu atau sebahagian daripadanya kos simpanan sebanyak satu ratus ringgit (RM100.00) bagi seekor haiwan.

Kesalahan Berulang

13. Jika haiwan itu ditangkap atau ditahan kemudian dari itu maka kos simpanan yang kena dibayar akan dinaikkan kepada dua ratus ringgit (RM200.00) bagi setiap hari berikutnya atau sebahagian daripadanya bagi seekor haiwan tertakluk kepada fi maksimum sebanyak satu ribu lima ratus ringgit (RM1,500.00).

3. Faktor geografi Jalan raya kerap menjadi punca berlakunya kemalangan jalanraya. Apakah usaha kerajaan bagi meluluskan jalanraya Persekutuan FT 60 di Dun Trong.

Jawapan Soalan 3

Untuk makluman Yang Berhormat,

1. Pihak JKR sedia maklum berkenaan keperluan memastikan keadaan jalan raya adalah selamat dan selesa demi pengguna jalan raya.
2. Bagi meminimumkan risiko kemalangan dan menambah baik keadaan infrastruktur sedia ada,
3. Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan serta pelaksanaan kerja penyenggaraan jalan (berkala pavemen, berkala bukan pavemen dan lampu jalan serta lampu isyarat) di laluan FT060 khususnya Kawasan Trong seperti berikut:

Bil.	Nama Laluan	No. Laluan	Seksyen		Perihal Kerja
1	Jalan Changkat Jering - Sri Manjung - Kg. Koh	FT0060	82.0	82.5	Mill and Pave dan lain-lain kerja berkaitan
2	Jalan Changkat Jering - Sri Manjung - Kg. Koh	FT0060	74.0	75.0	Mill and Pave dan lain-lain kerja berkaitan
3	Jalan Changkat Jering - Sri Manjung - Kg. Koh	FT0060	83.00	88.00	Mengecat Garisan Jalan Pudar
4	Jalan Changkat Jering - Sri Manjung - Kg. Koh	FT060	72.5	77.0	Penyenggaraan Lampu Isyarat Simpang Trong dan Simpang Batu 9
5	Jalan Changkat Jering - Sri Manjung - Kg. Koh	FT060	72.0	76.0	Kerja Menaiktaraf / Pemasangan Lampu Jalan Baharu (Localised)

4. Sungai Terong Hutan Simpan Gunung Bubu di Pecah Batkerap menjadi Tempat tarikan peneroka dan pelancong untuk bermandi manda dan aktiviti rekreasi. Apakah usaha Kerajaan dalam Membangun kan Kawasan ini dan apakah langkah kerajaan bagi mencegah berlakunya kematian akibat lemas di sini.

Jawapan Soalan 4

Untuk makluman Yang Berhormat Trong,

Sungai Trong berada di dalam Kompt 87, HS Bubu dan berada di bawah pentadbiran Pejabat Hutan Daerah Larut dan Matang. Kawasan ini merupakan Hutan Tertutup di bawah pengelasan Hutan Tadahan Air. Untuk sebarang aktiviti di kawasan ini hendaklah kebenaran Permit Memasuki Hutan Simpanan Kekal (HSK) selaras dengan Seksyen 47 (1), Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985.

Hasil semakan mendapati, pengunjung ke kawasan ini merupakan pengunjung luar dan kemasukan ke kawasan tersebut adalah tanpa kebenaran dan boleh diambil tindakan di bawah Seksyen 47 (1), Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985 sekiranya disabitkan kesalahan. Jabatan Perhutanan Negeri Perak juga tiada perancangan untuk membuka kawasan ini sebagai kawasan ekopelancongan memandangkan pengelasan kawasan tersebut adalah sebagai Hutan Tadahan Air. Untuk makluman, Jabatan ini juga telah menyediakan sebanyak 12 kawasan Taman Eko-Rimba sebagai lokasi beriadah kepada orang awam.

Jabatan ini juga telah mengambil tindakan penguatkuasaan melalui Pejabat Hutan Daerah Larut & dan Matang dengan pemasangan papan tanda amaran serta pelaksanaan pemantauan secara berkala bagi mengekang kemasukan tanpa kebenaran yang seterusnya mencegah berlaku kematian akibat lemas.

5. Pengerusi dan Jawatankuasa Masjid berperanan besar dalam mengimarahkan program di Masjid. Apakah usaha kerajaan dalam memberi insentif kepada Pengerusi, setiausaha dan Bendahari Masjid yang setia melaksanakan segala arahan JAIPK bagi mengimarahkan kegiatan masjid.

Jawapan Soalan 5

Dato' Seri Yang Dipertua

Untuk makluman Yang Berhormat Trong, pelantikan Jawatankuasa masjid adalah melalui Persidangan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak mengikut peruntukan Peraturan-peraturan Jawatankuasa Negeri Perak 2015. Walau bagaimanapun, lantikan Jawatankuasa ini boleh dikatakan secara sukarela. Setelah dilantik Jawatankuasa masjid hendaklah melaksanakan tugas dan tanggungjawab mengikut peraturan dan undang-undang semasa walaupun tiada elaun khusus kepada Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari masjid.

Menarik perhatian Yang Berhormat Trong juga, Kerajaan Negeri telah menyediakan pelbagai bentuk sokongan kepada pengurusan masjid di Negeri Perak. Bagi tahun 2026, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Agama Islam Negeri Perak telah menyediakan peruntukan RM11.49 juta bagi tujuan pembayaran elaun kepada pegawai masjid seperti imam, bilal dan siak di 798 buah masjid di seluruh Negeri Perak.

Selain pembayaran elaun, Kerajaan Negeri turut memberi penekanan kepada aspek pembangunan kapasiti dan kompetensi pegawai-pegawai masjid. Antara usaha yang dilaksanakan termasuk penganjuran Kursus Pemantapan Pegawai Masjid dan Penyelaras Pentadbiran Masjid Daerah serta Kursus Induksi Pegawai Masjid bagi memastikan pengurusan masjid dilaksanakan secara lebih professional, sistematik dan berkesan.

Di samping itu, Kerajaan Negeri juga menyediakan peruntukan bagi pelaksanaan pelbagai program pengimarahkan masjid seperti Program Ihya Ramadhan, Majlis Berbuka Puasa serta Majlis Perasmian Masjid oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Program-program ini secara tidak langsung menyokong peranan Jawatankuasa Masjid dalam merencanakan aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan.

Sebagai tanda penghargaan terhadap jasa dan sumbangan pegawai masjid, Kerajaan Negeri turut menyediakan Anugerah Haji kepada seramai 20 orang imam masjid yang terpilih, tertakluk kepada syarat dan kriteria yang ditetapkan. Inisiatif ini merupakan satu bentuk pengiktirafan tinggi terhadap komitmen dan dedikasi mereka dalam mengimarahkan institusi masjid.

Walaupun bagaimanapun, Kerajaan akan menimbang usul oleh Yang Berhormat Trong ini berdasarkan kepada kemampuan kewangan negeri.

Soalan Dari : YB DATO' ABDUL YUNUS BIN JAMAHRI

Ahli Dewan Undangan Negeri : (KUALA KURAU)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. Apa perancangan kerajaan negeri terhadap penempatan penduduk yg tinggal di Kampung Nelayan (B) Mukim Kuala Kurau yg terdedah kpd hakisan dan fenomena air pasang besar.

Jawapan Soalan 1

Dato' Seri Yang di-Pertua,

Kejadian ribut yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Selama telah berlaku di Mukim Ulu Selama pada 7 Mac 2026 yang telah menjejaskan 27 buah rumah. Susulan bencana tersebut, Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Selama telah melaksanakan siasatan tapak bagi menilai tahap kerosakan yang terlibat. Hasil semakan mendapati 16 buah rumah yang mengalami kerosakan kecil telah dibaiki sendiri oleh pemilik rumah terlibat, manakala 11 buah rumah yang mengalami kerosakan teruk melibatkan golongan B40 telah dibaiki pulih melalui kontraktor lantikan PDT Selama menggunakan peruntukan yang dipertimbangkan khas berdasarkan keperluan oleh Kerajaan Negeri.

Pada masa yang sama, PDT Selama telah mengambil inisiatif untuk membantu semua mangsa terlibat bagi dipertimbangkan Bantuan Wang Ihsan (BWI) sebanyak RM200.00 bagi setiap isi rumah menggunakan sumber daripada peruntukan Tabung Amanah Bencana Negeri Perak dan kini sedang dalam tindakan penyaluran kepada mangsa-mangsa yang terlibat.

Kerajaan Negeri juga melalui agensi pemberi bantuan yang lain sama ada Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) dan Yayasan Perak turut menawarkan inisiatif baik pulih rumah untuk dimohon oleh mangsa yang terjejas namun tertakluk kepada kriteria dan syarat yang ditetapkan oleh agensi berkenaan.

Untuk makluman Yang Berhormat,

Pada masa yang sama Ketua Isi Rumah (KIR) yang terjejas juga boleh memohon bantuan daripada Kerajaan Persekutuan untuk mendapatkan Bantuan Wang Ihsan (BWI) di bawah seliaan NADMA dan JKM melalui capaian sistem My-IBJKM.

Dato' Seri Yang di-Pertua,

Sebagai langkah mempertingkatkan kesiapsiagaan bencana, Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) yang dipengerusikan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak sentiasa memantau perubahan monsun dengan kerjasama pelbagai jabatan dan agensi, termasuk Jabatan Meteorologi Malaysia yang akan membentangkan ramalan cuaca serta kesannya. Berdasarkan ramalan cuaca tersebut, semua jabatan dan agensi termasuk pasukan barisan hadapan melaksanakan persediaan berterusan secara mingguan mahupun harian.

Ramalan hujan lebat dan ribut petir disebarkan setiap hari mengikut negeri dan daerah melalui pelbagai medium komunikasi termasuk media sosial dan aplikasi Whatsapp. Semua jabatan dan agensi sentiasa berada dalam keadaan siapsiaga, termasuk dari segi aset, peralatan, dan sumber manusia. Selain itu, Pusat Kawalan Bencana turut diaktifkan oleh JPBN dan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) untuk memusatkan kawalan, menyelaraskan maklumat, dan mempercepatkan tindak balas semasa cuaca ekstrem serta membolehkan koordinasi yang lebih efektif antara semua pihak terlibat. Kerajaan Negeri berdasarkan arahan oleh Pegawai Daerah selaku pengerusi Jawatankuasa Bencana Daerah (JPBD) juga bersedia untuk mengoperasikan Pusat Pemindahan Sementara (PPS) menggunakan sekolah, dewan orang ramai, masjid dan surau

yang boleh menampung kira-kira 185,995 mangsa pada satu-satu masa. Tidak seorang daripada kita mahukan apa-apa bencana menimpa keluarga, masyarakat dan negeri yang kita sayangi. Namun, sebagai persiapan Angkatan Pertahanan Awam (APM) telah memperkenalkan Program Pengurusan Risiko Bencana Komuniti (CBDRM) di mana melalui program ini, penduduk tempatan dilatih menjadi responden pertama dengan kesedaran awam, teknik evakuasi awal, serta latihan simulasi penyelamatan awal sementara bantuan oleh agensi penyelamat tiba. Inisiatif yang dilaksanakan pihak APM juga berjaya memperkenalkan Program Kampung Siaga melibatkan 221 buah kampung yang memfokuskan kepada latihan kepada komuniti di kawasan hotspot bencana untuk meningkatkan kesiapsiagaan mereka. Melalui inisiatif ini Latihan Simulasi Bersepadu, termasuk Tabletop Exercise (TTX) dan Field Training Exercise (FTX) didedahkan kepada masyarakat.

2. Penduduk yg membina rumah kediaman di atas tanah Lot Lidi mengalami kesukaran untuk memohon pemasangan meter untuk bekalan air bersih drp pihak LAP di mana pelbagai syarat telah dikenakan. Apakah usaha kerajaan negeri dan pihak LAP untuk membantu mereka yg terlibat.

Jawapan Soalan 2

1) Pihak Lembaga Air Perak (LAP) tidak dapat memberi bekalan air kepada premis di atas tanah lot yang dipecah menjadi lot-lot kecil (lot lidi) oleh tuan tanah sendiri berdasarkan kepada perkara-perkara berikut :-

- a) Salah satu syarat permohonan adalah pemohon mestilah pemilik yang sah untuk tanah rumah berkenaan dan perlu mengemukakan salinan geran tanah.
 - b) Untuk tanah lot lidi yang tidak mempunyai geran individu dan hanya ada satu geran tanah atas nama pemilik asal lot, surat perjanjian jual beli antara pembeli dan tuan tanah tidak boleh diguna pakai sebagai pemilik rasmi kerana geran masih lagi atas nama tuan tanah yang asal.
- 2) Untuk pembangunan tanah ini (lot lidi) di bawah kawasan PBT perlu melalui proses tukar syarat tanah dari pertanian ke perumahan dan kelulusan kebenaran merancang pelan susun atur.
- 3) Bagi kawasan bukan di bawah PBT, ianya perlu mendapatkan kebenaran atau perakuan tuan tanah terlebih dahulu.
- 4) Ketiadaan pelan susun atur ini, dari segi teknikal pihak LAP tidak dapat menentukan rizab jalan untuk pemasangan paip dan tidak dapat memastikan dengan tepat, keperluan sebenar permintaan air untuk keseluruhan pembangunan ini termasuk tekanan dan kapasiti air paip sedia ada sama ada mencukupi mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).
3. Kenaikan harga diesel yg melambung tinggi sudah tentu akan menjejaskan sektor pertanian dan perikanan di Daerah Kerian dan juga di Negeri Perak. Apakah langkah jangka pendek dan jangka panjang bagi membantu kedua-dua sektor yg berkenaan.

Jawapan Soalan 3

Dato Yang Dipertua,

Kerajaan sentiasa peka terhadap situasi kenaikan harga diesel yang ketara yang turut memberi kesan langsung kepada operasi sektor perikanan, khususnya di Daerah Kerian serta negeri Perak secara keseluruhannya. Kenaikan harga diesel ini memberi tekanan kepada pengusaha perikanan tangkapan serta akuakultur yang bergantung kepada penggunaan diesel bagi aktiviti seperti operasi bot emangkap ikan, bot sistem kultur laut (SKL) bagi pengendalian hasil sangkar dan kebun kerang, sistem pam air, 'aerator' atau alat pengudaraan serta pelbagai lagi mesin dan peralatan yang menggunakan diesel.

Bagi sektor perikanan tangkapan marin, subsidi diesel kepada nelayan yang layak adalah di bawah pengurusan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia mengikut prosedur operasi standard yang berkuatkuasa.

Walaupun bagaimanapun, Jabatan Perikanan Malaysia Negeri Perak telah melaksana dan merancang pelaksanaan pelbagai inisiatif meliputi langkah jangka pendek dan jangka panjang dari aspek teknikal dan

sokongan industri bagi membantu golongan sasaran. Melalui langkah jangka pendek, beberapa inisiatif telah dan akan dilaksanakan bagi menyokong sektor perikanan tangkapan dan akuakultur seperti berikut:

1. Bantuan input akuakultur:

Penternak akuakultur diberi bantuan berupa input akuakultur. Penyampaian bantuan dibuat melalui bantuan benih ikan, makanan ternakan serta keperluan asas akuakultur kepada pengusaha kecil yang terjejas bagi mengurangkan bebanan kos operasi oleh penternak.

2. Khidmat nasihat teknikal:

Selain bantuan input akuakultur, pegawai teknikal Jabatan Perikanan Malaysia Negeri Perak sentiasa menyampaikan khidmat nasihat kepada pengusaha akuakultur bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam mengoptimalkan pengeluaran sekaligus memastikan penggunaan bahan api yang efisien dan mengurangkan pembaziran kos operasi.

3. Pengoptimuman operasi akuakultur:

Kerajaan menganjurkan agar semua pengusaha akuakultur untuk merancang operasi secara lebih efisien di mana jadual tuaian hasil disusun dengan rapi bagi memastikan tuaian hasil dilaksanakan mengikut jadual bagi mengurangkan penggunaan diesel/petrol.

Dato Yang Dipertua,

Selain itu, beberapa langkah jangka panjang boleh disarankan kepada penternak bagi memastikan perniagaan dapat dijalankan dengan Lestari. Antara langkah jangka panjang yang boleh disarankan oleh Kerajaan adalah seperti berikut :

1. Penggunaan teknologi cekap tenaga:

Penggunaan teknologi serta peralatan yang cekap tenaga *aerator* atau pam pengudaraan yang jimat tenaga serta sistem operasi yang mengurangkan kebergantungan kepada diesel.

2. Pembangunan kawasan akuakultur bersepadu:

Jabatan merancang untuk membangunkan kawasan akuakultur secara berkelompok bagi meningkatkan kecekapan operasi, mengurangkan kos logistik serta memudahkan penyediaan infrastruktur sokongan.

3. Galakan tenaga alternatif:

Kerajaan juga menggalakkan penternak akuakultur untuk menggunakan sumber tenaga alternatif seperti tenaga solar bagi menampung keperluan tenaga elektrik bagi sistem pam air, sistem pengudaraan serta peralatan sokongan di ladang akuakultur.

4. Peningkatan produktiviti dan amalan akuakultur baik:

Kerajaan turut melaksanakan program latihan dan pemindahan teknologi serta skim pensijilan seperti MyGAP kepada pengusaha akuakultur bagi mendidik pengusaha untuk menjalankan aktiviti penternakan ikan melalui amalan akuakultur baik serta kawalan biosekuriti ladang yang optimum bagi meningkatkan kecekapan operasi serta peningkatan hasil.

5. Pengukuhan data dan pemantauan industri:

Kerajaan berusaha untuk memperkukuh sistem pengumpulan data bagi mewujudkan pengkalan data penternak dan nelayan untuk memantau prestasi pengeluaran dan pendaratan ikan bagi memantau

impak kenaikan kos terhadap pengeluaran dan pendaratan ikan serta merangka intervensi yang lebih bersasar.

Kerajaan komited untuk terus memainkan peranan dalam memastikan sektor perikanan dan akuakultur kekal berdaya tahan dalam menghadapi cabaran kenaikan kos bahan api. Pendekatan yang dilaksanakan adalah secara berfasa dan menyeluruh bagi memastikan kelangsungan pengeluaran makanan serta kebajikan komuniti nelayan dan pengusaha akuakultur terus terpelihara.

SOALAN-SOALAN BERTULIS

1. Mohon laporan terkini prestasi projek Sejati Madani bagi kawasan DUN Kuala Kurau.

SOALAN DITOLAK ()

2. Mohon laporan dan statistik agihan projek pemasangan lampu solar Madani mengikut 8 Mukim di Daerah Kerian 2025/2026.

SOALAN DITOLAK (Persekutuan)

3. PSKT Sungai Air Hujan Jalan Bagan Utara Tg Piandang. Mohon status terkini baki 16 orang pemohon yg belum mendapat geran hakmilik walau telah menerima kelulusan dan membayar premium tanah sejak beberapa tahun yg lalu.

Jawapan Soalan 3

Untuk makluman Yang Berhormat,

Pengususan Semula Kampung Tradisional (PSKT) Ban Sungai Air Hujan pada asalnya adalah merupakan kawasan setinggian dan Pejabat Daerah dan Tanah Kerian telah mengangkat permohonan secara *blanket* untuk Lesen Pendudukan Sementara (LPS) bagi tujuan bangunan kediaman pada tahun 1999 telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri Perak. Penyusunan Semula Kampung Tersusun (PSKT) Ban Sungai Air Hujan merupakan inisiatif penduduk – penduduk bersama - sama dengan pemimpin – pemimpin setempat untuk mendapatkan pemilikan kekal setelah sekian lama diberikan Lesen Pendudukan Sementara(LPS) di atas bangunan kediaman yang diduduki oleh mereka. Hasil kerjasama diantara pentadbiran daerah, pemimpin – pemimpin setempat dan penduduk – penduduk telah membolehkan perkara ini dapat dicapai.

Jumlah hakmilik melibatkan PSKT Ban Sungai Air Hujan adalah berjumlah 43 hakmilik dan sebanyak 27 hakmilik telah didaftarkan dan diserahkan kepada penerima melalui Majlis Penyampaian Hakmilik yang telah diadakan pada 20 Jun 2025 . Namun demikian, terdapat 16 hakmilik di PSKT ban Sungai Air Hujan masih belum dapat didaftarkan kerana tidak termasuk dalam Kawasan Simpanan Melayu. Mengikut prosedur pendaftaran hakmilik, Pejabat Daerah Dan Tanah Kerian perlu menyelesaikan terlebih dahulu proses pewartaan Kawasan Simpanan Melayu sebelum hakmilik didaftarkan. Status terkini proses pewartaan Kawasan Simpanan Melayu bagi sebahagian PSKT Ban Sungai Air Hujan adalah Pejabat Daerah dan Tanah Kerian telah memanjangkan Permohonan Ukur (PU) kepada Jabatan Ukur Dan Pemetaan Negeri Perak (JUPEM) dan dalam tindakan JUPEM untuk penyediaan Pelan Warta.

4. Apakah perancangan untuk mengatasi masalah tekanan air paip yg rendah di Kampung Parit Tanjung Piandang dan Parit Sungai Burong Mukim Tanjung Piandang.

Jawapan Soalan 4

Untuk makluman Yang Berhormat,

- 1) Secara amnya, tekanan air di kedua-dua kawasan ini adalah stabil dan terkawal dalam keadaan operasi biasa.
 - 2) Walau bagaimanapun, tekanan air boleh mengalami penurunan terutamanya semasa waktu puncak dan ketika musim perayaan.
 - 3) Sehubungan dengan itu, penduduk disarankan agar menyediakan tangki simpanan air sendiri yang berperanan untuk menyimpan air untuk kegunaan 1 hari selaras dengan keperluan dan garis panduan yang terkandung dalam **Uniform Technical Guidelines Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)**
 - 4) Pihak LAP juga akan terus memantau dan membuat pengawalan keadaan tekanan air di kawasan terlibat dari semasa ke semasa bagi memastikan perkhidmatan bekalan air yang lebih stabil kepada pengguna.
5. Mohon statistik jumlah tangkapan bubu naga sepanjang tahun 2025 oleh pihak DOF dan MARITIM di kawasan perairan Daerah Kerian.

Jawapan Soalan 5

untuk makluman YB

Bubu naga merupakan salah satu jenis perangkap ikan yang kini boleh didapati dengan mudah melalui pembelian dalam talian. Dalam industri akuakultur, penggunaan bubu naga tidak dilarang dan digunakan bagi tujuan pengumpulan stok benih atau pengurusan ternakan secara terkawal di kawasan ternakan akuakultur.

Walau bagaimanapun, apabila bubu naga digunakan di kawasan perairan laut terbuka, ia dianggap sebagai **ancaman kepada sumber perikanan**. Hal ini demikian kerana reka bentuknya yang dilengkapi dengan injap atau pintu masuk yang banyak serta struktur yang menyukarkan ikan untuk membebaskan diri daripada bubu berkenaan. Ini menjadikan bubu naga sebagai suatu peralatan menangkap ikan yang berisiko tinggi menangkap ikan secara berlebihan, termasuk penangkapan juvenil atau anak ikan dan spesies bukan sasaran.

Sehubungan itu, penggunaan bubu naga di laut terbuka tidak digalakkan dan tindakan penguatkuasaan boleh diambil sekiranya penggunaannya menjejaskan sumber perikanan atau melanggar peraturan yang ditetapkan di bawah **Akta Perikanan 1985 [Akta 317]**. Di bawah **Peraturan – peraturan Perikanan (Larangan Cara Menangkap Ikan) (Pindaan) 2024** menyatakan bahawa **apa – apa perangkap ikan yang mempunyai lebih daripada dua injap sama ada berangkai atau tidak berangkai yang beroperasi di mana – mana perairan perikanan Malaysia** adalah tidak dibenarkan dan menjadi satu kesalahan. Bubu naga juga merupakan salah satu contoh perangkap yang mempunyai lebih daripada dua injap samada berangkai atau tidak berangkai dan adalah tidak dibenarkan diguna untuk menangkap ikan.

Pada tahun 2025, sebanyak 80 buah bubu naga telah dirampas oleh Jabatan Perikanan Negeri Perak di daerah Kerian melibatkan kawasan perairan Tanjung Piandang, Kuala Kurau hingga ke perairan Pasir Hitam. Sebagai makluman, sepanjang tahun 2025 sejumlah 1,419 unit bubu naga telah dirampas melalui operasi penguatkuasaan perikanan yang telah dijalankan sepanjang tahun. Jabatan Perikanan Malaysia Negeri Perak akan terus mempergiat aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan semua aktiviti perikanan dijalankan mengikut peraturan serta bagi melindungi sumber perikanan negeri ini.

Sekian, terima kasih.

Soalan Dari : YB ENCIK MUHAMMAD ZULFADLI BIN ZAINAL
Ahli Dewan Undangan Negeri : (SLIM)

SOALAN-SOALAN BERTULIS

1. TVET merupakan program penting bagi memenuhi keperluan tenaga kerja. Jika TVET diperkasakan dengan baik mampu membuka peluang pekerjaan kepada anak muda juga mengubah masa depan ekonomi negeri secara menyeluruh.
 1. Sejauh manakah program TVET yang dilaksanakan benar-benar selari dengan keperluan industri semasa, dan apakah mekanisme yang digunakan bagi memastikan graduan tidak berdepan masalah ketidakmampuan individu selepas tamat latihan?
 2. Apakah perancangan strategik kerajaan negeri untuk menjadikan TVET sebagai pemacu ekonomi negeri melalui tenaga mahir tempatan yang mampu menyokong sektor-sektor utama seperti perindustrian, automotif dan agro-makanan?
 3. Adakah Kerajaan menjadikan TVET sebagai fokus khusus Anak Muda peluang, bimbingan dan laluan ke arah lebih maju, bukan sekadar pilihan kedua?

Jawapan Soalan 1

JAWAPAN (1) :

Untuk makluman Yang Berhormat Slim,

Kerajaan negeri melihat TVET sebagai pemangkin mobiliti sosial yang amat penting dalam usaha memperkasa anak muda, mengoptimumkan sumber manusia dan mempertingkatkan ekonomi negeri secara menyeluruh. Bagi menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Slim:

Pertama, kerajaan negeri memastikan pelaksanaan program TVET kekal relevan dengan mewujudkan kerjasama strategik antara industri dengan institusi TVET bagi memadankan permintaan & penawaran dalam pasaran industri masa kini dan masa hadapan seperti yang berikut:

i. Bengkel AIM TVET Negeri Perak Tahun 2026

Majlis TVET Negeri melalui PASAK telah menjalankan Bengkel AIM TVET Negeri Perak Tahun 2026 pada Februari lalu untuk mempersiapkan murid sekolah dengan pengetahuan asas tentang TVET dan bertujuan menarik minat murid untuk menceburi bidang TVET. Konsepnya adalah dengan melantik penyedia latihan untuk menjalankan program-program TVET di sekolah-sekolah angkat yang dipilih. Semua penyedia latihan yang terlibat dalam bengkel ini merupakan penyedia latihan yang telah diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran dan HRDCorp. Ini adalah penting bagi memastikan program-program TVET yang dilaksanakan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan agar pemeraksanaan TVET di peringkat sekolah dapat dijalankan selari dengan Pelan Perak Sejahtera 2030.

ii. Industry - Academia Collaboration Workshop Perak (IAC) 2024

Majlis TVET Negeri melalui PASAK telah menjalankan bengkel IAC pada Oktober 2024 bertujuan untuk membuat padanan kemahiran dan peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh pemain industri dan institusi, terutama sekali dalam bidang automotif. Daripada bengkel ini, Majlis TVET Negeri melalui PASAK dapat menyelaraskan dan menjalankan program-program latihan dalam bidang automotif yang sejajar dengan permintaan tenaga mahir dalam sektor automotif di negeri Perak.

iii. Jawatankuasa Pekerja Wilayah Selatan

kerajaan negeri telah mewujudkan Jawatankuasa Pekerja Wilayah Selatan bagi mendapatkan input permintaan & penawaran tenaga mahir untuk diselaraskan dengan pembangunan projek berimpak tinggi Automotive High Technology Valley (AHTV) di Tanjong Malim. Melalui Jawatankuasa Pekerja Wilayah Selatan ini, program-program pembangunan kemahiran dapat selaras dengan apa yang diperlukan oleh industri masa kini dan masa hadapan. Ini adalah langkah awal Majlis TVET Negeri melalui PASAK dalam usaha mempersiapkan tenaga mahir yang boleh diserap terus ke dalam industri seiring dengan fasa perkembangan projek AHTV.

Program TVET yang telah dilaksanakan oleh MAIPk kepada golongan asnaf telah dirangka berasaskan keperluan sebenar industry semasa dan bukan sekadar latihan umum. MAIPk membuat kajian pasaran keperluan pekerjaan sebelum memutuskan sesuatu bidang Latihan dilaksanakan. Tahun 2025, MAIPk telah Berjaya memberi Latihan TVET kepada 1064 belia asnaf dalam 25 jenis kursus berimpak tinggi seperti minyak dan gas, pembinaan, automasi industri, automotif, kimpalan, elektrik, teknologi solar dan lain-lain kursus.

Program TVET MAIPk ini bermatlamatkan penempatan kerjaya selepas tamat Latihan dan ini terbukti dengan kejayaan golongan belia asnaf kini telah bekerja di industri sesuai dengan kemahiran yang diperolehi. Mekanisma yang digunakan adalah meletakkan syarat utama kepada Pusat Penyedia Latihan berkenaan kewajipan penempatan kerjaya kepada kesemua peserta TVET MAIPk dan perkara ini telah memberi keberhasilan yang besar buat MAIPk kerana hampir 100% peserta telah berjaya mendapatkan pekerjaan dan keluar dari rantaian kemiskinan.

JAWAPAN (2):

Kedua, hasil daripada kerjasama antara Majlis TVET Negeri Perak bersama jabatan/agensi kerajaan negeri dengan industri dan institusi TVET di negeri Perak, kerajaan negeri dapat menilai input dan menyelaraskan padanan antara permintaan dan penawaran dalam pasaran industri terutama sekali dalam sektor-sektor utama seperti perindustrian, automotif dan agro-makanan. Sehubungan dengan itu, Majlis TVET Negeri melalui Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK) melaksanakan perancangan strategik kerajaan negeri dalam usaha mempersiapkan tenaga mahir tempatan melalui inisiatif Malaysia-China Youth TVET Training Program (MCYTT) yang mula dijalankan bermula tahun 2024. Program MCYTT telah membuka peluang kepada anak muda Perak untuk mendapatkan latihan yang berimpak tinggi di negara maju dan berteknologi tinggi seperti China. Program MCYTT telah dijalankan seperti yang berikut:

Malaysia-China Youth TVET Training Program (MCYTT)
Tahun 2024 & 2025

Bil.	Kursus	Peserta (Orang)
1.	Electric Vehicle (EV) Technology	15
2.	Electric Vehicle (EV) Technology	15
3.	Automation Vehicle (AV) Technology	20
4.	AI In Manufacturing Automation	27
5.	New Energy Vehicle	25
6.	Train-the-Trainer: EV Automotive	18
	Jumlah:	120

Melihat pada keberhasilan program MCVTT ini, Majlis TVET Negeri melalui PASAK akan menjalankan lagi program ini sepanjang tahun 2026 bagi menyokong sektor utama di negeri Perak. Berikut merupakan kursus yang akan dijalankan dan kuota penyertaan sepanjang tahun 2026:

Program MCVTT yang akan dijalankan pada tahun 2026

Bil.	Kursus	Kuota Peserta
1.	Train-the-Trainer: Electric Vehicle	20
2.	Smart Agriculture	28
3.	New Energy Vehicle	28
4.	Artificial Intelligence	28
5.	Port Management	28
	Jumlah:	132

JAWAPAN (3) :

Untuk makluman Yang Berhormat ,

Kerajaan negeri bertindak proaktif memperluaskan kempen “TVET Pilihan Kerjaya!” bagi membendung isu stigma negatif masyarakat yang menganggap TVET hanya sebagai pilihan kedua. Ini adalah langkah awal kerajaan negeri bagi menarik minat anak muda untuk menceburi TVET. Sejalan dengan usaha ini, kerajaan negeri melalui PASAK dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Perak mula menjalankan program Jelajah AIM TVET with Cikgu Saarani pada tahun 2025. Jelajah ini turut melibatkan kerjasama institusi latihan dan pemain industri untuk menjalankan aktiviti-aktiviti menarik dalam jelajah ini seperti pertandingan, pameran, perkongsian & aktiviti *hands-on* demi menarik minat anak muda untuk menceburi TVET. Sepanjang tahun 2025, Jelajah AIM TVET telah dilaksanakan sebanyak 6 kali merangkumi kawasan Kinta, Tapah, Lenggong, Gerik dan Sungkai. Impaknya, ia telah memberi manfaat kepada seramai 6,110 orang pengunjung dalam kalangan anak muda dan masyarakat sekitar. Sehubungan dengan itu, inisiatif Jelajah AIM TVET ini akan dijalankan sebanyak tiga kali bagi tahun 2026 merangkumi kawasan Lenggong, Perak Tengah dan Muallim.

Tahun 2026, MAIPK terus melangkah ke hadapan dengan melaksanakan sebanyak 37 kursus melibatkan 12 bidang utama industri dan meneroka bidang baharu seperti perkapalan, industri berat, dan kesihatan. MAIPK sentiasa membuat kajian berdasarkan keperluan pekerjaan di industri. Sasaran peserta tahun 2026 adalah sebanyak 1200 belia asnaf. Hasil kejayaan tahun sebelumnya, memberi keyakinan kepada MAIPK bahawa program Latihan Kemahiran TVET ini benar-benar boleh dijadikan satu kaedah utama dalam membebaskan belenug belia asnaf yang kini berada di dalam situasi pengangguran dan juga golongan belia yang tiada peluang pekerjaan.

Kerajaan sememangnya telah menjadikan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) sebagai fokus utama dalam memperkasa golongan anak muda. TVET kini tidak lagi dilihat sebagai pilihan kedua, sebaliknya telah diangkat sebagai laluan kerjaya utama yang menawarkan masa depan yang stabil, berkemahiran tinggi serta berpendapatan premium.

Di bawah Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran, pelbagai inisiatif strategik telah dilaksanakan bagi memperkukuh ekosistem TVET negara. Antaranya termasuk penetapan gaji premium bagi graduan TVET melalui Majlis TVET Negara (MTVET) sebagai pengiktirafan terhadap tahap kemahiran tinggi yang dimiliki. Kadar gaji permulaan dicadangkan antara RM2,500 hingga RM4,000, dengan sasaran lebih tinggi iaitu sehingga RM3,500 hingga RM5,000 bagi graduan berkemahiran tahap lanjutan seperti SKM Tahap 3 hingga 5. Malah, Kerajaan turut menggalakkan penggubalan dasar bagi memastikan lepasan TVET menerima gaji sekurang-kurangnya sekitar RM4,000 sebagai satu standard

kompetitif. Pendekatan ini jelas membuktikan bahawa TVET merupakan laluan kerjaya profesional yang setanding dengan aliran akademik.

Selain itu, Kerajaan turut memperkukuh kerjasama strategik bersama industri melalui pelaksanaan memorandum persefahaman dan perjanjian kerjasama (MoU/MoA). Inisiatif ini memastikan pihak industri menawarkan gaji premium kepada graduan TVET, menyediakan peluang pekerjaan sebelum tamat latihan serta mengiktiraf kemahiran sebagai aset strategik negara. Pendekatan ini menjadikan TVET benar-benar berteraskan industri (industry-driven) dan selari dengan keperluan sebenar pasaran kerja.

Kerajaan juga telah memperkenalkan sistem UP_TVET sebagai pusat sehenti nasional bagi permohonan kemasukan ke institusi TVET. Sistem ini menyelaraskan proses kemasukan, mempercepatkan penempatan pelajar serta menyediakan peluang latihan secara lebih sistematik dan tersusun. Melalui pendekatan "single entry point", akses kepada laluan TVET menjadi lebih mudah, telus dan inklusif kepada semua lapisan masyarakat.

Dari sudut keberhasilan, kadar kebolehpasaran graduan ADTEC JTM contohnya mencatatkan tahap yang amat memberangsangkan, iaitu sekitar 95.5 peratus pada tahun 2025. Pencapaian ini membuktikan keberkesanan pendekatan latihan berasaskan industri yang bukan sahaja menekankan aspek kemahiran, malah menjamin peluang pekerjaan yang nyata kepada para graduan.

Di samping itu, graduan TVET turut mempunyai laluan mobiliti pendidikan dan kerjaya yang jelas dan progresif. Mereka berpeluang melanjutkan pengajian daripada Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) ke peringkat diploma dan seterusnya ijazah, di samping menikmati pengiktirafan setara akademik bagi tahap kemahiran tertentu serta peningkatan pendapatan secara berperingkat berdasarkan kompetensi yang dimiliki.

Kesimpulannya, Kerajaan kekal komited untuk menjadikan TVET sebagai arus perdana dalam pembangunan bakat negara dengan menyediakan ekosistem yang menyeluruh, merangkumi gaji premium, jaminan kebolehpasaran tinggi, akses yang mudah melalui sistem UP_TVET serta laluan kerjaya yang jelas dan progresif. Usaha ini selaras dengan aspirasi untuk memastikan anak muda Malaysia melihat TVET sebagai pilihan utama yang mampu membawa mereka ke arah kehidupan yang lebih maju dan sejahtera. MAIPK melihat TVET bukan peluang kedua bahkan ia merupakan jalan utama untuk belia asnaf keluar dari rantaian kemiskinan dengan segera melalui peluang pekerjaan berdasarkan Kemahiran. Program TVET MAIPK adalah berasaskan kaedah "*Place and Train*" yang bukan sahaja memberi kemahiran malah menyediakan pekerjaan.

2. Pengurusan aset kerajaan yang tidak digunakan atau terbiar bukan sahaja mencerminkan kecekapan pentadbiran, malah memberi kesan langsung kepada kepercayaan rakyat terhadap keupayaan kerajaan dalam mengurus amanah dengan berkesan.

1. Apakah jumlah keseluruhan aset milik kerajaan negeri di seluruh Negeri Perak yang dikenal pasti tidak digunakan atau terbiar setakat ini, termasuk nilai semasa aset tersebut?
2. Apakah punca utama kegagalan memanfaatkan aset-aset kerajaan ini, dan adakah kerajaan negeri telah mengenal pasti sebarang kelemahan dalam aspek pentadbiran, perancangan atau pelaksanaan yang perlu dipertanggungjawabkan?
3. Apakah pelan tindakan yang konkrit, termasuk garis masa pelaksanaan, bagi memastikan aset-aset terbiar ini dapat diaktifkan semula secara produktif demi menjana ekonomi dan memberi manfaat langsung kepada rakyat?

SOALAN DITOLAK (lebih pecahan)

3. PERUMAHAN MAMPU MILIK

Memiliki sebuah rumah bukan lagi sekadar impiantetapi telah menjadi satu cabaran besar, khususnya kepada golongan muda dan berpendapatan sederhana.

1. Apakah langkah strategik kerajaan negeri dalam penyediaan perumahan mampu milik di negeri Perak agar benar-benar dapat memenuhi keperluan rakyat?
2. Berapakah julat harga semasa rumah mampu milik yang ditawarkan di bandar berbanding luar bandar, apakah faktor utama kepada jurang harga tersebut?

3. Apakah jaminan kerajaan bahawa proses pemilihan pembeli adalah telus dan tidak dimanipulasi oleh pihak tertentu?

Jawapan Soalan 3

JAWAPAN 1

Untuk makluman Yang Berhormat,

Kerajaan Negeri melalui LPHP amat komited dalam memastikan sasaran perumahan 57,407 unit rumah menjelang tahun 2030 dapat dicapai terutamanya penyediaan Rumah Mampu Milik. Selain itu, untuk makluman YB juga, pemajuan perumahan di Negeri Perak kebanyakannya adalah dibawah pemajuan pemaju swasta dan juga terdapat beberapa projek dibawah agensi kerajaan Negeri dan Persekutuan.

Justeru, pihak LPHP sentiasa memantau penyediaan perumahan ini dan telah memulakan sesi libat urus bersama agensi-agensi kerajaan negeri dan persekutuan yang menyediakan perumahan rumah mampu milik dan turut menjalankan sesi libat urus bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi memastikan permohonan Kebenaran Merancang (KM) yang melibatkan skim perumahan oleh pemaju swasta sentiasa mematuhi Dasar Perumahan Negeri Perak (DPNP) terutamanya pemajuan yang perlu menyediakan rumah mampu milik. Usaha ini bagi memastikan penyediaan perumahan di Negeri Perak selaras dengan keperluan serta kemampuan rakyat.

JAWAPAN 2

Untuk makluman Yang Berhormat,

Tiada sebarang perbezaan harga rumah mampu milik di Negeri Perak sama ada pembangunan dilaksanakan di kawasan bandar mahupun luar bandar. Harga rumah mampu milik ditetapkan secara selaras berdasarkan Dasar Perumahan Negeri Perak bagi memastikan keseragaman dan ketercapaian kepada semua golongan masyarakat tanpa mengira lokasi.

Berdasarkan Dasar Perumahan Negeri Perak, harga maksimum jualan bagi Rumah Perakku I adalah sehingga RM90,000 seunit dengan keluasan 900 kaki persegi, Rumah Perakku II sehingga RM160,000 seunit dengan keluasan 950 kaki persegi, manakala Rumah Perakku III adalah sehingga RM250,000 seunit dengan keluasan 1,000 kaki persegi.

Walaupun secara umum harga pasaran hartanah lazimnya dipengaruhi oleh faktor lokasi seperti kos tanah, tahap pembangunan infrastruktur dan permintaan setempat, namun bagi kategori rumah mampu milik di Negeri Perak, faktor-faktor ini tidak mewujudkan jurang harga kerana harga telah dikawal selia oleh Kerajaan Negeri. Pendekatan ini bertujuan memastikan rakyat berpeluang memiliki kediaman pada harga yang berpatutan serta adil di seluruh negeri.

JAWAPAN 3

Untuk makluman Yang Berhormat,

Kerajaan Negeri melalui LPHP sentiasa memastikan proses pemilihan pembeli Rumah Perakku dilaksanakan secara telus dan bebas daripada sebarang manipulasi oleh pihak tertentu. Setakat ini, LPHP bertanggungjawab dalam pemilihan pembeli bagi Rumah Perakku I (rumah kos rendah) dan Rumah Perakku II (rumah kos sederhana).

Setiap pemaju yang melaksanakan pembangunan bagi kedua-dua kategori ini diwajibkan mendapatkan senarai nama pembeli daripada LPHP, sekali gus mengelakkan pemilihan dibuat secara terus oleh pihak pemaju.

Selain itu, semua pemohon yang berminat perlu berdaftar melalui sistem LPHP sebelum dipertimbangkan. LPHP akan menjalankan tapisan ketat melalui semakan dokumen, khususnya melibatkan had kelayakan pendapatan isi rumah, status pemilikan hartanah sedia ada serta syarat-syarat lain yang ditetapkan.

Seterusnya, semakan turut dibuat dengan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian (PTG) bagi memastikan pemohon tidak memiliki sebarang rumah atau tanah berstatus kediaman, selaras dengan syarat bahawa Rumah Perakku I dan Rumah Perakku II hanya diperuntukkan kepada pembeli rumah pertama.

Bagi memastikan keadilan dalam pemilihan unit, proses cabutan undi akan dilaksanakan secara terbuka di hadapan semua pemohon yang layak. Pendekatan ini bagi menjadi jaminan bahawa proses pemilihan pembeli adalah telus, adil dan berintegriti serta benar-benar memberi keutamaan kepada golongan yang layak.

SOALAN-SOALAN LISAN

1. Lebih 40 tahun FELDA telah membina kelompok tenaga kerja dan sektor perladangan yang sangat tersusun melalui sumber minyak sawit dan getah.
 1. Adakah Kerajaan Negeri merancang untuk menyediakan banyak penempatan bagi generasi kedua FELDA?
 2. Apakah inisiatif khusus kerajaan negeri dalam membuka lebih banyak peluang ekonomi kepada generasi kedua dan ketiga FELDA agar mereka tidak terus berhijrah keluar akibat kekurangan peluang pekerjaan di kawasan rancangan?
 3. Apakah langkah strategik kerajaan negeri dalam memastikan ekonomi komuniti FELDA tidak terus bergantung kepada satu komoditi utama seperti kelapa sawit, sebaliknya dipelbagaikan bagi menjamin kestabilan pendapatan peneroka?

SOALAN DITOLAK (persekutuan)

2. Penternakan ayam merupakan sektor penting dalam keterjaminan makanan juga menjadi sumber ekonomi kepada negara.
 1. Apakah langkah yang boleh diambil oleh pihak berkuasa atau pemaju jika ada bantahan penduduk terhadap projek reban ayam berskala besar di Kawasan mereka?
 2. Agensi yang bertanggungjawab sekiranya berlaku kegagalan penguatkuasaan, pencemaran atau gangguan kepada penduduk?
 3. Apakah mekanisme penyelarasan oleh kerajaan negeri bagi memastikan setiap kelulusan projek ladang ayam berskala besar ini benar-benar melalui penilaian yang menyeluruh dan tidak berlaku percanggahan antara agensi yang terlibat?

Jawapan Soalan 2

Untuk makluman Yang Berhormat

1. Sekiranya terdapat bantahan penduduk, pihak berkuasa dan pemaju akan memastikan projek mematuhi sepenuhnya keperluan perancangan serta penilaian teknikal agensi-agensi berkaitan. Selain itu, sesi perjumpaan/libat urus awam perlu dilaksanakan bagi memberi penerangan dan mendapatkan maklum balas penduduk. Pemaju juga perlu menyediakan pelan mitigasi yang komprehensif termasuk kawalan bau, sisa dan lalat serta penggunaan sistem reban tertutup atau penyelesaian kepada punca bantahan tersebut. Pihak berkuasa boleh mengenakan syarat yang ketat seperti zon penampungan dan had kapasiti ternakan. Sekiranya bantahan adalah berasas dan melibatkan risiko kepada kesihatan awam atau alam sekitar, perkara tersebut akan dibawa ke peringkat atasan bagi penilaian semula projek tersebut. Bagi pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak (JPVPK) selaku agensi yang mengawalselia aktiviti penternakan unggas, sekiranya berlaku kesalahan atau pelanggaran peraturan yang menyebabkan wujud bantahan atau aduan dari masyarakat, ianya akan diambil tindakan segera berdasarkan prosedur dan kaedah yang telah ditetapkan peraturan khususnya melalui Enakmen perladangan Unggas (Pindaan) 2023 dan Peraturan-Peraturan Pengawalan Perladangan Unggas (lesen) 2010.
2. Antara agensi yang bertanggungjawab adalah Jabatan Perkhidmatan Veterinar khususnya melibatkan aktiviti penternakan yang dijalankan, selain Pentadbir Tanah Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan mana-mana agensi yang mempunyai punca kuasa melibatkan industri penternakan.
3. Untuk makluman, sebarang kelulusan projek pembinaan ladang ayam berskala besar bukan sepenuhnya di bawah bidang kuasa JPVPK, tetapi melalui Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) yang diselenggarakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Jawatankuasa OSC ini juga melibatkan agensi-agensi yang berkepentingan selain JPV seperti JPS, JAS, KKM dan sebagainya. OSC juga berfungsi untuk menyelaraskan pandangan dan ulasan daripada pelbagai agensi teknikal di dalam satu mesyuarat tunggal bagi mengelakkan sebarang pertindihan. Setiap keputusan adalah kolektif dan ianya juga mengambil kira semua aspek perundangan dan punca kuasa yang ada di setiap agensi-agensi yang terlibat.

Yang Berhormat,

Kerajaan Negeri mengambil serius keperluan untuk mengimbangi kepentingan sektor keterjaminan makanan dengan kesejahteraan hidup rakyat setempat. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan setiap kelulusan projek ladang ayam berskala besar melalui penilaian yang menyeluruh, Kerajaan Negeri telah menetapkan satu mekanisme penyelarasan yang jelas melalui keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Perak Bil. 2083 bertarikh 14 September 2022.

Melalui keputusan tersebut, satu dasar komprehensif telah diluluskan yang merangkumi proses permohonan Tukar Syarat Nyata Tanah dan pelaksanaan Permit Khas Ternakan Ayam, selaras dengan peruntukan Kanun Tanah Negara [Akta 828], khususnya Seksyen 124(1)(a) dan (c), Seksyen 125, 127, 128 dan 129.

Di bawah mekanisme ini, Pentadbir Tanah memainkan peranan penting dalam memastikan bahawa setiap aktiviti yang dijalankan di atas tanah adalah selaras dengan syarat nyata yang ditetapkan. Pemilik tanah boleh mengemukakan permohonan menggunakan peruntukan Seksyen 124 Kanun Tanah Negara untuk memohon tukar syarat bagi membolehkan aktiviti ternakan ayam dijalankan secara sah.

Bagi mengelakkan isu kacau ganggu kepada penduduk seperti bau dan lalat, Kerajaan Negeri telah menetapkan keperluan teknikal yang ketat, antaranya, bagi projek berskala komersial dan separa komersial, penggunaan sistem Ternakan Ayam Tertutup adalah diwajibkan sebagai syarat asas kelulusan. Pendekatan ini merupakan sebahagian daripada kawalan bersepadu yang ditetapkan dalam prosedur yang diluluskan MMK.

Selain itu, mekanisme penyelarasan turut dilaksanakan melalui keperluan mendapatkan Kebenaran Merancang (KM) daripada Pihak Berkuasa Tempatan terlebih dahulu sebelum permohonan tukar syarat nyata tanah diproses. Ini bagi memastikan penilaian dari aspek perancangan guna tanah, kesesuaian lokasi dan impak kepada persekitaran dibuat lebih awal dan secara menyeluruh.

Seterusnya, setiap permohonan akan melalui proses ulasan terperinci oleh jabatan-jabatan teknikal berkaitan sebelum diangkat sebagai kertas pertimbangan ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Pendekatan ini berfungsi sebagai platform penyelarasan berpusat yang memastikan semua agensi dapat memberikan pandangan masing-masing dan mengelakkan percanggahan dalam keputusan.

Bagi kes reban sedia ada yang telah memperoleh kelulusan Kebenaran Merancang, Kerajaan Negeri turut menyediakan mekanisme pemutihan yang lebih cepat dengan mengecualikan ulasan teknikal tambahan, namun masih tertakluk kepada pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri.

Kesimpulannya Yang Berhormat, pemakaian peruntukan Kanun Tanah Negara, khususnya kemudahan permohonan di bawah Seksyen 124 dan ketegasan penguatkuasaan pelanggaran syarat di bawah Seksyen 125 membuktikan komitmen jitu Kerajaan Negeri untuk memastikan industri ternakan ayam mematuhi undang-undang, di samping memelihara ketenteraman masyarakat setempat.

3. Nelayan darat ialah individu yang menjalankan aktiviti penangkapan ikan di perairan darat, seperti sungai, tasik, empangan dan kolam. Berbeza dengan nelayan laut terbuka.

1. Apakah jumlah sebenar nelayan darat yang berdaftar di negeri Perak, serta apakah bentuk pengiktirafan rasmi yang diberikan kepada golongan ini sebagai sebahagian daripada penyumbang kepada sektor perikanan negeri?
2. Apakah langkah menyeluruh dan bersepadu kerajaan negeri dalam menangani masalah utama nelayan darat seperti pencemaran sungai, kemerosotan sumber ikan serta pendapatan yang tidak stabil.
3. Sejauh mana keberkesanan tindakan penguatkuasaan terhadap pihak yang mencemarkan sumber air seperti di Sungai Perak sehingga menjejaskan kelangsungan hidup nelayan darat?

Jawapan Soalan 3

Soalan ini telah dijawab secara lisan pada 17 April 2026
Persidangan Keempat Tahun Keempat Dewan Negeri Yang Kelima Belas

Soalan Dari : YB PUAN WASANTHEE A/P SINNASAMY
Ahli Dewan Undangan Negeri : (HUTAN MELINTANG)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. PELABURAN

Apakah cabaran utama yang dihadapi oleh kerajaan negeri dalam usaha menarik pelaburan ke Hutan Melintang, khususnya dalam memastikan lebih banyak peluang pekerjaan dapat diwujudkan untuk belia tempatan?

- a) Apakah bentuk insentif atau galakan yang telah ditawarkan kepada pelabur setakat ini, dan sejauh manakah keberkesannya?

Jawapan Soalan 1

Untuk makluman Yang Berhormat Hutan Melintang,

Kerajaan menyedari bahawa kawasan seperti Hutan Melintang mempunyai potensi pembangunan ekonomi yang signifikan, namun turut berdepan beberapa cabaran utama dalam usaha menarik pelaburan serta mewujudkan peluang pekerjaan kepada belia tempatan.

Pertama, antara cabaran utama adalah keterbatasan ekosistem industri yang belum matang berbanding kawasan tumpuan pelaburan utama seperti Kinta, Kamunting atau Tanjung Malim. Ketiadaan kluster industri yang kukuh menyebabkan kawasan ini kurang menarik kepada pelabur berskala besar, memandangkan pelabur lazimnya memerlukan sokongan rantaian bekalan (supply chain), vendor tempatan serta jaringan industri yang sedia ada untuk mengurangkan kos operasi dan meningkatkan kecekapan pengeluaran.

Kedua, faktor ketersediaan infrastruktur dan akses logistik turut menjadi cabaran. Walaupun terdapat akses Lebuhraya WCE, ketersambungan "perbatuan terakhir" (last-mile) ke kawasan perindustrian tertentu masih perlu ditingkatkan bagi mengurangkan kos logistik pelabur. Perkara ini memberi kesan kepada keputusan pelabur, khususnya bagi sektor pembuatan yang berorientasikan eksport dan memerlukan pergerakan barangan yang efisien.

Ketiga, cabaran dari segi ketersediaan tenaga kerja berkemahiran dan penawaran bakat tempatan juga memainkan peranan penting. Walaupun terdapat tenaga kerja tempatan, namun terdapat jurang dari segi kemahiran teknikal dan kesediaan industri, terutamanya bagi sektor berteknologi tinggi. Ini menyebabkan pelabur lebih cenderung memilih lokasi yang berhampiran pusat latihan, universiti serta kawasan industri matang.

Keempat, faktor skala pasaran dan daya tarikan pelaburan juga menjadi kekangan, di mana kawasan seperti Hutan Melintang lebih tertumpu kepada aktiviti ekonomi tradisional seperti perikanan dan agro, yang memerlukan transformasi kepada aktiviti bernilai tambah tinggi bagi menarik pelaburan baharu.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri bersama Kerajaan Persekutuan melalui agensi seperti MIDA terus melaksanakan pendekatan strategik bagi mengatasi cabaran ini, termasuk mempromosikan kawasan ini sebagai lokasi alternatif pelaburan kos kompetitif, menggalakkan pembangunan industri berasaskan sumber tempatan, serta memperkukuh pembangunan modal insan melalui kerjasama dengan institusi TVET.

Seiring dengan prestasi pelaburan Negeri Perak yang mencatatkan peningkatan ketara kepada RM15.76 bilion pada tahun 2025 dengan potensi lebih 10,704 peluang pekerjaan, Kerajaan optimis bahawa pendekatan bersepadu ini akan membantu memperluas limpahan pelaburan ke kawasan luar bandar termasuk Hutan Melintang, sekali gus meningkatkan peluang pekerjaan kepada belia tempatan secara lebih inklusif.

Dalam pada itu, pihak Kerajaan Persekutuan melalui MIDA menyediakan pelbagai insentif komprehensif bagi menarik pelaburan ke Negeri Perak termasuk kawasan Hutan Melintang dan Teluk Intan. Antaranya ialah pelaksanaan New Investment Incentive Framework (NIF) yang menawarkan Special Tax Rate (STR) dan Investment Tax Allowance (ITA) kepada pelaburan bernilai tambah tinggi, berteknologi maju serta mewujudkan pekerjaan berkemahiran dan pemindahan teknologi.

Selain itu, MIDA turut menyediakan pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas mesin, peralatan dan bahan mentah bagi mengurangkan kos permulaan pelaburan. Kerajaan juga menawarkan insentif sokongan seperti Automation Capital Allowance, insentif R&D, serta galakan teknologi hijau melalui Green Investment Tax Allowance (GITA) dan Green Income Tax Exemption (GITE).

Di peringkat pelaksanaan, inisiatif "Fast Track" diperkenalkan untuk mempercepatkan kelulusan projek dan meningkatkan kecekapan birokrasi. Secara keseluruhan, insentif ini terbukti berkesan dengan prestasi pelaburan Perak yang meningkat, namun bagi kawasan seperti Hutan Melintang, kejayaan turut bergantung kepada kesiapan infrastruktur dan ekosistem sokongan bagi memaksimumkan impak kepada ekonomi setempat.

2. PEMBANGUNAN SETEMPAT

Bagaimanakah kerajaan negeri merancang untuk memastikan Hutan Melintang terus menikmati pembangunan yang seimbang dan inklusif agar tidak ketinggalan berbanding kawasan-kawasan lain di negeri ini?

a) Apakah indikator atau ukuran yang digunakan oleh kerajaan negeri bagi menilai tahap pembangunan sesuatu kawasan termasuk Hutan Melintang?

Jawapan Soalan 2

Dato' Seri Yang di-Pertua,

Perancangan pembangunan di setiap daerah di negeri Perak adalah manifestasi daripada perancangan bersepadu di dalam dokumen-dokumen rujukan utama negeri iaitu Pelan Perak Sejahtera 2030, Rancangan Struktur Negeri Perak (RSN) 2040 (Kajian Semula), dan Rancangan Tempatan Daerah (RTD). Di bawah Prinsip Pengimbangan Wilayah dalam RSN 2040 (Kajian Semula), Kerajaan Negeri telah menetapkan sasaran jelas di mana sekurang-kurangnya 40 peratus pelaburan baharu mesti diagihkan ke luar kawasan Perak Perdana (Perak Prime). Hutan Melintang merupakan penerima manfaat utama strategi ini, apabila diangkat sebagai Pusat Bandar Sekunder yang berperanan menyokong pembangunan Wilayah Selatan Perak (Southern Axis Perak). Selain itu, Hutan Melintang juga termasuk di dalam Koridor Perbandaran Negeri, yang menjadi pelengkap pertumbuhan dalam negeri dan Koridor Ekonomi Sempadan Rentas Negeri (KES) Hutan Melintang - Sungai Lang. Selaras dengan Teras Pembangunan Inklusif, kita sedang menyaksikan transformasi besar di Hutan Melintang melalui beberapa projek berimpak tinggi. Antaranya ialah pembangunan Hab Makanan Bersepadu QL Innofood Park dengan pelaburan bernilai RM1.3 bilion. Selain itu, pengukuhan ketersambungan rentas sempadan melalui pembinaan Jambatan Sungai Air Tawar bernilai RM210.0 juta yang menghubungkan Sabak Bernam ke Hutan Melintang akan membuka pintu ekonomi wilayah selatan negeri Perak. Kerajaan negeri juga sedang memperkukuh Hutan Melintang sebagai Hab Perikanan Negara melalui KES Hutan Melintang - Sungai Lang dengan projek Kompleks Perikanan LKIM bernilai RM3.0 juta untuk memodenkan rantaian bekalan hasil laut. Bagi memastikan kelestarian ekonomi masa hadapan, Pembangunan Modal Insan

turut diberi keutamaan melalui penubuhan Malaysia-China Institute (MCI) di Simpang Empat dengan keluasan 60 ekar sebagai pusat latihan teknikal (TVET) bagi melahirkan anak muda tempatan berkemahiran tinggi. Kemajuan fizikal yang gah tidak akan bermakna tanpa keseimbangan sosial dan pemerikasaan ekonomi penduduk di peringkat akar umbi. Sebanyak 11 buah kampung di DUN Hutan Melintang telah menerima geran RM1.1 juta melalui program SejaTi MADANI yang merangkumi projek-projek antara lainnya berorientasikan pertanian (ternakan, perikanan, akuakultur), pelancongan, perkhidmatan dan perusahaan makanan.

Dato' Seri Yang di-Pertua,

Dalam menilai tahap pembangunan, Kerajaan Negeri kini beralih daripada penilaian bersifat anekdot kepada penilaian berasaskan data raya menerusi Indeks Komposit Pemantauan RSN 2040 yang terdiri daripada lima (5) indeks komposit utama dan merangkumi sekurang-kurangnya 21 indikator yang mencakupi aspek Kesejahteraan Ekonomi, Kualiti Hidup & Kesejahteraan Sosial, Infrastruktur Asas dan Ketersambungan Fizikal-Digital, Kesihatan Alam Sekitar dan Urus Tadbir. Tuntasnya, Hutan Melintang sedang berada di landasan yang tepat untuk menjadi model pembangunan wilayah yang seimbang, maju industrinya, mampan ekosistemnya, dan sejahtera rakyatnya.

Soalan ini telah dijawab secara lisan pada 17 April 2026

Persidangan Keempat Tahun Keempat Dewan Negeri Yang Kelima Belas

3. KESELAMATAN DAN KETENTERAMAN

Apakah langkah yang diambil oleh kerajaan negeri dalam memastikan tahap keselamatan dan ketenteraman awam di Hutan Melintang sentiasa terjamin?

a) Adakah terdapat peningkatan kes jenayah yang membimbangkan?

Jawapan Soalan 3

Untuk makluman Yang Berhormat Hutan Melintang,

Sehingga kini tahap keselamatan dan ketenteraman awam di kawasan Hutan Melintang, Perak adalah terkawal. Tiada insiden yang boleh menjejaskan keselamatan dan ketenteraman awam. Pihak PDRM sentiasa ke hadapan untuk memastikan kesejahteraan dan keselamatan penduduk Hutan Melintang diutamakan. Antara tindakan yang telah diambil PDRM melalui Ibu Pejabat Polis Bagan Datuk adalah:-

- 1) Penglibatan masyarakat dalam rondaan bersama melibatkan program rukun tetangga;
- 2) Penglibatan bersama penduduk dalam aktiviti keagamaan dan sukan;
- 3) Program kesedaran masyarakat dan kempen keselamatan melalui ceramah di sekolah, pusat komuniti berkaitan kes jenayah penipuan, ceramah masyarakat berkaitan dadah dan jenayah siber;
- 4) Kerjasama di antara agensi penguatkuasaan iaitu PDRM, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Maritim, dan Pasukan Gerakan Am (PGA) sentiasa dipertingkatkan dalam penguatkuasaan undang-undang;
- 5) Perkongsian maklumat risikan supaya jenayah dicegah lebih awal;

Penguatkuasaan undang-undang di mana IPD Bagan Datuk melalui Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) akan menggerakkan Unit Kereta Peronda (MPV) dan Unit Rondaan Bermotosikal (URB) 24 jam bagi menjamin keselamatan dan ketenteraman awam.

SOALAN-SOALAN BERTULIS

1. KELESTARIAN ALAM SEKITAR

Apakah tindakan kerajaan negeri dalam menangani isu pencemaran sungai dan hakisan pantai di kawasan Hutan Melintang?

- a) Adakah terdapat pemantauan berkala terhadap kualiti air sungai di kawasan tersebut?
- b) Apakah perancangan jangka panjang bagi memastikan kelestarian alam sekitar di Hutan Melintang?

Jawapan Soalan 1

No. Rujukan : 27030 (Hutan Melintang) (Bertulis)

Salam Sejahtera,

Untuk makluman Yang Berhormat Hutan Melintang,

Jabatan Alam Sekitar menguatkuasakan undang-undang di dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Pindaan) 2024 dan Peraturan-peraturan di bawahnya. Fungsi Jabatan Alam Sekitar adalah untuk mengawal pencemaran daripada aktiviti industri dan bukan industri yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Pelepasan efluen daripada industri hendaklah mematuhi Peraturan-Peraturan berikut:

- i. Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan)(Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015.
- ii. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009.
- iii. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009.
- iv. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pencemaran Daripada Stesen Pemindahan Sisa Pepejal dan Kambus Tanah) 2009.
- v. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam sekeliling (Premis Yang Ditetapkan)(Minyak Kelapa Sawit Mentah) 1977.
- vi. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang Ditetapkan)(Getah Asli Mentah) 1978.

JAS sentiasa memastikan pelepasan efluen yang tertakluk di bawah Peraturan-Peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 mematuhi had pelepasan yang ditetapkan.

Bagi Premis yang Ditetapkan (PYDT) yang dikenali juga sebagai premis yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar juga diberikan syarat-syarat lesen untuk dipatuhi yang akan diperiksa secara berkala oleh pegawai penguatkuasa Jabatan ini. Kegagalan mematuhi syarat yang dikeluarkan akan mendedahkan premis ini kepada tindakan mahkamah.

Bagi projek-projek tertakluk kepada Aktiviti yang Ditetapkan (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) juga tertakluk kepada syarat-syarat kelulusan laporan EIA yang dikeluarkan. Antara syarat yang berkaitan ialah kawalan air dan kawalan hakisan yang perlu dipatuhi sepertimana pelan cadangan bagi kawalan yang disediakan oleh jururunding EIA sebelum kelulusan laporan diberikan.

a) Pemantauan kualiti air sungai dijalankan melalui stesen automatik dan stesen manual. Di Negeri Perak terdapat 2 stesen automatik yang telah dibina di Sungai Bogak, Kerian dan di Sungai Perak. Selain daripada itu, sebanyak 150 stesen manual yang melibatkan pemantauan terhadap 68 buah sungai di seluruh Negeri Perak.

Terdapat 6 stesen manual di Sungai Bernam di dalam kawasan Hutan Melintang dipantau mengikut jadual yang ditetapkan iaitu sebanyak 6 kali setahun. Sekiranya terdapat penurunan kualiti yang ketara terhadap pemantauan sungai yang dijalankan, Jabatan Alam Sekitar akan menjalankan siasatan terhadap punca pencemaran yang telah menyebabkan kualiti air sungai tersebut menurun. Data maklumat kualiti sungai boleh diakses melalui <https://eqms.doe.gov.my>.

b) Jabatan Alam Sekitar (JAS) melaksanakan fungsinya iaitu mencegah, menghapus, mengawal pencemaran dan membaiki alam sekeliling di bawah punca kuasa di dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 (Pindaan) 2024.

Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak khususnya melaksanakan fungsinya berdasarkan bidang kuasa yang diperuntukkan di dalam Akta ini dan merealisasikan matlamat Kerajaan Negeri Perak di bawah Perak Sejahtera 2030.

Antara usaha bagi perancangan jangka panjang Jabatan Alam Sekitar ialah memperkasakan fungsinya dengan mewujudkan nilai kompaun dan denda mahkamah yang lebih tinggi terhadap jenayah alam sekitar dengan nilai minimum tidak kurang daripada RM 5,000.00 dan denda maksimum tidak melebihi RM 10,000.000.00 terutama bagi kesalahan buangan terjadual dan pencemaran air. Selain itu, hukuman penjara mandatori diwujudkan iaitu tidak melebihi 5 tahun bagi kesalahan pelupusan haram buangan terjadual, pencemaran air dan pelanggaran syarat kelulusan laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA). Ini memberi isyarat jelas bahawa Jabatan ini adalah serius dalam mengawal sebarang pencemaran yang membawa kerosakan alam sekitar.

Isu pencemaran alam sekitar di Kawasan Hutan Melintang yang kerap diadukan kepada Jabatan ini adalah berkaitan pengurusan sampah domestik / sisa pepejal. Terdapat beberapa kawasan hotspot longgokan sampah domestik yang dikenalpasti sebagai tapak sampah haram menyebabkan kacauganggu penduduk kerana berbau busuk dan ada yang dibakar menyebabkan pembakaran terbuka berlaku.

Pelan perancangan jangka panjang berkaitan isu ini hendaklah dibincangkan secara menyeluruh dengan melibatkan pelbagai agensi yang lain seperti Majlis Perbandaran Teluk Intan, Pejabat Daerah dan Tanah Bagan Datuk serta lain-lain agensi berkaitan kerana sampah dilonggokkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab di atas rizab jalan dan rizab sungai.

Dari segi penguatkuasaan, Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak melaksanakan tugas berdasarkan program penguatkuasaan tahunan yang dirancang setiap tahun untuk pemeriksaan ke premis-premis di kawasan Hutan Melintang yang dikenalpasti berisiko menyebabkan potensi pencemaran alam sekitar serta menjalankan siasatan aduan pencemaran yang diterima dari penduduk kawasan tersebut.

Sekian, terima kasih.

2. PELANCONGAN TEMPATAN

Apakah potensi pelancongan di Hutan Melintang yang dikenal pasti oleh kerajaan negeri, dan apakah langkah yang diambil untuk membangunkannya secara mampan?

- a) Adakah terdapat peruntukan khusus untuk mempromosikan kawasan ini sebagai destinasi pelancongan?
 b) Bagaimanakah penglibatan komuniti tempatan dalam sektor ini dapat diperkasakan?

Jawapan Soalan 2

Untuk makluman Yang Berhormat Hutan Melintang,

Kerajaan Negeri melalui Tourism Perak mengenal pasti kawasan Hutan Melintang sebagai mempunyai potensi pelancongan berasaskan komuniti dan sumber tempatan, memandangkan lokasinya di bawah daerah Bagan Datuk yang terkenal dengan produk seperti perusahaan kelapa, sky mirror, ladang bunga matahari serta kawasan waterfront. Pembangunan pelancongan di kawasan ini dilaksanakan secara berperingkat dengan memberi penekanan kepada kesiapsiagaan produk sebelum diketengahkan kepada pelancong. Ini termasuk memastikan aspek kesesuaian produk, pengalaman pelancong serta penerimaan komuniti setempat berada pada tahap yang baik bagi menjamin pembangunan yang mampan.

Bagi memperkasakan penglibatan komuniti tempatan, terutama pemandu bot pelancong atau mualim bot, untuk menghadiri kursus yang telah diadakan di Bagan Datuk pada bulan Jun 2025 yang melibatkan seramai 21 orang daripada Hilir Perak. Ianya akan memberikan nilai tambah kepada mualim bot untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik serta memberikan limpahan kepada komuniti di Hutan Melintang. Pendekatan ini membantu komuniti setempat untuk lebih aktif dalam sektor pelancongan serta meningkatkan keupayaan mereka dalam menjana pendapatan melalui aktiviti pelancongan. Program Kursus Pemasaran Digital yang dianjurkan oleh Tourism Perak juga akan memberikan nilai tambah kepada komuniti dan pengusaha setempat untuk memasarkan produk mereka melalui media sosial platform TikTok. Walau bagaimanapun sesi seterusnya yang melibatkan daerah Tanjung Malim, Teluk Intan dan Bagan Datuk akan diadakan pada bulan Jun 2026. Peserta akan dikenalpasti oleh pihak berkuasa tempatan dan akan dipanjangkan jemputan.

3. INFRASTRUKTUR

Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh pihak kerajaan negeri bagi meningkatkan pembangunan infrastruktur di kawasan Hutan Melintang, khususnya berkaitan jalan raya, sistem perparitan dan kemudahan awam demi kesejahteraan penduduk setempat?

- a) Apakah status terkini projek menaik taraf jalan-jalan utama yang menghubungkan kampung-kampung nelayan di Hutan Melintang?

Jawapan Soalan 3

Untuk makluman Yang Berhormat,

Pihak JKR telah menerima kelulusan bagi melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan jalan dan lampu jalan di Daerah Bagan Datuk sehingga Mac 2026 adalah seperti berikut:

Jalan Persekutuan

Bil.	Nama Laluan	No. Laluan	Seksyen		Perihal Kerja
1	Jalan Simpang Empat - Bagan Datoh	FT069	16.00	17.00	Partial Reconstruction dan lain-lain kerja berkaitan
2	Jalan Teluk Intan - Sabak Bernam	FT005	564.1	564.2	Kerja Membaik Pulih Longkang Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan
3	Jalan Simpang Empat-Bagan Datoh	FT069	0.00	27.5	Kerja Mengecat Garisan Jalan Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan
4	Jalan Teluk Intan - Sabak Bernam dan Jalan Simpang Empat- Bagan Datuk	FT005	549.2	568.0	Kerja Mengecat Garisan Jalan Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan
5	Jalan Teluk Intan - Sabak Bernam	FT005	562.0		Kerja Menaiktaraf / Pemasangan Lampu Jalan Baharu
6	Jalan Teluk Intan - Sabak Bernam	FT005	554.2	558.2	Kerja Menaiktaraf / Pemasangan Lampu Jalan Baharu

Jalan Negeri

Bil.	Nama Laluan	No. Laluan	Seksyen		Perihal Kerja
1	Jalan Parit 1	A252	2.6		Kerja Penyenggaraan Expansion Joint Dan Jambatan Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan
	Jalan Hutan Melintang - Bagan Datuk	A123	25.4		
2	Jalan Hutan Melintang - Bagan Datuk	A123	Localised		Kerja Penyenggaraan Perabot Jalan Dan Papan Tanda Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan
	Jalan Simpang Tiga -Rungkup	A128	Localised		
3	Jalan Hutan Melintang - Bagan Datuk	A123	0	3.0	Kerja Penyenggaraan Longkang Konkrit Yang Rosak Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan
4	Jalan Sg. Samak	A255	Localised		Kerja-Kerja Menaiktaraf Lampu Jalan Serta Kerja-Kerja Berkaitan (P01)
5	Jalan Hutan Melintang - Bagan Datuk	A123	Localised		Kerja Pemasangan Lampu Jalan Jenis SOLAR LED termasuk kerja-kerja lain yang berkaitan (P01)

Disamping itu juga, melalui kelulusan RP1, RMKe-13, Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah, pihak JKR dalam peringkat penyediaan reka bentuk awalan bagi projek-projek berikut:

1. Membina Jalan Masuk Ke Lorong Haji Yusof, Kampung Parit 6, Sungai Nipah Baroh Dari Jalan Hutan Melintang - Bagan Datuk (A123), Bagan Datuk, Perak
2. Membina Jalan Masuk Ke Bagan Datuk *International Fishery Industrial Park* (BDIFIP) Melalui Jalan Parit 11, Batu 16, Bagan Datuk, Perak

Bahagian Pembangunan Luar Bandar (PLB) telah menjalankan beberapa projek penyelenggaraan jalan dan parit di kampung-kampung nelayan di DUN Hutan Melintang melalui projek-projek berikut :

1. Membaiki Sistem Perparitan Aliran Air Masuk & Keluar Ke Parit Besar di Kampung Melayu Parit 25 Baroh di bawah peruntukan Program Mesra Rakyat (PMR) ICU 2024.
2. Kerja-kerja Membaikpulih Jeti Di Kawasan Teluk Kumpul bernilai RM 42,250 di bawah Peruntukan Program Mesra Rakyat (PMR) ICU 2025.

Pada masa yang sama, Projek Menaiktaraf Titi Lama Kepada Titi Konkrit Di Bagan Pasir Laut, Mukim Sungai Sumun, Daerah Bagan Datuk di bawah peruntukan ICU bernilai RM 4 juta yang dijangka akan diiklankan pada Julai 2026.

Rentetan daripada bencana banjir yang menimpa Daerah Bagan Datuk pada November 2025 yang lalu, PDTBD telah menerima peruntukan daripada ICU untuk kerja-kerja tersebut dilaksanakan pada tahun ini :

1. Kerja-kerja Pembinaan Sistem Amaran Paras Air di Kg Hutan Melintang sebanyak RM 35,000.00.
2. Kerja Penyelenggaraan Sistem Perparitan Rizab JPS Di Hadapan Lembaga Koko Malaysia Menuju Ke Sungai Dulang Serta Parit Di Dalam Kebun Koko sebanyak RM 50,000.00.
3. Kerja Pembersihan & Penyelenggaraan Parit Di Kampung Hutan Melintang sebanyak RM 90,000.00.
4. Penyelenggaraan Parit Rizab JPS & Parit Utama sebanyak RM160,000.00.
5. Kerja Pembersihan & Mendalamkan Parit 14 Hingga Parit 22 sebanyak RM120,000.00.
6. Menyelenggara Culvert Jalan & Mencuci Parit di Parit 18 sebanyak RM 200,000.00.
7. Selenggara Jalan Parit 17 & Kelubung Tersumbat sebanyak RM 150,000.00.

Bahagian PLB PDT Bagan Datuk akan sentiasa memantau jalan-jalan MARRIS di dalam kampung-kampung nelayan di seluruh Bagan Datuk dan akan cuba menyediakan penyelenggaraan yang terbaik bergantung kepada peruntukan yang diterima oleh pentadbir

4. PERANCANGAN MASA DEPAN

Apakah pelan strategik untuk pembangunan Hutan Melintang dalam tempoh masa lima hingga sepuluh tahun dalam

- a) Sektor-sektor utama yang akan menjadi fokus pembangunan dan jumlah peruntukan yang diperuntukkan untuk setiap sektor
- b) Garis masa pelaksanaan projek bagi memastikan pembangunan di kawasan ini bersifat inklusif, seimbang dan memberi manfaat maksimum kepada penduduk setempat.

Jawapan Soalan 4

Dato' Seri Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Hutan Melintang, Kerajaan Negeri melalui Rancangan Struktur Negeri (RSN) Perak 2040 (Kajian Semula) dan Rancangan Tempatan Daerah Bagan Datuk 2035 (RTD) telah memposisikan Hutan Melintang secara strategik di dalam kerangka Wilayah Paksi Selatan Perak. Dalam tempoh lima hingga 10 tahun akan datang, Hutan Melintang dirancang untuk dinaik taraf daripada status pekan kecil kepada Pusat Bandar Sekunder (PBS) yang membentuk Koridor Perbandaran Negeri bersama Teluk Intan.

Justeru, pembangunan di Hutan Melintang memfokuskan kepada beberapa sektor utama dan projek berimpak tinggi seperti berikut:

1. Sektor Perikanan, Maritim dan Industri Hiliran (IKS)

Mengambil kira rekod pendaratan ikan marin tertinggi di Perak, Hutan Melintang disasarkan menjadi Hab Perikanan Laut Dalam Negara merentas sempadan Perak dan Selangor.

Projek utama yang memacu sektor ini termasuklah:

- i. Majlis pecah tanah bagi pembangunan hab pengeluaran makanan bersepadu QL Innofood Park bernilai RM1.3 bilion yang telah dilancarkan pada 25 Januari 2026;
- ii. Kajian Kemungkinan dan Kerja Awal Pembinaan Kompleks Perikanan LKIM yang bernilai RM3 juta di bawah Rolling Plan 1 RMKe-13 Tahun 2026; dan
- iii. Pembangunan IKS bagi mengukuhkan rantaian sejuk beku, penghasilan produk agroindustri, dan makanan laut bernilai tambah tinggi.

2. Sektor Infrastruktur dan Logistik

Bagi menyokong pergerakan logistik industri dan rantaian bekalan, pengukuhan hubungan jalan raya utama turut dirancang merangkumi:

- i. Projek Membina Jalan dan Jambatan Sungai Air Tawar bernilai RM210 juta menghubungkan Sabak Bernam ke Hutan Melintang bagi memudahkan eksport produk perikanan; dan
- ii. Cadangan pembinaan jalan baharu empat lorong sejauh 75km menghubungkan Hutan Melintang ke sempadan Raub, Pahang serta jajaran Lebuhraya Tanjung Malim – Lumut.

3. Sektor Pertanian dan Sekuriti Makanan

Pertanian mampan turut difokuskan melalui Program Penanaman Kelapa Matag yang dijalankan oleh pihak Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (Perak SADC) melalui geran penanaman semula kelapa membabitkan 32.5 ekar di DUN Hutan Melintang dan 88.06 ekar di DUN Rungkup. Selain itu, Jabatan Pertanian Negeri Perak turut memperuntukkan RM52,700 untuk pembangunan semula tanaman kelapa seluas 3.2 hektar yang sedang dalam pelaksanaan dan dijangka siap pada tahun 2030.

4. Sektor Kesejahteraan Komuniti dan Modal Insan

Pembangunan inklusif dipastikan menerusi penyediaan prasarana pendidikan dan kemudahan awam:

- i. Pembangunan Malaysia-China Institute (MCI) bagi memperkasakan bidang TVET, di mana pengambilan tanah seluas 60 ekar telah selesai untuk diserahkan kepada MARA; dan
- ii. Projek-projek kemudahan awam dan infrastruktur yang sedang dalam peringkat pra pelaksanaan seperti:
 - a. Klinik Kesihatan (Jenis 3) berserta Kuarters di Hutan Melintang, Perak;
 - b. Pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Bagan Datuk, Perak dengan 25 bilik darjah;
 - c. Projek Pemajuan Kawasan RPT Seri Perkasa, Bagan Datuk, Perak;
 - d. Pembinaan Pasar Awam Hutan Melintang di bawah seliaan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bernilai RM1 juta; dan
 - e. Pembinaan Jalan dari Kampung Sungai Ipi (A251) ke Jalan Hutan Melintang - Teluk Intan (FT5), Bagan Datuk, Perak.

Pelaksanaan projek-projek yang diluluskan dilaksanakan secara berperingkat/berfasa yang dijangka selesai dalam tempoh jangka sederhana menjelang 2030. Selain itu, bagi memastikan kelancaran setiap inisiatif ini, Majlis Perbandaran Teluk Intan (MPTI) turut menyediakan laluan pantas atau 'fast track' ke atas kelulusan pembangunan bagi projek berimpak tinggi yang dibawa oleh para pelabur. Kesemua inisiatif ini mencerminkan komitmen Kerajaan Negeri dalam memastikan pembangunan

sosioekonomi di Hutan Melintang kekal seimbang, terancang dan memberi manfaat secara menyeluruh kepada penduduk serta belia setempat menjelang dekad akan datang

5. SOSIAL DAN KEBAJIKAN

Apakah usaha kerajaan negeri dalam menangani isu kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup masyarakat di Hutan Melintang, khususnya dalam kalangan golongan B40?

- a) Adakah terdapat program khas untuk membantu ibu tunggal dan warga emas di kawasan ini?
- b) Bagaimanakah keberkesanan program bantuan sedia ada dinilai oleh pihak kerajaan?

Jawapan Soalan 5

Yang Berhormat Hutan Melintang,

1. Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam menangani isu kemiskinan serta meningkatkan taraf hidup masyarakat, khususnya golongan B40 di kawasan Hutan Melintang melalui pelbagai inisiatif bersepadu yang merangkumi aspek kebajikan, ekonomi dan kesejahteraan sosial.
2. Antara usaha utama yang dilaksanakan termasuk penyaluran bantuan kewangan secara berkala kepada golongan berpendapatan rendah, pelaksanaan program peningkatan kemahiran dan keusahawanan serta penyediaan peluang pekerjaan melalui kerjasama dengan agensi-agensi berkaitan.
3. Kerajaan Negeri turut menyediakan program khas bagi membantu golongan rentan seperti ibu tunggal dan warga emas di kawasan ini. Antara inisiatif yang dilaksanakan termasuk bantuan kewangan bulanan, program sokongan sosial, serta aktiviti komuniti yang bertujuan meningkatkan kesejahteraan fizikal dan mental mereka.
4. Sebagai contoh, antara perancangan program tahun 2026 di bawah Sekretariat Pembangunan Wanita & Masyarakat Negeri Perak ialah Program Warga Emas Fit (WE FIT) DUN Hutan Melintang akan dilaksanakan di antara 4 - 8 Mei 2026, yang memberi fokus kepada aspek kesihatan, kecergasan serta interaksi sosial dalam kalangan warga emas. Program ini dijangka dapat meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan golongan tersebut secara menyeluruh.
5. Selain itu, pelaksanaan Kad Perak Sejahtera (KPS) telah memanfaatkan 313 orang penerima bagi DUN Hutan Melintang. Daripada jumlah tersebut, seramai 145 orang penerima adalah warga emas. Manakala, seramai 162 orang penerima ialah ibu tunggal. Program ini telah memberikan tambahan pendapatan boleh guna sebanyak RM1,200 setahun kepada para penerima.
6. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga menyediakan perkhidmatan kepada golongan yang berkeperluan berdasarkan permohonan dan syarat-syarat yang ditetapkan termasuklah ibu tunggal dan warga emas. Bagi mana-mana individu yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan, pertimbangan akan diberi berdasarkan kesesuaian mengambilkira permasalahan yang dialami oleh seseorang pemohon berkaitan.
7. Bagi memastikan keberkesanan program bantuan sedia ada, Kerajaan Negeri melalui Sekretariat Wanita Perak melaksanakan pemantauan dan penilaian secara berterusan melalui beberapa kaedah, antaranya:
 - 7.1 Pengumpulan maklum balas daripada penerima bantuan dan komuniti setempat;
 - 7.2 Penilaian impak program berdasarkan peningkatan pendapatan, taraf hidup dan kesejahteraan penerima;
 - 7.3 Kerjasama dengan agensi pelaksana untuk menambah baik pelaksanaan program; serta
 - 7.4 Audit dan semakan berkala bagi memastikan bantuan disalurkan secara telus dan berkesan.
8. Kerajaan Negeri akan terus memperkukuh inisiatif sedia ada serta memperkenalkan pendekatan baharu yang lebih bersasar bagi memastikan tiada golongan yang tercicir daripada arus pembangunan, khususnya di kawasan Hutan Melintang.

9. Perkhidmatan yang disediakan oleh JKM juga tertakluk kepada pematuhan peraturan kewangan dan juga prosedur operasi standard yang ditetapkan bagi memastikan program bantuan dapat diterima oleh golongan yang berkeperluan. Justeru penilaian keberkesanan dilaksanakan dalam pelbagai kaedah termasuk pemantauan, pengauditan, naziran dan inspektorat yang dilakukan oleh agensi dan kementerian berkaitan termasuk dari pengauditan penilaian prestasi perkhidmatan oleh Jabatan Ketua Audit Negara. Penilaian tersebut turut mengambilkira dari segi ketepatan data, pengurusan peruntukan dan perbelanjaan, dan keberkesanan impak sebenar di lapangan.

10. Selain itu, tindakan siasatan kes, lawatan ke rumah dan kes-kes ulangkaji ke rumah penerima bantuan turut dilakukan untuk melihat keadaan penerima bagi memastikan bantuan yang diberikan diterima oleh kumpulan sasaran yang tepat dan dimanfaatkan sepenuhnya. Penglibatan NGO, pemimpin setempat dan jawatankuasa kampung dalam memberikan maklum balas tentang pelaksanaan program juga dapat menjadi sebagai '*chek & balance*' dalam meningkatkan keberkesanan perkhidmatan.

11. Sehingga Mac tahun 2026, seramai 994 orang penerima bantuan aktif di Hutan Melintang dari 1,758 orang keseluruhan penerima di daerah Bagan Datuk telah dibantu melalui bantuan kewangan setiap bulanan di JKM.

Sekian, terima kasih.

Soalan Dari : YB ENCIK ROSLI BIN ABD RAHMAN
Ahli Dewan Undangan Negeri : (PASIR PANJANG)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. Selaras dengan keputusan Kementerian Pelajaran Malaysia membuka peluang kepada kanak-kanak berusia 6 tahun memasuki Tahun 1 pada 2027

Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk memastikan fasiliti pengajaran dan pembelajaran mencukupi untuk kegunaan pelajar dan adakah sekolah-sekolah rendah diberi jaminan untuk mendapat bilangan guru yang mencukupi bagi melaksanakan inisiatif ini.

Jawapan Soalan 1

Soalan ini telah dijawab secara lisan pada 17 April 2026
Persidangan Keempat Tahun Keempat Dewan Negeri Yang Kelima Belas

2. Dewasa ini, peningkatan populasi kera dan monyet meningkat dengan begitu ketara bukan saja di kawasan kampung tetapi juga di kawasan perumahan pinggir bandar. Kehadiran monyet yang besar bilangan ini memberi ancaman kepada aktiviti pertanian, kerosakan harta benda dan keselamatan rakyat.

Mohon dinyatakan langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Jabatan Perhilitan Negeri Perak bagi menangani masalah kacau ganggu kera dan monyet yang semakin serius dan membimbangkan.

Jawapan Soalan 2

MUKADIMAH

Salam Perak Sejahtera 2030,

Terima kasih Dato' Seri Yang di-Pertua atas ruang untuk saya menjawab soalan mengenai kacau ganggu kera dan monyet yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Selama bersekali dengan Yang Berhormat Kubu Gajah dan Yang Berhormat Pasir Panjang.

Untuk makluman Yang Berhormat,

Kerajaan Negeri melalui Jabatan PERHILITAN Negeri Perak memandang serius peningkatan aduan berkaitan kacau ganggu monyet di beberapa kawasan di Negeri Perak yang melibatkan keselamatan penduduk, kerosakan tanaman serta gangguan kepada ternakan.

Dalam usaha menangani isu ini secara lebih berkesan dan bersepadu, beberapa perancangan telah dan sedang dilaksanakan seperti berikut:

- a) **Pengukuhan operasi kawalan populasi**
 - i. Melaksanakan operasi tangkapan menggunakan perangkap di kawasan *hotspot* aduan.
 - ii. Pelaksanaan pelupusan secara terkawal bagi kes-kes tertentu yang kritikal dan berisiko tinggi.
- b) **Pendidikan dan kesedaran awam**
 - i. Mempergiat kempen kesedaran bagi mendidik masyarakat supaya tidak memberi makanan kepada monyet kerana ia menjadi punca utama perubahan tingkah laku haiwan tersebut menjadi agresif dan bergantung kepada manusia.
 - ii. Menyampaikan garis panduan pengurusan konflik hidupan liar kepada komuniti setempat.
- c) **Kerjasama strategik antara agensi**

- i. Memperkukuh kerjasama antara PERHILITAN, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pejabat Daerah serta agensi berkaitan bagi tindakan bersepadu termasuk pengurusan sisa pepejal dan kebersihan kawasan.
 - ii. Menggalakkan penglibatan komuniti setempat dalam menyalurkan maklumat awal dan menyokong tindakan mitigasi.
- d) Seterusnya adalah **Pemantauan dan respons aduan yang lebih cekap** iaitu :-
- i. Mempertingkatkan sistem pemantauan kawasan berisiko serta mempercepatkan tindakan respons terhadap aduan awam.
 - ii. Menjalankan penilaian berkala bagi memastikan keberkesanan langkah-langkah yang dilaksanakan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat,

Kerajaan Negeri komited untuk memastikan isu kacau ganggu monyet ini ditangani secara menyeluruh dengan mengambil kira keseimbangan antara keselamatan manusia dan pemuliharaan hidupan liar.

Yang Berhormat Dato' Seri Yang di-Pertua,

Dengan adanya pendekatan bersepadu ini, Kerajaan Negeri yakin masalah gangguan kera dapat dikawal secara lebih berkesan. Pendekatan ini juga dapat mengurangkan dan mengawal populasi gangguan monyet di kawasan konflik ke tahap minimum demi memastikan keharmonian dan kesejahteraan rakyat terus terpelihara.

Sekian, terima kasih.

3. Pembangunan di DUN Pasir Panjang kelihatan semakin pesat, khususnya yang melibatkan sektor perumahan, pelancongan dan aktiviti maritim.

Mohon Kerajaan Negeri menyatakan apakah strategi perancangan pembangunan yang komprehensif bagi memastikan pembangunan dilaksanakan secara mampan, terancang dan seimbang.

Jawapan Soalan 3

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat,

Pihak Majlis Perbandaran Manjung (MPM) melalui kerjasama dengan Plan Malaysia sedang menyediakan Rancangan Tempatan Daerah (RTD) Manjung 2040 yang akan merangka pembangunan daerah Manjung sepanjang tempoh 15 tahun akan datang.

Perancangan pembangunan sesuatu kawasan memainkan peranan penting dalam memastikan kesejahteraan rakyat serta kemajuan ekonomi yang mampan. Bagi DUN Pasir Panjang di Negeri Perak, Kerajaan Negeri telah merangka pelbagai inisiatif pembangunan yang selaras dengan pelan strategik utama iaitu Perak Sejahtera 2030. Pelan ini bertujuan memacu pertumbuhan ekonomi, memperkukuh infrastruktur, serta memelihara alam sekitar demi kesejahteraan generasi kini dan akan datang.

Antara fokus utama pembangunan di DUN Pasir Panjang ialah pengukuhan sektor ekonomi, khususnya dalam bidang perindustrian dan maritim. Kawasan ini yang terletak berhampiran Lumut dan Manjung mempunyai potensi besar sebagai hab industri dan pelabuhan. Usaha ini bukan sahaja dapat meningkatkan taraf hidup rakyat, malah membantu merencanakan pertumbuhan ekonomi negeri secara keseluruhan.

Di bawah Perak Sejahtera 2030, antara projek utama yang diberi perhatian ialah Perak Halal Industrial Park (HIP) Lekir. Inisiatif ini bertujuan menjadikan Perak sebagai pusat pengeluaran dan pengedaran produk halal yang berdaya saing di peringkat nasional dan antarabangsa. Melalui pembangunan hab halal, pelaburan dapat ditarik masuk, sekali gus membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan. Selain itu, sektor ini juga berpotensi meningkatkan eksport negeri dan memperkukuh rantai bekalan industri halal.

Di samping itu, pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TPKM) Lekir dan Pasar Tani Kekal (PTK) Lekir turut menjadi fokus utama. Usaha ini bukan sahaja dapat meningkatkan hasil pengeluaran makanan, malah turut menjamin

keselamatan makanan negeri dalam jangka panjang. Para petani juga berpeluang meningkatkan pendapatan melalui kaedah pertanian yang lebih efisien dan produktif.

Selain sektor pertanian dan industri, Kerajaan Negeri juga memberi perhatian kepada pembangunan infrastruktur dan pelancongan. Penambahbaikan kemudahan seperti jalan raya, sistem logistik dan utiliti penting dapat menyokong aktiviti ekonomi serta memudahkan pergerakan rakyat. Dalam masa yang sama, sektor pelancongan diperkasakan dengan memanfaatkan keindahan alam semula jadi dan warisan budaya yang terdapat di Perak bagi menarik lebih ramai pelancong.

Selain itu, aspek infrastruktur dan kemudahan awam turut menjadi keutamaan dalam pembangunan DUN Pasir Panjang. Kerajaan Negeri berusaha menambah baik rangkaian jalan raya bagi meningkatkan akses ke kawasan pelancongan dan industri. Laluan Lebuh raya Pesisiran Pantai Barat (WCE) yang menghubungkan lebuh raya utama seperti PLUS dapat mengurangkan masa perjalanan dari Manjung ke Lembah Klang serta menghubungkan kawasan perindustrian penting seperti Pelabuhan Klang.

Kemudahan asas seperti perumahan, sekolah dan pusat komuniti juga dipertingkatkan bagi memastikan penduduk menikmati kualiti hidup yang lebih baik. Pembangunan infrastruktur yang sistematik ini mampu menyokong pertumbuhan ekonomi serta meningkatkan kesejahteraan sosial masyarakat setempat.

Sektor pelancongan turut diberi perhatian dalam perancangan pembangunan kawasan ini. DUN Pasir Panjang terkenal dengan keindahan pantainya serta kekayaan biodiversiti, termasuk kawasan penternakan kerang yang lebih dikenali sebagai Kebun Kerang Premium Lekir. Keunikan ini menjadikan kawasan tersebut berpotensi besar untuk dibangunkan sebagai destinasi eko-pelancongan. Kerajaan negeri merancang untuk menaik taraf kemudahan pelancongan serta mempergiatkan promosi bagi menarik lebih ramai pelancong domestik dan antarabangsa. Namun begitu, pembangunan ini perlu dilaksanakan secara berhati-hati agar tidak menjejaskan keseimbangan alam sekitar.

Kesimpulannya, perancangan pembangunan DUN Pasir Panjang oleh kerajaan negeri Perak menekankan pendekatan pembangunan yang seimbang dan mampan. Melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif dalam sektor ekonomi, pelancongan, infrastruktur dan pemeliharaan alam sekitar, kawasan ini berpotensi untuk berkembang sebagai sebuah kawasan yang maju tanpa mengabaikan kelestarian alam. Dengan perancangan yang teliti dan pelaksanaan yang berkesan, DUN Pasir Panjang mampu menjadi contoh pembangunan holistik di Negeri Perak.

SOALAN-SOALAN BERTULIS

1. a. Mohon nyatakan langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk mewujudkan peluang pekerjaan baru sekiranya pelaburan asing tertangguh akibat ketidakpastian geopolitik global yang kini dihadapi.
- b. Berapakah anggaran jumlah pelaburan yang berpotensi tertangguh atau terjejas?

Jawapan Soalan 1

Untuk makluman Yang Berhormat Pasir Panjang,

Kerajaan Persekutuan bersama Kerajaan Negeri sentiasa mengambil langkah proaktif bagi memastikan peluang pekerjaan baharu terus diwujudkan walaupun berdepan ketidakpastian geopolitik global seperti konflik di Timur Tengah yang memberi kesan kepada rantaian bekalan, kos tenaga dan aliran pelaburan asing. Dalam hal ini, pendekatan Kerajaan Persekutuan adalah selari dan diperkuatkan dengan inisiatif Kerajaan Negeri bersama di bawah pimpinan YAB Perdana Menteri, yang menekankan strategi pengukuhan ekonomi domestik sebagai "pelan alternatif" bagi mengurangkan kebergantungan kepada pelaburan luar. Fokus diberikan kepada pengembangan pelaburan domestik, pengukuhan sektor perkhidmatan, serta sokongan kepada industri strategik seperti elektrik dan elektronik (E&E), automotif dan ekonomi digital, yang terus berupaya menjana peluang pekerjaan walaupun dalam suasana global yang mencabar.

Selain itu, Kerajaan Persekutuan turut bersedia melaksanakan langkah intervensi ekonomi termasuk pakej rangsangan bersasar bagi menangani tekanan kos dan ketidakpastian global. Inisiatif seperti bantuan bersasar, kawalan kos sara hidup serta sokongan kepada perniagaan membantu memastikan aktiviti ekonomi domestik kekal rancak dan seterusnya mengekalkan serta mewujudkan peluang pekerjaan. Dalam masa yang sama, usaha menarik pelaburan berkualiti tinggi terus dipergiatkan dengan memberi tumpuan kepada sektor bernilai tinggi seperti semikonduktor, tenaga boleh diperbaharui dan kenderaan elektrik (EV), yang bukan sahaja meningkatkan daya saing negara malah membuka peluang pekerjaan berkemahiran tinggi kepada rakyat.

Kerajaan juga memberi penekanan kepada pemeriksaan tenaga kerja melalui program peningkatan kemahiran (upskilling dan reskilling), pelaksanaan dasar gaji minimum serta inisiatif padanan pekerjaan bagi memastikan tenaga kerja tempatan kekal relevan dan memenuhi keperluan industri semasa. Dalam konteks pemantauan impak semasa, MIDA bersama Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM) sedang menjalankan kajian bagi menilai kesan konflik Timur Tengah terhadap operasi industri termasuk gangguan rantaian bekalan dan peningkatan kos. Dapatan kajian ini akan dijadikan asas kepada cadangan dasar dan intervensi Kerajaan melalui platform seperti Majlis Tindakan Ekonomi Negara (NEAC), bagi memastikan tindakan yang diambil adalah tepat dan berkesan.

Di peringkat negeri, Kerajaan Negeri Perak melalui Invest Perak, dan agensi Kerajaan Persekutuan seperti MIDA dan MITI, melengkapkan usaha ini dengan mempercepatkan pelaksanaan projek pelaburan sedia ada, menggalakkan pelaburan domestik sebagai pemacu utama, serta memperkukuh ekosistem industri tempatan termasuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Kerjasama strategik dengan agensi seperti PASAK juga dipertingkatkan bagi memperluas akses kepada peluang pekerjaan dan meningkatkan kebolehpasaran tenaga kerja tempatan. Secara keseluruhannya, pendekatan bersepadu antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri ini diyakini mampu memastikan ekonomi negeri kekal berdaya tahan serta terus menjana peluang pekerjaan berkualiti kepada rakyat walaupun dalam keadaan ketidaktentuan global.

Setakat ini, pihak kerajaan negeri mahupun persekutuan tidak menerima sebarang makluman rasmi berhubung pelaburan yang tertangguh atau dibatalkan secara langsung akibat ketegangan geopolitik semasa khususnya konflik Iran–Amerika Syarikat. Projek-projek pelaburan yang telah diluluskan mahupun yang sedang dalam peringkat pelaksanaan di Negeri Perak masih berjalan seperti dirancang, tertakluk kepada faktor operasi dan komersial biasa. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa mengambil pendekatan berhati-hati dengan memantau perkembangan global yang berpotensi memberi kesan kepada sentimen pelabur.

Secara keseluruhannya, walaupun terdapat kebimbangan terhadap ketidaktentuan geopolitik global, setakat ini tiada indikasi signifikan bahawa pelaburan di Negeri Perak terjejas secara langsung, dan Malaysia secara amnya kekal berdaya tahan serta berpotensi terus menarik pelaburan berkualiti tinggi

2. a. Apakah tindakan proaktif Kerajaan Negeri untuk berhadapan dengan peningkatan kos bekalan makanan dan barangan asas akibat kenaikan harga minyak yang mendadak?
- b. Mohon nyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan bekalan makanan dan barangan asas tidak terputus di pasaran.

Jawapan Soalan 2

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat Pasir Panjang.

Jawapan soalan a.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sentiasa memberikan perhatian serius ke atas isu kos sara hidup dan mengambil langkah yang perlu bagi membantu rakyat yang terkesan. Antara tindakan KPDN bagi menangani isu ini adalah dengan memastikan kestabilan harga barangan keperluan harian dan melaksanakan kawalan harga ke atas barangan tertentu yang menjadi keperluan asas rakyat.

Kawalan harga barang dilaksanakan melalui punca kuasa perundangan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 [Akta 723] yang bertujuan untuk melindungi pengguna daripada kenaikan harga yang tidak munasabah serta memastikan bekalan keperluan asas sentiasa mencukupi termasuk semasa musim perayaan. Mekanisme kawalan harga yang dilaksanakan pada masa ini merangkumi:

1. Menetapkan harga maksimum bagi barangan keperluan asas seperti gula pasir putih, minyak masak peket, minyak masak sawit tulen dalam botol, gas petroleum cecair dan tepung gandum kegunaan am agar ia mampu dibeli oleh rakyat; dan
2. Melaksanakan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) semasa perayaan utama iaitu Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidilfitri, Pesta Gawai dan Kaamatan, Deepavali dan Krismas melibatkan kawalan harga ke atas barang tertentu yang lazimnya mempunyai permintaan tinggi semasa musim perayaan.

Dasar Kerajaan ketika ini adalah melaksanakan reformasi dalam penyaluran subsidi melalui pelaksanaan penyasaran subsidi diesel di Semenanjung Malaysia yang bermula pada 10 Jun 2024. Subsidi diesel masih diteruskan oleh Kerajaan, namun ianya dilaksanakan secara bersasar supaya risiko ketirisan meliputi

penyelewengan dan penyeludupan dapat ditangani dengan lebih berkesan. Justeru, dalam aspek penguatkuasaan dan pemantauan, KPND telah melaksanakan langkah-langkah seperti berikut:

1. Melaksanakan Ops Kesan 5.0 yang bertujuan untuk memastikan peniaga tidak mengambil kesempatan menaikkan caj perkhidmatan atau harga barangan dengan sewenang-wenangnya.
2. Pemantauan harga secara berkala melibatkan 316 barangan keperluan pengguna terpilih di lebih 2,170 premis di seluruh negara. Data yang dikumpul bukan sahaja membolehkan KPND membuat analisis trend harga barang tetapi mengenal pasti strategi dan intervensi yang bersesuaian.
3. Penugasan lebih 2,400 anggota penguat kuasa KPND di lapangan secara konsisten untuk menjalankan pemeriksaan harian di lokasi tumpuan pengguna seperti pasar awam, pasar raya dan kedai runcit. *Omnipresence* Pegawai Penguat Kuasa secara berterusan ini bertindak sebagai langkah pencegahan kepada peniaga bagi memastikan mereka sentiasa mematuhi undang-undang yang sedang berkuat kuasa.
4. Penguatkuasaan perundangan Akta 723 yang memperuntukkan mana-mana peniaga yang melakukan kesalahan menjual barangan harga terkawal melebihi harga maksimum, maka tindakan boleh diambil seperti berikut:
 - a) Bagi individu, boleh didenda oleh Mahkamah sehingga RM100,000.00 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya atau dikompau sehingga RM50,000.00; dan
 - b) Bagi pertubuhan perbadanan pula boleh didenda sehingga RM500,000.00 atau dikompau sehingga RM250,000.00.

Selain itu, KPND turut memfokuskan kepada agenda pemerikasaan pengguna agar lebih berinformasi, tahu hak sebagai pengguna dan berani bertindak melalui saluran yang betul. Ini termasuk berperanan sebagai 'mata dan telinga' kepada Kerajaan dengan melaporkan sebarang salah laku peniaga melalui sembilan saluran rasmi seperti aplikasi WhatsApp dan portal e-Aduan KPND. Dalam hal ini, setiap aduan yang lengkap berkaitan kenaikan harga akan disiasat segera dalam tempoh 24 jam.

Jawapan soalan b

Soalan ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Sekian, terima kasih.

3. a. Berapakah jumlah pelaburan yang diterima dalam sektor ekonomi biru, khususnya di Daerah Manjung, sejak ia diluncurkan oleh YAB Menteri Besar di Lumut pada Februari 2025 yang lalu?
- b. Apakah inisiatif Kerajaan Negeri membantu nelayan tradisional terlibat dalam sektor ini bagi meningkatkan pendapatan mereka?

Jawapan Soalan 3

untuk makluman YB

- a) Jumlah pelaburan yang diterima oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dalam sektor ekonomi biru bagi Daerah Manjung pada tahun 2025 adalah sebanyak **RM235,000.00**. Pelaburan ini merangkumi pelaksanaan projek akuakultur

ternakan Ikan Kerapu Hibrid dalam sangkar sebanyak RM135,000.00 yang diuruskan oleh Persatuan Nelayan Kawasan Pulau Pangkor serta projek ternakan Siput Sudu sebanyak RM100,000.00 oleh Persatuan Nelayan Kawasan Manjung Selatan.

Antara Langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh LKIM bagi membantu golongan B40 terutamanya nelayan bagi berhadapan dengan peningkatan kos operasi akibat krisis di timur tengah adalah LKIM telah sedia ada menyalurkan peruntukan bantuan **Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN)** secara tunai terus kepada nelayan. Bantuan ini diberikan secara bulanan dengan amaun sebanyak **RM 300.00** sebulan bagi nelayan yang memiliki sampan berlesen serta krew bot yang layak mengikut SOP yang telah digariskan. Bantuan ESHN ini dapat sedikit sebanyak memberikan kelegaan kepada nelayan terutamanya dengan situasi yang amat mencabar pada masa kini. Disamping itu, bagi membantu nelayan untuk mengurangkan lagi kos operasi, LKIM juga telah menyediakan bantuan **insentif kepada setiap hasil pendaratan** yang didaratkan iaitu sebanyak **RM 0.10** bagi setiap kilogram yang didaratkan oleh nelayan.

Tambahan lagi, bagi memastikan nelayan-nelayan tidak berhadapan dengan permasalahan bagi menjual hasil hasil perikanan LKIM juga telah memperhebatkan program Pusat Pengumpulan dan Pengedaran Hasil Perikanan (CCDC) serta Pasar Nelayan dimana dengan kewujudan Pusat Pengumpulan dan Pengedaran Hasil Perikanan serta Pasar Nelayan ini secara tidak langsung akan terus membantu nelayan serta penternak akuakultur bagi menjual hasil-hasil ternakan kepada Pusat Pengedaran serta pemborong-pemborong ikan yang boleh terus mendapatkan hasil-hasil ikan di Pusat Pengumpulan dan Pengedaran Ikan ini. Ini seterusnya dapat memudahkan nelayan untuk menjual hasil tangkapan serta meningkatkan lagi pendapatan nelayan tersebut serta mengurangkan peranan orang tengah terutamanya ketika situasi mencabar pada masa kini dimana terdapat segelintir pihak yang mengambil kesempatan dengan mengawal hasil-hasil nelayan yang didaratkan serta menaikkan harga tanpa kawalan.

Tambahan, bagi mengatasi masalah bekalan makanan di Negeri Perak LKIM juga telah mengambil tindakan segera dengan memperhebatkan Jualan Ikan Murah di seluruh Daerah di Negeri Perak. Ini seterusnya dapat memberikan kelegaan segera kepada rakyat terutamanya kesan akibat krisis di timur tengah yang memberikan impak kepada Eksport dan Import seterusnya menyebabkan kenaikan harga yang mendadak. Jualan Ikan Murah ini menawarkan harga 40@30 Peratus lebih murah daripada harga pasaran. LKIM juga dalam perancangan untuk memperkasakan program akuakultur di Persatuan Persatuan Nelayan Kawasan yang sudah sedia ada menjalankan program akuakultur bagi menjamin bekalan makanan di Negeri Perak. Antara Persatuan Nelayan Kawasan yang telah menjalankan program akuakultur serta dikenalpasti adalah Persatuan Nelayan Kawasan Sg Tinggi yang mengusahakan ternakan akuakultur Ikan Kerapu, Kerang dan Ketam Nipah, Persatuan Nelayan Kawasan Manjung Selatan yang mengusahakan ternakan Siput Sudu serta Persatuan Nelayan Kawasan Pangkor yang mengusahakan Ternakan Ikan Kerapu Hibrid.

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) juga telah mengusahakan dan mengambil tindakan segera pada tahun ini dengan memberikan bantuan-bantuan input kepada nelayan nelayan yang layak berjumlah keseluruhan RM 450,000.00 iaitu bantuan seperti enjin sangkut, bantuan pukut, bantuan alat bagi mengesan ikan serta bantuan keperluan lain bagi tujuan penangkapan ikan.

4. Apakah perancangan jangka pendek dan jangka panjang Kerajaan Negeri untuk membantu golongan B40, terutama golongan peniaga kecil, pekebun kecil dan nelayan yang berhadapan dengan peningkatan kos operasi akibat krisis di Timur Tengah?

Jawapan Soalan 4

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Konflik di Asia Barat yang tercetus sejak bulan Februari 2026 telah menjadi krisis geopolitik yang memberi impak besar kepada ekonomi global secara menyeluruh. Kita kini berdepan kemungkinan krisis tenaga global yang memberi kesan terhadap segenap aspek rantaian ekonomi negara, tidak terkecuali kepada negeri Perak. Semua sektor dijangka akan menerima impak daripada krisis global ini. Penutupan dan gangguan laluan perdagangan di Selat Hormuz memberi kesan gangguan bekalan input bahan mentah di peringkat global. Kenaikan kos penghantaran, premium insurans kapal dan perubahan laluan perdagangan antarabangsa menyumbang secara signifikan kepada kos pengeluaran yang tinggi dan penurunan produktiviti pengeluaran. Antara yang terkesan adalah sektor pembuatan, perkhidmatan, pembinaan dan perumahan. Sektor pertanian juga terkesan oleh kenaikan kos input pertanian dan lojistik yang memberi impak langsung kepada pengguna melalui kenaikan harga barang asas seperti sayur-sayuran, buah-buahan, ayam, telur dan hasil pertanian lain sekaligus menjejaskan keterjaminan makanan.

Sektor pelancongan juga tidak terkecuali menerima tempias ekoran konflik yang semakin sukar diramal apabila pelancong luar negara mengambil sikap lebih berhati-hati atas faktor keselamatan dan kos perjalanan yang meningkat secara drastik.

Dato' Seri Yang di-Pertua,

Yang Berhormat Pasir Pinji dan Yang Berhormat Pokok Assam ada bertanyakan tentang kesan krisis global ini kepada kedudukan pelaburan asing di negeri Perak.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada pemantauan semasa, senario pelaburan asing di Malaysia amnya dan di negeri Perak secara khusus dilihat masih berdaya tahan. Impak kepada negeri Perak juga dilihat masih berada pada tahap minimum dan terkawal. Tiada pelaburan utama yang dibatalkan setakat ini, dan projek-projek sedia ada terus berjalan seperti dirancang. Dilihat dari sudut peluang, Malaysia termasuk negeri Perak berpotensi mendapat manfaat melalui fenomena pengalihan rantaian bekalan apabila syarikat antarabangsa mencari lokasi pelaburan alternatif yang lebih stabil di rantau Asia Tenggara. JPMorgan Chase & Co pada 27 Mac 2026 menyenaraikan Malaysia sebagai antara ekonomi paling berdaya tahan dalam menghadapi krisis tenaga pada ketika ini dan masih berada dalam keadaan relatif stabil. Kumpulan Bank Dunia dalam kenyataan rasmi bertarikh 9 April 2026 pula mengunjurkan pertumbuhan ekonomi Malaysia 2026 kepada 4.4 peratus daripada 4.1 peratus berdasarkan permintaan domestik yang berdaya tahan. Doa dan harapan kita semua semoga keadaan ini dapat dikekalkan. Dalam mendepani krisis yang serba dinamik ini, harus saya akui secara jujur di dalam dewan yang mulia ini bahawa tiada perkara yang benar-benar pasti. Justeru, Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk memberi sebarang jaminan mutlak yang bersifat spekulatif. Fokus kita pada saat ini bukan pada janji-janji manis, sebaliknya pada kesiapsiagaan kita untuk menyesuaikan strategi mengikut keadaan semasa yang sering berubah. Kerajaan Negeri akan sentiasa memantau perkembangan semasa dan bekerjasama rapat dengan Kerajaan Persekutuan untuk merangka strategi adaptasi bagi meminimumkan impak krisis ini kepada ekonomi dan kesejahteraan rakyat. Kebersamaan yang kita bina telah berjaya

membawa negeri ini mengharungi jerih perih pandemik Covid-19 dan kita bangkit semula. Dengan komitmen semua pihak, insya-Allah sekali lagi kita mampu mendepani cabaran getir ini bersama-sama.

5. a. Mohon Kerajaan Negeri menyatakan sejauh manakah keberkesanan program pembangunan keusahawanan belia yang dilaksanakan di negeri Perak.
- b. Berapakah jumlah belia yang berjaya menjadikan sektor keusahawanan sebagai sumber pendapatan tetap mereka sehingga kini?

Jawapan Soalan 5

Soalan Dari : YB PUAN WONG MAY ING
Ahli Dewan Undangan Negeri : (PANTAI REMIS)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. Berkaitan dengan isu paras air Sungai Perak yang sentiasa berada pada tahap rendah, apakah pelan tindakan jangka pendek dan jangka panjang kerajaan negeri untuk menangani masalah ini secara menyeluruh? Ini termasuk usaha untuk mengatasi kegagalan operasi loji rawatan air akibat kekurangan paras air, yang seterusnya menyebabkan gangguan bekalan air. Isu ini telah memberi kesan yang meluas kepada kehidupan harian rakyat, operasi perniagaan serta pengeluaran industri, malah mengakibatkan kerugian ekonomi yang besar.

Jawapan Soalan 1

JAWAPAN

- a. Kerajaan Negeri melalui Lembaga Pengurusan Sumber Air Perak telah merangka hala tuju pengurusan sumber air bagi tempoh 2024 hingga 2033 secara berfasa bagi menangani isu yang berkaitan dengan pengurusan sumber air di Negeri Perak.
- b. Bagi jangka pendek (2024–2026), tumpuan diberikan kepada pengukuhan kawal selia sumber air melalui pelaksanaan:
 - i Peraturan Abstraksi dan Lencongan Air bagi mengawal pengambilan air mentah supaya lebih lestari;
 - ii Pemberitahuan Caj Air bagi menggalakkan penggunaan berhemah oleh pengguna, khususnya sektor industri; dan
 - iii Pewartaan Kawasan Perlindungan Sumber Air bagi menjamin kesinambungan kuantiti dan kualiti sumber air.
- c. Langkah ini bertujuan untuk memastikan kualiti dan kuantiti sumber air di negeri perak dapat dipelihara disamping membenarkan pembangunan didalam lembangan sungai.
- d. Bagi jangka sederhana (2027–2030), Kerajaan Negeri merancang untuk memperkukuh pengurusan sumber air melalui:
 - e. Pelaksanaan Peraturan Pengubahan Sumber yang akan membolehkan pengoptimuman pembangunan dan pengagihan semula sumber air antara kawasan;
 - f. Peraturan Kawalan Pencemaran bagi memastikan kualiti air sentiasa terpelihara;
 - g. Peraturan Pengkompaunan Kesalahan untuk meningkatkan penguatkuasaan; dan
 - h. Pindaan kepada pemberitahuan caj air bagi menambah baik mekanisme kawalan penggunaan.
- i. Bagi jangka panjang (2031–2033), fokus adalah ke arah kelestarian sumber air secara menyeluruh melalui:
 - i. Pelaksanaan Peraturan Navigasi dan Rekreasi Air; dan
 - ii. Penambahbaikan berterusan terhadap mekanisme caj air.
- j. Secara keseluruhannya, pendekatan berfasa ini diyakini dapat memastikan pengurusan sumber air yang lebih cekap, mengurangkan risiko gangguan operasi loji rawatan air akibat paras air rendah, serta menjamin bekalan air yang berterusan kepada rakyat, sektor perniagaan dan industri di Negeri Perak.

k. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sentiasa memantau secara rapi isu penurunan paras air Sungai Perak berasaskan data hidrologi dan teknikal semasa.

l. Sungai Perak sepanjang 444 km merupakan sungai kedua terpanjang di Semenanjung Malaysia dengan keluasan lembangan sekitar 15,006 km², meliputi kira-kira 71% Negeri Perak.

m. Sungai ini menyokong pelbagai fungsi strategik termasuk bekalan air, pengairan, penjana hidroelektrik, serta aktiviti ekonomi dan pelancongan.

n. Punca Penurunan Paras Air:

Antaranya ialah taburan hujan yang berada di bawah purata di utara Semenanjung Malaysia sejak Disember 2025. Keadaan ini dipengaruhi oleh peralihan fasa iklim global daripada La Niña kepada kecenderungan pembentukan El Niño, yang mengakibatkan defisit hujan berpanjangan sekurang-kurangnya sehingga suku kedua tahun 2026, berdasarkan unjuran oleh MetMalaysia dan NAWABS Forecast.

O. Selain itu faktor lain ialah;

i) Taburan hujan di bawah purata sejak Disember 2025 akibat peralihan fenomena iklim (La Niña ke arah El Niño);

ii) Pengumpulan sedimen yang mengubah morfologi dan aliran sungai;

iii) Aktiviti perlombongan pasir yang menjejaskan aras dasar sungai;

iv) Perubahan guna tanah yang mengurangkan kadar resapan air ke dalam tanah.

p. Tindakan Jangka Pendek:

i) Pelaksanaan pembenihan awan di kawasan tadahan;

ii) Pengoptimuman operasi pelepasan empangan secara bersepadu;

iii) Pemantauan paras air secara masa nyata untuk respons segera.

iv) Penguatkuasaan aktiviti perlombongan pasir mengikut garis panduan;

q. Tindakan Jangka Panjang:

Melaksanakan Kajian kebolehlaksanaan berasaskan data terkini bagi;

- Penambahbaikan SOP operasi empangan antara agensi;
- Pembangunan Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) (*Off River Storage*)
- Kajian impak perlombongan pasir terhadap morfologi Sungai;
- Penguatkuasaan Integrated River Basin Management (IRBM);
- Integrasi unjuran perubahan iklim dalam perancangan sumber air.

r. Kerajaan Negeri komited memastikan pengurusan Sungai Perak dilaksanakan secara mampan dan berdaya tahan bagi menjamin keselamatan bekalan air dan kesejahteraan rakyat.

2. Berkaitan dengan isu penipuan dalam talian di Negeri Perak yang semakin serius, sila jelaskan keadaan keseluruhan mangsa yang terlibat, jumlah kerugian yang dialami, serta jenis-jenis penipuan yang paling kerap berlaku. Dalam masa yang sama, apakah pelan tindakan jangka pendek dan jangka panjang kerajaan negeri untuk mengurangkan kadar kejadian penipuan dalam talian secara berkesan?

Jawapan Soalan 2

JAWAPAN:

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri sentiasa bekerjasama dengan agensi seperti PDRM dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) untuk perlaksanaan pelbagai usaha bagi mengurangkan kadar kejadian penipuan dalam talian.

Antara inisiatif yang dilaksanakan, MCMC memberikan sokongan dari segi bantuan teknikal termasuk permohonan penurunan kandungan di platform media sosial, sekatan laman sesawang, serta pembekalan maklumat pemprofilan dan analisis forensik digital. Usaha ini bertujuan mempercepatkan proses siasatan dan tindakan penguatkuasaan terhadap kes penipuan dalam talian.

Sebagai sebahagian daripada pendekatan menyeluruh atau whole-of government, satu kerjasama juga telah dibentuk menerusi Pusat Respon Penipuan Kebangsaan (NSRC) yang telah ditubuhkan pada 14 Oktober 2022. NSRC menghimpunkan sumber dan kepakaran daripada kesemua pihak ini bagi membanteras penipuan kewangan dengan lebih cepat dan berkesan, Kerjasama ini terdiri daripada:

1. Polis Diraja Malaysia, PDRM
2. Bank Negara Malaysia
3. Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM)
4. Kementerian Komunikasi
5. Kemneterian Dalam Negeri

Di samping usaha kawal selia, MCMC turut melaksanakan program kesedaran awam serta kempen nasional berkaitan penipuan dan jenayah digital. Siri program Kempen Internet Selamat yang dilancarkan pada 2025 telah dijalankan dengan tujuan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai keselamatan dalam talian, sekali gus mengelakkan mereka daripada menjadi mangsa jenayah siber serta mewujudkan persekitaran digital yang lebih selamat.

Sepanjang tahun 2025 lalu, kempen ini telah dilaksanakan di 906 buah sekolah diseluruh negeri Perak dengan penglibatan semua peringkat pelajar rendah dan menengah.

Bagi tahun 2026, program ini seterusnya akan diperluaskan lagi ke peringkat kampung, mukim dan daerah dalam memastikan mesej keselamatan internet termasuk penipuan dan jenayah digital sampai ke segenap lapisan masyarakat dan komuniti dengan informasi lebih mudah difahami dan dihayati.

Data daripada Polis Diraja Malaysia menunjukkan bahawa kes penipuan dalam talian di Negeri Perak pada tahun 2025 melibatkan semua lapisan masyarakat tanpa mengira umur, pekerjaan mahupun latar belakang, termasuk pelajar, penjawat awam, pesara dan sektor swasta. Didapati juga bahawa mangsa lelaki dan wanita adalah hampir seimbang, manakala warga emas dikenal pasti sebagai golongan paling terdedah, namun trend terkini menunjukkan peningkatan kes dalam kalangan pelajar.

Sebanyak empat ribu lapan ratus empat puluh lapan (4,848) kes telah direkodkan dengan jumlah kerugian mencecah seratus dua puluh empat juta sembilan ratus lapan puluh sembilan ribu tujuh ratus enam puluh lapan ringgit lima puluh lima sen (RM124,989,768.55). Antara bentuk penipuan yang paling kerap berlaku ialah penipuan telekomunikasi seperti panggilan palsu dan phishing, diikuti penipuan pelaburan tidak wujud, penipuan e-dagang, love scam, serta penipuan berasaskan teknologi kecerdasan buatan yang semakin canggih dan sukar dikesan.

Bagi menangani isu ini, pelaksanaan langkah jangka pendek melalui penubuhan National Scam Response Centre (NSRC) bagi mempercepatkan tindakan menyekat transaksi dan mengesan akaun penjenayah, di samping mempergiat kempen kesedaran serta memperkukuh kerjasama antara pihak berkuasa, institusi kewangan dan syarikat telekomunikasi.

Untuk jangka panjang pula, kerajaan memberi penekanan kepada pendidikan literasi digital, penggunaan teknologi kecerdasan buatan dan analisis data bagi pengesanan awal, pengukuhan undang-undang serta tindakan tegas terhadap sindiket penipuan dan akaun keldai. Selain itu, ekosistem keselamatan kewangan negara turut diperkukuh melalui kerjasama rentas agensi.

Akhir sekali, perhatian khusus diberikan kepada perlindungan golongan berisiko seperti warga emas, pesara dan pelajar melalui pelbagai program pencegahan yang lebih bersasar. Penekanan diberikan kepada pendidikan literasi digital, penggunaan teknologi AI dan analisis data bagi pengesanan awal, serta pengukuhan undang-undang termasuk tindakan tegas terhadap sindiket dan akaun keldai. Ekosistem keselamatan kewangan turut diperkasa melalui kerjasama antara agensi berkaitan.

Soalan ini telah dijawab secara lisan pada 16 April 2026
Persidangan Ketiga Tahun Keempat Dewan Negeri Yang Kelima Belas

3. Peperangan di rantau Timur Tengah telah memberi kesan yang ketara serta menimbulkan ketidaktentuan kepada ekonomi global. Dalam konteks ini, bagaimanakah kerajaan negeri akan menangani cabaran ekonomi luar yang sedang berlaku? Dari aspek ekonomi hingga kepada jaminan kebajikan rakyat, apakah langkah-langkah khusus

yang akan diambil oleh kerajaan negeri bagi memastikan kehidupan rakyat tidak terkesan secara keterlaluan serta mengekalkan kestabilan sosial dan ekonomi?

Jawapan Soalan 3

Dato' Seri Yang di-Pertua,

Kerajaan negeri sangat menghargai keprihatinan ahli-ahli yang berhormat berhubung implikasi konflik geopolitik yang sedang berlaku terhadap kesejahteraan ekonomi negeri dan kehidupan rakyat. Untuk makluman, sebanyak tujuh (7) soalan lisan dan tiga (3) soalan bertulis diterima menyentuh mengenai isu ini. Maka izinkan saya menjawab soalan lisan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Keayang, Yang Berhormat Pasir Pinji, Yang Berhormat Trong, Yang Berhormat Pokok Assam, Yang Berhormat Ayer Kuning, Yang Berhormat Pantai Remis dan Yang Berhormat Behrang secara bersekali kerana ianya saling berkaitan. Sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, saya telah mendapatkan ulasan-ulasan dan pandangan-pandangan daripada semua agensi pusat dan negeri untuk membolehkan kerajaan negeri memahami keadaan semasa dan mengambil tindakan-tindakan untuk jangka masa pendek, jangka masa sederhana dan jangka masa panjang. Kerana itu saya nak mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan penghargaan kepada agensi-agensi kerajaan persekutuan dan negeri yang telah mengambil berat dan memberi respon yang segera kepada kerajaan negeri iaitu Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Getah (RISDA), Institut Darul Ridzwan (IDR), Perak Invest Management Center, (PIMC), Sekretariat Usahawan Negeri Perak (STEP), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN), Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak (LPHP), Jabatan Pertanian, Jabatan Veterinar dan juga Jabatan Perikanan yang telah memberi respon sehingga membolehkan bukan sahaja untuk menjawab soalan-soalan yang banyak ini tetapi juga Insya-Allah menjadi program bagaimana kerajaan akan mengambil tindakan seterusnya.

Ahli-ahli yang berhormat, konflik di Asia Barat yang terdeteksi sejak Februari 2026 kini berkembang menjadi krisis geopolitik yang memberi kesan besar kepada ekonomi global secara menyeluruh. Walaupun pada awalnya kita dikhabarkan bahawa konflik ini menunjukkan tanda-tanda reda dan peperangan seolah-olah menuju ke penghujungnya, tetapi perkembangan terbaharu membayangkan keadaan sebaliknya. Kita boleh mendapat maklumat daripada akhbar-akhbar dan juga daripada sumber-sumber rasmi kerajaan. Kegagalan rundingan antara Amerika Syarikat dan Iran pada hujung minggu lalu yang berakhir tanpa penyelesaian konkrit telah meningkatkan semula risiko gangguan perdagangan berpanjangan. Keadaan ini melonjakkan semula harga minyak dunia dan memberi tekanan lanjut kepada kos tenaga serta logistik global ini sekaligus memungkinkan tekanan krisis tenaga global yang memberi kesan terhadap segenap aspek dalam rantai ekonomi negara termasuklah negeri Perak. Semua sektor dijangka menerima tempas daripada ketidaktentuan ini. Penutupan dan gangguan laluan perdagangan memberi kesan langsung kepada bekalan input bahan mentah di peringkat global. Kenaikan kos penghantaran, *premium insurance* kapal dan perubahan haluan perdagangan antarabangsa menyumbang kepada kos pengeluaran yang lebih tinggi serta penurunan produktiviti. Antara sektor yang dijangka terkesan ialah pembuatan, perkhidmatan, pembinaan dan juga perumahan.

Sektor pelancongan turut menerima tempas apabila pelancong luar negara mengambil pendekatan lebih berhati-hati atas faktor keselamatan dan peningkatan kos perjalanan. Terdapat juga di kalangan pelancong-pelancong Eropah yang telah membatalkan tempahan-tempahan mereka. Sektor pertanian juga tidak terkecuali apabila kenaikan kos input pertanian dan logistik memberi kesan terus kepada harga barang asas seperti sayur-sayuran, buah-buahan, ayam, telur dan hasil pertanian yang lain termasuk baja sekaligus memberi tekanan kepada keterjaminan makanan.

Yang Berhormat Dato' Seri Yang di-Pertua,

1) Kesan kepada sektor nelayan, pertanian dan penternakan.

Kenaikan harga petrol dan diesel telah meningkatkan kos operasi secara ketara dalam sektor pengeluaran makanan. Dalam sektor penternakan, kos makanan ternakan, logistik dan operasi ladang meningkat sehingga 10%-30%. Malah situasi ini lebih membimbangkan kerana kebergantungan tinggi kepada import bahan mentah seperti jagung dan soya di mana lebih 90% jagung bijirin negara adalah diimport. Dalam sektor perikanan pula, nelayan laut dalam khususnya zon C2 (komersial) yang tidak mendapat bantuan subsidi petrol atau diesel berdepan peningkatan kos bahan api yang menjejaskan kekerapan ke laut serta hasil tangkapan ikan bernilai tinggi. Sektor akuakultur dan pembuatan makanan ternakan turut terkesan akibat peningkatan kos input import sekaligus memberi tekanan kepada margin keuntungan dan kelangsungan operasi syarikat.

2) Impak kepada pengguna di negeri Perak.

Peningkatan kos pengeluaran telah menyebabkan kenaikan harga makanan asas seperti ayam, daging, telur dan ikan. Penduduk negeri Perak berdepan tekanan kos sara hidup yang semakin meningkat, memandangkan perbelanjaan makanan merangkumi sekitar 30% hingga 40% daripada pendapatan isi rumah menurut Department of Statistics Malaysia. Keadaan ini memberi kesan lebih ketara kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Selain itu, pengurangan bekalan hasil laut menjejaskan kestabilan harga dan pilihan makanan sedangkan ikan menyumbang lebih 50% sumber protein haiwan rakyat Malaysia berdasarkan data Food and Agriculture Organization.

3) Kesan kepada rantaian bekalan makanan.

Kenaikan harga bahan api menjejaskan keseluruhan rantaian bekalan makanan daripada pengeluaran hingga ke pasaran. Kos tenaga dan pengangkutan yang boleh menyumbang sehingga 30% hingga 60% daripada kos logistik makanan meningkatkan tekanan harga di setiap peringkat rantaian. Pengurangan tangkapan laut dalam mengurangkan bekalan ikan dan menjejaskan industri pemprosesan. Manakala peningkatan kos bahan mentah import seperti jagung dan soya menimbulkan risiko gangguan bekalan input. Dalam masa yang sama, kadar sara diri bagi beberapa komoditi seperti daging lembu yang masih sekitar 20% hingga 30% menunjukkan kebergantungan kepada import sekaligus meningkatkan kerentanan terhadap kejutan global.

Dato' Seri Yang di-Pertua,

Cadangan dan peluang strategik.

Situasi ini merupakan peluang untuk memperkukuh sektor makanan negeri melalui pengurangan kebergantungan kepada import dan peningkatan kecekapan. Pembangunan industri makanan ternakan tempatan seperti jagung dan sumber alternatif perlu dipergiat bagi menstabilkan kos pengeluaran. Penggunaan tenaga alternatif seperti solar dan biogas di ladang juga mampu mengurangkan kebergantungan kepada bahan api serta menjimatkan kos jangka panjang. Pengukuhan rantaian bekalan tempatan melalui pendekatan pengeluaran, pemprosesan dan pemasaran dalam negeri dapat mengurangkan kos logistik dan menstabilkan harga. Peralihan kepada akuakultur moden serta pemanfaatan teknologi digital bagi pemantauan bekalan dan harga turut berpotensi meningkatkan kecekapan pasaran. Secara keseluruhannya, pendekatan ini bukan sahaja membantu mengekang kenaikan harga makanan dan memastikan kestabilan bekalan, malah berpotensi mewujudkan ekonomi baharu berasaskan inovasi, nilai tambah dan sumber tempatan, sekali gus memperkukuh sekuriti makanan dan daya tahan ekonomi negeri dalam jangka panjang.

Dato' Seri Yang di-Pertua,

Yang Berhormat Pasir Pinji dan Yang Berhormat Pokok Assam membangkitkan tentang kedudukan pelaburan asing. Saya perlu melaporkan bahawa berdasarkan pemantauan semasa, senario pelaburan asing di Malaysia amnya dan negeri Perak khususnya masih kekal berdaya tahan. Impak kepada negeri ini setakat ini masih berada pada tahap minimum dan terkawal. Tiada pelaburan utama yang dibatalkan manakala projek-projek sedia ada terus berjalan seperti yang dirancang. Malah dari sudut peluang, Malaysia termasuk negeri Perak ini berpotensi untuk mendapat manfaat daripada fenomena pengalihan rantaian bekalan apabila syarikat antarabangsa mencari destinasi pelaburan alternatif yang lebih stabil di rantau Asia. JP Morgan Chase & CO. pada 27 Mac 2026 turut menyenaraikan Malaysia sebagai antara ekonomi yang masih berdaya tahan dalam mendepani tekanan krisis tenaga semasa. Manakala kumpulan Bank Dunia dalam kenyataan rasmi bertarikh 9 April 2026 mengunjurkan pertumbuhan ekonomi Malaysia 2026 pada kadar 4.4% beraskan permintaan domestik yang masih kekal kukuh. Kita harap supaya ini akan berkekalan.

Dato' Seri Yang di-Pertua,

Dalam mendepani keadaan yang serba dinamik ini, kerajaan negeri memilih untuk terus berpegang kepada pendekatan berpaksikan perkembangan semasa kerana landskap geopolitik dunia boleh berubah dengan pantas. Justeru, kerajaan tidak mahu membuat sebarang andaian awal. atau jamanan jaminan yang bersifat spekulatif sebaliknya akan terus meneliti implikasi semasa dengan penuh tanggungjawab. Fokus kerajaan pada masa ini ialah memastikan tahap kesiapsiagaan sentiasa berada pada tahap optimum termasuk dari sudut pemantauan ekonomi, penyelarasan maklumat bersama agensi berkaitan serta kerjasama rapat dengan kerajaan persekutuan untuk memahami perkembangan semasa dan implikasinya kepada negeri.

SOALAN-SOALAN BERTULIS

1. Isu transformasi ekonomi Negeri Perak

- A. Apakah pelan konkrit kerajaan negeri untuk mentransformasikan ekonomi Perak daripada bergantung kepada sektor tradisional kepada sektor bernilai tinggi seperti teknologi, ekonomi digital dan industri hijau?
- B. Apakah langkah kerajaan negeri untuk menangani isu penghijrahan golongan belia ke negeri lain akibat kekurangan peluang pekerjaan berkualiti di Perak?
- C. Sila nyatakan sasaran kerajaan negeri khusus untuk mewujudkan lebih banyak pekerjaan berkemahiran tinggi dan berpendapatan tinggi dalam tempoh lima hingga sepuluh tahun akan datang?

Jawapan Soalan 1

Untuk makluman Yang Berhormat Pantai Remis, Kerajaan Negeri Perak sedang memacu transformasi ekonomi negeri daripada sektor tradisional ke sektor bernilai tinggi melalui pendekatan menyeluruh yang merangkumi ekonomi digital, industri hijau, dan pemerkasaan TVET.

Dalam sektor ekonomi digital, e-dagang di Negeri Perak mencatat pertumbuhan pesat, dengan pendapatan meningkat daripada RM17.63 bilion pada 2019 kepada RM33.39 bilion pada 2022 (+89.4%), manakala perbelanjaan e-dagang naik daripada RM7.31 bilion kepada RM19.26 bilion (+163.3%) (Laporan Survei Penggunaan dan Capaian ICT 2024, Jabatan Perangkaan). Kerajaan Negeri memperkukuh ekosistem digital melalui pembangunan infrastruktur ICT termasuk capaian internet berkelajuan tinggi di kawasan luar bandar, serta memperkasakan usahawan tempatan dan PKS melalui latihan, bimbingan, dan akses kepada platform digital.

Pembangunan industri hijau turut menjadi tonggak transformasi ekonomi melalui Tenaga Boleh Baharu (TBB) seperti solar, hidro, mini hidro, biojisim, dan biogas. Pengukuhan infrastruktur kritikal termasuk peningkatan kapasiti grid tenaga penting bagi memastikan bekalan stabil dan menarik pelaburan strategik seperti industri berteknologi tinggi. Pendekatan ekonomi kitaran diperkasa melalui biojisim dan biogas daripada sisa pertanian dan penternakan, manakala usaha menaik taraf aset tenaga sedia ada serta pengembangan tenaga solar dan mini hidro meningkatkan kecekapan penjana hijau. Kerajaan Negeri bersama Tenaga Nasional Berhad (TNB) sedang menaik taraf stesen janakuasa hidro utama seperti Temengor dan Chenderoh, serta menerokai potensi Solar Terapung di bekas lombong dan tasik serta ladang solar di tanah terbiar.

Pelaksanaan pembangunan di lima (5) nod utama pertumbuhan negeri yang dirancang di bawah payung Perak Sejahtera 2030 merupakan pemangkin dan pencetus kepada usaha transformasi ekonomi negeri yang lebih terancang, termasuk disokong oleh agenda pemerkasaan TVET. Pertumbuhan industri di kawasan-kawasan ini disasar dapat mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berkualiti, khususnya dalam bidang TVET, sekaligus diharap dapat membendung isu penghijrahan golongan belia.

Majlis TVET Negeri yang ditubuhkan pada tahun 2024 yang berperanan sebagai platform penyelarasan perancangan dan pelan tindakan pemerkasaan TVET sebagai pemangkin perubahan ekonomi, telah mengenal pasti 12 kluster program TVET yang dilaksanakan melalui Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK) iaitu kursus latihan kemahiran jangka pendek percuma bagi memperkasakan rakyat Perak, terutama golongan belia. 12 kluster program TVET tersebut ialah:

1. TVET Modular Industri
2. TVET Mahir Kerja
3. TVET OKU
4. TVET Orang Asli
5. TVET Anak Yatim
6. TVET Warga Emas
7. TVET Penjagaan Warga Emas (baharu diperkenalkan 2026)
8. TVET Desa Mahir
9. TVET Pelancongan
10. TVET Tahfiz
11. TVET Usahawan
12. Malaysia-China Youth TVET Training Program

Sepanjang tahun 2022 - 2025, sebanyak 639 kursus telah diadakan, memberi manfaat kepada 10,571 peserta. Bagi Januari hingga Mac 2026, sebanyak 86 kursus telah dilaksanakan dengan 1,398 peserta. Program TVET ini bukan sahaja meningkatkan penempatan kerja, tetapi turut menyuntik elemen keusahawanan, membolehkan peserta membuka perusahaan sendiri, seterusnya mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan menarik golongan belia untuk tinggal dan bekerja di Negeri Perak.

Kerajaan Negeri turut memudahkan belia melalui platform Talent Perak, program *upskilling* dan *reskilling*, serta membangunkan papan pemuka pemetaan ekosistem tenaga kerja bagi analisis menyeluruh penawaran pekerjaan, keperluan industri, dan profil tenaga kerja di setiap daerah. Aspek kualiti hidup juga diberi perhatian melalui penyediaan perumahan mampu milik, kemudahan sosial, dan persekitaran kondusif, bagi memastikan Negeri Perak menawarkan peluang pekerjaan berkualiti dan suasana yang sesuai untuk belia membina kerjaya dan kehidupan.

Bagi sasaran lima hingga 10 tahun akan datang, Kerajaan Negeri menumpukan usaha kepada penciptaan pekerjaan berkemahiran tinggi dan berpendapatan tinggi melalui pengembangan sektor strategik seperti industri hijau, teknologi tenaga, pembuatan berteknologi tinggi, serta ekonomi digital. Fokusnya adalah meningkatkan penyertaan tenaga kerja mahir melalui projek Tenaga Boleh Baharu, automasi industri, dan ekosistem e-dagang. Dalam tempoh jangka sederhana hingga panjang, Kerajaan Negeri menyasarkan pembentukan ekosistem pekerjaan berpendapatan tinggi yang mampan, termasuk pembangunan kluster industri hijau, hab teknologi tenaga, dan pengukuhan rantaian nilai industri bagi pekerjaan berkualiti tinggi dalam bidang kejuruteraan, analitik data, teknologi maklumat, dan pengurusan tenaga.

Kerajaan Negeri juga menekankan *upskilling* dan *reskilling* secara berterusan melalui kerjasama institusi pendidikan, agensi teknikal, dan pihak industri bagi memastikan tenaga kerja memenuhi keperluan pasaran semasa dan bersedia menghadapi perubahan struktur ekonomi.

Penggunaan teknologi, automasi, dan pendigitalan diperluas bagi mengurangkan kebergantungan kepada pekerjaan berkemahiran rendah, meningkatkan produktiviti, dan seterusnya menaikkan pendapatan rakyat.

Secara keseluruhannya, langkah-langkah ini menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri dalam memperkukuh ekonomi digital, membangunkan industri hijau, memperkasakan TVET, menyokong usahawan tempatan, dan mewujudkan pekerjaan berkemahiran tinggi serta berpendapatan tinggi. Inisiatif ini memastikan bakat muda terus kekal, menyumbang kepada pembangunan negeri, dan memperkukuh kedudukan Negeri Perak sebagai destinasi pelaburan berimpak tinggi dan negeri berdaya saing dalam ekonomi bernilai tinggi.

2. Dasar penuaan Negeri Perak

A. Adakah kerajaan negeri telah menetapkan pelan tindakan (blueprint) yang jelas bagi dasar penuaan di Perak, termasuk garis masa pelaksanaan dan penunjuk prestasi utama (KPI)?

B. Apakah langkah konkrit untuk membangunkan sistem penjagaan jangka panjang (long-term care) termasuk pusat jagaan komuniti dan perkhidmatan penjagaan di rumah?

C. Adakah kerajaan negeri akan mengintegrasikan pendekatan komuniti seperti konsep Time Bank dalam dasar penuaan bagi menggalakkan sokongan sosial dan sukarelawan?

Jawapan Soalan 2

Yang Berhormat Pantai Remis,

Fenomena penuaan penduduk merupakan satu trend demografi global yang turut memberi kesan signifikan kepada Malaysia, khususnya negeri Perak yang dijangka mencapai status negeri menua lebih awal berbanding negeri lain. Peningkatan jangka hayat dan penurunan kadar kesuburan telah menyebabkan peratusan warga emas meningkat secara konsisten, sekaligus menuntut perancangan dasar yang lebih komprehensif dan bersepadu. Dalam konteks ini, peranan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebagai agensi utama pelaksana dasar sosial adalah penting dalam memastikan kesejahteraan golongan warga emas.

Malaysia telah mempunyai asas dasar yang kukuh melalui Dasar Warga Emas Negara (DWEN) 2011 dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN) 2026-2030 yang dibangunkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Pelan ini merangkumi beberapa teras strategik seperti peningkatan kesejahteraan sosial, kesihatan, keselamatan ekonomi dan penglibatan komuniti. Selain itu pendekatan ini selari dengan rangka kerja antarabangsa seperti yang digariskan oleh World Health Organization (WHO) dalam konsep "*Age-Friendly Environment*".

Walau bagaimanapun di negeri Perak, aspek kebajikan dan kesejahteraan warga emas telah pun diberi perhatian di bawah kerangka Pelan Perak Sejahtera 2030, yang merangkumi kesejahteraan sosial termasuk golongan warga emas.

Antaranya melalui pelaksanaan program Warga Emas Fit (WE Fit), yang menekankan advokasi kesihatan dan peranan komuniti. Untuk makluman, sebanyak 9 siri program WE Fit telah dilaksanakan pada tahun lalu dan akan diperluaskan kepada 12 lokasi di seluruh Negeri Perak pada tahun 2026.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri sedang meneliti keperluan untuk membangunkan satu pelan tindakan penuaan yang lebih komprehensif, termasuk penetapan garis masa pelaksanaan, indikator prestasi utama (KPI) serta pendekatan bersepadu merangkumi aspek kesihatan, sosial dan ekonomi warga emas.

Yang Berhormat Pantai Remis,

1. Pembinaan Ekosistem Penjagaan Warga Emas

Salah satu inisiatif utama kerajaan negeri Perak melalui Sekretariat Wanita Perak ialah pelaksanaan Program Santunan Kasih Perak yang bertujuan membangunkan ekosistem penjagaan warga emas secara kolektif. Program ini melibatkan kerjasama antara kerajaan, sektor swasta, institusi latihan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Antara komponen penting termasuk pembangunan pangkalan data penjaga, sistem padanan antara penjaga dan penerima penjagaan serta sokongan kepada kerjaya dalam sektor penjagaan. Pendekatan ini mencerminkan usaha ke arah mewujudkan sistem penyelarasan penjagaan (care coordination system), yang merupakan elemen penting dalam model LTC moden. Walaupun masih di peringkat awal, inisiatif ini menyediakan asas kepada pembangunan perkhidmatan penjagaan di rumah (home-based care) secara lebih sistematik.

2. Pembangunan Tenaga Kerja Penjagaan (*Care Workforce Development*)

Kerajaan negeri turut memberi penekanan kepada pembangunan tenaga kerja penjagaan melalui program latihan teknikal dan vokasional (TVET) dalam bidang penjagaan warga emas. Program ini bertujuan melatih penjaga profesional yang mempunyai kemahiran dalam aspek penjagaan fizikal, sokongan emosi dan keperluan kesihatan warga emas. Pembangunan tenaga kerja ini adalah kritikal dalam memastikan kelestarian sistem LTC, khususnya dalam menyokong pengembangan perkhidmatan penjagaan di rumah dan pusat jagaan komuniti. Selain itu, ia juga membuka peluang ekonomi baharu kepada penduduk tempatan melalui sektor penjagaan yang semakin berkembang.

3. Pengukuhan Pusat Jagaan Berasaskan Komuniti

Dalam usaha memperkukuh penjagaan berasaskan komuniti, kerajaan negeri melalui kerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat telah memperluaskan fungsi Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE). PAWE berperanan sebagai pusat aktiviti harian yang menyediakan perkhidmatan sosial, rekreasi, terapi ringan serta sokongan psikososial kepada warga emas. Dalam konteks LTC, PAWE boleh dianggap sebagai bentuk penjagaan komuniti (*community-based care*) atau penjagaan siang (*day care centre*) yang membantu mengurangkan kebergantungan kepada institusi penjagaan sepenuh masa. Pendekatan ini selari dengan konsep "aging in place" yang menekankan keupayaan warga emas untuk terus tinggal dalam komuniti mereka.

4. Program Khidmat Bantu Di Rumah (KBDR)

Kerajaan negeri Perak juga melalui JKM telah memperkenalkan beberapa bentuk sokongan penjagaan di rumah, antaranya melalui Program Khidmat Bantu Di Rumah (KBDR). Salah satu peranan utama KBDR ialah menyediakan bantuan fizikal dan sokongan dalam urusan harian. Melalui program ini, sukarelawan yang terlatih akan melawat rumah penerima untuk membantu dalam aktiviti seperti menjaga kebersihan diri, menyediakan makanan dan mengemas rumah. Bantuan ini amat penting terutamanya bagi individu yang mempunyai keterbatasan pergerakan atau tidak mampu mengurus diri secara sendiri. Secara tidak langsung, ia membantu meringankan beban kehidupan harian kumpulan sasar. Walaupun perkhidmatan ini masih terhad dari segi skop dan liputan, ia merupakan langkah awal ke arah pembangunan sistem penjagaan di rumah yang lebih formal. Perkhidmatan sebegini amat penting dalam mengurangkan keperluan kemasukan ke institusi penjagaan dan menyokong kesejahteraan warga emas dalam persekitaran domestik.

5. Pembangunan Persekitaran dan Perumahan Mesra Warga Emas

Selain aspek penjagaan langsung, kerajaan negeri turut memberi perhatian kepada pembangunan persekitaran mesra warga emas. Inisiatif ini melibatkan penambahbaikan infrastruktur dan perumahan bagi memastikan keselamatan, aksesibiliti dan keselesaan warga emas. Pendekatan ini selari dengan rangka kerja antarabangsa yang diperkenalkan oleh World Health Organization mengenai persekitaran mesra usia (*age-friendly environments*). Persekitaran fizikal yang sesuai memainkan peranan penting dalam menyokong penjagaan di rumah dan meningkatkan kualiti hidup warga emas.

6. Pendekatan Kolaboratif dan Pelbagai Agensi

Kesemua inisiatif ini menunjukkan bahawa kerajaan negeri Perak mengamalkan pendekatan kolaboratif dalam membangunkan sistem LTC. Kerjasama antara agensi kerajaan, NGO, komuniti dan sektor swasta membolehkan penyediaan perkhidmatan yang lebih menyeluruh dan responsif terhadap keperluan warga emas. Pendekatan ini juga selari dengan trend global dalam pembangunan LTC yang menekankan integrasi antara penjagaan kesihatan, sosial dan komuniti.

Yang Berhormat Pantai Remis,

Kerajaan negeri sememangnya mengambil maklum potensi pendekatan komuniti seperti konsep *Time Bank* dalam memperkukuh sokongan sosial dan menggalakkan budaya kesukarelawanan, khususnya dalam konteks penuaan penduduk. Untuk makluman, perbincangan awal bersama pihak UNIKL berhubung pelaksanaan konsep *time banking* telah pun dimulakan pada tahun 2025 sebagai langkah penerokaan awal terhadap kesesuaian pendekatan ini di Negeri Perak.

Dapatan dari Projek Kasih UNIKL (bermula April - Oktober 2025) menggunakan konsep *Time Bank* mendapati bahawa perkhidmatan sosial mencatatkan penggunaan tertinggi diikuti dengan perkhidmatan pengangkutan. Hal ini bermaksud warga emas mempunyai isu mobiliti/pergerakan bagi tujuan rutin harian.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan konsep ini memerlukan kajian lanjut yang menyeluruh bagi meneliti keperluan sebenar perkhidmatan, kesesuaian dengan struktur komuniti tempatan serta tahap penerimaan masyarakat.

Selain itu, beberapa aspek penting turut perlu diberi perhatian, termasuk kos pengurusan, pembangunan dan penyelenggaraan sistem atau aplikasi, serta pematuhan kepada akta-akta berkaitan khususnya melibatkan keselamatan dan perlindungan data.

Sehubungan itu, kerajaan negeri berpandangan bahawa pendekatan ini memerlukan proses integrasi dan perancangan yang rapi, termasuk pelaksanaan projek rintis (*pilot project*) terlebih dahulu sebelum dipertimbangkan untuk dilaksanakan secara menyeluruh.

Sekian, terima kasih.

3. Peranan wanita dalam RMK13

A. Adakah kerajaan negeri telah menetapkan sasaran khusus bagi menyokong pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-13 dalam meningkatkan kadar penyertaan tenaga kerja wanita kepada 60? Apakah sasaran semasa bagi negeri Perak?

B. Bagi wanita yang telah meninggalkan pasaran pekerjaan, seperti suri rumah sepenuh masa, adakah kerajaan negeri menyediakan program latihan atau inisiatif kemasukan semula ke pasaran kerja yang selaras dengan pendekatan Career Comeback di bawah RMK13?

C. Adakah kerajaan negeri menetapkan sasaran peratusan penyertaan wanita dalam kerajaan tempatan, sebagai ahli majlis, atau dalam institusi pembuat keputusan? Pada masa yang sama, apakah langkah yang diambil untuk melaksanakan konsep gender mainstreaming bagi memastikan semua dasar dan perancangan negeri, termasuk peruntukan belanjawan, mengambil kira perspektif wanita?

Jawapan Soalan 3

Yang Berhormat Pantai Remis,

Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13) bagi tempoh 2026 hingga 2030 telah meletakkan agenda pemerksaan wanita sebagai antara keutamaan utama pembangunan negara, khususnya dalam aspek ekonomi, tenaga kerja dan kepimpinan.

1. Sasaran penyertaan tenaga kerja wanita

Untuk makluman Yang Berhormat, RMK-13 telah menetapkan sasaran nasional untuk meningkatkan **kadar penyertaan tenaga kerja wanita kepada 60 peratus menjelang tahun 2030**. Ketika ini, kadar penyertaan wanita di Malaysia berada sekitar **55 hingga 56 peratus**, menunjukkan masih terdapat jurang yang perlu ditangani.

Di peringkat Negeri Perak, walaupun sasaran khusus negeri secara numerik adalah selari dengan sasaran nasional, Kerajaan Negeri komited untuk :

- Menyokong peningkatan penyertaan wanita dalam tenaga kerja melalui program pembangunan kemahiran dan ekonomi
- Memperluas peluang pekerjaan dan keusahawanan wanita
- Menggalakkan penyertaan wanita dalam sektor bernilai tinggi

Pendekatan ini adalah sejajar dengan aspirasi RMK-13 yang menekankan peningkatan produktiviti dan penglibatan wanita sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi negeri.

2. Program kemasukan semula wanita ke pasaran kerja (*Career Comeback*)

Selaras dengan pendekatan RMK-13, kerajaan memberi fokus kepada golongan wanita yang meninggalkan pasaran pekerjaan termasuk suri rumah sepenuh masa.

Antara pendekatan utama yang digariskan ialah:

- Penyediaan latihan bersesuaian (*reskilling dan upskilling*) untuk wanita kembali bekerja
- Perluasan akses kepada pusat penjagaan kanak-kanak berkualiti, khususnya bagi ibu bekerja
- Galakan kepada majikan untuk menyediakan persekitaran kerja yang lebih fleksibel

Di peringkat Negeri Perak, usaha ini disokong melalui:

- Penganjuran pelbagai program pembangunan kapasiti wanita di bawah Sekretariat Pembangunan Wanita dan Masyarakat
- Inisiatif keusahawanan dan ekonomi wanita seperti program Biznita dan pembangunan kemahiran wanita di pelbagai lapisan
- Program pengupayaan seperti **Wanita Inspirasi Negeri Perak**, yang turut membuka ruang kepada wanita untuk kembali aktif dalam aspek kepimpinan

Pendekatan ini selari dengan konsep "*career comeback*" yang menekankan pemulihan penyertaan wanita secara inklusif dan berstruktur.

3. Penyertaan wanita dalam pembuat keputusan & gender mainstreaming

Kerajaan secara dasar telah menetapkan sasaran sekurang-kurangnya **30 peratus penyertaan wanita dalam jawatan pembuat keputusan** di sektor awam. Di negeri Perak:

- Penyertaan wanita sebagai Ahli Majlis PBT adalah sekitar **25 peratus**
- Manakala di peringkat legislatif negeri sekitar **20 peratus**

Ini menunjukkan masih terdapat ruang untuk penambahbaikan bagi mencapai sasaran 30 peratus tersebut. Bagi memastikan dasar dan perancangan negeri lebih inklusif, pendekatan **gender mainstreaming** turut diberi penekanan, antaranya melalui:

- Pengintegrasian perspektif gender dalam perancangan dasar dan program pembangunan di negeri Perak
- Penyelarasan program wanita merentas agensi kerajaan & swasta
- Mewujudkan pelan tindakan pembangunan sejahtera sosial di Negeri Perak

Pendekatan ini selaras dengan amalan nasional yang menekankan supaya setiap dasar dan perancangan mengambil kira keperluan wanita dan lelaki secara seimbang, termasuk dalam aspek peruntukan dan pelaksanaan program pembangunan.

Kesimpulannya, RMK-13 telah menyediakan kerangka yang jelas dalam memperkukuh peranan wanita sebagai pemacu pembangunan negara.

Kerajaan Negeri Perak menyokong sepenuhnya agenda ini melalui:

- Peningkatan penyertaan wanita dalam tenaga kerja ke arah sasaran **60 peratus**
- Pelaksanaan program pembangunan kapasiti dan kepimpinan wanita
- Pengukuhan penyertaan wanita dalam pembuat keputusan serta pelaksanaan pendekatan gender mainstreaming

Usaha ini akan terus diperkasa bagi memastikan pembangunan negeri yang lebih inklusif, mampan dan seimbang.

Sekian, terima kasih.

4. Isu Gangguan Lalat di Daerah Manjung

- A. Sila nyatakan jumlah serta kategori aduan berkaitan gangguan lalat yang telah diterima oleh pihak penguatkuasa dari tahun 2015 hingga kini.
- B. Sila nyatakan jumlah kompaun yang telah dikeluarkan oleh pihak penguatkuasa dari tahun 2015 hingga kini, serta jenis kesalahan yang dilakukan oleh pengusaha.
- C. Bagaimanakah kerajaan negeri akan menangani isu gangguan lalat ini secara menyeluruh? Sila nyatakan pelan jangka pendek dan jangka panjang serta sasaran yang ditetapkan bagi memastikan masalah ini dapat dikurangkan dan diselesaikan secara berkesan.

Jawapan Soalan 4

Untuk makluman YB

- A. Dari tahun 2015 hingga 2025, sebanyak 93 aduan rasmi telah diterima Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak (JPVpk) berkaitan gangguan lalat di daerah Manjung. Ianya merupakan 36 % dari jumlah keseluruhan aduan gangguan lalat bagi Negeri Perak.
- B. Dari tahun 2015 hingga 2025, jumlah kompaun yang telah dikeluarkan di bawah Enakmen Perladangan Unggas (Pindaan) 2023 bagi daerah Manjung adalah :

<u>Bil</u>	<u>Jenis Kesalahan</u>	<u>Bilangan Kompaun</u>	<u>Nilai Kompaun (RM)</u>
Seksyen 17			
1.	Gagal Mengawal Pembiakan Lalat	27	98,000.00
Seksyen 8			
2.	Menternak Tanpa Lesen	3	6,000.00
Seksyen 11			
3.	Tidak Mempamerkan Lesen	1	2,000.00
JUMLAH		31	106,000.00

Terdapat juga peningkatan yang signifikan dari segi nilai kompaun bermula pertengahan tahun 2024 selepas penguatkuasaan penambahbaikan Enakmen Perladangan Unggas (Pindaan) 2023 diwartakan. Proses tindakan kompaun juga dikeluarkan setelah pegawai yang diberi kuasa melaksanakan lawatsiasat serta pengambilan indeks purata kehadiran lalat di ladang melebihi kadar yang dibenarkan iaitu 14 dan juga dibuktikan melalui keputusan ujian makmal bahawa wujud aktiviti pembiakan lalat dari spesis lalat tertentu seperti lalat rumah (*muscidae* spp) di ladang tersebut.

- C. Kerajaan Negeri memandang serius isu gangguan lalat yang memberi kesan kepada kesejahteraan komuniti setempat serta imej industri penternakan. Sehubungan itu, pendekatan menyeluruh telah dirangka merangkumi pelan tindakan jangka pendek dan jangka panjang antaranya :
- **Pelan Jangka Pendek** :Bagi pelan jangka pendek, Kerajaan Negeri melalui agensi berkaitan akan meningkatkan pemeriksaan berkala dan penguatkuasaan ke atas ladang ternakan bagi memastikan pematuhan kepada syarat lesen dan amalan penternakan baik (Good Animal Husbandry Practice), setiap pengusaha ladang juga dinasihatkan mengambil tindakan kawalan segera seperti penggunaan perangkap lalat, semburan kawalan biologi serta pengurusan sisa ternakan yang lebih sistematik serta melaksanakan kaedah pengurusan yang lebih efektif. Selain itu tindakan penguatkuasaan juga diperkasa melalui penglibatan pelbagai agensi teknikal dan PBT serta pelaksanaan operasi bersepadu secara bersama bagi menangani aduan secara cepat dan berkesan.
 - **Pelan Jangka Panjang** : Bagi penyelesaian mampan, Kerajaan Negeri menetapkan peralihan secara berperingkat kepada sistem **reban tertutup (closed house system)** yang lebih moden, terkawal dan mesra alam, penstrukturan semula lokasi ladang melalui zon penternakan yang ditetapkan, penguatkuasaan dasar dan perundangan yang lebih tegas termasuk kenaikan kompaun dan denda ke atas pengusaha yang gagal mematuhi peraturan khususnya melalui penambahbaikan Peraturan-Perturan Pengawalan Perladangan Unggas (lesen) 2010 dan melaksanakan kempen kesedaran kepada penternak berkaitan pengurusan biosekuriti dan kawalan pencemaran.
 - **Sasaran Pelaksanaan** : Kerajaan Negeri mensasarkan pengurangan aduan gangguan lalat secara signifikan melalui tindakan intervensi segera, peralihan ladang kepada sistem reban tertutup menjelang tahun 2027 dan pewujudan persekitaran penternakan yang lebih lestari, terkawal dan tidak menimbulkan kacau ganggu kepada penduduk setempat.

5. Pemuliharaan Hutan Paya Bakau

- a. Sila nyatakan keluasan kawasan hutan paya bakau yang telah dipulihkan dari tahun 2013 hingga kini, serta kaedah yang digunakan untuk menilai keberkesanan usaha pemuliharaan tersebut.
- b. Sila nyatakan pelan jangka pendek dan jangka panjang kerajaan negeri dalam menangani isu keseimbangan antara pembangunan akuakultur dan perlindungan alam sekitar, khususnya berkaitan pencemaran air serta kemusnahan hutan paya bakau.

c. Sila nyatakan keluasan serta lokasi hutan paya bakau yang telah dibangunkan setiap tahun bagi tujuan perumahan, akuakultur, industri dan lain-lain sejak tahun 2013 hingga kini.

Jawapan Soalan 5

Untuk makluman Yang Berhormat Pantai Remis,

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPk) sentiasa komited melaksanakan inisiatif pemuliharaan hutan paya bakau, seiring dengan agenda kelestarian alam di bawah Pelan Perak Sejahtera 2030. Sejak tahun 2013 hingga tahun 2025, jumlah keluasan kawasan hutan paya bakau yang telah ditanam dan dipulihara adalah seluas 3,799.5 hektar, melibatkan penanaman sebanyak 12,099,543 pokok.

Bagi menilai keberkesanan usaha pemuliharaan ini, langkah-langkah pemantauan berikut dilaksanakan:

- JPNPk sentiasa menyemak dan memantau kawasan penanaman pokok di hutan simpanan kekal. Setakat ini, sebahagian besar kawasan mencapai peratus kehidupan pokok melebihi 80 peratus;
- Bagi kawasan yang merekodkan peratus kehidupan kurang daripada 80 peratus, JPNPk melaksanakan aktiviti rawatan dan sulaman anak pokok untuk menjamin kemandirian pokok; dan
- Pemantauan berteknologi turut diaplikasikan menggunakan Sistem ePesisir (dibangunkan oleh JPSM) yang memaparkan imej satelit kawasan terlibat dengan kerjasama Agensi Angkasa Malaysia (MYSA).

Bagi menjawab persoalan berhubung pelan bagi mengimbangi kelestarian alam sekitar dan pembangunan, Kerajaan Negeri menetapkan kawasan hutan paya laut sebagai Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS). Sebarang inisiatif pembangunan di KSAS diwajibkan melalui Kajian Impak Alam Sekitar (EIA) di bawah seliaan Jabatan Alam Sekitar (JAS). Selain itu, Hutan Paya Laut di dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) diuruskan secara sistematik berdasarkan Rancangan Pengurusan Hutan Paya Laut Matang (RPHPLM).

Dokumen rancangan pengurusan 10 tahun (2020-2029) ini disemak pada setiap lima (5) tahun bagi menilai keberkesanan pelaksanaannya, sekali gus menjamin kelestarian ekosistem hutan paya laut secara berkekalan.

Kerajaan Negeri melalui JPNPk mempunyai kuasa mengeluarkan Permit Penggunaan kepada individu untuk menjalankan aktiviti di dalam HSK tertakluk kepada Seksyen 32, Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985. Sehingga kini, seluas 597.39 hektar kawasan hutan paya laut telah diberikan kelulusan secara Permit Penggunaan. Pembangunan di kawasan tersebut dikhususkan bagi tujuan pertanian dan pembinaan jeti untuk menyokong aspek sosial dan kesejahteraan masyarakat. Senarai terperinci permit berserta lokasi adalah sepertimana di lampiran.

Soalan Dari : YB DATO' SHAHRUL ZAMAN BIN YAHYA
Ahli Dewan Undangan Negeri : (RUNGKUP)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. Isu gangguan bekalan air di daerah Bagan Datuk bukan lagi perkara terpencil, sebaliknya telah menjadi aduan berulang dalam kalangan penduduk yang menjejaskan kehidupan harian, aktiviti ekonomi serta operasi institusi setempat. Gangguan yang berlaku sama ada secara berjadual atau tidak berjadual, termasuk tekanan air rendah dan tempoh pemulihan yang lama.

Sehubungan itu, apakah punca sebenar berlakunya masalah ini, dan apakah perancangan menyeluruh oleh pihak Lembaga Air Perak, termasuk dari segi penambahbaikan infrastruktur, peningkatan kapasiti serta pelan jangka pendek dan jangka panjang, bagi memastikan bekalan air yang lebih stabil dan berterusan kepada rakyat di daerah Bagan Datuk?

Jawapan Soalan 1

h) Bagi menjawab soalan **Yang Berhormat Rungkup**, bekalan air bagi Daerah Bagan Datuk diperolehi daripada Loji Rawatan Air Hilir Perak di Batu 12, Teluk Intan.

i) Secara umumnya, kawasan Daerah Bagan Datuk ini tidak mempunyai sebarang masalah gangguan bekalan air seperti yang dinyatakan, namun terdapat juga beberapa gangguan yang berlaku akibat kes kecemasan serta insiden diluar jangka LAP namun ianya kepada bersifat sementara.

j) Berkenaan tempoh pemulihan bekalan air yang lama akibat kerja-kerja pembaikan paip pecah, LAP sememangnya akan melaksanakan kerja pembaikan tersebut dengan kadar segera namun proses pemulihan dan penstabilan sistem agihan bekalan air akan mengambil sedikit masa terutamanya kawasan yang berada dihujung rangkaian agihan.

k) Lembaga Air Perak merancang membina Tangki Ternaik di Sg. Sumun untuk menambahkan kapasiti tangki yang berperanan untuk membekalkan air dengan stabil.

l) Selain itu, pihak LAP juga telah dan akan memberi saranan kepada orang ramai betapa pentingnya setiap premis perlu mempunyai tangki simpanan air sendiri yang berperanan untuk menyimpan air untuk kegunaan sekurang-kurangnya sehari sepertimana yang terkandung dalam **Uniform Technical Guidelines** Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

2. Isu pencerobohan tanah secara haram di sepanjang kawasan sungai dan pesisir pantai di daerah Bagan Datuk dilihat semakin membimbangkan, khususnya apabila melibatkan kawasan rizab sungai dan laut yang majoritinya terdiri daripada hutan bakau. Aktiviti ini bukan sahaja menyalahi undang-undang, malah berpotensi menjejaskan ekosistem semula jadi, meningkatkan risiko hakisan dan banjir, serta memberi kesan jangka panjang kepada keseimbangan alam sekitar dan sumber pendapatan komuniti setempat.

Sehubungan itu, apakah tindakan penguatkuasaan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan Negeri terhadap aktiviti pencerobohan ini, dan apakah langkah pencegahan yang dirancang bagi memastikan kawasan rizab sungai dan laut, khususnya hutan bakau di daerah Bagan Datuk, terus dipelihara dan dilindungi daripada sebarang aktiviti pencerobohan pada masa hadapan?

Jawapan Soalan 2

Dato' Seri Yang di-Pertua,

Kerajaan Negeri memandang serius isu pencerobohan kawasan rizab sungai dan laut di daerah Bagan Datuk, memandangkan daerah ini memiliki garis pantai terpanjang antara semua daerah iaitu sepanjang 35km dan kaya dengan ekosistem hutan bakau. Pentadbiran Negeri melalui Pejabat Pengarah Tanah dan Galian (PTG) serta Pejabat Daerah dan Tanah Bagan Datuk sentiasa komited dalam memelihara khazanah alam ini melalui tindakan berikut:

1. Tindakan di Bawah Kanun Tanah Negara (KTN):

Bagi pencerobohan di atas tanah Kerajaan, tindakan penguatkuasaan diambil mengikut Seksyen 425 Akta 828. Jika disabitkan kesalahan, penceroboh boleh dikenakan denda sehingga RM500,000 atau penjara sehingga sepuluh (10) tahun, atau keduanya sekali.

2. Tindakan Berkaitan Perlindungan Hutan Simpan:

Bagi pencerobohan dalam kawasan rizab hutan, tindakan akan diambil di bawah Akta Perhutanan 1984.

3. Tindakan Operasi Bersepadu:

Antara contoh tindakan yang telah diambil adalah pada 30 September 2024, satu operasi besar-besaran melibatkan pelbagai agensi iaitu PDT Bagan Datuk, PTG, PDRM, APMM, Jabatan Perhutanan telah dilaksanakan di Kampung Sg. Lanchang bagi mambantera pembinaan kolam udang haram seluas 20 ekar.

4. Tindakan Pemantauan Kawasan Hotspot:

Tindakan pemantauan berterusan dilakukan di kawasan Hutan Simpan Paya Bakau sedia ada (PW 123.4 dan PW 5326) bagi memastikan tiada pencerobohan baharu berlaku.

Bagi memastikan kelestarian hutan bakau di Bagan Datuk, Kerajaan Negeri merangka strategi pencegahan jangka panjang seperti berikut:

1. Pewartaan Zon Perlindungan:

Tujuannya adalah bagi mengenal pasti kawasan hutan bakau yang berpotensi untuk diwartakan sebagai Zon Perlindungan Pesisir atau Hutan Simpan Kekal bagi memberikan perlindungan undang-undang yang lebih kukuh.

2. Integrasi Teknologi Moden:

Untuk memperkasakan unit penguatkuasaan dengan penggunaan teknologi drone dan remote sensing (satelit) untuk pemantauan ruang udara yang lebih efisien, terutamanya di kawasan yang sukar diakses melalui jalan darat.

3. Unit Teknikal & Penguatkuasaan Berkala:

Bermula tahun 2026, pemantauan berjadual oleh Unit Teknikal & Penguatkuasaan pada setiap hari Rabu telah dilaksanakan bagi mendapatkan maklumat awal dan tindakan segera di lapangan.

4. Pemulihan Ekosistem:

laitu melaksanakan program penanaman semula hutan bakau dengan melibatkan agensi kerajaan dan penyertaan aktif komuniti setempat bagi memulihkan kawasan yang telah terjejas.

5. Kerjasama Rentas Agensi:

Memperkuhkan penyelarasan antara PTG, PDT Bagan Datuk, Jabatan Perhutanan, Jabatan Alam Sekitar, dan agensi keselamatan yang lain melalui rondaan bersepadu secara berkala.

3. Projek Lumut Maritime Industrial City (LuMIC) dilihat sebagai antara inisiatif strategik Kerajaan Negeri dalam merencanakan pertumbuhan ekonomi berasaskan industri maritim serta menarik pelaburan berimpak tinggi ke negeri Perak.

Sehubungan itu, apakah status terkini pembangunan projek LuMIC di Lumut, dan adakah projek LuMIC yang dicadangkan di Bagan Datuk telah berjaya menarik minat pelabur? Selain itu, bilakah jangkakan projek ini akan dimulakan di bagan datuk serta apakah jangkakan impaknya terhadap pembangunan ekonomi dan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat?

SOALAN DITOLAK (lebih pecahan)

Soalan Dari : YB ENCIK AHMAD BIN MAN

Ahli Dewan Undangan Negeri : (KUALA SEPETANG)

SOALAN-SOALAN BERTULIS

1. 1. Isu Geladangan

Soalan

Apakah langkah jangka pendek dan jangka panjang yang telah dan akan diambil oleh pihak kerajaan bagi menangani masalah geladangan yang semakin meningkat, khususnya di kawasan bandar, termasuk penyediaan pusat perlindungan sementara, program pemulihan sosial serta peluang pekerjaan bagi membantu mereka kembali berdikari?

Jawapan Soalan 1

Yang Berhormat Kuala Sepetang,

1. Isu gelandangan, yang melibatkan pelbagai agensi kerajaan, merupakan satu cabaran sosial yang kompleks dan memerlukan pendekatan yang komprehensif serta bersepadu bagi memastikan keberkesanan intervensi dan perlindungan terhadap golongan terlibat.

2. Kerajaan Negeri memandang serius perkara ini kerana ia bukan sahaja melibatkan aspek kebajikan, malah turut memberi implikasi kepada kesejahteraan awam, keselamatan dan imej bandar. Sehubungan itu, pelbagai langkah jangka pendek dan jangka panjang telah dan sedang dilaksanakan melalui kerjasama pelbagai agensi bagi memastikan golongan gelandangan ini dibantu secara holistik, termasuk dari aspek perlindungan sementara, pemulihan sosial serta penyediaan peluang untuk kembali berdikari.

3. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan Negeri bagi membantu gelandangan adalah seperti berikut.
 - 3.1 Penempatan di Institusi JKM, Anjung Singgah (YKN) dan Institusi NGO yang bersesuaian;
 - 3.2 Diserahkan kepada waris / pulang ke rumah;
 - 3.3 Rujukan kes kepada agensi-agensi bersesuaian;
 - 3.4 Jabatan Kesihatan bagi kes yang mempunyai masalah kesihatan mental dan penyakit berjangkit;
 - 3.5 Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) bagi kes-kes yang positif dadah; dan
 - 3.6 Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) bagi kes melibatkan Orang Asli Penyediaan peluang pekerjaan bagi kes-kes yang aktif.

Yang Berhormat Kuala Sepetang,

4. Kerajaan negeri sedang meneliti kesesuaian untuk mewujudkan sebuah pusat pengagihan makanan berkonsepkan pusat sehenti (*one-stop centre*) kepada golongan gelandangan, yang akan disumbangkan oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta orang awam. Inisiatif ini dilaksanakan dengan mengambil kira pandangan dan maklum balas daripada semua pihak berkepentingan, termasuk agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan, NGO, serta komuniti setempat.

5. Cadangan penubuhan pusat sehenti ini bertujuan untuk menyelaraskan aktiviti pengagihan makanan agar lebih sistematik, teratur dan berfokus di satu lokasi yang ditetapkan. Pendekatan ini juga dapat mengelakkan penumpuan gelandangan di pelbagai kawasan, seterusnya membantu mengurangkan isu kacau ganggu awam serta meningkatkan pemantauan terhadap kebajikan dan keperluan golongan tersebut. Selain itu, pusat ini berpotensi menjadi platform saringan awal bagi mengenal pasti keperluan intervensi lanjut, termasuk bantuan kebajikan, kesihatan dan pemulihan sosial.

Sekian, terima kasih.

2. Kenaikan Kos Harga Barang
Soalan

Apakah langkah segera yang diambil oleh kerajaan bagi menangani isu kenaikan kos harga barang keperluan asas yang semakin membebaskan rakyat, serta bagaimana mekanisme pemantauan harga dilaksanakan bagi memastikan peniaga tidak mengambil kesempatan menaikkan harga secara tidak munasabah?

Jawapan Soalan 2

Tuan Yang Dipertua,

Izinkan saya untuk menjawab soalan Yang Berhormat Kuala Sepetang.

Selaras dengan ekonomi pasaran terbuka yang diamalkan oleh Malaysia, Kerajaan tidak mengawal semua harga barangan sebaliknya ia ditentukan oleh faktor permintaan dan penawaran serta lain-lain faktor termasuk pemboleh ubah makroekonomi seperti kadar pertukaran mata wang dan rantaian bekalan global. Namun demikian, bagi menangani isu kos sara hidup, Kerajaan terus mengambil ikhtiar bagi memastikan harga barangan dan keperluan asas rakyat kekal stabil melalui pelaksanaan kawalan harga bagi barangan bersubsidi dan bukan bersubsidi dan agar keberadaan bekalan barang tersebut di pasaran sentiasa mencukupi. Setakat ini, barangan keperluan yang dikawal harganya adalah seperti gula pasir putih, minyak masak peket, minyak masak sawit tulen dalam botol, gas petroleum cecair, pelitup muka dan kit ujian pantas antigen (ujian sendiri).

Dalam hal ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah melaksanakan pemantauan dan pemeriksaan melalui Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 [Akta 723]. Akta 723 ini dikuatkuasakan bertujuan untuk melindungi pengguna daripada manipulasi harga yang tidak munasabah dalam kalangan peniaga, memastikan kelestarian ekosistem perniagaan serta mengekang pergerakan harga yang mendadak terutamanya apabila berlaku ketidakstabilan bekalan. Melalui peruntukan undang-undang yang sama, Kementerian bertindak mengawalselia isu harga barangan dan perkhidmatan serta mencegah amalan mencatut dalam perniagaan. Mekanisme kawalan bagi menangani isu peniaga yang mengambil kesempatan memanipulasi harga barangan atau perkhidmatan adalah melalui kaedah pelaksanaan penguatkuasaan antipencatutan melalui Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah) 2018.

Selain itu, pelbagai inisiatif dan strategi turut dilaksanakan untuk memudahkan rakyat memperoleh barangan asas pada harga yang berpatutan, antaranya:

1. Meningkatkan kekerapan pelaksanaan Program Jualan RAHMAH MADANI (PJRM) kepada tiga (3) kali sebulan bagi setiap 600 DUN merangkumi semua kawasan Parlimen.
2. Melaksanakan Program Pengedaran Barang Perlu di pedalaman dan kawasan luar bandar melibatkan beberapa negeri.
3. Menetapkan harga maksimum bagi barangan keperluan asas seperti gula putih bertapis, tepung gandum dan minyak masak kemasan botol agar harga terus stabil dan mampu dibeli.
4. Melaksanakan program pemantauan harga secara berkala melibatkan 316 barangan keperluan terpilih di 2,170 premis di seluruh negara.
5. Melaksanakan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) semasa perayaan utama seperti Tahun Baharu Cina, Hari Raya Puasa, Pesta Kaamatan, Hari Gawai, Deepavali dan Krismas dengan matlamat utama untuk menstabilkan harga barangan keperluan harian dan melindungi pengguna daripada kenaikan harga yang tidak munasabah akibat permintaan yang tinggi menjelang dan semasa musim perayaan.

Bagi memastikan pematuhan ke atas perundangan yang dikuatkuasakan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan melalui pendekatan 'whole of government', KPDN turut menjalinkan kerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk memastikan peniaga diberi pendedahan dan kefahaman berkaitan perundangan Akta 723 bagi mengelakkan peniaga mengambil kesempatan menaikkan harga makanan serta mengambil keuntungan secara tidak munasabah (mencatut). KPDN turut bekerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) kepenggunaan bagi membantu memperluas capaian advokasi, melaksanakan pendidikan pengguna di peringkat komuniti serta menggerakkan program kesedaran awam tentang hak dan tanggungjawab pengguna.

Sekian, terima kasih.

3. 3. Masalah Anjing Liar

Soalan

Apakah tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa tempatan bagi mengawal populasi anjing liar yang semakin meningkat sehingga menimbulkan kebimbangan dari segi keselamatan dan kesihatan awam, serta adakah terdapat pelan pengurusan seperti program tangkapan, vaksinasi atau penempatan semula?

Jawapan Soalan 3

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat,

Isu peningkatan populasi anjing liar sememangnya diberikan perhatian serius oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kerana melibatkan keselamatan, kesihatan, serta kesejahteraan komuniti. Antara tindakan utama yang diambil termasuklah melaksanakan operasi penangkapan secara berkala di kawasan berisiko tinggi seperti taman perumahan dan kawasan awam. Bagi tempoh Januari hingga Mac 2026, sebanyak 1,043 aduan telah diterima dan 346 operasi tangkapan telah berjaya dilaksanakan di seluruh negeri.

PBT juga bekerjasama rapat dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Negeri Perak, Klinik Veterinar Swasta, Dr Veterinar Swasta dan NGO dalam aspek kawalan populasi, termasuk penggunaan kaedah Put To Sleep (PTS) bagi kes-kes tertentu. Manakala bagi anjing yang ditangkap, ia akan ditempatkan di Pusat Transit Sementara. Tindakan pelupusan akan dilaksanakan mengikut prosedur serta garis panduan yang ditetapkan sekiranya tiada tuntutan dibuat dalam tempoh masa yang diberikan.

Sebagai langkah proaktif, PBT seperti Majlis Perbandaran Teluk Intan (MPTI) telah memperkasakan penguatkuasaan di bawah Undang-Undang Kecil Taman 2025. Di bawah peruntukan ini, mana-mana individu dilarang memberi atau menjatuhkan makanan kepada anjing liar/merayau di kawasan taman bagi mengekang pertumbuhan populasi secara tidak terkawal. Individu yang melanggar peraturan ini boleh dikenakan kompaun atau pendakwaan sehingga RM1,000.00.

Di peringkat Kerajaan Negeri, Program Perak Pawsitive Initiative terus menjadi teraju utama dengan objektif mengurangkan populasi anjing liar melalui proses pemandulan secara berterusan. Melalui integrasi penguatkuasaan undang-undang dan pendidikan awam, Kerajaan Negeri yakin isu ini dapat ditangani secara mampan demi keselamatan dan kesihatan rakyat Perak.

Soalan Dari : YB ENCIK SALLEHUDDIN BIN ABDULLAH
Ahli Dewan Undangan Negeri : (SELINSING)

SOALAN-SOALAN BERTULIS

1. Apakah status perkembangan terkini pembinaan Masjid Nurul Jannah di Kampung Sungai Protan. Mengapa berlaku kelewatan dalam pembangunannya dan apa penyelesaiannya?

Jawapan Soalan 1

Untuk makluman Yang Berhormat Selinsing,

Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPK) telah dilantik sebagai agensi pelaksana bagi Projek-Projek Kecil Berimpak Tinggi (People-Centric) di bawah Projek Khas Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA 2019) di seluruh Negeri Perak. Antara projek yang terlibat ialah pembinaan Masjid Nurul Jannah di Kampung Sungai Protan.

Sehingga kini, status projek tersebut masih dalam peringkat pembinaan dengan kemajuan kerja seperti berikut:

- i. Bangunan utama masjid: 95%;
- ii. Kerja-kerja luaran: 80% (baki kerja melibatkan bekalan air dan jalan); dan
- iii. Kerja-kerja elektrik: 95% (baki kerja melibatkan bekalan elektrik dan air).

Pada dasarnya, pembinaan projek tersebut masih berjalan namun berlaku sedikit kelewatan berbanding jadual sepatutnya. Antara faktor kelewatan adalah seperti berikut:

- i. Perubahan reka bentuk pembinaan telah dilaksanakan bagi menyesuaikan keadaan semasa di tapak melibatkan kerja-kerja penanaman cerucuk, pembinaan tangki septik serta pemasangan paip bekalan air;
- ii. Kerja pemasangan Sistem Rawatan Kumbahan Kecil (SSTS) tergendala berikutan keadaan tanah di tapak yang tidak sesuai, justeru memerlukan penyediaan reka bentuk baharu serta semakan dari segi kos projek;
- iii. Cadangan jajaran pemasangan longkang (crossing culvert) dari tapak projek ke tali air bagi tujuan pelepasan akhir (final discharge) didapati melalui laluan paip sedia ada milik Lembaga Air Perak (LAP) yang memerlukan penyelarasan teknikal

serta kelulusan pihak LAP; dan

iv. Pertambahan dan perubahan skop kerja turut berlaku susulan penambahan keluasan tanah wakaf yang melibatkan reka bentuk jalan, kerja-kerja pemasangan longkang dan pembinaan pagar perimeter.

PKNPk komited untuk memastikan projek ini dapat diselesaikan dengan jayanya. Sehubungan itu, beberapa langkah penyelesaian proaktif telah diambil:

i. Perbincangan bersama kontraktor dan perunding dilaksanakan bagi memastikan kerja di tapak dapat dijalankan dengan teratur serta selaras dengan peruntukan yang diluluskan;

ii. Lukisan pembinaan baharu telah disediakan dan dikeluarkan dengan kadar segera bagi menyesuaikan reka bentuk dengan keadaan semasa di tapak;

iii. Reka bentuk Sistem Rawatan Kumbahan Kecil (SSTS) telah dikaji semula berikutan ketidaksesuaian keadaan tanah. Walaupun perkara ini menyebabkan kelewatan, kerja-kerja pemasangan sistem tersebut telah berjaya disiapkan;

iv. Bagi isu pemasangan longkang yang melibatkan laluan paip sedia ada milik LAP, penggunaan paip jenis S-bend perlu dilaksanakan selaras dengan keperluan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Sehubungan itu, pihak perunding telah menyediakan reka bentuk baharu yang melibatkan pertambahan skop kerja; dan

v. Hasil beberapa siri mesyuarat tapak, keputusan telah dicapai dengan mengambil kira keperluan Jawatankuasa Masjid serta kesesuaian keadaan semasa di tapak.

2. Mohon diberikan penjelasan status terkini projek water transfer daripada Sungai Perak ke tasik Bukit Merah.

Jawapan Soalan 2

Dato' Yang Dipertua,

Yang Berhormat Selinsing memohon penjelasan mengenai status projek penyaluran air mentah dari Sungai Perak ke Empangan Bukit Merah.

Untuk makluman seisi Dewan, keperluan projek penyaluran air mentah dari Sungai Perak ke Empangan Bukit Merah adalah amat kritikal bagi menyelesaikan masalah pengairan pertanian di kawasan Perak Utara yang sekian lama terjejas apabila musim kemarau melanda. Rancangan Pengairan Kerian seluas kira-kira 22,473 hektar merupakan jelapang padi ketiga terbesar di Malaysia yang memerlukan sumber pengairan mencukupi bagi memastikan produktiviti pengeluaran kekal pada tahap optimum. Selain itu, projek ini juga diperlukan untuk memenuhi keperluan pengguna domestik dan perindustrian yang semakin berkembang, termasuk ke kawasan pembangunan strategik seperti Kerian Integrated Green Industrial Park (KIGIP). Menyedari hakikat tersebut, Kerajaan Negeri telah pun menzahirkan hasrat dan pendirian negeri kepada Kerajaan Persekutuan melalui beberapa siri mesyuarat dan utusan surat rasmi, bahawa projek ini tidak boleh tidak, harus disegerakan demi kepentingan manfaat kepada rakyat.

Pada masa ini, adalah difahamkan bahawa projek sedang berada pada peringkat kajian teknikal terperinci, termasuk pelarasan jajaran pelaksanaan bagi menilai kesesuaian teknikal dan keperluan reka bentuk sebelum dimuktamadkan ke peringkat pelaksanaan.

3. Bilakah projek pembinaan baharu gelanggang pelbagai guna di Selinsing akan mula dibina seperti yang diumumkan oleh Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Belia dan Sukan Negeri Perak?

Jawapan Soalan 3

Pejabat Pembangunan Negeri Perak tidak menerima permohonan seperti bagi projek tersebut melalui Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Belia dan Sukan Negeri Perak.

Walau bagaimanapun, permohonan bagi projek pembinaan baharu gelanggang pelbagai guna di Selinsing ada diterima melalui permohonan secara individu namun tidak dapat dipertimbangkan oleh Pejabat ini kerana isu tapak hasil semakan dengan Pejabat Daerah dan Tanah Kerian.

4. Masalah kerosakan BERULANG jalan-jalan kampung di daerah Kerian semakin kritikal, apakah perancangan yang paling berkesan yang ingin dilaksanakan kerajaan bagi menangani masalah ini?

Jawapan Soalan 4

Terima kasih Tuan Speaker,

Terima kasih kepada Yang Berhormat Selinsing atas keprihatinan beliau terhadap isu infrastruktur di kawasan Kerian. Kerajaan Negeri amat maklum akan rintangan geografi di daerah Kerian, terutamanya struktur tanah lembut dan kawasan sawah padi yang memberi cabaran besar kepada ketahanan jalan-jalan kampung.

Untuk menjawab persoalan YB, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah sedang giat melaksanakan kerja-kerja pembaikan jalan yang rosak di kawasan luar bandar bagi jalan-jalan yang belum didaftarkan bawah Sistem MARRIS. Pembinaan jalan baru pula mempunyai ketahanan untuk menampung kenderaan berat maksimum 5 tan selaras dengan pematuhan terhadap Garis Panduan Pelaksanaan Projek Jalan Perhubungan Desa (JPD) dan Program Ameniti Sosial (PAMS) Tahun 2020. Mengambil kira faktor salinan dan kawasan yang mempunyai tanah yang lembut dicadangkan agar pada masa hadapan pembinaan jalan baru, naik taraf ataupun baik pulih jalan sedia ada yang belum didaftarkan dalam Sistem MARRIS dilaksanakan secara bersepadu iaitu mengintegrasikan pembinaan sistem perparitan dan pembetung (*culvert*) selari dengan penurapan jalan JPD. Ini bagi memastikan air tidak bertakung di bawah struktur jalan (subgrade) yang sering menjadi punca jalan "pecah" berulang kali. Walaubagaimanapun, pembinaan jalan tersebut masih akan menampung kenderaan berat maksimum 5 tan sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan.

Tuan Speaker,

Sehubungan itu, penyediaan infrastruktur sahaja tidak mencukupi malah kawalan terhadap jenis kenderaan yang menggunakan jalan tersebut perlu dilaksanakan. Kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pejabat Daerah juga diperlukan untuk menguatkuasakan had muatan kenderaan berat di jalan-jalan kampung ini. Kita tidak mahu jalan yang dibina mengikut spesifikasi JPD bawah KKDW rosak akibat pencerobohan lori-lori yang melebihi had kapasiti.

Sekian, terima kasih.

SOALAN-SOALAN LISAN

1. Perak merupakan antara negeri utama pengeluaran padi negara khususnya di Kerian dan Seberang Perak. Dalam keadaan peningkatan kos input pertanian dan masalah cuaca ekstrem, apakah strategi kerajaan negeri memastikan pengeluaran padi kekal stabil?

Jawapan Soalan 1

Soalan ini telah dijawab secara lisan pada 20 April 2026
Persidangan Kelima Tahun Keempat Dewan Negeri Yang Kelima Belas

2. Kerjasama Industri Dan Institusi Pendidikan TVET
Apakah kerajaan negeri telah memeterai kerjasama strategik antara syarikat pelabur utama seperti Lumileds Malaysia dengan institusi TVET di Perak bagi menyediakan latihan industri dan peluang pekerjaan kepada graduan tempatan.

Jawapan Soalan 2

JAWAPAN :

Kerajaan Negeri Perak sememangnya komited untuk memperkukuh kerjasama strategik antara sektor industri dan institusi pendidikan teknikal, vokasional serta pendidikan tinggi bagi memastikan graduan tempatan memiliki kemahiran yang selari dengan keperluan sebenar pasaran kerja.

Dalam konteks ini, Kerajaan Negeri melalui pendekatan pembangunan modal insan dan pemeraksanaan ekosistem TVET sentiasa mengalu-alukan penglibatan syarikat-syarikat industri berteknologi tinggi, termasuk syarikat multinasional dalam sektor pembuatan dan elektronik, untuk bekerjasama dengan institusi latihan serta pengajian tinggi di negeri Perak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Majlis TVET Perak sebagai platform strategik yang menghimpunkan pemain industri, institusi pendidikan, agensi kerajaan dan pihak berkepentingan lain bagi menyelaraskan keperluan latihan, pembangunan kemahiran serta kebolehpasaran graduan. Penubuhan majlis ini bertujuan memastikan bidang latihan yang ditawarkan benar-benar relevan dengan permintaan industri semasa dan masa hadapan.

Bagi kerjasama yang melibatkan pemain industri seperti Lumileds Malaysia, semakan maklumat awam menunjukkan bahawa syarikat tersebut telah terlibat dalam kerjasama akademia-industri di Malaysia, termasuk dengan institusi pengajian tinggi. Di Perak sendiri, Universiti Teknologi PETRONAS (UTP) telah memeterai kerjasama dengan Lumileds Malaysia yang merangkumi penganjuran seminar, forum, pelantikan tenaga pengajar industri, mobiliti staf dan juga program latihan industri untuk pelajar. Ini menunjukkan

wujudnya potensi besar untuk memperluas jaringan kerjasama seumpama ini ke arah manfaat yang lebih menyeluruh kepada anak-anak Perak.

Kerajaan Negeri melihat model kerjasama sebegini sebagai satu pendekatan penting kerana ia dapat:

1. Meningkatkan pendedahan pelajar kepada teknologi dan amalan sebenar industri;
2. Memperluas peluang latihan industri dan latihan berasaskan kerja;
3. Mengukuhkan padanan antara kemahiran graduan dengan keperluan majikan; dan
4. Membuka lebih banyak peluang pekerjaan berkemahiran tinggi kepada graduan tempatan.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga sedang memberi penekanan yang besar kepada agenda TVET bagi menyokong pelaburan bernilai tinggi dan keperluan tenaga kerja mahir di Perak. Pendekatan ini selaras dengan aspirasi negeri untuk memastikan peluang pekerjaan yang diwujudkan hasil pelaburan baharu dapat diisi oleh rakyat tempatan, khususnya golongan belia dan graduan Perak.

Kerjasama strategik berterusan diantara agensi seperti MIDA, Invest Perak serta Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK) berperanan sebagai pemudah cara dengan menggalakkan syarikat pelabur untuk menjalin kerjasama dengan institusi TVET tempatan melalui pelaksanaan program latihan industri, penempatan praktikal serta pembangunan bakat. Sebagai contoh, syarikat multinasional seperti Lumileds membuka peluang kepada pelajar tempatan untuk menyertai program latihan industri dengan menerima mereka sebagai pelatih (intern) dalam bidang kejuruteraan dan teknikal. Inisiatif ini bukan sahaja memberi pendedahan awal kepada persekitaran industri sebenar, malah turut menyumbang kepada pembangunan tenaga kerja berkemahiran tinggi selaras dengan keperluan industri.

3. Program Sejati Madani di daerah Kerian dilaporkan berjumlah 13.4 juta dengan jumlah 134 buah projek. Mohon diberikan laporan tentang projek-projek tersebut dan berapakah pulangan yang telah dihasilkan daripada keseluruhan program.

SOALAN DITOLAK (persekutuan)

Soalan Dari : YB ENCIK ONG SENG GUAN
Ahli Dewan Undangan Negeri : (POKOK ASSAM)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. Pembangunan sukan dan penglibatan belia amat penting dalam melahirkan generasi yang sihat, berdisiplin serta berdaya saing.
 - a) Apakah perancangan dan inisiatif Kerajaan Negeri dalam membangunkan kemudahan sukan serta meningkatkan penyertaan belia, khususnya di kawasan seperti Taiping?
 - b) Berapakah peruntukan yang disalurkan bagi pembangunan sukan dan program belia, serta bagaimana ia diagihkan di peringkat daerah?
 - c) Apakah langkah konkrit untuk mengenal pasti, membimbing dan mengekalkan bakat muda dalam bidang sukan agar mereka dapat bersaing di peringkat negeri dan kebangsaan?

Jawapan Soalan 1

No. Rujukan: 27106

Soalan 1 (Pokok Assam)

Pembangunan sukan dan penglibatan belia amat penting dalam melahirkan generasi yang sihat, berdisiplin serta berdaya saing.

- a) Apakah perancangan dan inisiatif Kerajaan Negeri dalam membangunkan kemudahan sukan serta meningkatkan penyertaan belia, khususnya di kawasan seperti Taiping?

b) Berapakah peruntukan yang disalurkan bagi pembangunan sukan dan program belia, serta bagaimana ia diagihkan di peringkat daerah?

c) Apakah langkah konkrit untuk mengenal pasti, membimbing dan mengekalkan bakat muda dalam bidang sukan agar mereka dapat bersaing di peringkat negeri dan kebangsaan?

Jawapan Soalan (a)

Tiada jawapan dari JBS Perak

Jawapan Soalan (b)

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada soalan Yang Berhormat berhubung peruntukan bagi pembangunan sukan dan program belia serta mekanisme pengagihannya di peringkat daerah, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Negeri Perak, bagi pihak Kementerian Belia dan Sukan Malaysia, peruntukan yang disediakan adalah dalam bentuk pelaksanaan program dan bukannya jumlah tetap khusus untuk setiap kawasan atau DUN.

Secara amnya, peruntukan ini diselaraskan di peringkat negeri oleh Jabatan Belia dan Sukan Negeri Perak dan seterusnya disalurkan kepada Pejabat Belia dan Sukan Daerah (PBSD) yang merangkumi 12 buah PBSD Daerah besar dan 5 buah PBSD Daerah kecil **melalui surat kuasa belanja**.

Peruntukan ini digunakan untuk melaksanakan program-program berbentuk profil kementerian yang melibatkan masyarakat setempat di semua daerah secara keseluruhan, termasuk aktiviti pembangunan belia dan sukan. Contohnya, program-program ikonik seperti Semarak Hari Belia Negara Peringkat Daerah, Hari Sukan Negara Peringkat Daerah, Liga Sukan Komuniti Peringkat Daerah dan Kejohanan 1000 Liga Peringkat Daerah dilaksanakan melalui peruntukan ini bagi memastikan capaian program pembudayaan sukan massa dapat sampai menyeluruh kepada masyarakat dan belia di setiap daerah.

Pendekatan pengagihan sebegini membolehkan peruntukan digunakan secara optimum, adil, dan berkesan bagi memastikan semua daerah dapat menikmati manfaat program belia dan sukan tanpa mengira saiz atau lokasi, sekaligus menyokong pembangunan belia serta aktiviti sukan di peringkat negeri.

(JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGERI PERAK)

Jawapan Soalan (c)

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada soalan Yang Berhormat mengenai langkah konkrit untuk mengenal pasti, membimbing dan mengekalkan bakat muda dalam bidang sukan bagi memastikan mereka dapat bersaing di peringkat negeri dan kebangsaan, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Negeri Perak, pihak Kementerian Belia dan Sukan Malaysia melalui Jabatan Belia dan Sukan Negeri Perak lebih memfokuskan kepada dasar **perkembangan gaya hidup sihat** serta pembudayaan **sukan massa** di kalangan masyarakat seluruh negeri.

Beberapa program berterusan telah dilaksanakan oleh kementerian melalui JBS Negeri Perak di peringkat daerah dan negeri, yang bukan sahaja membuka peluang kepada golongan belia amatir, malah memberi laluan bagi mereka bersaing secara kompetitif hingga ke peringkat kebangsaan. Antara program utama adalah:

1. **Liga Sukan Komuniti** – Program ini menyediakan platform kepada golongan belia amatir untuk menguji kemampuan mereka secara kompetitif, dari peringkat daerah hingga ke peringkat kebangsaan, sekaligus menjadi medan mengenal pasti bakat-bakat muda yang berpotensi.
2. **Program Mastersport** – Memberi peluang kepada peserta berumur 45 tahun ke atas untuk terus aktif dalam sukan, memperkukuh semangat persaingan sihat dan mengekalkan penglibatan warga veteran dalam arena sukan.
3. **Liga Sukan OKU** – Program ini direka khusus untuk memberi peluang kepada individu kurang upaya menunjukkan kemampuan mereka dalam sukan, sambil membina keyakinan dan kemahiran kompetitif di peringkat negeri dan kebangsaan.
4. **Liga Sukan Warga Emas (2026)** – Inisiatif terkini yang bakal dilaksanakan untuk memberi pengiktirafan dan peluang beraksi kepada warga emas, sekaligus menyemai budaya hidup aktif dan sihat dalam semua peringkat umur.

Pendekatan ini bukan sahaja membantu mengenal pasti dan membimbing bakat muda melalui pengalaman bertanding, malah mengekalkan semangat dan minat mereka dalam sukan, sambil memupuk budaya inklusif yang merangkumi semua golongan masyarakat. Dengan cara ini, golongan belia dan komuniti di Negeri Perak berpeluang menyertai dan bersaing di peringkat negeri dan kebangsaan dengan keyakinan diri yang tinggi dalam suasana yang sihat dan kompetitif.

Tuan Yang dipertua dan ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Jabatan Belia dan Sukan telah memperuntukkan sejumlah keseluruhan sebanyak RM867,550.00 untuk melaksanakan program pembangunan belia bagi Negeri Perak. Agihan adalah sebagaimana Profail yang ditetapkan oleh Kementerian bagi semua daerah. Pemberian bantuan tersebut mengikut tatacara perolehan melalui surat kuasa belanja dengan mematuhi Prosedur Operasi Tandard (SOP). Bagi tahun 2025, tiga program (profail) diturunkan dan dilaksanakan di Daerah Larut Matang iaitu:

1. Majlis Perundingan Belia Negara (MPBN) Peringkat Daerah:

Jantina	Melayu	Cina	India	Lain-lain	Sarawak	Sabah	Jumlah
Lelaki	28	-	4	-	-	-	32
Perempuan	18	-	-	-	-	-	18
Jumlah	46	-	4	-	-	-	50

2. Semarak Hari Belia Negara (HBN) Peringkat Daerah:

Jantina	Melayu	Cina	India	Lain-lain	Sarawak	Sabah	Jumlah
Lelaki	256	13	12	-	-	-	269
Perempuan	219	6	9	-	-	-	234
Jumlah	475	19	21	-	-	-	515

3. Kem Belia @ Rakan Prihatin

Jantina	Melayu	Cina	India	Lain-lain	Sarawak	Sabah	Jumlah
Lelaki	17	1	4	-	-	-	22
Perempuan	16	3	5	-	-	-	24
Jumlah	33	4	9	-	-	-	46

(JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGERI PERAK)

2. Isu pengurusan sisa pepejal serta operasi tapak pelupusan sampah mempunyai kesan langsung terhadap alam sekitar, kesihatan awam serta kesejahteraan penduduk setempat.
- a) Apakah status terkini operasi dan kapasiti tapak pelupusan sampah di Matang, Taiping, serta sejauh manakah ia mampu menampung jumlah sisa pepejal semasa?
- b) Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan pengurusan tapak pelupusan tersebut dilaksanakan secara lebih sistematik, selamat dan mesra alam?
- c) Apakah perancangan jangka panjang Kerajaan Negeri berhubung tapak pelupusan sampah di Matang, termasuk usaha mengurangkan kebergantungan kepada tapak tersebut melalui program pengurangan sisa, kitar semula atau teknologi pengurusan sisa yang lebih mampan?

Jawapan Soalan 2

JAWAPAN A

Untuk makluman Yang Berhormat,

Tapak pelupusan sisa pepejal di Matang, Taiping yang terletak di Mukim Jebong telah mula beroperasi sejak tahun 2001 dan merupakan tapak utama yang menerima sisa pepejal bagi Daerah Larut Matang. Tapak ini mempunyai keluasan keseluruhan sekitar 24.7 ekar, dengan kira-kira 14 ekar digunakan sebagai kawasan pelupusan aktif.

Pada peringkat awal operasi, tapak ini menerima sekitar 200 tan sisa pepejal sehari. Walau bagaimanapun, jumlah tersebut telah meningkat kepada kira-kira 450 tan sehari pada masa ini. Peningkatan janaan sisa pepejal ini adalah disebabkan oleh pertambahan penduduk di kawasan Larut Matang, perkembangan aktiviti industri kecil dan sederhana (IKS), serta peningkatan aktiviti komersial di kawasan tersebut.

Status terkini tapak pelupusan sampah adalah telah melebihi kapasiti asal, dengan ketinggian timbunan sisa dilaporkan melebihi 10 meter (30 kaki). Tapak ini sepatutnya ditutup seawal tahun 2018, namun masih beroperasi sehingga kini berikutan kekangan lokasi serta keperluan peruntukan kewangan yang tinggi bagi pembangunan tapak pelupusan yang baru.

Kerajaan Negeri Perak telah meluluskan cadangan pembukaan tapak pelupusan baharu melalui pewartaan tapak bersebelahan dengan lokasi sedia ada, berdasarkan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) Bil. 1180 bertarikh 26 April 2018. Anggaran kos pembangunan tapak pelupusan baharu tersebut adalah sekitar RM40 juta hingga RM50 juta.

JAWAPAN B

Untuk makluman Yang Berhormat,

Bagi memastikan pengurusan tapak pelupusan dilaksanakan secara lebih sistematik, selamat dan mesra alam, pihak MPT telah mengambil beberapa langkah seperti berikut:

i. Penambahbaikan operasi tapak pelupusan

Pihak MPT melaksanakan kaedah pelupusan secara "*area cell method*" serta penutupan secara harian bagi sisa yang dihantar ke tapak pelupusan. Pelaksanaan kaedah ini dapat mengawal pencemaran bau, mengurangkan kehadiran haiwan perosak serta meminimumkan kesan kacau ganggu terhadap persekitaran dan penduduk setempat.

ii. Pelaksanaan teknologi *Waste to Energy* (WTE)

Pihak MPT sedang meneroka pelaksanaan teknologi *Waste to Energy* (WTE) sebagai salah satu pendekatan pengurusan sisa yang lebih mampan. Teknologi ini berupaya mengurangkan isipadu sisa pepejal antara 30% hingga 50% melalui penukaran sisa kepada tenaga seperti elektrik dan bahan api alternatif.

Selain itu, pelaksanaan WTE dapat memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan sedia ada serta mengurangkan kebergantungan kepada kaedah pelupusan konvensional.

iii. Peningkatan kesedaran dan penglibatan komuniti.

Pihak MPT melaksanakan program kesedaran berkaitan pengurusan sisa secara berterusan dan tersusun. Program ini dijalankan secara berkala, sekurang-kurangnya sebulan sekali, berdasarkan jadual yang ditetapkan serta permintaan daripada komuniti dan agensi.

Dalam pelaksanaan inisiatif ini, MPT memberi fokus khusus kepada pengurusan sisa elektronik (*e-waste*) dan minyak masak terpakai. Pendekatan ini diambil bagi memastikan kedua-dua jenis sisa tersebut diurus dan dilupuskan secara lebih selamat dan terkawal, memandangkan potensi pencemaran yang tinggi jika tidak dikendalikan dengan sempurna.

JAWAPAN C

Untuk makluman Yang Berhormat,

Bagi memastikan kelestarian pengurusan sisa pepejal serta mengurangkan kebergantungan kepada tapak pelupusan di Matang dalam jangka panjang, pihak MPT telah merangka beberapa pendekatan strategik seperti berikut:

i. Mengurangkan kebergantungan kepada tapak pelupusan melalui teknologi alternatif

Pihak MPT sedang merancang untuk meneroka pelaksanaan teknologi *Waste to Energy* (WTE) sebagai alternatif kepada kaedah pelupusan konvensional. Teknologi ini berpotensi mengurangkan isipadu sisa pepejal secara signifikan, seterusnya memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan sedia ada serta mengurangkan kebergantungan kepada tapak pelupusan dalam jangka panjang.

ii. Memperkasa amalan pengasingan sisa dan kitar semula secara aktif dan berkesan

Pihak MPT melaksanakan program kesedaran dan kempen pengasingan sisa di punca secara berterusan dan berjadual. Dalam usaha ini, tumpuan diberikan kepada aliran sisa tertentu seperti sisa elektronik (e-waste) dan minyak masak terpakai bagi memastikan pengurusan yang lebih berkesan dan selamat.

Selain itu, pihak MT turut merancang untuk mewujudkan kemudahan *Drive Thru Recycling Centre (DTRC)* sebagai pusat pengumpulan bahan kitar semula yang lebih sistematik dan mesra pengguna bagi meningkatkan kadar penyertaan komuniti.

iii. Pengurusan sisa organik secara mampan

Pihak MPT telah memperkenalkan penggunaan teknologi kompos melalui mesin pengompos yang ditempatkan di Plaza Perbandaran Taiping bagi menguruskan sisa organik khususnya daripada pasar awam.

Bagi tahun 2025, sebanyak 41,720 liter sisa sayuran dan buah-buahan telah diproses, menghasilkan hampir 1,700 kilogram baja kompos. Inisiatif ini bukan sahaja mengurangkan jumlah sisa yang dihantar ke tapak pelupusan, malah menyokong amalan ekonomi kitaran dengan pengagihan hasil baja kepada komuniti setempat yang aktif dalam program dan kempen berkaitan kitar semula anjuran MPT.

3. Ketidaktentuan ekonomi global serta krisis antarabangsa telah memberi kesan kepada rangkaian bekalan, harga komoditi dan kos sara hidup.

a) Apakah impak langsung krisis ekonomi global terhadap ekonomi Negeri Perak, khususnya dari segi pelaburan dan kos sara hidup rakyat?

b) Apakah langkah segera yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengurangkan beban rakyat serta membantu perniagaan tempatan menghadapi tekanan ekonomi semasa?

c) Apakah strategi jangka sederhana dan panjang Kerajaan Negeri bagi memastikan ekonomi negeri kekal berdaya tahan dalam menghadapi ketidaktentuan ekonomi global?

Jawapan Soalan 3

Dato' Seri Yang di-Pertua,

Kerajaan negeri sangat menghargai keprihatinan ahli-ahli yang berhormat berhubung implikasi konflik geopolitik yang sedang berlaku terhadap kesejahteraan ekonomi negeri dan kehidupan rakyat. Untuk makluman, sebanyak tujuh (7) soalan lisan dan tiga (3) soalan bertulis diterima menyentuh mengenai isu ini. Maka izinkan saya menjawab soalan lisan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Keparang, Yang Berhormat Pasir Pinji, Yang Berhormat Trong, Yang Berhormat Pokok Assam, Yang Berhormat Ayer Kuning, Yang Berhormat Pantai Remis dan Yang Berhormat Behrang secara bersekali kerana ianya saling berkaitan. Sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, saya telah mendapatkan ulasan-ulasan dan pandangan-pandangan daripada semua agensi pusat dan negeri untuk membolehkan kerajaan negeri memahami keadaan semasa dan mengambil tindakan-tindakan untuk jangka masa pendek, jangka masa sederhana dan jangka masa panjang. Kerana itu saya nak mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan penghargaan kepada agensi-agensi kerajaan persekutuan dan negeri yang telah mengambil berat dan memberi respon yang segera kepada kerajaan negeri iaitu Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Getah (RISDA), Institut Darul Ridzwan (IDR), Perak Invest Management Center, (PIMC), Sekretariat Usahawan Negeri Perak (STEP), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN), Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak (LPHP), Jabatan Pertanian, Jabatan Veterinar dan juga Jabatan Perikanan yang telah memberi respon sehingga membolehkan bukan sahaja untuk menjawab soalan-soalan yang banyak ini tetapi juga Insya-Allah menjadi program bagaimana kerajaan akan mengambil tindakan seterusnya.

Ahli-ahli yang berhormat, konflik di Asia Barat yang tercetus sejak Februari 2026 kini berkembang menjadi krisis geopolitik yang memberi kesan besar kepada ekonomi global secara menyeluruh. Walaupun pada awalnya kita dikhabarkan bahawa konflik ini menunjukkan tanda-tanda reda dan peperangan seolah-olah menuju ke penghujungnya, tetapi perkembangan terbaharu membayangkan keadaan sebaliknya. Kita boleh mendapat maklumat daripada akhbar-akhbar dan juga daripada sumber-sumber rasmi kerajaan. Kegagalan rundingan antara Amerika Syarikat dan Iran pada hujung minggu lalu yang berakhir tanpa penyelesaianan konkrit telah meningkatkan semula risiko gangguan perdagangan berpanjangan. Keadaan ini melonjakkan semula harga minyak dunia dan memberi tekanan lanjut kepada kos tenaga serta logistik global ini sekaligus memungkinkan tekanan krisis tenaga global yang memberi kesan terhadap segenap aspek dalam rangkaian ekonomi negara termasuklah negeri Perak. Semua sektor dijangka menerima tempas daripada ketidaktentuan ini. Penutupan dan gangguan laluan perdagangan memberi kesan langsung kepada bekalan input bahan mentah di peringkat global. Kenaikan kos penghantaran, *premium insurance* kapal dan perubahan haluan perdagangan antarabangsa menyumbang kepada kos pengeluaran yang lebih tinggi serta penurunan produktiviti. Antara sektor yang dijangka terkesan ialah pembuatan, perkhidmatan, pembinaan dan juga perumahan.

Sektor pelancongan turut menerima tempas apabila pelancong luar negara mengambil pendekatan lebih berhati-hati atas faktor keselamatan dan peningkatan kos perjalanan. Terdapat juga di kalangan pelancong-pelancong Eropah yang telah membatalkan tempahan-tempahan mereka. Sektor pertanian juga tidak terkecuali apabila kenaikan kos input pertanian dan logistik memberi kesan terus kepada harga barang asas seperti sayur-sayuran, buah-buahan, ayam, telur dan hasil pertanian yang lain termasuk baja sekaligus memberi tekanan kepada keterjaminan makanan.

Yang Berhormat Dato' Seri Yang di-Pertua,

1) Kesan kepada sektor nelayan, pertanian dan penternakan.

Kenaikan harga petrol dan diesel telah meningkatkan kos operasi secara ketara dalam sektor pengeluaran makanan. Dalam sektor penternakan, kos makanan ternakan, logistik dan operasi ladang meningkat sehingga 10%-30%. Malah situasi ini lebih membimbangkan kerana kebergantungan tinggi kepada import bahan mentah seperti jagung dan soya di mana lebih 90% jagung bijirin negara adalah diimport. Dalam sektor perikanan pula, nelayan laut dalam khususnya zon C2 (komersial) yang tidak mendapat bantuan subsidi petrol atau diesel berdepan peningkatan kos bahan api yang menjejaskan kekerapan ke laut serta hasil tangkapan ikan bernilai tinggi. Sektor akuakultur dan pembuatan makanan ternakan turut terkesan akibat peningkatan kos input import sekaligus memberi tekanan kepada margin keuntungan dan kelangsungan operasi syarikat.

2) Impak kepada pengguna di negeri Perak.

Peningkatan kos pengeluaran telah menyebabkan kenaikan harga makanan asas seperti ayam, daging, telur dan ikan. Penduduk negeri Perak berdepan tekanan kos sara hidup yang semakin meningkat, memandangkan perbelanjaan makanan merangkumi sekitar 30% hingga 40% daripada pendapatan isi rumah menurut Department of Statistics Malaysia. Keadaan ini memberi kesan lebih ketara kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Selain itu, pengurangan bekalan hasil laut menjejaskan kestabilan harga dan pilihan makanan sedangkan ikan menyumbang lebih 50% sumber protein haiwan rakyat Malaysia berdasarkan data Food and Agriculture Organization.

3) Kesan kepada rantaian bekalan makanan.

Kenaikan harga bahan api menjejaskan keseluruhan rantaian bekalan makanan daripada pengeluaran hingga ke pasaran. Kos tenaga dan pengangkutan yang boleh menyumbang sehingga 30% hingga 60% daripada kos logistik makanan meningkatkan tekanan harga di setiap peringkat rantaian. Pengurangan tangkapan laut dalam mengurangkan bekalan ikan dan menjejaskan industri pemprosesan. Manakala peningkatan kos bahan mentah import seperti jagung dan soya menimbulkan risiko gangguan bekalan input. Dalam masa yang sama, kadar sara diri bagi beberapa komoditi seperti daging lembu yang masih sekitar 20% hingga 30% menunjukkan kebergantungan kepada import sekaligus meningkatkan kerentanan terhadap kejutan global.

Dato' Seri Yang di-Pertua,

Cadangan dan peluang strategik.

Situasi ini merupakan peluang untuk memperkukuh sektor makanan negeri melalui pengurangan kebergantungan kepada import dan peningkatan kecekapan. Pembangunan industri makanan ternakan tempatan seperti jagung bijirin dan sumber alternatif perlu dipergiat bagi menstabilkan kos pengeluaran. Penggunaan tenaga alternatif seperti solar dan biogas di ladang juga mampu mengurangkan kebergantungan kepada bahan api serta menjimatkan kos jangka panjang. Pengukuhan rantaian bekalan tempatan melalui pendekatan pengeluaran, pemprosesan dan pemasaran dalam negeri dapat mengurangkan kos logistik dan menstabilkan harga. Peralihan kepada akuakultur moden serta pemanfaatan teknologi digital bagi pemantauan bekalan dan harga turut berpotensi meningkatkan kecekapan pasaran. Secara keseluruhannya, pendekatan ini bukan sahaja membantu mengekang kenaikan harga makanan dan memastikan kestabilan bekalan, malah berpotensi mewujudkan ekonomi baharu berasaskan inovasi, nilai tambah dan sumber tempatan, sekali gus memperkukuh sekuriti makanan dan daya tahan ekonomi negeri dalam jangka panjang.

Dato' Seri Yang di-Pertua,

Yang Berhormat Pasir Pinji dan Yang Berhormat Pokok Assam membangkitkan tentang kedudukan pelaburan asing. Saya perlu melaporkan bahawa berdasarkan pemantauan semasa, senario pelaburan asing di Malaysia amnya dan negeri Perak khususnya masih kekal berdaya tahan. Impak kepada negeri ini setakat ini masih berada pada tahap minimum dan terkawal. Tiada pelaburan utama yang dibatalkan manakala projek-projek sedia ada terus berjalan seperti yang dirancang.

Malah dari sudut peluang, Malaysia termasuk negeri Perak ini berpotensi untuk mendapat manfaat daripada fenomena pengalihan rantaian bekalan apabila syarikat antarabangsa mencari destinasi pelaburan alternatif yang lebih stabil di rantau Asia. JP Morgan Chase & CO. pada 27 Mac 2026 turut menyenaraikan Malaysia sebagai antara ekonomi yang masih berdaya tahan dalam mendepani tekanan krisis tenaga semasa. Manakala kumpulan Bank Dunia dalam kenyataan rasmi bertarikh 9 April 2026 mengunjurkan pertumbuhan ekonomi Malaysia 2026 pada kadar 4.4% beraskan permintaan domestik yang masih kekal kukuh. Kita harap supaya ini akan berkekalan.

Dato' Seri Yang di-Pertua,

Dalam mendepani keadaan yang serba dinamik ini, kerajaan negeri memilih untuk terus berpegang kepada pendekatan berpaksikan perkembangan semasa kerana landskap geopolitik dunia boleh berubah dengan pantas. Justeru, kerajaan tidak mahu membuat sebarang andaian awal. atau jamanan jaminan yang bersifat spekulatif sebaliknya akan terus meneliti implikasi semasa dengan penuh tanggungjawab. Fokus kerajaan pada masa ini ialah memastikan tahap kesiapsiagaan sentiasa berada pada tahap optimum termasuk dari sudut pemantauan ekonomi, penyelarasan maklumat bersama agensi berkaitan serta kerjasama rapat dengan kerajaan persekutuan untuk memahami perkembangan semasa dan implikasinya kepada negeri.

SOALAN-SOALAN BERTULIS

1. Industri kreatif berpotensi menjadi antara pemacu ekonomi baharu negeri serta mampu membuka peluang pekerjaan kepada golongan muda.
 - a) Apakah dasar, pelan tindakan serta langkah konkrit yang telah dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi membangunkan serta memperkasa industri kreatif seperti seni, filem dan kandungan digital di negeri ini?
 - b) Memandangkan bandar bersejarah seperti Taiping mempunyai nilai warisan, alam semula jadi serta seni bina yang unik, adakah Kerajaan Negeri bercadang menjadikannya sebagai lokasi penggambaran filem, drama atau pusat penganjuran festival kreatif bagi menarik penggiat industri dan pelancong?
 - c) Apakah bentuk insentif, geran, kemudahan atau sokongan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi menggalakkan penglibatan serta pertumbuhan penggiat industri kreatif tempatan?

Jawapan Soalan 1

Untuk makluman Yang Berhormat Pokok Assam,

Kerajaan Negeri komited dalam membangunkan dan memperkasa industri kreatif merangkumi seni visual, seni muzik, dan seni persembahan, termasuklah kandungan kreatif digital sebagai pemacu ekonomi baharu. Melalui agensi pelaksana seperti PORT, pendekatan menyeluruh dirangka dengan menumpukan kepada pembangunan bakat, pengukuhan ekosistem kreatif serta peningkatan kebolehpasaran penggiat industri, selaras dengan hasrat menjadikan negeri sebagai hab industri kreatif

yang berdaya saing di peringkat nasional serta menyokong pengiktirafan Ipoh sebagai Bandar Kreatif UNESCO dalam bidang muzik.

Antara langkah yang telah dilaksanakan termasuk penganjuran program Latihan dan pembangunan bakat seperti Kem Belia Kreatif (KBK) yang melibatkan bengkel, syarahan, dan pertandingan. Kerjasama strategik dengan agensi kerajaan, institusi pendidikan dan pihak industri juga diperkukuh bagi meluaskan jaringan serta peluang kerjaya.

Kerja-kerja penyelidikan untuk penyediaan pelan tindakan Ekonomi Jingga (Kreatif) sedang dijalankan oleh pihak UPEN dengan kerjasama beberapa agensi lain.

Kerajaan Negeri sememangnya mengiktiraf potensi bandar bersejarah seperti Taiping yang mempunyai keunikan dari segi warisan, keindahan alam semula jadi serta seni bina yang sangat sesuai untuk diketengahkan sebagai lokasi aktiviti industri kreatif.

Dalam konteks tersebut, PORT turut menyokong usaha mempromosikan lokasi/destinasi berpotensi melalui program seni, fotografi dan kandungan kreatif yang secara tidak langsung memperkenalkan keunikan sesuatu kawasan kepada penggiat industri dan pelancong. Walaupun sektor pelancongan bukan berada di bawah skop PORT, pendekatan ini secara tidak langsung berfungsi sebagai "soft promotion" yang dapat menarik minat produksi untuk meneroka potensi Taiping sebagai lokasi penggambaran. Dari sudut penganjuran program di Taiping, melalui Dana Kreatif Perak@PORT, projek-projek kesenian telah dijalankan oleh para penggiat dan komuniti seni di Taiping dengan sokongan Kerajaan Negeri. Antaranya seperti berikut:

- Raintown Film Festival - (2024,2025,2026)
- Raintown Short Film Competition (2024)
- Raintown Creative Market - (2024,2025,2026)
- Taiping Heritage Art Trail Volume 2.0 - (2024 & 2025)
- Taiping Music & Arts Showcase (2024,2025,2026)
- Raintown Film Lab / Workshop Series - (2024,2025,2026)
- Taiping Creative Residency Program - (2025)
- Taiping Documentary Project - (2024)

Kerajaan Negeri melalui PORT menyediakan geran Dana Kreatif Perak@PORT bagi menyokong penggiat seni, pembikin kandungan digital dan pengkarya tempatan merealisasikan projek kreatif dari peringkat idea hingga pelaksanaan, sekali gus meningkatkan kualiti serta nilai komersial karya.

Selain itu, sokongan bukan kewangan turut disediakan seperti ruang aktiviti, platform pameran serta peluang menyertai program dan acara kreatif, sama ada anjuran PORT seperti Ipoh International Art Festival, Ipoh Music Symposium, dan Kem Belia Kreatif, mahupun melalui kerjasama dengan rakan strategik di dalam dan luar negara.

PORT juga memberi penekanan kepada pemeliharaan khazanah muzik tempatan melalui Arkib Muzik Perak serta pelaksanaan program latihan dan pendidikan seni seperti Portskool, bagi memupuk minat dan melahirkan bakat baharu secara berterusan dalam industri kreatif.

2. Selaras dengan perkembangan teknologi dan keperluan pengurusan bandar yang lebih cekap, konsep pengurusan bandar berasaskan data atau Smart City semakin penting dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada rakyat.
 - a) Apakah langkah, dasar serta inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi memperkenalkan serta memperluaskan konsep pengurusan bandar berasaskan data (Smart City) di negeri ini?
 - b) Adakah pihak berkuasa tempatan kini menggunakan sistem atau data digital bagi memantau aspek seperti aliran trafik, kebersihan bandar, pengurusan sisa pepejal serta aktiviti pelancongan?
 - c) Apakah sistem teknologi atau platform digital yang sedang digunakan oleh pihak berkuasa tempatan, dan apakah perancangan masa depan Kerajaan Negeri bagi memperkukuh penggunaan teknologi ini bagi meningkatkan kecekapan pengurusan bandar?

Jawapan Soalan 2

JAWAPAN A

Untuk makluman Yang Berhormat,

Kerajaan Negeri melalui Majlis Perbandaran Taiping telah menyediakan Pelan Tindakan Bandar Pintar Taiping 2030 sebagai dokumen strategik bagi memperkenalkan dan memperluaskan konsep pengurusan bandar berasaskan data. Pelaksanaan pelan ini adalah berteraskan tujuh (7) elemen utama bandar pintar seperti berikut:

1. Smart Governance (Kerajaan Pintar)

Telah dilaksanakan: Pendigitalan perkhidmatan PBT melalui e-Perkhidmatan, sistem aduan awam digital serta pelaksanaan sesi libat urus (FGD).

Cadangan: Penubuhan Local Urban Observatory (LUO) dan integrasi dashboard data bandar secara bersepadu.

2. Smart Economy (Ekonomi Pintar)

Telah dilaksanakan: Permulaan penggunaan transaksi tanpa tunai dalam perkhidmatan tertentu.

Cadangan: Pemerksaan ekonomi digital tempatan dan peluasan penggunaan tanpa tunai.

3. Smart Mobility (Mobiliti Pintar)

Telah dilaksanakan: Penggunaan CCTV di lokasi tertentu bagi pemantauan pergerakan bandar.

Cadangan: Pelaksanaan sistem trafik pintar, smart parking dan galakan penggunaan kenderaan elektrik.

4. Smart Environment (Persekitaran Pintar)

Telah dilaksanakan: Penggunaan CCTV bagi pemantauan pembuangan sampah haram serta pengurusan kebersihan berasaskan data asas.

Cadangan: Pengurusan sisa pepejal pintar dan pemantauan alam sekitar melalui teknologi IoT.

5. Smart Living (Kehidupan Pintar)

Telah dilaksanakan: Penyediaan sistem keselamatan bandar melalui CCTV dan perkhidmatan bandar secara digital.

Cadangan: Perluasan sistem keselamatan pintar dan kemudahan bandar responsif.

6. Smart People (Masyarakat Pintar)

Telah dilaksanakan: Penglibatan komuniti melalui sesi libat urus dan sistem aduan digital.

Cadangan: Peningkatan literasi digital dan penyertaan komuniti melalui platform pintar.

7. Smart Digital Infrastructure (Infrastruktur Digital Pintar)

Telah dilaksanakan: Penyediaan asas infrastruktur ICT dan permulaan penggunaan IoT.

Cadangan: Pengukuhan rangkaian digital, integrasi sistem dan penggunaan AI serta analitik data raya.

JAWAPAN B

Untuk makluman Yang Berhormat,

Pihak Berkuasa Tempatan telah menggunakan sistem dan data digital dalam pengurusan bandar, khususnya dalam aspek keselamatan, kebersihan dan operasi harian, selaras dengan elemen Smart Governance, Smart Environment dan Smart Mobility.

Telah dilaksanakan:

Penggunaan CCTV bagi pemantauan pembuangan sampah haram serta keselamatan kawasan tertentu. Sistem aduan awam digital bagi pengurusan kebersihan dan penyelenggaraan. Penggunaan data asas dalam operasi bandar termasuk kutipan sisa pepejal.

Cadangan:

1. Pelaksanaan sistem trafik pintar berasaskan data masa nyata (Smart Mobility)
2. Pengurusan sisa pepejal pintar menggunakan sensor dan analitik (Smart Environment)
3. Penggunaan analitik data bagi pemantauan aktiviti pelancongan (Smart Economy / Smart Living)

JAWAPAN C

Untuk makluman Yang Berhormat,

Pada masa ini, Pihak Berkuasa Tempatan telah mengguna pakai beberapa sistem teknologi sebagai asas pembangunan bandar pintar, manakala perancangan masa hadapan memberi tumpuan kepada integrasi teknologi merentas kesemua elemen bandar pintar.

Telah dilaksanakan:

1. Sistem CCTV bandar termasuk bagi pemantauan pembuangan sampah haram (Smart Environment / Smart Living)
2. Platform digital perkhidmatan PBT (Smart Governance)
3. Penggunaan awal teknologi IoT (Smart Digital Infrastructure)

Cadangan:

1. Penubuhan Local Urban Observatory (LUO) sebagai pusat data bersepadu (Smart Governance) Integrasi semua sistem bandar dalam satu platform pintar (Smart Digital Infrastructure)
2. Penggunaan AI dan analitik data raya bagi sokongan keputusan (merentas semua elemen)
3. Pelaksanaan smart mobility seperti smart parking dan EV (Smart Mobility)
4. Pengukuhan infrastruktur digital bagi menyokong ekosistem bandar pintar (Smart Digital Infrastructure)

Secara keseluruhannya, Pelan Tindakan Bandar Pintar Taiping 2030 telah menyediakan kerangka pembangunan yang komprehensif merangkumi tujuh elemen bandar pintar, dengan pelaksanaan semasa tertumpu kepada pengukuhan asas pendigitalan, manakala perancangan masa hadapan memberi penekanan kepada integrasi sistem, penggunaan data secara menyeluruh serta penerapan teknologi pintar bagi meningkatkan kecekapan pengurusan bandar secara mampan dan inklusif.

3. Kebersihan sungai amat penting bagi memastikan alam sekitar yang sihat, mencegah banjir, serta meningkatkan kualiti hidup penduduk.
 - a) Apakah status terkini kebersihan sungai-sungai utama di Taiping atau tahap pencemarannya ?
 - b) Apakah langkah kerajaan negeri dalam memastikan pengurusan sisa dan longkang tidak mencemari sungai, termasuk penguatkuasaan terhadap pembuangan sampah haram?
 - c) Apakah rancangan jangka panjang kerajaan negeri bagi memulihkan sungai secara menyeluruh ?

Jawapan Soalan 3

No. Rujukan : 27114 (Pokok Assam) (Bertulis)

Salam Sejahtera,

Untuk makluman Yang Berhormat Pokok Assam,

a) Program pemantauan kualiti air sungai bagi Negeri Perak dijalankan secara automatik melalui 2 stesen pemantauan automatik iaitu di Sungai Bogak dan Sungai Perak dan secara manual melalui 150 stesen pemantauan manual yang melibatkan sebanyak 68 buah sungai di seluruh Negeri Perak. Bagi sungai-sungai utama di Taiping, terdapat 12 stesen pemantauan manual di 8 buah sungai dengan kekerapan pemantauan bagi setiap stesen adalah 6 kali setahun. Status terkini bagi 12 stesen pemantauan kualiti sungai berdasarkan data pengawasan adalah dalam kategori bersih.

b) Jabatan Alam Sekitar Negeri Perak menjalankan pemeriksaan ke atas premis-premis industri supaya mematuhi had-had pelepasan efluen/kumbahan yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127). Selain itu, rondaan harian termasuk di luar waktu pejabat juga dilaksanakan di kawasan industri bagi mengesan sebarang pelepasan tanpa diolah oleh industri.

c) Jabatan Alam Sekitar menjalankan penguatkuasaan yang berterusan untuk pematuhan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling dan peraturan-peraturan di bawahnya seperti Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pencemaran Daripada Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Dan Kambus Tanah) 2009 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005. Pengurusan efluen dari industri, pengurusan kumbahan, pengurusan air larut resap dari tapak pelupusan sampah yang dikendalikan dan diuruskan dengan baik dan dasar *Pelepasan Sifar (Zero Discharge)* merupakan strategi pengurusan sisa paling mampan di mana sesebuah premis atau industri diwajibkan mengitar semula keseluruhan air sisa yang telah diolah sekali gus menghapuskan terus penyaluran efluen ke dalam sungai dan ini boleh

dijadikan syarat yang lebih ketat berbanding had pelepasan standard A. Selain itu juga, Jawatankuasa *State Environmental Health Action Plan* (SEHAP) TWG 1: Kualiti Air Sungai Negeri Perak turut membincangkan pelan tindakan bersama-sama ahli-ahli berkaitan kesihatan air dibawah bidangkuasa Jabatan Kesihatan Negeri Perak.

Sekian, terima kasih.

4. Bekalan air yang mencukupi dan tekanan air yang stabil amat penting bagi kesejahteraan rakyat serta pembangunan ekonomi setempat.
- a) Apakah status terkini bekalan air di daerah LMS, khususnya dari segi kapasiti bekalan dan kawasan yang dikenal pasti mengalami tekanan air rendah?
- b) Apakah langkah yang telah dan sedang diambil oleh LAP bagi mengatasi masalah tekanan air rendah di kawasan terlibat?
- c) Apakah perancangan jangka panjang untuk memastikan bekalan air di daerah LMS sentiasa mencukupi dan lebih stabil pada masa hadapan?

Jawapan Soalan 4

Untuk makluman Yang Berhormat,

- a) Secara keseluruhannya, bekalan air di daerah LMS adalah mencukupi dan terkawal bagi menampung keperluan semasa pengguna.
- b) Bagi menangani isu tekanan air rendah, pihak Lembaga Air Perak (LAP) telah melaksanakan pemantauan operasi loji dan rangkaian agihan secara berterusan bagi mengoptimumkan tekanan air.
- c) Sebagai langkah penyelesaian mampan, Lembaga Air Perak (LAP) akan membina Loji Rawatan Air (LRA) Trong yang baharu bagi meningkatkan kestabilan aliran dan tekanan air serta memastikan bekalan yang lebih konsisten dan berdaya tahan bagi memenuhi keperluan pengguna di daerah LMS pada masa hadapan.
5. Negeri Perak mencatatkan pelaburan rekod baru pada 2025 dengan nilai RM6.25 bilion melalui 203 projek.
- a) Apakah jumlah sebenar dan nilai pelaburan yang masuk ke Taiping pada 2025, termasuk projek utama dan sektor yang terlibat?
- b) Berapa peluang pekerjaan sebenar yang telah atau dijangka diwujudkan bagi penduduk Taiping daripada pelaburan ini?
- c) Apakah strategi konkrit Kerajaan Negeri untuk menarik lebih banyak pelaburan ke Taiping pada 2026 supaya bandar ini terus menyumbang kepada pencapaian pelaburan negeri?

Jawapan Soalan 5

Untuk makluman Yang Berhormat Pokok Assam,

Berdasarkan data pelaburan yang direkodkan bagi tahun 2025, kawasan Taiping, khususnya di sekitar Kamunting, terus menunjukkan prestasi yang memberangsangkan sebagai salah satu lokasi tumpuan pelaburan di Negeri Perak.

Secara keseluruhannya, jumlah pelaburan yang berjaya direkodkan di kawasan ini adalah sebanyak RM88.4 juta, melibatkan sekurang-kurangnya lapan (8) projek termasuk Kamunting Ext, Kamunting I Industrial Estate, Kamunting Raya Industrial Estate dan Taiping. Pelaksanaan projek-projek ini bukan sahaja mencerminkan keyakinan pelabur terhadap potensi kawasan tersebut, malah turut menyumbang kepada pembangunan ekonomi setempat.

Dari segi impak kepada tenaga kerja, pelaburan ini dijangka mewujudkan sebanyak 188 peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan, sekali gus memperkukuh sosioekonomi komuniti serta meningkatkan taraf hidup penduduk di kawasan Taiping dan sekitarnya.

Bagi memastikan Taiping terus menyumbang secara signifikan kepada pencapaian pelaburan negeri pada tahun 2026, Kerajaan Negeri telah merangka beberapa strategi konkrit seperti berikut:

- **Pembangunan Infrastruktur Perindustrian Pintar**
Memperkasakan kemudahan infrastruktur di kawasan perindustrian sedia ada, terutamanya di Kamunting, dengan integrasi teknologi digital dan penyediaan utiliti yang lebih stabil bagi menyokong keperluan industri berteknologi tinggi.
- **Pemudahcara Urusan Pelaburan (Ease of Doing Business)**
InvestPerak bertindak sebagai Pusat Setempat (One-Stop Centre) yang menyelaras inisiatif "Fast-Track" bersama pihak berkuasa tempatan (PBT). Langkah ini bertujuan memudah cara proses kelulusan lesen dan permit bagi memendekkan tempoh masa antara fasa perancangan sehingga projek pelaburan mula beroperasi.
- **Promosi Pelaburan Hijau dan Mampan**

Mempromosikan Taiping sebagai destinasi utama bagi pelaburan yang mematuhi prinsip ESG (Environmental, Social, and Governance), selaras dengan status Taiping sebagai bandar lestari, bagi menarik pelabur global yang memfokuskan kepada industri teknologi bersih dan pembuatan hijau.

- **Pembangunan Bakat dan Modal Insan**

Mempergiat kerjasama strategik antara pihak industri dengan institusi latihan teknikal tempatan di sekitar Taiping bagi memastikan bekalan tenaga kerja mahir sentiasa mencukupi dan menepati spesifikasi keperluan pelabur pada tahun 2026.

- **Insentif dan Sokongan Sektor Perkhidmatan**

Menyediakan sokongan khusus untuk sektor perkhidmatan dan logistik yang merupakan komponen penting kepada aktiviti pembuatan, bagi mewujudkan ekosistem perniagaan yang lebih lengkap dan kompetitif di bandar Taiping.

Dengan pendekatan ini, kawasan seperti Taiping bukan lagi sekadar kawasan sokongan, tetapi berpotensi untuk muncul sebagai lokasi pelaburan alternatif yang strategik, berupaya menarik pelaburan berkualiti tinggi serta menjana peluang pekerjaan berpendapatan tinggi kepada rakyat tempatan.

Soalan Dari : YB ENCIK AZIZI BIN MOHAMED RIDZUWAN

Ahli Dewan Undangan Negeri : (LUBOK MERBAU)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. Adakah terdapat rumah ibadat yang dibina secara haram, atau tanpa kelulusan di atas tanah kerajaan atau tanah di negeri Perak? Jika ada, mohon kerajaan negeri menyatakan jumlah kes yang telah dikenal pasti serta tindakan penguatkuasaan yang telah diambil.

Jawapan Soalan 1

Dato' Seri Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri menerusi Pejabat Pengarah Tanah dan Galian (PTG) bersama-sama Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) di seluruh negeri Perak kini sedang melaksanakan tindakan bancian secara menyeluruh bagi mengenal pasti jumlah sebenar rumah ibadat yang dibina tanpa kebenaran di negeri ini. Mengenai status penguatkuasaan, sejak tahun 2025 sehingga kini, Kerajaan Negeri telah menerima sebanyak 18 aduan awam berhubung pembinaan rumah ibadat secara tidak sah di atas tanah kerajaan melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA). Berdasarkan aduan tersebut, siasatan di lapangan segera dijalankan bagi menentusahkan status tapak berkenaan. Sekiranya terbukti berlaku pencerobohan di atas tanah kerajaan, Notis Amaran di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 akan dikeluarkan oleh pihak PDT. Melalui notis ini, pihak terbabit akan diberi tempoh antara 14 sehingga 30 hari untuk merobohkan struktur dan mengosongkan tanah tersebut.

Sekiranya pihak terbabit gagal mematuhi arahan pengosongan dalam tempoh yang ditetapkan, isu ini akan diangkat ke Jawatankuasa Hal Ehwal Bukan Islam (HEBI) Negeri Perak dan Jawatankuasa Khas Pembangunan Kaki Bukit dan Gua Negeri Perak bagi menyelaraskan tindakan penyelesaian. Tindakan penyelesaian ini merangkumi operasi penguatkuasaan bagi merobohkan struktur binaan seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara (Akta 828) di mana pihak yang didapati bersalah boleh dikenakan hukuman denda maksimum RM500,000, tindakan penjara tidak melebihi 5 tahun, atau kedua-duanya sekali. Di samping itu, cadangan penyelesaian untuk memindahkan rumah ibadat tersebut ke kawasan ganti yang lebih sesuai atau dalam keadaan tertentu, tindakan pewartaan secara in-situ juga boleh dipertimbangkan, namun ia tertakluk kepada syarat ketat iaitu binaan tersebut tidak menimbulkan isu keselamatan dan keharmornian, tidak bercanggah dengan pengezonan kawasan serta mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. Sebagai langkah proaktif dan pengawalseliaan yang lebih teratur, pihak PTG Negeri Perak juga telah mengeluarkan garis panduan rasmi, iaitu Pekeliling Bil. 3 Tahun 2025 berkaitan Pengurusan Kuil serta Pekeliling Bil. 4 Tahun 2025 berkaitan Pengurusan dan Tindakan bagi Isu Tokong, untuk memastikan pengurusan rumah ibadat bukan Islam sentiasa terkawal dan mematuhi lunas perundangan.

(NOTA TAMBAHAN) :

1. **BAHAGIAN KERAJAAN TEMPATAN**

Tindakan penguatkuasaan terhadap pembinaan rumah ibadat bukan islam di atas tanah kerajaan adalah di bawah bidang kuasa Pejabat Tanah dan Galian Negeri Perak. Undang-Undang yang dirujuk berkaitan pembinaan rumah ibadat bukan islam secara tidak sah (tokong/kuil) adalah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara (KTN) dan Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Perak Darul Ridzuan Bil. 4/2025. Seksyen 425 KTN memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang menduduki, atau membina apa-apa bangunan di atas, mana-mana tanah kerajaan, tanah rizab atau tanah perlombongan tanpa kebenaran yang sah adalah melakukan kesalahan dan boleh disabitkan, dikenakan denda yang tidak melebihi RM500,000.00, atau dipenjarakan untuk suatu tempoh yang tidak melebihi lima(5) tahun.

Mana-mana orang yang bersubahat dalam melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 425 KTN adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, jika disabitkan, dikenakan denda yang tidak melebihi RM500,000.00, atau dipenjarakan untuk suatu tempoh yang tidak melebihi lima (5) tahun, atau kedua-duanya.

Seksyen 426A (1)(c) KTN memperuntukkan mana-mana pegawai polis yang tidak rendah dari pangkat Inspektor, Pendaftar, Pentadbir Tanah, Pegawai Penempatan atau lain-lain pegawai yang diberi kuasa dengan sempurnanya oleh Pihak Berkuasa Negeri bolehlah tanpa waran:-

- a) Menahan mana-mana orang yang dijumpai melakukan atau cuba melakukan atau bersubahat untuk melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 425 atau 426;
- b) Merampas apa-apa kenderaan, traktor, alat pertanian atau apa-apa benda lain sekalipun yang dipercayainya telah digunakan atau sedang digunakan dalam melaksanakan suatu kesalahan di bawah seksyen itu; dan
- c) Memusnahkan, membinasa atau memindah mana-mana bangunan, atau mengambilmilik atas nama Pihak Berkuasa Negeri apa-apa tanaman, yang dibina atau ditanam di atas mana-mana tanah sebagai pelanggaran terhadapnya.

Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Perak Darul Ridzuan Bil. 4/2025 bertujuan untuk memberi panduan kepada Pentadbir Tanah (PT) berhubung Dasar Bagi Penyelarasan Permohonan Pelupusan Rumah Ibadat (Tokong). Pekeliling ini

merangkumi kaedah pelupusan rumah ibadat dan kaedah penguatkuasaan pembinaan rumah ibadat yang tidak sah.

2. Peningkatan kos sara hidup memberi cabaran kepada golongan muda untuk memiliki rumah. Apakah langkah kerajaan negeri bagi memperluaskan penyediaan perumahan mampu milik kepada rakyat di negeri Perak.

Jawapan Soalan 2

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat,

Kerajaan Negeri mengambil maklum cabaran peningkatan kos sara hidup yang memberi kesan kepada keupayaan memiliki rumah terutamanya bagi golongan muda. Justeru, selaras dengan salah satu daripada tiga teras ekosistem perumahan iaitu availability (ketersediaan), dalam memastikan bekalan perumahan mencukupi dan berterusan, Kerajaan Negeri telah menasarkannya sebanyak 57,407 unit rumah perlu disediakan menjelang tahun 2030 bagi memenuhi keperluan rakyat.

Oleh demikian itu, LPHP sentiasa komited membantu rakyat memiliki rumah pertama serta memastikan harga rumah kekal dalam kemampuan. Melalui pelaksanaan Dasar Perumahan Negeri Perak (DPNP), setiap pemajuan berkeluasan 20 ekar dan ke atas diwajibkan menyediakan 10% Rumah Perakku I (kos rendah), 10% Rumah Perakku II (kos sederhana) dan 20% Rumah Perakku III (mampu milik).

Selain itu, kadar penalti bagi pengecualian komponen Rumah Perakku juga telah dinaikkan terutamanya bagi permohonan pengecualian Rumah Perakku I dan Rumah Perakku II. Hal ini adalah untuk mengurangkan permohonan pengecualian penyediaan komponen Rumah Perakku oleh pemaju swasta sekaligus memastikan pemaju-pemaju tetap menyediakan Rumah Perakku terutamanya Rumah Perakku I dan Rumah Perakku II bagi memenuhi keperluan rakyat berpendapatan rendah dan sederhana.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui LPHP turut memperkenalkan Program Skim Sewa Perak Sejahtera (SSPS) yang menawarkan kadar sewa sekitar 20% lebih rendah daripada kadar pasaran bagi membantu mengurangkan beban kewangan sementara sebelum memiliki kediaman sendiri terutamanya bagi golongan muda.

3. Aktiviti pengkuarian di beberapa kawasan di negeri Perak menimbulkan kebimbangan terhadap kesan alam sekitar serta keselamatan komuniti berhampiran. Apakah langkah kerajaan negeri bagi memastikan aktiviti kuari yang dilaksanakan kekal terkawal dan mengikut piawaian yang telah ditetapkan?

Jawapan Soalan 3

Dato' Seri Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab secara bersekali persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Trong dan Yang Berhormat Lubok Merbau kerana menyentuh perkara yang sama iaitu kekhuatiran mengenai aktiviti pengkuarian di kawasan-kawasan tertentu di dalam negeri Perak.

Untuk makluman kedua-dua Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Perak sentiasa komited dalam memastikan aktiviti perlombongan dan pengkuarian dilaksanakan secara terkawal, selamat serta berlandaskan prinsip pembangunan lestari.

Sejajar dengan aspirasi Pelan Perak Sejahtera 2030, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Agenda Perlombongan Bertanggungjawab sebagai inisiatif strategik yang menekankan amalan perlombongan mampan. Agenda ini memberi fokus kepada pelaksanaan tadbir urus yang baik, pematuhan ketat kepada Prosedur Operasi Standard (SOP), penggunaan teknologi moden yang mesra alam, serta pemeliharaan biodiversiti dan kesejahteraan komuniti sekitar. Pada masa yang sama, ia turut memacu pembangunan industri hiliran bagi meningkatkan nilai tambah sumber mineral serta hasil negeri.

Bagi memperkukuh kawal selia, mulai tahun 2024, setiap aktiviti perlombongan dan pengkuarian diwajibkan memperoleh kelulusan daripada agensi teknikal berkaitan sebelum operasi dimulakan. Antara kelulusan tersebut adalah:

- Laporan Penilaian Kesan Alam Sekeliling (EIA) dan Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) oleh Jabatan Alam Sekitar;
- Kajian Penilaian Impak Sosial (SIA) oleh Plan@Malaysia;
- Pelan Kawalan Hakis dan Kelodak (ESCP) oleh Jabatan Pengairan dan Saliran;
- Skim Pengendalian Melombong (SKSPM) oleh Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia; dan
- Kebenaran Merancang (KM) oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Selain itu, pengusaha kuari dan lombong juga diwajibkan memperbaharui Lesen Pemindahan Bahan Mineral (LPBM) pada setiap tahun. Kelulusan pembaharuan lesen ini tertakluk kepada penilaian prestasi oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri, termasuk pematuhan kepada syarat teknikal, pembayaran royalti dan fi berkaitan. Kegagalan mematuhi syarat yang ditetapkan boleh menyebabkan pembaharuan lesen ditolak atau ditangguhkan sehingga tindakan pembetulan diambil. Dari aspek teknikal, Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) memainkan peranan penting sebagai badan kawal selia di bawah

Akta Pembangunan Mineral 1994. Setiap operasi kuari diwajibkan memperoleh kelulusan Skim Pengendalian Melombong (SKSPM), yang merangkumi pelan terperinci berkaitan kaedah pengorekan, keselamatan operasi dan pengurusan peletupan yang disediakan oleh profesional bertauliah. JMG turut menetapkan kawalan ketat terhadap aktiviti peletupan, termasuk pemantauan gegaran bumi dan ledakan udara menggunakan peralatan seismograf. Bagi kawasan berhampiran penempatan awam atau kawasan sensitif, kawalan tambahan dikenakan termasuk keperluan kelulusan khas bagi setiap aktiviti peletupan. Pendekatan pengauditan sendiri berasaskan Sustainable Development Indicators (SDI) turut diperkenalkan oleh JMG, di mana pengusaha kuari diwajibkan menjalankan audit sendiri setiap enam bulan oleh perunding bertauliah yang diiktiraf oleh Lembaga Jurutera Malaysia. Penilaian SDI merangkumi enam (6) kriteria utama iaitu pematuhan undang-undang, amalan terbaik, faedah kepada komuniti, amalan hijau, tanggungjawab sosial korporat (CSR) dan nilai estetika. Kesimpulannya, Kerajaan Negeri Perak melalui pendekatan yang menyeluruh merangkumi perancangan dasar, kawal selia teknikal, pemantauan berterusan dan penguatkuasaan tegas oleh Jabatan dan Agensi berwajib, sentiasa berusaha memastikan aktiviti pengkuarian dilaksanakan secara bertanggungjawab, mampan dan tidak menjejaskan keseimbangan alam sekitar serta mengutamakan keselamatan rakyat, di samping terus menyumbang kepada pembangunan ekonomi negeri.

(NOTA TAMBAHAN):-

1. JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS (JMG)

Nota tambahan Kajian Status Pencemaran Yang Berlaku Di Daerah Hulu Perak Berkaitan Air Sungai Bertukar Menjadi Biru oleh JMG akan disediakan dan dibekalkan oleh En. Surendran Nair, Penolong Pengarah (Sumber Asli, Alam Sekitar & Air) UPEN setelah mendapat maklumat berkaitan daripada pihak JMG.

SOALAN-SOALAN BERTULIS

1. Konflik geopolitik yang semakin memuncak di Timur Tengah berpotensi menjejaskan rantai bekalan tenaga global serta meningkatkan kos bahan api. Mohon Kerajaan Negeri menyatakan sejauh manakah krisis tenaga global ini dijangka memberi kesan kepada sektor perindustrian di Perak khususnya yang melibatkan pelaburan dalam sektor pembuatan, elektrik dan elektronik serta industri berasaskan petroleum.

Jawapan Soalan 1

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Konflik di Asia Barat yang tercetus sejak bulan Februari 2026 telah menjadi krisis geopolitik yang memberi impak besar kepada ekonomi global secara menyeluruh. Kita kini berdepan kemungkinan krisis tenaga global yang memberi kesan terhadap segenap aspek rantai ekonomi negara, tidak terkecuali kepada negeri Perak. Semua sektor dijangka akan menerima impak daripada krisis global ini. Penutupan dan gangguan laluan perdagangan di Selat Hormuz memberi kesan gangguan bekalan input bahan mentah di peringkat global. Kenaikan kos penghantaran, premium insurans kapal dan perubahan laluan perdagangan antarabangsa menyumbang secara signifikan kepada kos pengeluaran yang tinggi dan penurunan produktiviti pengeluaran. Antara yang terkesan adalah sektor pembuatan, perkhidmatan, pembinaan dan perumahan. Sektor pertanian juga terkesan oleh kenaikan kos input pertanian dan logistik yang memberi impak langsung kepada pengguna melalui kenaikan harga barang asas seperti sayur-sayuran, buah-buahan, ayam, telur dan hasil pertanian lain sekaligus menjejaskan keterjaminan makanan.

Sektor pelancongan juga tidak terkecuali menerima tempas ekoran konflik yang semakin sukar diramal apabila pelancong luar negara mengambil sikap lebih berhati-hati atas faktor keselamatan dan kos perjalanan yang meningkat secara drastik.

Dato' Seri Yang di-Pertua,

Yang Berhormat Pasir Pinji dan Yang Berhormat Pokok Assam ada bertanyakan tentang kesan krisis global ini kepada kedudukan pelaburan asing di negeri Perak.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada pemantauan semasa, senario pelaburan asing di Malaysia amnya dan di negeri Perak secara khusus dilihat masih berdaya tahan. Impak kepada negeri Perak juga dilihat masih berada pada tahap minimum dan terkawal. Tiada pelaburan utama yang dibatalkan setakat ini, dan projek-projek sedia ada terus berjalan seperti dirancang. Dilihat dari sudut peluang, Malaysia termasuk negeri Perak berpotensi mendapat manfaat melalui fenomena pengalihan rantai bekalan apabila syarikat antarabangsa mencari lokasi pelaburan alternatif yang lebih stabil di rantau Asia Tenggara. JPMorgan Chase & Co pada 27 Mac 2026 menyenaraikan Malaysia sebagai antara ekonomi paling berdaya tahan dalam menghadapi krisis tenaga pada ketika ini dan masih berada dalam keadaan relatif stabil. Kumpulan Bank Dunia dalam kenyataan rasmi bertarikh 9 April 2026 pula mengunjurkan pertumbuhan ekonomi Malaysia 2026 kepada 4.4 peratus daripada 4.1 peratus berdasarkan permintaan domestik yang berdaya tahan. Doa dan harapan kita semua semoga keadaan ini dapat dikekalkan. Dalam mendepani krisis yang serba dinamik ini, harus saya akui secara jujur di dalam dewan yang mulia ini bahawa tiada perkara yang benar-benar pasti. Justeru, Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk memberi sebarang jaminan mutlak yang bersifat spekulatif. Fokus kita pada saat ini bukan pada janji-janji manis, sebaliknya pada kesiapsiagaan kita untuk menyesuaikan strategi mengikut keadaan semasa yang sering berubah. Kerajaan Negeri akan sentiasa memantau perkembangan semasa dan bekerjasama rapat dengan Kerajaan Persekutuan untuk merangka strategi adaptasi bagi meminimumkan impak krisis ini kepada ekonomi dan kesejahteraan rakyat. Kebersamaan yang kita bina telah berjaya membawa negeri ini mengharungi jerih perih pandemik Covid-19 dan kita bangkit semula. Dengan komitmen semua pihak, insya-Allah sekali lagi kita mampu mendepani cabaran getir ini bersama-sama.

2. Apakah pelan strategik kerajaan negeri dalam memperkasa pembangunan belia di Perak bagi tempoh 5 tahun akan datang?

Jawapan Soalan 2

No. Rujukan: 27125

Soalan 2 (Lubuk Merbau)

Apakah pelan strategik **kerajaan negeri** dalam memperkasa pembangunan belia di Perak bagi tempoh 5 tahun akan datang?

Jawapan

Tuan Yang Dipertua, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Perak sentiasa peka dalam pembangunan belia terutamanya dalam usaha membangunkan personaliti dan juga kendiri mereka selaras dengan Dasar Belia Malaysia 2015. Di bawah dasar tersebut terdapat 8 jenis kumpulan belia yang menjadi fokus kepada Jabatan dalam melaksanakan pelbagai aktiviti bagi memenuhi dan meningkatkan potensi mereka. 8 kumpulan belia tersebut antaranya adalah:

1. Belia Bersekolah;
2. Belia Pengajian Tinggi;
3. Belia Bekerjaya;
4. Perkumpulan Belia;
5. Belia Massa;
6. Belia Malaysia Antarabangsa;
7. Belia Minoriti;
8. Belia Berisiko.

Pelbagai kumpulan belia ini boleh diperkasa melalui **Dasar Belia Malaysia 2015, Pelan Pemerkasaan Sosioekonomi Belia 2030 dan Pelan Pembangunan Belia MADANI 2030**.

1) Dasar Belia Malaysia 2015 merupakan “asas” utama kepada pembentukan belia yang seimbang dari segi ilmu, akhlak dan kepimpinan.

2) Pelan Pemerkasaan Sosioekonomi Belia 2030 memberi tumpuan kepada kehidupan sebenar golongan belia dalam menjana pendapatan, dan menceburi bidang keusahawanan. Pelan ini adalah untuk membantu golongan belia agar lebih stabil dari segi ekonomi.

3) Pelan Pembangunan Belia MADANI 2030 menambah nilai dari sudut kesejahteraan hidup. Ia memberi penekanan kepada kesihatan mental, keseimbangan hidup, nilai integriti dan penglibatan aktif dalam komuniti. Dalam konteks belia yang berjaya dan sejahtera, pelan pembangunan ini menjurus kepada keseimbangan hidup golongan ini.

Ketiga-tiga dasar dan pelan ini saling melengkapi dalam usaha membangunkan belia Malaysia dan menyokong matlamat Perak Sejahtera 2030 kerana belia yang berilmu, stabil ekonomi dan sejahtera akan membantu membangunkan negeri yang maju dan harmoni.

(JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGERI PERAK)

3. Berapa banyak fasiliti sukan di Perak yang dikategorikan sebagai uzur atau tidak selamat, dan apakah garis masa khusus untuk kerja naik taraf atau pembaikan?

Jawapan Soalan 3

No. Rujukan: 27126

Soalan 3(Lubuk Merbau)

Berapa banyak fasiliti sukan di Perak yang dikategorikan sebagai uzur atau tidak selamat, dan apakah garis masa khusus untuk kerja naik taraf atau pembaikan?

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Negeri Perak, bagi pihak Kementerian Belia dan Sukan Malaysia, terdapat tujuh (7) fasiliti sukan sedia ada di Negeri Perak yang berada di bawah seliaan Jabatan Belia dan Sukan Negeri Perak iaitu:

1. Kompleks Belia dan Sukan Negeri Perak
2. Kompleks Rakan Muda Kampar
3. Kompleks Rakan Muda Larut Matang
4. Kompleks Sukan Bagan Datuk
5. Kompleks Sukan Tapah, Batang Padang
6. Kompleks Sukan Komuniti Sungai Siput
7. Padang Bolasepak Sintetik Gerik

Kesemua fasiliti ini sedang melalui proses penyelenggaraan, baik pulih dan naik taraf secara berperingkat bagi memastikan ia terus berada dalam keadaan baik serta mampu memberikan perkhidmatan yang optimum kepada komuniti setempat di seluruh Negeri Perak. Usaha ini dilaksanakan bagi memastikan kemudahan sukan sedia ada dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh golongan belia, atlet serta masyarakat setempat.

Pada masa yang sama, pihak Jabatan Belia dan Sukan Negeri Perak turut melaksanakan pemantauan berterusan ke atas kemudahan sukan khususnya sebanyak 189 buah gelanggang futsal yang berada di bawah seliaan dan binaan Kementerian Belia dan Sukan Malaysia terdahulu di semua daerah. Pemantauan ini bertujuan mengenal pasti keperluan baik pulih dan seterusnya mengemukakan permohonan peruntukan kepada kementerian bagi memastikan kemudahan tersebut sentiasa selamat dan sesuai digunakan. Gelanggang - gelanggang ini juga kebanyakannya telah diserahkan semula pemilikannya kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang berkaitan dan pemilik tanah asal iaitu sebanyak 78 buah gelanggang serta sebahagiannya lagi masih dalam proses untuk menyelesaikan urusan serah milik serta pelupusan.

Untuk makluman, pihak Kementerian Belia dan Sukan Malaysia melalui Jabatan Belia dan Sukan Negeri Perak juga tidak menetapkan jumlah tetap bagi penyelenggaraan sesebuah kemudahan sukan yang uzur di bawah seliaan kementerian. Namun begitu, fokus kementerian pada masa ini lebih tertumpu kepada pelaksanaan projek-projek baik pulih dan naik taraf fasiliti serta kemudahan sukan sedia ada milik kementerian yang telah uzur serta memerlukan pembaikan segera secara berperingkat mengikut keutamaan dan keperluan semasa.

Kerja-kerja penyelenggaraan, baik pulih dan naik taraf fasiliti sukan di bawah seliaan Kementerian Belia dan Sukan Malaysia pada ketika ini lazimnya menggunakan peruntukan penyelenggaraan dan naik taraf projek kecil. Pelaksanaan projek ini perlu disiapkan dalam tahun semasa peruntukan diturunkan dan tempoh pelaksanaan kerja biasanya mengambil masa antara **dua (2) hingga empat (4) bulan**, tertakluk kepada skop kerja serta keadaan semasa di tapak.

Walau bagaimanapun, pihak Jabatan Belia dan Sukan Negeri Perak sentiasa terbuka untuk menerima sebarang permohonan baik pulih atau naik taraf fasiliti daripada pihak Yang Berhormat untuk dibawa ke peringkat penilaian dan seterusnya diangkat untuk perhatian Bahagian Pembangunan kementerian. Permohonan tersebut juga boleh dikemukakan melalui Pejabat Belia dan Sukan Daerah (PBSD) yang berdekatan bagi tujuan penilaian awal serta penyediaan laporan pemeriksaan tapak sebelum dipanjangkan ke pihak kementerian untuk pertimbangan selanjutnya. Pertimbangan terhadap permohonan tersebut pula adalah tertakluk kepada keutamaan projek serta kemampuan kewangan semasa kerajaan.

(JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGERI PERAK)

4. Adakah kerajaan negeri mempunyai pelan khusus untuk meningkatkan jumlah perumahan mampu milik di kawasan luar bandar termasuklah di DUN Lubok Merbau, bukan hanya tertumpu di bandar seperti Ipoh?

Jawapan Soalan 4

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat,

LPHP sebagai agensi penggerak pembangunan perumahan khususnya mampu milik sentiasa menggalakkan dan mengalukan penglibatan agensi-agensi termasuk pemaju swasta untuk menyediakan perumahan mampu milik di Negeri Perak terutamanya di kawasan luar bandar.

Namun begitu, cadangan pembangunan perumahan adalah mengikut perancangan setiap pemain industri perumahan. Hal ini kerana setiap perancangan pemajuan sama ada oleh agensi kerajaan mahupun pemaju swasta adalah bergantung kepada lokasi tanah yang dimiliki.

Selain itu, setiap pemajuan adalah bergantung kepada modal perniagaan dan kesesuaian tapak bagi memastikan kos yang ditanggung bagi penyediaan projek perumahan tersebut bersesuaian dengan penawaran dan permintaan disesuatu kawasan.

Hal ini sangat penting bagi memastikan pemaju tidak menanggung kos pembinaan yang sangat tinggi sehingga menyebabkan risiko kerugian, sekali gus menjejaskan keupayaan kewangan pemaju dan berpotensi mengakibatkan projek tidak dapat disiapkan sepenuhnya.

Soalan Dari : YB PUAN BAVANI A/P VERAIAH
Ahli Dewan Undangan Negeri : (MALIM NAWAR)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. Isu Pelaksanaan Bandar Pintar

Pelaksanaan inisiatif Bandar Pintar merupakan antara usaha penting dalam meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam dan kualiti hidup rakyat. Walau bagaimanapun, tahap pelaksanaan serta impak sebenar inisiatif ini di peringkat pihak berkuasa tempatan masih memerlukan penjelasan yang lebih terperinci. Kejelasan ini penting bagi memastikan peruntukan yang disalurkan kepada PBT bagi pelaksanaan inisiatif Bandar Pintar?

- Berapakah jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada PBT bagi pelaksanaan inisiatif Bandar Pintar?
- Apakah perkembangan terkini bagi PBT yang telah menerima penarafan Smart City Early Adopter?
- Apakah impak pelaksanaan ini kepada kesejahteraan rakyat dan kecekapan perkhidmatan awam setakat ini?

Jawapan Soalan 1

JAWAPAN A

Untuk makluman Yang Berhormat,

Kerajaan Negeri sememangnya memberikan tumpuan khusus kepada Pihak Berkuasa Tempatan bagi memastikan agenda bandar pintar dapat dilaksanakan secara inklusif di seluruh negeri. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM800,000.00 khusus bagi tujuan menyediakan Kajian Pelan Tindakan Bandar Pintar Peringkat PBT. Peruntukan ini disalurkan kepada empat (4) PBT iaitu Majlis Daerah Pengkalan Hulu, Majlis Daerah Selama, Majlis Daerah Gerik dan Majlis Daerah Lenggong.

Selain daripada itu, beberapa PBT juga turut menerima peruntukan daripada pelbagai sumber, antaranya Geran Smart City Early Adopters yang disalurkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan berjumlah RM200,000.00 (Majlis Bandaraya Ipoh dan Majlis Perbandaran Teluk Intan), RM400,000.00 (Majlis Perbandaran Manjung dan Majlis Daerah Kampar) dan RM300,000.00 (Majlis Perbandaran Taiping, Majlis Daerah Kerian dan Majlis Daerah Perak Tengah).

Geran daripada Kementerian Digital berjumlah RM1.7juta bagi pembangunan projek bandar pintar berasaskan teknologi 5G dan Kecerdasan Buatan (AI) dan peruntukan khas dari Kementerian Dalam Negeri melalui PLANMalaysia sebanyak RM600,000.00 bagi pembangunan mampan Bandar Selamat di sekitar Jelapang, Ipoh (Majlis Bandaraya Ipoh). Peruntukan berjumlah RM250,000.00 daripada Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (KETSAs) bagi pemasangan panel solar dan pembangunan Smart Street Lighting berjumlah RM400,000.00 daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi Majlis Perbandaran Teluk Intan. Inisiatif Bandar Selamat dan Pintar berjumlah RM400,000.00 (Majlis Daerah Perak Tengah).

JAWAPAN B

Untuk makluman Yang Berhormat,

Sehingga kini sebanyak tujuh (7) di Negeri Perak telah berjaya meraih penarafan Smart City Early Adopter daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan antaranya Majlis Bandaraya Ipoh, Majlis Perbandaran Teluk Intan, Majlis Daerah Kampar, Majlis Perbandaran Manjung, Perkembangan terkini bagi PBT yang telah menerima penarafan *Smart City Early Adopter* adalah seperti berikut:

Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) sedang dalam proses akhir peralihan ke Tahap 2 *Developing Smart City* berpandukan piawaian MS ISO 37122, Integrasi Model Ipoh Doughnut Economics melalui penggunaan sensor Internet Pelbagai Benda (IoT) secara meluas bagi memantau kualiti udara dan kelestarian alam sekitar secara masa nyata (*real-time*), pemerkasaan tadbir urus Digital dan AI melalui Sistem OSC 3 Plus bagi mempercepatkan proses kelulusan pelan pembangunan, inisiatif masyarakat

digital diperkukuh melalui peluasan zon pembayaran tanpa tunai di seluruh pasar awam dan premis perniagaan dan pemusatan data di Ipoh Integrated Operation Centre (IIOC) bagi pengurusan bandar raya yang responsif.

Majlis Perbandaran Teluk Intan (MPTI) kini sedang mempergiat usaha untuk meningkatkan penarafan ke Tahap 2 *Developing Smart City* melalui pemeraksanaan kerjasama strategik bersama agensi, pemain industri serta pelabur, memperluaskan pemasangan panel solar di bangunan-bangunan milik MPTI dan penyediaan kemudahan stesen pengecasan kenderaan elektrik (EV) di lokasi strategik di MPTI.

Majlis Perbandaran Manjung (MPM) melaksanakan projek menaik taraf Sistem Lampu Isyarat Pintar di tiga (3) persimpangan utama di Bandar Seri Manjung, penggunaan Sistem Digital iGiSMPM (Sistem Maklumat Geografi) dan Sistem Pelesenan Pintar myPATIL terus diperkasakan bagi meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan dan penguatkuasaan secara masa nyata.

Majlis Daerah Kampar menunjukkan kemajuan signifikan sebagai PBT kategori daerah pertama dan perkembangan terkini Kampar telah menubuhkan Pusat Operasi Bersepadu Kampar (Kampar IOC).

Majlis Daerah Perak Tengah melaksanakan pemasangan Smart Street Light, dalam proses untuk membangunkan Smart Busstop dan Smart Pole serta pemasangan tempat pengecasan EV.

Majlis Daerah Kerian sedang menggalakkan penglibatan pemaju hartanah dalam alam Program Penarafan Perbandaran Pintar (*Smart Township*) Malaysia 2026 bagi menyokong ekosistem pembangunan pintar yang lebih meluas di daerah Kerian.

JAWAPAN C

Untuk makluman Yang Berhormat,

Pelaksanaan inisiatif Bandar Pintar dan teknologi *Internet of Things* (IoT) telah memberikan impak yang signifikan terhadap kesejahteraan rakyat dan kecekapan perkhidmatan awam melalui transformasi digital yang drastik di peringkat PBT.

Dari aspek mobiliti, penggunaan lampu isyarat AI berjaya mengurangkan masa perjalanan antara 15% hingga 51%, manakala keselamatan awam diperkukuh menerusi pemantauan 24/7 oleh pusat operasi bersepadu (seperti IIOC) yang membantu menurunkan kadar jenayah jalanan. Selain itu, produktiviti perkhidmatan awam meningkat melalui sistem e-pembayaran dan permohonan digital seperti Park@Perak dan OSC 3.0 Plus yang mempercepatkan proses kelulusan serta memendekkan tempoh penyelesaian aduan daripada tujuh (7) hari kepada hanya satu (1) hingga tiga (3) hari.

Inisiatif ini turut menyokong aspirasi bandar rendah karbon dengan penjimatan kos tenaga elektrik sehingga 40% melalui lampu jalan LED pintar, sekali gus mewujudkan ekosistem bandar yang lebih responsif, telus, dan berdaya huni bagi seluruh komuniti.

2. Isu Pembuangan Sampah Haram & Kebersihan Awam

Isu pembuangan sampah haram masih dilaporkan berlaku di beberapa lokasi dalam Kampar dan memberi kesan kepada kebersihan persekitaran serta kesihatan awam. Keadaan ini juga menjejaskan imej kawasan dan kualiti hidup penduduk setempat sekiranya tidak ditangani secara berkesan. Oleh itu, langkah penguatkuasaan dan pencegahan yang lebih menyeluruh amat diperlukan.

- a) Berapakah jumlah lokasi 'hotspot' pembuangan sampah haram yang telah dikenal pasti di Kampar setakat ini?
- b) Apakah langkah penguatkuasaan yang telah dilaksanakan oleh pihak berkuasa tempatan, dan sejauh mana keberkesanannya dalam mengurangkan kes berulang?

Jawapan Soalan 2

JAWAPAN A

Untuk makluman Yang Berhormat,

Berdasarkan rekod, sebanyak 10 lokasi 'hotspot' pembuangan sampah haram telah dikenal pasti sepanjang tahun 2025. Hasil tindakan penguatkuasaan dan penutupan secara berperingkat, sebahagian lokasi tersebut telah berjaya ditangani.

Walau bagaimanapun, sehingga Mac 2026, kewujudan lokasi baharu sebanyak 8 lokasi 'hotspot' masih dikenal pasti sebagai aktif dan dalam pemantauan pihak Majlis.

JAWAPAN B

Untuk makluman Yang Berhormat,

Majlis Daerah Kampar (MDKpr) telah melaksanakan beberapa langkah penguatkuasaan bagi menangani isu ini termasuk meningkatkan rondaan dan pemantauan di kawasan 'hotspot', pemasangan papan tanda dan pita larangan, pengeluaran kompaun dan notis terhadap salah laku serta melaksanakan pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) secara berperingkat dan membuat hebahan program kesedaran awam melalui media sosial.

Daripada segi keberkesanan, langkah-langkah ini telah menunjukkan pengurangan kes di beberapa lokasi yang berjaya ditutup. Namun begitu, kejadian berulang masih berlaku di kawasan tertentu, akibat sikap tidak bertanggungjawab segelintir pihak.

Oleh itu, pendekatan yang lebih menyeluruh dan berterusan, termasuk kerjasama komuniti, pendidikan awam, serta penguatkuasaan yang lebih tegas diperlukan bagi memastikan masalah ini dapat ditangani secara berkesan.

3. Isu Kecurian Kabel & Infrastruktur Terbuka

Kejadian kecurian kabel dilihat semakin kerap berlaku dan menimbulkan kebimbangan dalam kalangan penduduk, khususnya di Kampar. Situasi ini bukan sahaja menjejaskan perkhidmatan utiliti, malah turut menyebabkan infrastruktur seperti lubang kabel dibiarkan terbuka dan berisiko kepada keselamatan awam. Keadaan ini memerlukan perhatian serta tindakan yang lebih berkesan bagi mengelakkan kejadian berulang.

a) Berapakah jumlah kes kecurian kabel yang direkodkan dan dilaporkan dalam tempoh 2023 hingga 2025 kebelakangan ini di Perak, khususnya di Kampar?

b) Adakah pihak kerajaan negeri mempunyai pendekatan untuk menangani isu kecurian kabel ini demi kepentingan keselamatan penduduk khususnya di Kampar?

Jawapan Soalan 3

JAWAPAN A:

Berdasarkan statistik daripada PDRM kes kecurian kabel di Negeri Perak bagi Tahun 2023 adalah sebanyak 126 kes dengan 99 kes atau 77.30 % kes selesai. Sementara bagi tahun 2024 sebanyak 245 kes di laporkan dengan 192 kes atau 78.40 % kes selesai. Bagi tahun 2025 pula sebanyak 212 kes dilaporkan dengan 151 kes atau 71.20 % kes selesai. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes kecurian kabel yang berlaku adalah sebanyak 583 kes dengan kes selesai sebanyak 442 kes atau 75.81 % dan nilai kerugian keseluruhan yang dilaporkan sebanyak RM 5,919,149.00. Bagi daerah Kampar kes kecurian kabel yang dilaporkan bagi Tahun 2023 hingga 2025 adalah sebanyak 13 kes atau 2.2 % daripada jumlah kes keseluruhan di Negeri Perak.

Berdasarkan rekod pihak Telekom Malaysia yang dilaporkan bagi tempoh 2023 hingga 2025, kawasan Lembah Kinta yang merangkumi Batu Gajah, Ipoh dan Tasek mencatatkan sebanyak 301 kes kecurian kabel.

Daripada jumlah tersebut, kawasan Batu Gajah yang turut meliputi Kampar merekodkan sebanyak 54 kes. Angka ini jelas menunjukkan bahawa jenayah kecurian kabel bukan sahaja tertumpu di kawasan bandar utama, malah turut menular ke kawasan sekitarnya termasuk Kampar.

Situasi ini menuntut perhatian serius daripada pihak berkuasa dan masyarakat setempat, memandangkan kesannya bukan sahaja melibatkan kerugian harta benda, tetapi juga boleh menjejaskan kemudahan awam serta keselamatan infrastruktur.

JAWAPAN B:

Dalam mendepani isu kecurian kabel yang semakin meruncing, persoalan mengenai keberkesanan pendekatan kerajaan negeri dan agensi berkaitan menjadi tumpuan utama, khususnya bagi menjamin keselamatan penduduk.

Secara realitinya, beberapa langkah proaktif telah diambil bagi mengekang jenayah ini daripada terus berleluasa. Antaranya termasuk pelaksanaan rondaan berkala oleh unit keselamatan TM di kawasan-kawasan berisiko tinggi. Inisiatif ini turut diperkukuhkan melalui kerjasama strategik bersama pihak polis, di mana rundingan telah diadakan bagi meningkatkan kekerapan rondaan di lokasi yang dikenal pasti sebagai 'hot spot'. Pendekatan kolaboratif ini dilihat sebagai usaha penting dalam meningkatkan kehadiran penguat kuasa sekali gus bertindak sebagai faktor pencegahan.

Selain itu, langkah teknikal turut diperkenalkan bagi mengurangkan peluang berlakunya kecurian. Sejak tahun 2022, TM telah melaksanakan inisiatif menutup (seal) manhole serta menjalankan program 'copper recovery' bagi menggantikan kabel tembaga yang sering menjadi sasaran pencuri. Sehingga kini, sebanyak 1,024 manhole telah berjaya ditutup di seluruh Perak termasuk di Kampar, manakala sepanjang 1,745 kilometer kabel tembaga telah dipulihkan.

Walaupun langkah-langkah ini menunjukkan komitmen yang berterusan, isu kecurian kabel masih memerlukan pendekatan yang lebih menyeluruh dan bersepadu. Justeru, usaha berterusan serta penglibatan semua pihak termasuk komuniti setempat amat penting bagi memastikan keselamatan infrastruktur dan kesejahteraan penduduk terus terpelihara.

SOALAN-SOALAN BERTULIS

1. Isu Program Perumahan Yayasan Perak

- Sila nyatakan statistik Projek Sayangi Rumahku yang telah dibina atau dibaik pulih dari tahun 2023 hingga 2025 di Perak, khususnya di Kampar?
- Nyatakan kuantiti pelaksanaan program ini dan sasaran tahunan yang ditetapkan?
- Adakah kerajaan negeri bercadang menambah kuantiti permohonan bagi Projek Sayangi Rumahku ini pada tahun 2026?

Jawapan Soalan 1

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berikut adalah perincian statistik bagi **Projek Sayangi Rumahku (Bina Baharu dan Baik Pulih)** bagi tempoh tiga tahun (2023–2025) untuk seluruh Negeri Perak dan secara khususnya bagi Daerah Kampar:-

1. Statistik Keseluruhan Negeri Perak

Secara keseluruhannya, kerajaan negeri melalui agensi berkaitan telah berjaya melaksanakan sebanyak **361 unit** bantuan rumah di bawah program ini bagi tempoh tersebut.

Tahun	2023	2024	2025
Bina Baharu	24 unit	17 unit	10 unit
Baik Pulih	74 unit	121 unit	115 unit
Jumlah	98 unit	138 unit	125 unit

2. Statistik Khusus Daerah Kampar

Bagi Daerah Kampar, berdasarkan permohonan yang diterima secara online dan yang menepati syarat kelulusan permohonan yang ditetapkan dengan pecahan seperti berikut:

Daerah Kampar

Tahun	2023	2024	2025
Bina Baharu	2 unit	1 unit	1 unit
Baik Pulih	1 unit	-	8 unit
Jumlah	3 unit	1 unit	9 unit

B) Nyatakan kuantiti pelaksanaan program ini dan sasaran tahunan yang ditetapkan?

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan pengumuman Bajet 2026, Yayasan Perak telah menetapkan sasaran pelaksanaan bagi Program Sayangi Rumahku berdasarkan peruntukan yang diluluskan berjumlah RM3.0 juta.

Pecahan sasaran dan agihan peruntukan adalah seperti berikut:

Pelan Sasaran Program Sayangi Rumahku (Tahun 2026)

Kategori Program	Peruntukan Agihan	Sasaran Kuantiti (Unit)
Baik Pulih	RM 2,100,000.00	105 Unit
Bina Baharu	RM 900,000.00	12 Unit
JUMLAH KESELURUHAN	RM 3,000,000.00	117 Unit

- **Baik Pulih: RM20,000 per unit.**
- **Bina Baharu: RM75,000 per unit.**

C) Adakah Kerajaan Negeri Bercadang menambah kuantiti permohonan bagi Projek Sayangi Rumahku ini pada tahun 2026?

Kerajaan Negeri amat prihatin terhadap keperluan perumahan rakyat dan telah mengambil langkah proaktif untuk memperkasakan program ini. Bagi tahun 2026, Kerajaan Negeri telah **meningkatkan peruntukan kepada RM 3.0 juta**, berbanding peruntukan tahun 2024 dan 2025 yang berjumlah RM2.7 juta.

2. Isu Lot Tanah Terbiar

- a) Berapakah jumlah sebenar lot tanah milik syarat kediaman terbiar yang telah dikenal pasti tanpa bangunan di Kampar bagi agensi kerajaan PLB dan PBT.
- b) Adakah kerajaan negeri bercadang memperkenalkan mekanisme pemantauan atau penalti yang lebih tegas bagi menangani isu yang mengganggu keselamatan persekitaran penduduk di kawasan ini secara berkesan?

Jawapan Soalan 2

Yang Berhormat Malim Nawar membangkitkan kekusaran mengenai lot tanah milik syarat kediaman yang terbiar. Untuk makluman, berdasarkan rekod terkini di Daerah Kampar, sebanyak 465 lot tanah milik syarat kediaman di bawah Rancangan Perkampungan Tersusun (RPT) telah dikenal pasti sebagai terbiar tanpa sebarang binaan. Isu ini berkait rapat dengan status lokasi RPT tersebut yang masih belum mempunyai kemudahan infrastruktur yang lengkap, khususnya jalan premix dan sistem perparitan yang sempurna.

Secara keseluruhannya, daripada 642 lot yang telah diluluskan kepada peserta, hanya 177 unit rumah yang telah berjaya dibina. Data menunjukkan terdapat jurang pembangunan yang ketara di beberapa lokasi utama, di mana RPT Gua Sanding mencatatkan jumlah lot terbiar tertinggi iaitu sebanyak 200 lot tanpa sebarang binaan setakat ini.

Keadaan yang sama turut dikesan di RPT Sungai Siput Selatan yang melibatkan 41 lot terbiar, manakala RPT Changkat Tualang dan RPT Sungai Itek masing-masing mencatatkan 86 dan 74 lot tanpa bangunan.

Walau bagaimanapun, beberapa kawasan menunjukkan perkembangan yang lebih positif. Sebagai contoh, RPT Keranji memperlihatkan kadar pengisian yang tinggi dengan 49 buah rumah telah dibina daripada 57 lot yang tersedia, meninggalkan hanya baki lapan lot terbiar. Begitu juga di RPT Changkat Baru (Blok Klinik dan Simpang 4) yang mencatatkan baki lot kosong yang sangat minimum, iaitu antara dua hingga lima lot sahaja.

Statistik ini mencerminkan keperluan mendesak untuk penyediaan infrastruktur yang lebih kondusif bagi menggalakkan pemilik tanah membina kediaman mereka. Pemantauan berterusan terhadap 465 lot terbiar ini adalah penting bagi memastikan perancangan perumahan di daerah Kampar dapat dilaksanakan secara optimum demi manfaat rakyat setempat.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pelaksanaan pemantauan dan tindakan penguatkuasaan terhadap isu tanah terbiar yang mengganggu keselamatan persekitaran adalah tertakluk kepada had bidang kuasa yang ditetapkan di bawah peruntukan undang-undang sedia ada. Secara dasarnya, tanggungjawab pembersihan dan penyelenggaraan tanah persendirian terletak sepenuhnya di bawah tanggungjawab pemilik tanah tersebut. Pihak Majlis tidak mempunyai punca kuasa untuk menceroboh atau melakukan pembersihan menyeluruh di atas tanah milik persendirian kerana ia tidak dikategorikan sebagai kawasan awam.

Dari sudut perundangan, lot tanah milik persendirian adalah tertakluk kepada peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara. Sekiranya pemilik tanah membiarkan lot mereka terbiar sehingga melanggar syarat nyata tanah seperti syarat kediaman, tindakan penguatkuasaan boleh dimulakan melalui pengeluaran notis sehingga boleh mengakibatkan pelucuthakan hakmilik.

Langkah ini merupakan bentuk penalti dan kawalan utama bagi memastikan pemilik tanah tidak mengabaikan aset mereka sehingga menjejaskan kawasan sekitar.

Sementara itu, skop kerja pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau pihak Majlis adalah lebih tertumpu kepada penyelenggaraan kawasan awam seperti jalan utama, taman permainan, kawasan lapang, dan sistem perparitan utama. Walau bagaimanapun, pihak Majlis tetap mempunyai peranan dalam menangani isu "kacau ganggu" yang mendesak. Jika kawasan persendirian yang terbiar didapati menjadi punca pembiakan semak samun atau longgokan sampah sehingga mengancam kesihatan dan keselamatan awam, pihak Majlis boleh mengeluarkan notis arahan pembersihan kepada pemilik tanah terlibat.

Bagi menangani isu ini secara berkesan, kerajaan negeri mengamalkan pendekatan integrasi antara agensi. Pihak Majlis akan bertindak terhadap unsur kacau ganggu demi kepentingan awam, manakala tindakan penguatkuasaan jangka panjang terhadap status lot terbiar akan diselaraskan oleh pihak Pejabat Daerah dan Tanah mengikut punca kuasa yang diperuntukkan. Kerjasama ini bertujuan memastikan keselamatan persekitaran penduduk sentiasa terpelihara melalui pematuhan undang-undang oleh setiap pemilik tanah.

3. Isu Gerai-Gerai atau WarungWarung Di Kawasan Rizab Agensi Kerajaan

- a) Apakah pendekatan pihak kerajaan negeri untuk mengatasi isu pertambahan warung-warung atau gerai-gerai di kawasan yang tidak diberi kelulusan seperti di kawasan rizab PBT, JKR dan PDT khususnya bagi Kampar?
- b) Bagaimanakah kerajaan negeri menangani isu pencemaran seperti habuk jalan raya yang boleh menjejaskan keselamatan dan kesihatan makanan penduduk ?

Jawapan Soalan 3

JAWAPAN A

Untuk makluman Yang Berhormat,

Pihak Majlis Daerah Kampar (MDKpr) telah mengambil pendekatan bagi mengatasi isu pertambahan warung-warung atau gerai-gerai di kawasan yang tidak dibenarkan seperti pernyataan di bawah.

1. **Tindakan Penguatkuasaan:** MDKpr mengambil tindakan tegas seperti sitaan barangan dan kompaun kepada pemilik warung yang dibina di rizab jalan atau tanah kerajaan tanpa kebenaran. MDKpr tidak bertindak terhadap struktur yang dibina di dalam rizab, sebaliknya memaklumkan kepada agensi yang berkaitan untuk tindakan melalui notis pemakluman.

2. **Penyediaan Tapak Sah (Zon Penjaja):** MDKpr berusaha mewujudkan lokasi alternatif yang lebih sesuai dan teratur untuk penjaja seperti berikut :-

- 1) Dataran Niaga Bandar Baru Kampar;
- 2) Dataran Niaga Sentosa;
- 3) Mykiosk Bulatan Mambang Diawan;
- 4) Mykiosk Jalan Susur, Jalan Besar Malim Nawar;
- 5) Mykiosk Jalan Kg Rawa Gopeng;
- 6) Mykiosk Masjid An-Nur Kampar;
- 7) Penjaja Sementara/Statik Jalan Timah Kampar;

- 8) Penjaja Sementara/Statik Jalan Gopeng Baru, Kawasan Perindustrian Gopeng (Lorong Industri 1/2);
- 9) Penjaja Sementara/Statik Jalan Teknologi 2, Kawasan Perindustrian Gopeng 2 / RTC;
- 10) Penjaja Sementara/Statik Pekan Gopeng (Jalan Tasek, sebelah Masjid Lama Gopeng);
- 11) Penjaja Sementara/Statik Taman Kinta, Gopeng (Jalan Perpaduan);
- 12) Penjaja Sementara/Statik Jalan Besar Lawan Kuda, Gopeng, dan
- 13) Penjaja Sementara/Statik Pekan Mambang Diawan.

Penyediaan tapak-tapak ini tertakluk kepada peruntukan pembangunan yang diterima daripada agensi - agensi-agensi yang berkaitan.

3. **Pemutihan dan Pelesenan:** Penjaja haram yang berpotensi akan dilesenkan dan diletakkan di kawasan yang dibenarkan melalui operasi pemutihan.
4. **Notis pemakluman :** Notis kepada JKR, dan Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) untuk pemantauan dan mengambil tindakan di kawasan rizab masing-masing.

JAWAPAN B

Untuk makluman Yang Berhormat,

MDKpr mengambil pendekatan bagi menangani isu pencemaran seperti habuk jalan raya yang boleh menjejaskan keselamatan dan kesihatan makanan penduduk seperti berikut:-

1. **Penguatkuasaan SOP:** MDKpr dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) memastikan pemaju projek mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP), seperti memastikan lori ditutup kanvas, laluan keluar sentiasa dibasahkan dan tayar dibersihkan sebelum keluar ke jalan awam.
 2. **Pembersihan Fizikal:** Pihak kontraktor diwajibkan melakukan pembersihan jalan secara berkala menggunakan mesin pembersih atau pemercik air bagi mengurangkan habuk terampai di kawasan pembangunan projek.
 3. **Pendidikan Awam:** Meningkatkan kesedaran melalui kempen mengenai bahaya pencemaran udara dan kepentingan menjaga kebersihan alam sekitar kepada pemaju dan orang awam.
4. Isu Kawasan Rekreasi & Kualiti Hidup
- a) Berapakah jumlah taman rekreasi awam yang aktif dan diselenggara dengan baik mengikut piawai SDG?
 - b) Nyatakan perancangan jangka panjang pembangunan untuk meningkatkan kualiti hidup penduduk terutamanya bagi warga emas melalui kemudahan rekreasi yang lebih baik?

Jawapan Soalan 4

JAWAPAN A

Untuk makluman Yang Berhormat,

Majlis Daerah Kampar (MDKpr) sentiasa memberikan komitmen yang tinggi dalam memastikan ketersediaan ruang hijau yang berkualiti, selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG 11.7) bagi mewujudkan persekitaran bandar yang inklusif dan selamat.

- i. Setakat ini, sebanyak 46 kawasan lapang telah diwartakan di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara bagi menjamin pengkalan zon hijau daerah secara kekal, manakala selebihnya kini sedang berada dalam pelbagai fasa proses

pewartaan secara berperingkat.

ii. Bagi memastikan kawasan ini berfungsi dengan aktif, pihak Majlis melaksanakan penyeliaan dan penyelenggaraan berkala ke atas rangkaian taman rekreasi awam yang merangkumi:

Taman Awam Utama: iaitu Taman Tasik Kampar, Taman Rekreasi Gopeng, Taman Rekreasi Mambang Diawan, Taman Rekreasi Kampar sebagai pusat riadah komuniti bandar.

Taman Kejiranan: Melibatkan puluhan padang permainan di seluruh zon pentadbiran yang dilengkapi dengan kemudahan asas.

Aksesibiliti Inklusif: Selaras dengan piawai SDG, MDKpr memastikan kawasan rekreasi ini selamat dan mudah diakses oleh semua lapisan masyarakat, termasuk penyediaan lampu limbah LED di bawah program **Bandar Selamat** bagi menjamin keselesaan pengguna pada waktu malam.

JAWAPAN B

Untuk makluman Yang Berhormat,

Perancangan jangka panjang telah dirangka secara sistematik melalui **Rancangan Tempatan Daerah (RTD) Kampar 2030**. Strategi ini memfokuskan kepada pembangunan inklusif bagi meningkatkan kualiti hidup penduduk, khususnya warga emas, melalui penerapan konsep **Bandar Mesra Usia** dan **Bandar Selamat** seperti berikut:

i. **Penyediaan Infrastruktur Mesra Usia:** Melaksanakan konsep *Universal Design* dalam setiap projek pembangunan dan naik taraf. Ini melibatkan pembinaan laluan pejalan kaki tanpa halangan (rata dan tidak licin) serta penyediaan tanjakan (*ramps*) bagi memudahkan aksesibiliti warga emas.

ii. **Penambahbaikan Kemudahan Rekreasi:** Menambah bilangan set peralatan senaman luar (*outdoor gym*) berimpak rendah yang dikhususkan untuk latihan mobiliti dan regangan, serta penyediaan lebih banyak laluan refleksologi di kawasan-kawasan rekreasi tumpuan.

iii. **Pembangunan Pusat Interaksi Sosial Hijau:** Mewujudkan lebih banyak "*Pocket Parks*" atau taman kecil dalam radius berjalan kaki dari kawasan kediaman. Inisiatif ini bagi memastikan warga emas mempunyai ruang santai yang teduh dan selesa berhampiran rumah mereka.

iv. **Penerapan Elemen Bandar Selamat (Safe City):**

a. **Pencahayaan Optimum:** Memastikan semua taman rekreasi dilengkapi lampu LED yang terang bagi menjamin keselamatan pada waktu awal pagi dan malam.

b. **Reka Bentuk Persekitaran (CPTED):** Mengatur landskap taman secara terbuka tanpa halangan pandangan bagi meningkatkan tahap keselamatan semula jadi di kawasan tersebut.

v. **Pemantauan Bersepadu melalui Kampar IOC:** Mengintegrasikan pemantauan kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan rekreasi yang dipantau secara masa nyata oleh **Kampar Integrated Operations Centre (IOC)**. Ini bagi memastikan respon segera dapat diambil sekiranya berlaku sebarang kecemasan.

5. Isu Pasar Awam & Peniaga Kecil

a) Berapakah jumlah pasar awam di Perak yang berada dalam keadaan memerlukan naik taraf atau penyelenggaraan?

b) Apakah bantuan atau insentif yang disediakan kepada peniaga kecil untuk meningkatkan daya saing mereka?

c) Nyatakan pendekatan pihak PBT bagi penjaja-penjaja kecil yang berniaga tanpa mendapatkan kelulusan diperkarangan luar pasar awam yang memberi bebanan atau mengganggu ekonomi penjaja-penjaja di dalam pasar awam?

Jawapan Soalan 5

JAWAPAN A

Untuk makluman Yang Berhormat,

Terdapat 2 pasar awam yang memerlukan naik taraf dan penyelenggaraan segera seperti senarai seperti berikut :-

1. Pasar Khinzir Mambang Diawan;
2. Pasar Khinzir Malim Nawar; dan

JAWAPAN B

Untuk makluman Yang Berhormat,

MDKpr telah menyediakan bantuan atau insentif kepada peniaga kecil untuk meningkatkan daya saing antaranya adalah seperti berikut :-

- i. Bantuan pengecualian bayaran lesen/permit dan sewaan bagi satu tempoh yang ditetapkan oleh Majlis.
- ii. Meluluskan permohonan lesen *homebased*.
- iii. Meluluskan permohonan lesen penjaja tepi jalan/sementara

JAWAPAN C

Untuk makluman Yang Berhormat,

MDKpr telah mengambil pendekatan bagi penjaja-penjaja kecil yang berniaga tanpa mendapatkan kelulusan diperkarangan luar pasar awam yang memberi bebanan atau mengganggu ekonomi penjaja-penjaja di dalam pasar awam. Berikut adalah pendekatan utama MDKpr:-

- i. **Penguatkuasaan Undang-Undang Kecil:** MDKpr mengambil tindakan tegas berdasarkan Undang-Undang Kecil Penjaja terhadap penjaja yang menghalang lalu lintas, berniaga di kaki lima, atau bahu jalan tanpa kebenaran.
- ii. **Zon Penjaja (Zoning):** Mewujudkan zon penempatan khas untuk penjaja kecil agar mereka berniaga di kawasan yang dibenarkan sahaja dan tidak mengganggu peniaga sedia ada di dalam pasar.
- iii. **Operasi Pemantauan:** Melakukan pemeriksaan berkala untuk memastikan kawasan luar pasar bebas daripada halangan dan penjaja haram.
- iv. **Penawaran Lesen/Tempat Sementara:** Mengambil pendekatan berperingkat dengan menawarkan peluang kepada penjaja untuk berpindah ke tapak sah atau lesen sementara, setelah mendapat pengesahan dari pihak Persatuan Penjaja-Penjaja Bergerak Kampar atau Persatuan Penjaja Melayu Kampar.

Soalan Dari : YB TUAN SYED LUKMAN HAKIM BIN SYED MOHD ZIN
Ahli Dewan Undangan Negeri : (CHENDEROH)

SOALAN-SOALAN LISAN

- 1) Minta kerajaan negeri nyatakan peruntukan yang diterima bagi penyelenggaraan kuarters JBPM ?
- 2) Minta kerajaan negeri nyatakan jumlah pili bomba sedia ada dan perancangan pemasangan pili bomba baru ?
- 3) Minta kerajaan negeri nyatakan bilangan Pasukan Bomba Sukarela (PBS) di negeri Perak.

Jawapan Soalan 1

JAWAPAN 1

Untuk makluman Yang Berhormat,

Bagi tahun 2026, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menyalurkan peruntukan kewangan bagi fasa pertama dengan jumlah peruntukan sebanyak **RM 300,000.00** seperti berikut;

PERUNTUKAN KERAJAAN PERSEKUTUAN MELALUI KPKT FASA PERTAMA :

1. KUARTERS BBP IPOH – RM 189,000.00
2. KUARTERS BBP MERU RAYA – RM 34,000.00
3. KUARTERS BBP SIMPANG PULAI – RM 13,000.00
4. KUARTERS BBP PGLN HULU – RM 47,000.00
5. KUARTERS BBP PULAU PANGKOR – RM 17,000.00

JAWAPAN 2

Untuk makluman Yang Berhormat,

Jumlah Pili Bomba yang sedia ada di Negeri Perak Adalah sebanyak **45,486 unit**.

- Pili Bomba Awam = **40,594 unit**
- Pili Bomba Swasta = **4892 unit**

Pemasangan Pili Bomba baru bagi tahun 2026 adalah sebanyak **18 unit** berdasarkan peruntukan yang telah diterima sebanyak **RM140,500.00 dengan kos setiap unit adalah RM7,800.00**.

JAWAPAN 3

Untuk makluman Yang Berhormat,

Secara keseluruhan jumlah PBS yang berdaftar di bawah ROS dan seliaan JBPM Negeri Perak tahun 2026 adalah sebanyak **40 PBS**.

Pada tahun 2024, sebanyak **41 PBS** telah berdaftar. Namun begitu pada pertengahan tahun 2024, PBS Kg Panchor, Pantai Remis dan PBS Ayer Tawar telah ditamatkan kerana tidak aktif menjadikan jumlah kepada **39 PBS**.

PBS Simpang Jalong, Sungai Siput telah didaftarkan pada bulan Disember 2025 menjadikan jumlah kepada **40 PBS**. Jumlah keseluruhan keanggotaan PBS yang berdaftar di JBPM Negeri Perak adalah seramai **1247 anggota**.

2. 1) Minta kerajaan negeri nyatakan status terkini pembaikan Stadium Perak ?
- 2) Berapakah jumlah peruntukan kerajaan negeri dan persekutuan bagi kerja-kerja pembaikan ini ?
- 3) Minta kerajaan negeri nyatakan sebab berlaku kelewatan dari jadual asal pembaikan ini ?

Jawapan Soalan 2

i. Status terkini projek Naik Taraf Padang Stadium Perak adalah di peringkat akhir pelaksanaan melibatkan kerja-kerja pengesahan sistem pengairan, kerja memasukkan pasir dan tanah campuran serta penanaman rumput.

Berdasarkan *Critical Path Method (CPM)* terkini, kerja-kerja penanaman rumput dijangka akan selesai sepenuhnya pada akhir Mei 2026, sebelum melalui tempoh pematangan sehingga mencapai keadaan padang yang sesuai untuk digunakan.

ii. Jumlah keseluruhan peruntukan bagi projek ini adalah seperti berikut:

BIL.	JABATAN / AGENSI	JUMLAH PERUNTUKAN
1.	Kementerian Belia dan Sukan (Persekutuan)	RM500,000.00
2.	Majlis Bandaraya Ipoh (Kerajaan Negeri / PBT):	RM755,740.00

iii. Kelewatan pelaksanaan projek adalah berpunca daripada keperluan penyelarasan semula skop kerja melalui beberapa *Variation Order (VO)* yang melibatkan penambahbaikan teknikal bagi memastikan kualiti dan keberkesanan padang dalam jangka masa panjang.

Antara faktor utama adalah seperti berikut:

a. Perubahan reka bentuk sistem saliran bawah tanah (*subsoil drainage*)

Reka bentuk asal secara *herring bone* telah disemak semula dan ditukar kepada *flag pattern* bagi meningkatkan kecekapan pengaliran air serta kesesuaian dengan keadaan sebenar tapak. Perubahan ini melibatkan kerja tambahan serta penyelarasan semula pelaksanaan di tapak.

b. Kerja tambahan pembesaran longkang perimeter padang

Kerja-kerja menaik taraf dan membesarkan longkang di sekeliling padang perlu dilaksanakan bagi memastikan aliran air daripada sistem *subsoil drainage* dapat disalurkan dengan lebih efisien ke sistem saliran utama sedia ada. Ini merupakan elemen penting bagi mengelakkan isu takungan air dan memastikan permukaan padang sentiasa berada dalam keadaan optimum.

c. Pelaksanaan kerja tambahan sistem pengairan (*sprinkler*)

Sistem *sprinkler* merupakan komponen baharu yang tidak termasuk dalam skop asal projek dan dilaksanakan melalui kelulusan tambahan peruntukan. Sistem ini melibatkan pemasangan sebanyak 24 unit *sprinkler nozzles* bagi memastikan liputan siraman air yang menyeluruh ke seluruh permukaan padang.

Pelaksanaan sistem ini adalah penting kerana sebelum ini kerja siraman padang hanya dilaksanakan secara manual menggunakan tenaga manusia yang kurang efisien serta tidak menjamin keseragaman pengairan. Penambahan sistem automatik ini akan meningkatkan kualiti penyelenggaraan padang serta menyokong penggunaan stadium secara lebih profesional.

Kesemua perubahan dan kerja tambahan ini memerlukan penyelarasan semula jadual pelaksanaan projek bagi memastikan setiap komponen dilaksanakan secara teratur mengikut spesifikasi teknikal dan turutan kerja yang betul.

No. Rujukan: 27163

Soalan 2 (Chenderoh)

- 1) Minta kerajaan negeri nyatakan status terkini pembaikan Stadium Perak ?
- 2) Berapakah jumlah peruntukan kerajaan negeri dan persekutuan bagi kerja-kerja pembaikan ini ?
- 3) Minta kerajaan negeri nyatakan sebab berlaku kelewatan dari jadual asal pembaikan ini ?

Jawapan Soalan No.1

Tiada jawapan dari JBS Perak

Jawapan Soalan No.2

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Negeri Perak, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia melalui Jabatan Belia dan Sukan Negeri Perak sentiasa komited bersama Kerajaan Negeri dalam memastikan kemudahan sukan terutamanya Stadium Perak berada pada tahap terbaik bagi menyokong pembangunan sukan serta kesejahteraan rakyat Negeri Perak.

Sehubungan itu, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia telah menyalurkan peruntukan berjumlah **RM500,000** kepada pihak Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) pada 24 Mei 2024 bagi melaksanakan kerja-kerja menaik taraf sistem saliran serta penukaran rumput di Stadium Perak. Peruntukan tersebut bertujuan mengatasi isu takungan air di padang serta memastikan permukaan padang lebih selamat dan sesuai digunakan bagi latihan serta penganjuran kejohanan sukan.

(JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGERI PERAK)

Jawapan Soalan No.3

Tiada jawapan dari JBS Perak

Soalan Dari : YB ENCIK MOHAMAD FAKHRUDDIN BIN ABDUL AZIZ
Ahli Dewan Undangan Negeri : (KAMUNTING)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)

- 1) Minta kerajaan negeri nyatakan peruntukan yang diterima bagi penyelenggaraan kuarters JBPM ?
- 2) Minta kerajaan negeri nyatakan status terkini pembinaan Balai Baharu Simpang, Taiping ?
- 3) Adakah kerajaan negeri ada menyediakan peruntukan kepada Pasukan Bomba Sukarela (PBS) ?

Jawapan Soalan 1

JAWAPAN 1

Izinkan saya untuk menjawab bersekali soalan yang diutarakan juga oleh Yang Berhormat Chenderoh berkaitan peruntukan yang diterima Jabatan Bomba dan Penyelamat Perak bagi penyelenggaraan kuarters.

Untuk makluman Yang Berhormat,

Bagi tahun 2026, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menyalurkan peruntukan kewangan bagi fasa pertama dengan jumlah peruntukan sebanyak **RM 300,000.00** seperti berikut;

PERUNTUKAN KERAJAAN PERSEKUTUAN MELALUI KPKT FASA PERTAMA :

- | | |
|-------------------------------|-----------------|
| 1. KUARTERS BBP IPOH | – RM 189,000.00 |
| 2. KUARTERS BBP MERU RAYA | – RM 34,000.00 |
| 3. KUARTERS BBP SIMPANG PULAI | – RM 13,000.00 |
| 4. KUARTERS BBP PGLN HULU | – RM 47,000.00 |
| 5. KUARTERS BBP PULAU PANGKOR | – RM 17,000.00 |

JAWAPAN 2

Untuk makluman Yang Berhormat,

Pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat Simpang, Taiping yang baharu merupakan satu projek pembangunan kemudahan keselamatan awam yang dilaksanakan di atas tapak seluas 16.85 hektar yang terletak di Mukim Simpang, Daerah Larut Matang dan Selama, Perak.

Projek ini dibiayai melalui peruntukan sebanyak RM9.8 juta daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi meningkatkan keupayaan perkhidmatan kebombaian dan penyelamatan di kawasan setempat.

Pelaksanaan projek ini telah dimulakan pada 5 Mac 2026 dan pada masa ini masih berada pada peringkat awal pembinaan yang melibatkan kerja-kerja tanah. Sehingga 6 April 2026, kemajuan fizikal projek yang direkodkan adalah sebanyak 2%, selaras dengan fasa pelaksanaan semasa di tapak.

Tempoh pelaksanaan projek ini ditetapkan selama 24 bulan, dan berdasarkan jadual perancangan asal, projek ini dijangka siap sepenuhnya pada Januari 2028. Pemantauan berterusan akan dilaksanakan bagi memastikan kemajuan kerja berjalan mengikut jadual yang ditetapkan serta mematuhi spesifikasi dan kualiti yang telah digariskan.

JAWAPAN 3

Untuk makluman Yang Berhormat,

Kerajaan Negeri tidak menyalurkan sebarang peruntukan khusus kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Perak berkaitan Pasukan Bomba Sukarela (PBS). Sebaliknya, peruntukan kepada JBPM Negeri Perak disalurkan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan seperti berikut:

a) **Tahun 2025** – Peruntukan berjumlah RM120,000.00 telah disalurkan, melibatkan agihan sebanyak RM3,000.00 kepada 40 Pasukan Bomba Sukarela yang berdaftar.

b) **Sehingga Mac 2026 (Fasa 1)** – Peruntukan berjumlah RM95,000.00 telah disalurkan, melibatkan agihan sebanyak RM2,500.00 kepada 38 Pasukan Bomba Sukarela yang berdaftar.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sentiasa bersedia untuk mempertimbangkan penyaluran peruntukan bagi pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang melibatkan komuniti setempat, selaras dengan aspirasi pembangunan Negeri Perak di bawah gagasan Perak Sejahtera 2030.

2. Isu Pasar Kamunting bukan lagi isu kecil, tetapi melibatkan lebih 300 peniaga yang bergantung kepada sumber rezeki harian

1. Bilakah tarikh sebenar pelantikan pengurusan baharu Pasar Kamunting dibuat, dan siapakah pihak yang diberi tanggungjawab tersebut?

2. Apakah prosedur dan kriteria pemilihan yang digunakan dalam pelantikan pengurusan baharu Pasar Kamunting, termasuk sama ada ia melalui proses tender terbuka atau sebaliknya?

3. Adakah kerajaan negeri telah menjalankan penilaian keupayaan dan pengalaman pihak yang dilantik, bagi memastikan mereka benar-benar berkemampuan mengurus pasar serta menjaga kebajikan peniaga?

SOALAN DITOLAK (lebih pecahan)

3. kawasan industri Kamunting benar-benar memberi manfaat kepada penduduk tempatan dari segi peluang pekerjaan dan peningkatan ekonomi.

Soalan pecahan

a) Berapakah jumlah peluang pekerjaan yang diwujudkan dalam tempoh 3 tahun terakhir di Kamunting?

b) Berapa peratus daripada pekerjaan tersebut diisi oleh anak tempatan?

c) Apakah langkah kerajaan untuk memastikan pekerjaan yang ditawarkan adalah berpendapatan munasabah, bukan sekadar buruh kos rendah?

Jawapan Soalan 3

Untuk makluman Yang Berhormat Kamunting,

Bagi tempoh tahun 2023 hingga 2025, jumlah peluang pekerjaan yang direkodkan di kawasan-kawasan pelaburan adalah seperti berikut:

- Kamunting I Industrial Estate sebanyak 787 peluang pekerjaan,
- manakala Kamunting Raya Industrial Estate mencatatkan 136 peluang pekerjaan.

Jumlah ini menjadikan 923 peluang pekerjaan telah diwujudkan, di mana majoritinya melibatkan 839 pekerja warganegara, manakala selebihnya iaitu 84 adalah pekerja warga asing. Ini menunjukkan bahawa pelaburan yang masuk telah memberi

keutamaan kepada tenaga kerja tempatan serta menyumbang kepada peningkatan peluang pekerjaan di kawasan tersebut.

Dengan itu, kawasan Kamunting terus memainkan peranan sebagai kawasan industri sokongan (supporting industrial hub) dalam daerah Taiping, dengan pewujudan peluang pekerjaan yang stabil hasil daripada projek pembuatan berskala sederhana yang menyokong rantai bekalan industri di wilayah utara, khususnya berdekatan dengan hab perindustrian Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri bersama Kerajaan Persekutuan sentiasa komited memastikan peluang pekerjaan yang diwujudkan bukan sahaja mencukupi, tetapi juga menawarkan pendapatan yang munasabah dan berkualiti, selaras dengan aspirasi ekonomi berpendapatan tinggi.

Kerajaan Negeri melalui InvestPerak telah melaksanakan pendekatan strategik bagi meningkatkan kualiti peluang pekerjaan dan tahap pendapatan rakyat. Antaranya termasuk penumpuan kepada pelaburan berteknologi tinggi dan pembuatan canggih yang menawarkan gaji lebih kompetitif, pemerkasaan bakat tempatan melalui kerjasama Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK) dan TVET, penggalakan amalan ESG yang menitikberatkan kebajikan pekerja, serta sokongan kepada automasi dan digitalisasi bagi mewujudkan lebih banyak jawatan teknikal berpendapatan tinggi.

Dalam masa yang sama, aspek struktur gaji dan kebajikan pekerja adalah tertakluk kepada dasar Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Sumber Manusia Malaysia. Ini termasuk pelaksanaan Dasar Gaji Minimum, Dasar Gaji Progresif, serta penguatkuasaan undang-undang buruh seperti Akta Kerja 1955 bagi memastikan standard pekerjaan yang adil. Selain itu, inisiatif peningkatan kemahiran melalui agensi seperti HRD Corp dan institusi TVET turut diperkukuh bagi memastikan tenaga kerja tempatan berupaya mengisi pekerjaan berkemahiran tinggi dengan gaji yang lebih baik.

Secara keseluruhan, pendekatan bersepadu antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan ini bertujuan memastikan pelaburan yang masuk bukan sahaja menjana peluang pekerjaan, malah meningkatkan kualiti pekerjaan dan taraf hidup rakyat.

SOALAN-SOALAN BERTULIS

1. Pelan Induk TVET Negeri

1. Adakah kerajaan negeri bercadang membangunkan satu Pelan Induk TVET Negeri Perak sehingga tahun 2035 yang selari dengan pembangunan kluster industri seperti automotif pintar, teknologi hijau dan semikonduktor.
2. Apakah sasaran utama pelan tersebut dalam melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi
3. Bagaimanakah pelan ini akan diselaraskan dengan projek AHTV dan KIGIP.

Jawapan Soalan 1

JAWAPAN :

Untuk makluman Yang Berhormat Kamunting,

Kerajaan negeri sememangnya mempunyai visi strategik dalam menyelaraskan ekosistem TVET dengan keperluan industri seperti automotif pintar, teknologi hijau dan semikonduktor. Pembangunan sebuah pelan yang komprehensif adalah penting dalam memastikan penawaran tenaga mahir sentiasa relevan bagi menyokong pembangunan projek berimpak tinggi seperti AHTV, LuMIC, KIGIP, Perak HIP dan SVTP. Dalam hal ini, Majlis TVET Negeri telah ditubuhkan bagi merancang dan menyelaraskan inisiatif-inisiatif pemerkasaan TVET di negeri Perak.

Salah satu langkah proaktif Majlis TVET Negeri adalah menjalankan kerjasama strategik dengan pemain industri, institusi latihan, agensi kerajaan dan badan-badan berkepentingan dalam ekosistem TVET di negeri Perak. Sehubungan dengan itu, Majlis TVET Negeri melalui agensi pelaksana Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK) telah merangka satu pelan komprehensif bagi mendapatkan input dan maklum balas terus daripada pemain industri dalam bidang automotif melalui Industri-Academia Collaboration Workshop Perak (IAC).

IAC ini telah dijalankan pada Oktober 2024 melibatkan 12 pemain industri dan badan berkepentingan dalam pembangunan Automotive High Technology Valley (AHTV). Ia bertujuan untuk memadamkan penawaran institusi TVET dengan permintaan industri automotif. Melalui IAC ini, Majlis TVET Negeri dapat mengenalpasti keperluan dalam kurikulum, kompetensi graduan, dan unjuran bekalan graduan dalam bidang automotif menjelang tahun 2030. Sasarannya adalah untuk memastikan kursus-kursus latihan yang ditawarkan adalah sejajar dengan permintaan dalam industri bagi menjamin kepadanan tenaga mahir yang mampu menyokong pertumbuhan industri. Dalam hal ini, tenaga mahir yang dilahirkan dapat menepati keperluan projek berimpak tinggi AHTV.

Kesinambungan dengan itu, Majlis TVET Negeri melalui PASAK juga telah menjalankan Bengkel AIM TVET pada Februari 2026 yang lalu bertujuan untuk merancang satu pelan jangka panjang, iaitu inisiatif Kelab AIM TVET. Kelab AIM TVET ini bertujuan untuk memberi pendedahan awal kepada murid sekolah akan kepentingan TVET. Di mana, beberapa pemain industri akan dilantik dan ditugaskan untuk menjalankan

program-program TVET di sekolah-sekolah angkat yang dipilih sepanjang tahun 2026. Program-program TVET yang akan dijalankan di sekolah-sekolah ini berkonsepkan aktiviti interaktif seperti kursus jangka pendek, perkongsian TVET, pameran hands-on, dan lawatan ke industri.

Sasaran utama Kelab AIM TVET ini adalah murid sekolah menengah atas di 24 buah sekolah yang merangkumi dua buah sekolah bagi setiap daerah dalam negeri Perak. Objektifnya adalah untuk meningkatkan enrolmen murid ke dalam pengajian TVET di negeri Perak.

2. Kenaikan harga minyak global bukan sekadar angka di peringkat antarabangsa, tetapi telah memberi kesan langsung kepada kehidupan rakyat di Kamunting, khususnya peniaga kecil, pekerja kilang dan pengguna harian. Justeru, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan negeri

1. Kesan kepada peniaga & kos operasi

- a) Apakah langkah kerajaan negeri dalam membantu peniaga kecil di Kamunting yang terkesan dengan peningkatan kos pengangkutan dan bekalan?

- b) Adakah terdapat sebarang bantuan khas atau insentif kepada peniaga pasar dan penjaja yang kini berdepan kenaikan kos operasi?

Jawapan Soalan 2

3. Perak sasar 12 juta pelancong dan fokus pelancong serantau

Soalan

1. Apakah manfaat langsung kepada rakyat tempatan, bukan hanya syarikat besar?

2. Berapa peluang pekerjaan baharu diwujudkan?

3. Bagaimana kerajaan bantu usahawan kecil (homestay, penjaja, pemandu pelancong)?

Jawapan Soalan 3

Untuk makluman Yang Berhormat Kamunting,

Pembangunan sektor pelancongan di Negeri Perak jelas memberikan impak positif yang signifikan kepada kesejahteraan rakyat tempatan, khususnya melalui kesan limpahan (spill over effect) hasil kehadiran pelancong ke sesuatu destinasi. Kehadiran pelancong ini bukan sahaja merancakkan pergerakan ekonomi, malah turut mewujudkan permintaan terhadap pelbagai perkhidmatan sokongan seperti makanan dan minuman, yang sebahagian besarnya diusahakan oleh peniaga kecil tempatan.

Selain itu, peningkatan aktiviti pelancongan turut merangsang permintaan terhadap produk tempatan, sekali gus membuka lebih banyak peluang kepada komuniti setempat untuk menjana pendapatan tambahan. Keadaan ini seterusnya menyumbang kepada kesan gandaan (multiplier effect), di mana perbelanjaan pelancong memberi impak menyeluruh kepada pelbagai sektor ekonomi di peringkat tempatan.

Seiring dengan perkembangan ini, peluang perniagaan dan pekerjaan turut berkembang dalam pelbagai bidang seperti perhotelan, premis penginapan, kafe serta perkhidmatan berkaitan pelancongan. Penglibatan komuniti tempatan juga semakin meluas, termasuk melalui penyediaan perkhidmatan seperti pemandu pelancong serta penyertaan dalam inisiatif seperti Program Hos Komuniti Setempat yang membolehkan penduduk terlibat secara langsung dalam industri pelancongan.

Dalam memastikan kelestarian sektor ini, Kerajaan Negeri melalui Majlis TVET Negeri Perak turut memberi penekanan terhadap pembangunan kemahiran melalui pelaksanaan Program TVET Pelancongan. Program ini, yang mula dilaksanakan pada tahun 2025 melalui Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK) dengan kerjasama Tourism Perak Berhad, merupakan kursus kemahiran jangka pendek yang dirangka berdasarkan keperluan pasaran setempat. Tumpuan awal diberikan kepada bidang seperti pemandu pelancong, dan sepanjang tahun 2025, program ini telah dilaksanakan sebanyak tiga kali dengan penyertaan seramai 81 orang peserta.

Di samping itu, Kerajaan Negeri juga komited dalam memperkukuh daya saing usahawan kecil melalui penyediaan platform promosi seperti Perak Pages yang menghimpunkan maklumat produk dan perkhidmatan pelancongan dalam satu medium bersepadu. Inisiatif ini bukan sahaja memudahkan pelancong mendapatkan maklumat, malah meningkatkan keterlihatan pengusaha kecil di pasaran.

Selaras dengan perkembangan teknologi digital, pelaksanaan Kursus Pemasaran Digital turut membantu usahawan memanfaatkan platform media sosial seperti TikTok bagi mempromosikan produk dan perkhidmatan mereka. Pendekatan ini secara tidak langsung memperluaskan capaian pasaran serta meningkatkan potensi pendapatan pengusaha tempatan.

Secara keseluruhannya, pembangunan sektor pelancongan bukan sahaja menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi negeri, malah berperanan sebagai medium pemberdayaan komuniti tempatan melalui penciptaan peluang ekonomi, peningkatan kemahiran dan pengukuhan jaringan pasaran.

4. Perak fokus tarik pelaburan & stabilkan ekonomi

Soalan

1. Berapa jumlah pelaburan masuk ke Perak setakat ini?
2. Kawasan mana yang masih ketinggalan dan apa pelan khusus?
3. Adakah pelaburan memberi manfaat pekerjaan kepada anak tempatan?

Jawapan Soalan 4

Untuk makluman Yang Berhormat Kamunting,

Berdasarkan Perak Investment Performance Report (Jan - Dec 2025) yang disediakan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), prestasi pelaburan Negeri Perak menunjukkan trend peningkatan yang amat memberangsangkan pada tahun 2025, negeri Perak mencatatkan nilai pelaburan bernilai RM 15.76 bilion.

Peningkatan ini jelas mencerminkan kejayaan Negeri Perak dalam mengekalkan momentum pertumbuhan pelaburan, khususnya pada tahun 2025 yang mencatatkan lonjakan hampir 80 peratus berbanding tahun sebelumnya. Perkembangan ini sekali gus menggambarkan tahap keyakinan pelabur yang semakin kukuh terhadap ekosistem pelaburan negeri. Trend positif ini turut disokong oleh peningkatan bilangan projek yang diluluskan serta pengembangan aktiviti perindustrian yang semakin pesat di seluruh negeri.

Kawasan yang masih kurang menerima pelaburan di Perak tidak wajar dilabel sebagai “ketinggalan”, sebaliknya perlu dilihat sebagai kawasan yang sedang membina asas kekuatan untuk pertumbuhan masa hadapan. Dalam konteks semasa, pelabur cenderung memilih lokasi yang menawarkan pakej pembangunan menyeluruh, merangkumi infrastruktur moden, bekalan utiliti yang stabil serta rangkaian pembekal yang tersusun. Selain itu, faktor sokongan seperti perumahan yang selesa, kemudahan komersial, dan akses kepada perkhidmatan kesihatan berkualiti turut memainkan peranan penting dalam menarik tenaga kerja mahir dan golongan profesional. Sehubungan itu, hala tuju pembangunan negeri perlu memberi penekanan kepada pendekatan bersepadu—bukan sekadar mempromosikan kawasan perindustrian, tetapi turut memperkukuh kemudahan fizikal dan sosial agar setiap daerah di Perak lebih berdaya saing serta menarik untuk didiami dan dilabur.

Dari sudut impak ekonomi, pertumbuhan pelaburan ini turut diterjemahkan kepada peningkatan ketara dalam peluang pekerjaan. Jumlah peluang pekerjaan telah meningkat daripada 3,584 pada tahun 2023 kepada 4,353 pada tahun 2024, sebelum melonjak kepada 10,704 pada tahun 2025. Perkembangan ini membuktikan bahawa kemasukan pelaburan ke Negeri Perak bukan sahaja meningkat dari segi nilai, malah memberikan impak langsung kepada kesejahteraan rakyat tempatan melalui pewujudan lebih banyak peluang pekerjaan yang berkualiti.

5. Isu kuil dan tokong

1. berapakah jumlah kuil dan tokong di negeri perak
2. Bagaimana mekanisme meluluskan sesuatu premis kuil dan tokong di Perak
3. Berapakah jumlah Tokong dan kuil yang tidak di daftarkan di negeri perak

Jawapan Soalan 5

JAWAPAN 1 :

Untuk makluman Yang Berhormat Kamunting ,

Tiada data berkenaan jumlah kuil dan tokong di negeri Perak.

JAWAPAN 2 :

Proses meluluskan suatu premis kuil dan tokong negeri Perak adalah tatacara yang sama seperti permohonan tanah iaitu , ahli jawatankuasa perlu mohon ke Pejabat Tanah dan Daerah setelah melalui proses di (PTD) ianya akan ke Pejabat Tanah dan Galian (PTG) akan melalui proses sehingga Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri.

JAWAPAN 3 :

Tiada data berkenaan jumlah kuil dan tokong yang tidak daftarkan di negeri Perak.

Soalan Dari : YB PUAN WONG CHAI YI
Ahli Dewan Undangan Negeri : (SIMPANG PULAI)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. Tahun Melawat Malaysia 2026 & Impak Ekonomi

- (a) Apakah pencapaian terkini Tahun Melawat Malaysia 2026 bagi negeri Perak dari segi jumlah pelancong domestik dan antarabangsa setakat ini serta perbandingan dengan sasaran yang telah ditetapkan?
- (b) Apakah perancangan dan jangkaan impak langsung kepada ekonomi tempatan khususnya peniaga kecil, pengusaha homestay dan komuniti setempat di negeri Perak?
- (c) Dalam menghadapi ketidaktentuan global termasuk konflik geopolitik atau krisis antarabangsa yang boleh menjejaskan aliran pelancong, apakah langkah mitigasi dan strategi jangka panjang kerajaan negeri untuk memastikan sektor pelancongan Perak kekal berdaya tahan dan mampan selepas berlakunya gangguan tersebut?

Jawapan Soalan 1

Soalan ini telah dijawab secara lisan pada 21 April 2026
Persidangan Keenam Tahun Keempat Dewan Negeri Yang Kelima Belas

2. Larangan Plastik Sekali Guna

- (a) Apakah impak pelaksanaan larangan penggunaan plastik sekali guna sejak bulan Mac 2026 dari segi pengurangan sisa pepejal, termasuk data perbandingan sebelum dan selepas pelaksanaan?
- (b) Apakah kesan terhadap peniaga kecil dan pengguna, khususnya dari segi kos operasi dan perubahan tingkah laku penggunaan?
- (c) Apakah cabaran utama dalam pelaksanaan dasar ini termasuk tahap pematuhan serta apakah langkah penambahbaikan yang akan diambil oleh kerajaan negeri bagi memastikan keberkesanan jangka panjang?

Jawapan Soalan 2

No. Rujukan : 26886 (Pasir Pinji) & 27207 (Simpang Pulai) (Lisan)

Salam Sejahtera,

Yang Berhormat Dato' Seri Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab secara bersekali persoalan yang ditimbulkan oleh **Yang Berhormat Pasir Pinji** dan **Yang Berhormat Simpang Pulai** kerana menyentuh perkara yang sama, iaitu larangan plastik sekali guna di negeri Perak.

Untuk makluman kedua-dua Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Perak telah melaksanakan **Kempen Tiada Beg Plastik** sejak Januari 2023 melalui pengenaan caj RM0.20 pada setiap hari Sabtu oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Walau bagaimanapun, peningkatan kutipan caj pencemaran plastik pada tahun 2024 dan 2025 berbanding tahun 2023 menunjukkan tahap kesedaran masyarakat terhadap kesan negatif penggunaan plastik sekali guna masih perlu dipertingkatkan.

Sehubungan itu, bagi memperkukuh pelaksanaan kempen ini, Majlis Mesyuarat Kerajaan Bil. 2204 bertarikh 17 Disember 2025 telah bersetuju untuk melaksanakan larangan penggunaan beg plastik jinjit sekali guna di seluruh negeri Perak mulai 1 Mac 2026, yang dikuatkuasakan setiap hari di lokasi-lokasi yang telah ditetapkan seperti berikut:

BIL	LOKASI	PENERAJU
1	Hutan Simpan	Jabatan Perhutanan Negeri Perak (JPNPK)
2	Taman Negeri Royal Belum & Taman Negeri Pulau Sembilan	Perbadanan Taman Negeri Perak (PTNPK)
3	Geopark Lenggong	Badan Pengurusan Geopark Lenggong
4	Geopark Lembah Kinta	Perbadanan Taman Negeri Perak (PTNPK)
5	Premis Tetap (a) pasaraya hiper (<i>hypermarket</i>) (b) pasaraya besar (<i>supermarket</i>) (c) pasaraya serbaneka (<i>departmental store</i>) (d) kedai serbaneka (<i>convenient store</i>) (e) restoran makanan segera (<i>fast food restaurant</i>) (f) kedai serbaneka stesen minyak (<i>petrol station convenient store</i>) (g) kedai rangkaian (<i>chain store</i>) (h) farmasi (<i>pharmacy</i>); dan	Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

Sebagai alternatif, pengusaha dibenarkan menjual atau membekalkan beg guna semula pada harga berpatutan, tertakluk kepada kos yang ditanggung oleh pengusaha. Pada masa yang sama, masyarakat digalakkan untuk membudayakan amalan membawa beg sendiri dalam urusan harian.

Bagi memastikan pelaksanaan yang lancar, tempoh peralihan selama enam (6) bulan telah diperuntukkan sebelum penguatkuasaan penuh dilaksanakan. Tempoh ini bertujuan memberi ruang kepada pelaksanaan program pendidikan, advokasi dan libat urus komuniti, khususnya di kawasan luar bandar, kampung tradisi dan penempatan pedalaman, agar masyarakat dapat menyesuaikan diri serta memahami rasional dasar ini.

Oleh yang demikian, impak pelaksanaan larangan penggunaan plastik sekali guna dari segi pengurangan sisa pepejal, termasuk data perbandingan sebelum dan selepas pelaksanaan, atau sambutan masyarakat terhadap larangan pembekalan beg plastik sekali guna

BIL	LOKASI	PENERAJU
	(i)lain-lain premis berkaitan yang akan dimasukkan ke dalam senarai ini pada masa akan datang (<i>others</i>)	

hanya dapat dinilai secara menyeluruh selepas tempoh peralihan berakhir dan penguatkuasaan dilaksanakan sepenuhnya. Namun begitu, pemantauan awal akan terus dijalankan bagi menilai

trend perubahan serta keberkesanan dasar ini dari semasa ke semasa.

b) Yang Berhormat Dato' Seri Yang di-Pertua,

Dari segi peniaga kecil, pelaksanaan dasar ini dijangka menyebabkan sedikit peningkatan kos operasi pada peringkat awal, khususnya dalam penyediaan alternatif seperti beg guna semula atau bahan pembungkusan yang lebih mesra alam. Walau bagaimanapun, impak tersebut boleh diurus dan diseimbangkan melalui penawaran beg guna semula kepada pelanggan pada harga berpatutan.

Bagi pengguna pula, Kerajaan Negeri amat mengharapkan berlakunya perubahan tingkah laku yang lebih positif, khususnya dengan peningkatan amalan membawa beg sendiri ketika membeli-belah. Walaupun pada peringkat awal mungkin wujud cabaran penyesuaian, terutamanya di kawasan luar bandar, saya yakin tahap penerimaan dalam kalangan pengguna akan terus meningkat dari semasa ke semasa. Keyakinan ini didorong oleh pelaksanaan berterusan program kesedaran, pendidikan serta advokasi yang giat dijalankan.

(c) Yang Berhormat Dato' Seri Yang di-Pertua,

Antara cabaran utama yang dijangka dalam pelaksanaan dasar larangan penggunaan plastik sekali guna ini adalah tahap pematuhan yang tidak seragam, khususnya di premis kecil, di samping kekangan dari segi kesedaran masyarakat terhadap kepentingan mengurangkan penggunaan plastik sekali guna. Selain itu, isu penguatkuasaan dan pemantauan akan turut menjadi cabaran yang memerlukan kerjasama berterusan serta penyelarasan yang berkesan antara pelbagai agensi berkaitan.

Sehubungan itu, selepas tamat tempoh peralihan pada September 2026, mana-mana pihak yang didapati melanggar larangan penggunaan beg plastik sekali guna boleh dikenakan tindakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Pelaksanaan perintah larangan ini adalah dengan mengguna pakai Seksyen 107(2), Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] yang memperuntukkan bahawa:

“Tiap-tiap lesen atau permit yang diberi adalah tertakluk kepada apa-apa syarat dan sekatan yang difikirkan patut oleh pihak berkuasa tempatan dan boleh dibatalkan oleh pihak berkuasa tempatan pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa sebab.”

Berdasarkan peruntukan ini, PBT boleh mengenakan tindakan seperti pembatalan atau penggantungan lesen perniagaan terhadap premis yang gagal mematuhi syarat larangan tersebut. Selain itu, tindakan kompaun atau penalti juga boleh dikenakan tertakluk kepada undang-undang kecil yang sedang berkuat kuasa di bawah bidang kuasa PBT masing-masing.

Sekian, terima kasih.

3. Status Projek PAPAN 3 dan Pelaksanaan Selepas Penghentian Projek

- (a) Apakah status terkini projek Loji Rawatan Kumbahan Serantau dan Rangkaian Paip Pembetungan (PAPAN 3) di Ipoh setelah projek ini dihentikan sejak kira-kira tiga tahun yang lalu?
- (b) Apakah faktor utama yang menyebabkan projek ini dihentikan, dan apakah tindakan yang telah diambil oleh kerajaan atau agensi berkaitan bagi menyelesaikan isu tersebut?
- (c) Apakah pelan tindakan kerajaan bagi meneruskan semula atau menggantikan projek ini, termasuk jangka masa pelaksanaan, implikasi kos tambahan?

Jawapan Soalan 3

a) Projek ini masih belum dihentikan cuma aktiviti pembinaan dijalankan terhad di kawasan yang tidak melibatkan kerja-kerja pemasangan paip pembetungan melalui kaedah pipe jacking disebabkan isu keadaan tanah luar biasa yang berkaitan dengan kaviti & fractured rocks.

b) Pihak kerajaan dalam proses penyerahan bahagian kerja yang telah siap & berfungsi melalui pengeluaran Sijil Pendudukan Separa (CPO).

c) Projek PAPAN 3 masih dalam pelaksanaan, setakat Januari 2026, sebanyak 16 Loji Kumbahan awam, 1 stesen pam awam, 4 premis kerajaan (3 sekolah 1 klinik kesihatan) dan 1 Masjid dengan populasi bersamaan 49,762PE telah dirasionalisasikan.

d) Selain itu, satu unit stesen pam (Taman Song Choon) dijangka akan diambil alih dalam masa terdekat, tertakluk kepada pemeriksaan PDC8 untuk diambikalih. Tarikh EOT 21/3/2027

- e) Isu utama yang menyebabkan kelewatan dalam pelaksanaan projek ini sebagaimana yang telah dimaklumkan terdahulu adalah disebabkan keadaan bawah tanah yang luar biasa yang berkaitan dengan kaviti & fractured rocks.
- f) Pihak kerajaan telah memohon pertambahan kos bagi skop kerja grouting untuk mengatasi masalah kaviti & fractured rocks yang luarbiasa ini.
- g) Kelewatan projek adalah berpunca daripada masalah kaviti di beberapa kawasan sekitar Gunung Rapat dan Ampang, yang merupakan kawasan batu kapur.
- h) Keadaan ini telah menyebabkan kerja-kerja pemasangan paip pembedungan mengalami kelewatan serta peningkatan kos berbanding anggaran asal.
- i) Sehubungan itu, pihak JPP telah melantik konsultan bagi menyediakan laporan teknikal serta anggaran kos tambahan.
- j) Pihak Jabatan telah mengemukakan rayuan melalui PETRA kepada pihak MOF bagi mempertimbangkan permohonan pertambahan kos & skop kerja grouting & kerja-kerja lain yang berkaitan bagi mengatasi masalah keadaan bawah tanah yang luarbiasa ini.
- k) Sekiranya, permohonan Jabatan ditolak, pihak Jabatan akan mengangkat isu ini untuk perhatian Jawatankuasa CCP PETRA untuk hala tuju projek yang seterusnya.

SOALAN-SOALAN BERTULIS

1. Status Pembangunan Silver Valley Technology Park (SVTP) dan Pampasan kepada Petani

- (a) Apakah status terkini pembangunan Silver Valley Technology Park (SVTP) di Chemor, termasuk keluasan sebenar yang telah diambil alih dan fasa pelaksanaan semasa?
- (b) Berapakah jumlah petani atau pengusaha pertanian yang terlibat dalam pengambilan tanah bagi projek ini, dan apakah bentuk serta kadar pampasan yang telah diberikan kepada mereka?
- (c) Adakah kerajaan negeri menyediakan pelan penempatan semula, bantuan peralihan pendapatan atau sokongan alternatif kepada petani yang terjejas, dan jika ada, apakah bentuk bantuan tersebut serta status pelaksanaannya?

Jawapan Soalan 1

Untuk makluman Yang Berhormat Simpang Pulai,

Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPK) telah melantik anak syarikat tersenarai iaitu Perak Corporation Berhad (Perak Corp) untuk memajukan hub perindustrian Silver Valley Technology Park (SVTP) seluas 816 ekar bagi menyediakan infrastruktur lengkap menerusi perjanjian usahasama pada 8 Januari 2024. Perak Corp pula melalui perjanjian pembangunan bersama pada 8 Januari 2024 telah melantik Advancecon Development Sdn Bhd sebagai rakan strategiknya untuk membina, memajukan dan memasarkan SVTP.

Keseluruhan kawasan 816 ekar tersebut telah diambil alih semula melalui dua (2) kaedah. Kaedah pertama adalah melalui operasi yang telah dijalankan pada 24 Oktober 2023 melibatkan PKNPK, Perak Corp, Advancecon, pihak Pejabat Tanah dan Galian, Negeri Perak dan juga dari pihak Polis Diraja Malaysia di mana PKNPK telah berjaya mengambil alih semula kawasan seluas 70.015 ekar. Kawasan selebihnya telah diambil alih semula melalui kaedah kedua iaitu melalui proses perbincangan dengan setinggan-setinggan pertanian, di mana mereka telah bersetuju untuk mengosongkan tanah sebelum akhir tahun 2024 dan telah menerima tawaran pembayaran ex-gratia dan perpindahan ke tanah pertanian di Changkat Kinding. Pembangunan SVTP ini telah tertangguh lebih 20 tahun sejak memperolehi Kelulusan Kebenaran Merancang pada 29 April 2009 akibat masalah setinggan-setinggan pertanian yang menduduki tanah 816 ekar tersebut.

Sehingga kini, kemajuan kerja pembangunan SVTP telah mencapai kemajuan kerja sebenar sebanyak 10.38% setakat 25 Februari 2026 berbanding jadual iaitu 10.27%. Skop kerja ditapak merangkumi kerja-kerja penimbusan kolam-kolam yang ditinggalkan, kerja-kerja pembinaan longkang/saliran sementara, kerja-kerja pembinaan jalan pembinaan sementara (haul road), kerja-kerja pemasangan papan pengadang, kerja tanah di fasa 1, fasa 2 dan fasa 3 serta kerja-kerja Pond Protection di On Site Detention 1 (OSD 1). Kerja-kerja pembangunan ini dijangka siap sepenuhnya pada 14 Januari 2028.

Berdasarkan bancian yang telah dilaksanakan oleh PKNPK dan PTG pada tahun 2019 dan 2020, sebanyak 109 lot tanah yang diduduki oleh petani telah dikenal pasti di atas tanah SVTP seluas 816 ekar. Pembayaran ex-gratia kepada 97 orang setinggan pertanian di SVTP telah dilaksanakan pada 28 November 2024. Setiap setinggan pertanian telah bersetuju menerima pembayaran ex-gratia berjumlah RM10,229.50 seorang tanpa mengira bilangan lot tanah yang mereka usahakan (ada setinggan pertanian yang mengusahakan lebih daripada 1 lot). Sehingga 30 April 2025, pembayaran ex-gratia berjumlah RM1,022,950.00 telah dilaksanakan yang melibatkan 100 orang setinggan pertanian.

Setinggalan pertanian yang bersetuju untuk berpindah ke Changkat Kinding telah diperuntukan tanah seluas minima 2 ekar bagi setiap orang di kawasan tersebut. Pihak pemaju telah membelanjakan sebanyak RM575,878.00 untuk kerja-kerja penyediaan tapak bagi kawasan seluas 19.627 ekar di Changkat Kinding.

Kerajaan negeri melalui PKNPK telah menawarkan pelan penempatan semula di Changkat Kinding dan seramai lima (5) setinggalan pertanian telah berpindah ke tapak penempatan semula ini. Selebihnya, telah menerima pembayaran ex-gratia sebanyak RM10,229.50 setiap seorang.

2. Penipuan Tempahan Makanan & Penipuan Dalam Talian

(a) Berapakah jumlah kes penipuan tempahan makanan dan penipuan dalam talian lain yang direkodkan di Perak sejak tahun 2023 mengikut jenis kes, daerah serta jumlah kerugian yang dilaporkan?


(b) Apakah langkah penguatkuasaan dan kerjasama antara agensi termasuk PDRM, platform digital dan institusi kewangan dalam membanteras modus operandi seperti akaun keldai, pembayaran QR dan penipuan pesanan palsu?

(c) Apakah langkah pencegahan yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri bagi mengurangkan kes penipuan termasuk kempen kesedaran, sistem amaran awal, perlindungan pengguna serta penambahbaikan mekanisme aduan dan tindak balas pantas?

Jawapan Soalan 2

Untuk makluman Yang Berhormat Simpang Pulai,

Kerajaan Negeri memandang serius isu penipuan tempahan makanan dan jenayah dalam talian yang mencatatkan kerugian berjumlah RM1.23 juta (RM 1,230,425.97) melibatkan 58 kes bagi tempoh tahun 2023 sehingga Mac 2026. Tahun 2024 menunjukkan angka tertinggi dengan 27 kes (RM 599,159.20) diikuti tahun dengan 22 kes (RM 457,694.54) pada tahun 2025. Pada suku pertama tahun ini, sebanyak 5 kes telah dilaporkan dengan nilai kerugian mencecah RM150,648.00.

 A black background with a black square AI-generated content may be incorrect.

Pecahan kes mengikut daerah dan jumlah kerugian adalah seperti di atas:

Demi membanteras sindiket penipuan ini, Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telah melaksanakan pelbagai langkah proaktif melalui penguatkuasaan undang-undang dan kerjasama antara agensi. Ini termasuklah tindakan tegas terhadap pemilik akaun keldai serta rangkaian sindiket, selain menjalankan operasi khas terhadap pusat panggilan (*calling centre*) penipuan dengan bantuan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC).

Selain itu, PDRM turut memperkukuh kerjasama dengan institusi kewangan melalui perkongsian data maklumat akaun dan aliran transaksi bagi mempercepatkan pengesanan sindiket. Inisiatif teknologi turut diintegrasikan seperti pelaksanaan sistem pengesanan transaksi mencurigakan berasaskan AI, pemerkasaan pengesahan identiti (e-KYC) melalui biometrik, pembekuan akaun yang disyaki, serta penetapan had transaksi bagi akaun berisiko tinggi.

Apabila berhadapan dengan situasi jenayah penipuan, mangsa digalakkan menghubungi National Scam Response Centre di talian 997 sebagai tindakan pantas untuk membekukan akaun penerima serta menjejaki aliran wang dalam tempoh kritikal (beberapa minit pertama).

Selain itu, penjual atau penyedia perkhidmatan juga dinasihatkan agar sentiasa memastikan pesanan adalah "*verified order*" (pesanan disahkan) dan tidak berkomunikasi di luar aplikasi atau platform rasmi. Konsep "*no payment, no order*" juga perlu diamalkan serta menyemak akaun bank terlebih dahulu bagi mengesahkan bayaran telah diterima sebelum memproses sebarang tempahan.

3. Jerebu, Pembakaran Terbuka & Kualiti Udara

(a) Senaraikan jumlah kes pembakaran terbuka yang direkodkan di Perak mengikut daerah sejak tahun 2023 serta kawasan hotspot yang telah dikenal pasti.

(b) Apakah tindakan penguatkuasaan yang telah diambil terhadap pihak yang terlibat dan sejauh mana keberkesanannya dalam mengurangkan kes berulang?

(c) Apakah pelan mitigasi jangka panjang kerajaan negeri termasuk penggunaan teknologi pemantauan seperti sensor kualiti udara secara masa nyata bagi menangani isu jerebu atau pencemaran secara lebih berkesan?

Jawapan Soalan 3

No. Rujukan : 27211 (Simpang Pulai).(Bertulis)

Salam Sejahtera,

Untuk makluman Yang Berhormat Simpang Pulai,

a) Jadual 1 merupakan tren Kes Aduan Berkaitan Pembakaran Terbuka yang direkodkan di Negeri Perak. Berdasarkan kepada Jadual 1, Daerah Kinta telah merekodkan jumlah tertinggi kes Aduan Pembakaran Terbuka dari tahun 2023 hingga 2026. Bagi tren kes hotspot pula, dijelaskan di Jadual 2. Berdasarkan jadual, Daerah Kerian, Perak Tengah dan Hulu Perak mencatatkan jumlah tertinggi hotspot dikesan bagi tahun 2023 hingga 20 Mac 2026.

	2023	2024	2025	Sehingga 20 Mac 2026
KINTA	150	271	389	95
MANJUNG	19	75	75	25
LARUT MATANG	50	73	85	24
KUALA KANGSAR	16	26	27	12
KERIAN	5	21	23	8
HILIR PERAK	20	16	27	11
BATANG PADANG	6	21	19	2
PERAK TENGAH	2	7	4	1
KAMPAR	7	11	31	7
BAGAN DATUK	2	6	8	2
HULU PERAK	3	6	3	0
MUALLIM	3	3	9	2
SELAMA	1	1	1	0
JUMLAH	284	537	701	189

Jadual 1: Jumlah Kes Pembakaran Terbuka Mengikut Daerah Dari Tahun 2023 Hingga 20 Mac 2026

	2023	2024	2025	Sehingga 20 Mac 2026	Jumlah
KINTA	0	2	0	0	2
MANJUNG	3	0	2	0	5
LARUT MATANG	2	2	0	0	4
KUALA KANGSAR	2	3	3	0	8
KERIAN	3	3	5	4	15
HILIR PERAK	7	6	0	1	14
BATANG PADANG	0	1	4	1	6
PERAK TENGAH	6	1	6	2	15
KAMPAR	1	0	0	0	1
BAGAN DATUK	0	0	0	0	0
HULU PERAK	2	10	3	1	16
MUALLIM	0	0	0	0	0
SELAMA	0	0	0	0	0
JUMLAH	26	28	23	8	86

Jadual 2: Hotspot Dikesan Mengikut Daerah Dari Tahun 2023 Hingga 20 Mac 2026

b) Antara tindakan penguatkuasaan yang telah diambil oleh JAS Perak adalah dengan mengeluarkan arahan lapangan, Notis Arahan, Kompaun, Tindakan mahkamah, pemantauan dan rujuk kepada agensi berkaitan. Jadual 3 yang menunjukkan rekod Tindakan Penguatkuasaan yang telah diambil oleh JAS Perak terhadap aduan pembakaran terbuka. Sebanyak 1464 pemantauan yang dijalankan dan 494 kes aduan Pembakaran Terbuka dirujuk kepada agensi lain yang berkaitan.

	Field Citation	Kenalpasti Pemilik Tanah	Kertas Siasatan / Mahkamah	Notis Arahan	Pemantauan	Perintah Larangan /Perintah Berhenti Kerja	Rujuk Agensi Lain	Surat Arahan	Tawaran Kompaun
2023	48	0	0	4	202	0	160	0	1

Jadual 3 : Tindakan Diambil Bagi Kes

2024	90	0	0	12	478	0	108	0	3	Aduan Pembakaran Terbuka Dari
2025	55	0	1	7	620	0	142	0	7	
Sehingga 20 Mac 2026	11	0	0	1	164	0	84	0	1	
JUMLAH	204	0	1	24	1464	0	494	0	12	

Tahun 2023 sehingga 20 Mac 2026

Selain daripada itu, JAS Perak juga telah melaksanakan beberapa inisiatif tambahan bagi mencegah berlakunya Pembakaran Terbuka dengan melaksanakan rondaan zon, menampal poster larangan Pembakaran Terbuka, pengedaran pamphlet dan melaksanakan bengkel atau taklimat berkaitan kempen Pencegahan Larangan Pembakaran Terbuka. Sebagaimana yang ditunjukkan di dalam Jadual 4, sejak tahun 2024 hingga 30 Mac 2026, JAS Perak telah menjalankan sebanyak 1705 rondaan zon, menampal sebanyak 1560 poster, mengedarkan sebanyak 6212 pamphlet dan telah mengadakan 2 bengkel serta 16 taklimat pencegahan pembakaran terbuka.

JAS Perak juga telah bekerjasama dengan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) pada tahun 2025. Sebanyak 5 pemantauan rondaan yang telah dijalankan oleh pihak APM dalam memantau aktiviti Pembakaran Terbuka pada tahun 2025.

	2024	2025	Sehingga 30 Mac 2026	JUMLAH
RONDAAN	575	983	147	1705
TAMPAL POSTER	369	911	280	1560
EDARAN PHAMPLET	1744	4017	451	6212
BENGGEL /LATIHAN	2	0	0	2
SEMINAR / TAKLIMAT	3	12	1	16

Jadual 4: Inisiatif JAS Perak Dalam Pencegahan Pembakaran Terbuka Dari Tahun 2024 hingga 30 Mac 2026

c) Di Negeri Perak, terdapat 5 stesen pemantauan udara automatik yang telah dipasang bagi memantau kualiti udara di Negeri Perak. Stesen-stesen tersebut adalah seperti berikut:

- i. Stesen CA13A bertempat di Pejabat Tanah Sri Manjung, Perak
- ii. Stesen CA12A bertempat di Sekolah Kebangsaan Jalan Pegoh, Perak
- iii. Stesen CA11A bertempat di Sek. Men. Kebangsaan Jalan Tasek, Ipoh Perak
- iv. Stesen CA10A bertempat di Sek. Keb. Ayer Puteh, Taiping Perak
- v. Stesen CA14A bertempat di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim.

Maklumat kualiti udara boleh diperolehi secara masa nyata dengan melayari laman web <https://eqms.doe.gov.my>, yang telah dibangunkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

Sekian, terima kasih.

4. Pengangkutan Awam & Mobiliti

- (a) Apakah status terkini penambahbaikan perkhidmatan pengangkutan awam di Perak termasuk perkhidmatan bas serta integrasi dengan perkhidmatan rel seperti ETS dan KTM Komuter, serta tahap penggunaan semasa?
- (b) Apakah perancangan kerajaan negeri untuk memperluaskan liputan laluan, meningkatkan kekerapan perkhidmatan dan memperkukuhkan integrasi pengangkutan (multimodal), khususnya bagi sambungan first-mile dan last-mile ke stesen rel?
- (c) Apakah langkah untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam serta bagaimana keberkesanan perkhidmatan ini diukur dari segi aksesibiliti, kecekapan dan kepuasan pengguna?



Jawapan Soalan 4

- a) Status terkini penambahbaikan perkhidmatan pengangkutan awam di Negeri Perak menunjukkan perkembangan yang positif, khususnya melalui pelaksanaan program transformasi bas henti-henti seperti Bas.My di Ipoh dengan pembiayaan tahunan daripada Kerajaan Persekutuan.
- b) Program ini merangkumi penambahbaikan dari segi liputan laluan, kualiti perkhidmatan, pelaksanaan sistem pembayaran terbuka serta pengenalan pas perjalanan bagi meningkatkan aksesibiliti dan kemudahan kepada pengguna.
- c) Dari segi integrasi rel, negeri Perak turut mendapat manfaat daripada rangkaian perkhidmatan KTM ETS dan KTM Komuter yang menghubungkan bandar-bandar utama seperti Ipoh, Batu Gajah dan Taiping.
- d) Selain itu, pembangunan hab pengangkutan bersepadu seperti Ipoh Sentral dijangka akan memperkukuh integrasi antara mod bas, rel, perkhidmatan e-hailing serta mobiliti aktif dalam satu ekosistem pengangkutan yang lebih cekap, terancang dan mampan.

Menjawab persoalan (b) pula

- e) Kerajaan Negeri Perak merancang untuk memperluaskan liputan laluan pengangkutan awam secara berfasa dengan memberi keutamaan kepada kawasan berpenduduk sederhana, kawasan pinggir bandar serta laluan sosial yang dikenal pasti melalui kerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi berkaitan.
- f) Dari segi memperkukuh integrasi pengangkutan secara multimodal, tumpuan diberikan kepada penyelarasan antara perkhidmatan bas dan rel seperti KTM ETS dan KTM Komuter, termasuk penyelarasan jadual perjalanan bagi memudahkan pertukaran mod. Di samping itu, pembangunan hab pengangkutan bersepadu seperti Ipoh Sentral akan menjadi pemangkin kepada integrasi menyeluruh antara bas, rel, e-hailing dan mobiliti aktif.

Bagi menjawab persoalan (c)

- g) Kerajaan Negeri Perak melaksanakan pelbagai langkah bagi menggalakkan penggunaan pengangkutan awam, termasuk penyediaan tambang yang berpatutan, pengenalan pas perjalanan seperti pas bulanan dan kad konsesi melalui program Bas.My, serta pelaksanaan sistem pembayaran tanpa tunai yang lebih mudah dan mesra pengguna. h) Selain itu, usaha mempertingkatkan kualiti perkhidmatan melalui penambahbaikan liputan laluan, peningkatan kekerapan dan kebolehpercayaan jadual turut menjadi keutamaan.
- i) Kempen kesedaran awam juga dipergiat bagi mengubah persepsi masyarakat agar melihat pengangkutan awam sebagai pilihan mobiliti yang selesa, selamat dan berdaya saing berbanding kenderaan persendirian.
- j) Dari segi pengukuran keberkesanan, prestasi perkhidmatan dinilai berdasarkan tiga aspek utama iaitu aksesibiliti, kecekapan dan kepuasan pengguna.
- k) Aksesibiliti diukur melalui liputan laluan serta keterhubungan dengan mod lain. Kecekapan pula dinilai melalui ketepatan masa, kekerapan dan tempoh perjalanan, manakala kepuasan pengguna diukur melalui maklum balas, aduan serta tahap penggunaan semasa.
- m) Bagi meningkatkan penggunaan pengangkutan awam, APAD bersama operator telah melaksanakan beberapa inisiatif utama, antaranya:
- Penyediaan tambang berpatutan serta skim konsesi kepada golongan sasaran
 - Penambahbaikan kualiti perkhidmatan termasuk ketepatan masa dan kebolehpercayaan
 - Pendigitalan sistem pembayaran dan maklumat perjalanan
 - Pelaksanaan kempen kesedaran bagi menggalakkan peralihan kepada penggunaan pengangkutan awam.
- n) Keberkesanan perkhidmatan dinilai berdasarkan indikator prestasi utama (KPI) yang dipantau oleh APAD secara bulanan dan berkala, termasuk:
- Ketepatan masa dan kebolehpercayaan perkhidmatan
 - Jumlah penumpang dan kadar penggunaan laluan
 - Tahap liputan dan aksesibiliti perkhidmatan
 - Maklum balas serta aduan pengguna
- o) Penilaian ini digunakan sebagai asas dalam kajian semula laluan dan penambahbaikan perkhidmatan secara berterusan.
- 

- p) Bagi pihak **KTMB** Bermula tahun 2026, KTMB telah meningkatkan jumlah perkhidmatan ETS kepada 36 trip sehari yang merangkumi stesen - stesen di negeri Perak seperti Tanjung Malim, Slim River, Sungkai, Tapah Road, Kampar, Batu Gajah, Ipoh, Sungai Siput, Kuala Kangsar, Taiping, Bagan Serai dan Parit Buntar.
- q) Selain itu, KTMB juga telah menyediakan perkhidmatan tambahan iaitu EMU PLUS sebanyak 4 trip naik/turun pada hujung minggu dengan menggunakan tren elektrik Six Car Set (Komuter) bagi laluan KL Sentral - Ipoh.
- r) Jumlah keseluruhan penumpang perkhidmatan ETS di negeri Perak bagi tahun 2025 adalah sebanyak 2.3 juta orang.
- s) Bagi perkhidmatan KTM Komuter pula, sejak tahun 2023 KTMB telah melanjutkan perkhidmatan KTM Komuter Utara sehingga ke stesen Ipoh di mana jumlah trip terkini adalah sebanyak 20 trip sehari naik/turun bagi laluan Butterworth - Ipoh – Butterworth.
- t) Perkhidmatan KTM Komuter ini merangkumi stesen - stesen di negeri Perak seperti Parit Buntar, Bagan Serai, Kamunting, Taiping, Padang Rengas, Kuala Kangsar, Sungai Siput, Ipoh dan Tanjung Malim.
- u) Jumlah keseluruhan penumpang perkhidmatan KTM Komuter di negeri Perak bagi tahun 2025 adalah sebanyak 2.6 juta orang.

5. Pelaburan & Penciptaan Pekerjaan

- (a) Berapakah jumlah pelaburan yang berjaya dibawa masuk ke Perak dari tahun 2023 hingga 2025 mengikut sektor serta jumlah peluang pekerjaan yang diwujudkan?
- (b) Apakah sektor utama yang menjadi fokus kerajaan negeri serta insentif yang ditawarkan bagi menarik pelabur?
- (c) Bagaimanakah kerajaan negeri memastikan peluang pekerjaan yang diwujudkan memberi manfaat kepada rakyat tempatan termasuk dari segi kadar pengambilan pekerja tempatan dan tahap gaji?

Jawapan Soalan 5

Untuk makluman Yang Berhormat Simpang Pulai,

Prestasi pelaburan Negeri Perak bagi tempoh tahun 2023 hingga 2025 menunjukkan trajektori pertumbuhan yang amat memberangsangkan serta mencerminkan keyakinan berterusan pelabur terhadap ekosistem pelaburan negeri ini. Secara keseluruhannya, jumlah pelaburan yang berjaya dibawa masuk ke Perak telah meningkat daripada RM8.50 bilion pada tahun 2023 kepada RM8.76 bilion pada tahun 2024, sebelum melonjak dengan ketara kepada RM15.76 bilion pada tahun 2025. Pencapaian ini bukan sahaja mencerminkan daya saing Negeri Perak sebagai destinasi pelaburan pilihan, malah menunjukkan keberkesanan strategi pemudahcaraan pelaburan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dengan sokongan Kerajaan Persekutuan.

Seiring dengan peningkatan nilai pelaburan ini, impak langsung kepada rakyat dapat dilihat melalui pewujudan peluang pekerjaan yang semakin meningkat saban tahun. Bagi tempoh yang sama, jumlah peluang pekerjaan yang diwujudkan telah meningkat daripada 3,584 pekerjaan pada tahun 2023, kepada 4,353 pekerjaan pada tahun 2024, dan seterusnya melonjak kepada 10,704 pekerjaan pada tahun 2025. Lonjakan ketara ini menggambarkan bahawa pelaburan yang masuk bukan sahaja berorientasikan modal, tetapi turut memberi penekanan kepada penciptaan pekerjaan berkualiti tinggi yang mampu meningkatkan taraf hidup rakyat tempatan.

Dari segi pecahan mengikut sektor, perubahan struktur pelaburan negeri menunjukkan peralihan yang signifikan ke arah sektor bernilai tambah tinggi. Pada tahun 2023, sektor perkhidmatan merupakan penyumbang utama dengan nilai pelaburan sebanyak RM5.72 bilion, diikuti sektor pembuatan sebanyak RM2.77 bilion dan sektor utama sebanyak RM12.06 juta. Namun begitu, mulai tahun 2024 dan lebih ketara pada tahun 2025, sektor pembuatan telah muncul sebagai enjin pertumbuhan utama negeri. Pada tahun 2024, sektor pembuatan merekodkan pelaburan sebanyak RM3.73 bilion, dan seterusnya melonjak dengan signifikan kepada RM9.39 bilion pada tahun 2025, mengatasi sektor perkhidmatan yang mencatatkan RM6.35 bilion pada tahun yang sama. Perkembangan ini mencerminkan kejayaan Negeri Perak dalam menarik pelaburan industri berteknologi dan berorientasikan eksport, khususnya dalam subsektor bernilai tinggi.

Dari sudut pewujudan peluang pekerjaan, sektor pembuatan kekal sebagai penyumbang terbesar, sejajar dengan sifatnya yang berintensifkan tenaga kerja dan berimpak tinggi kepada rantaian ekonomi. Pada tahun 2025 sahaja, sektor ini menyumbang sebanyak 10,010 peluang pekerjaan, iaitu hampir keseluruhan daripada jumlah pekerjaan yang diwujudkan pada tahun tersebut. Sementara itu, sektor perkhidmatan menyumbang sebanyak 666 pekerjaan, manakala sektor utama sebanyak 28 pekerjaan. Corak ini turut jelas dilihat bagi tahun-tahun sebelumnya, sekali gus membuktikan bahawa sektor pembuatan merupakan tulang belakang utama dalam menjana peluang pekerjaan berkualiti kepada rakyat Negeri Perak.

Kerajaan Negeri memahami kepentingan untuk mempelbagaikan ekonomi dan tidak hanya bergantung kepada sektor tertentu. Seperti Ahli Dewan yang mulia sedia maklum, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Pelan Perindustrian Perak (P3) bagi mempelbagaikan landskap ekonomi negeri dan membina ekonomi yang lebih kukuh.

Dalam pelan ini, beberapa sektor tumpuan telah dikenal pasti untuk memastikan Perak kekal berdaya saing dengan mengambil kira kekuatan negeri bagi menghadapi ekonomi dunia yang kian berubah. Antara sektor tersebut ialah:

- Elektrik & Elektronik (E&E)
- Automotif, Alat Ganti dan Industri Berkaitan Jentera
- Industri Berasaskan Mineral
- Bioteknologi & Industri Halal
- Ekonomi Digital & Perkhidmatan Berasaskan Pembuatan

Berdasarkan sektor tumpuan yang diperkenalkan dalam pelan tersebut, Kerajaan Negeri dengan kerjasama serta komitmen dari agensi seperti InvestPerak dan MIDA giat mengusahakan aktiviti-aktiviti promosi pelaburan bagi menarik pelabur dalam sektor-sektor ini ke Negeri Perak. Melalui pendekatan ini, Negeri Perak tidak hanya menumpukan kepada sektor tradisional semata-mata, tetapi turut mengembangkan sektor bernilai tinggi bagi mengukuhkan lagi ekonomi negeri dan setempat.

Bagi insentif dan kemudahan untuk menarik pelabur ke Negeri Perak pula adalah seperti berikut:

a. Penyediaan Kawasan Perindustrian Baharu Di Seluruh Perak

Terdapat pelbagai kawasan industri baharu yang sedang dibangunkan bagi menarik pelabur asing ke Perak. Antara kawasan industri baharu dan pembesaran kawasan industri yang sedia ada termasuklah:

- KIGIP – Daerah Kerian
- LuMIC dan HIP – Daerah Manjung
- SVTP – Daerah Kinta
- AHTV dan KLK – Daerah Muallim
- ECK – Daerah Seri Iskandar

b. Pengenalan Dasar Mesra Pelabur

Dasar tersebut telah diperkenalkan di dalam Pelan Perak Sejahtera 2030. Tumpuan dasar ini dijangka akan dapat menarik lebih banyak pelabur ke Negeri Perak. Ia melibatkan usaha sama pelbagai agensi seperti MIDA, InvestPerak, PBT, serta

agensi-agensi lain dalam usaha pemudah cara bagi membantu untuk memenuhi keperluan unik setiap pelabur. Pengenalan dan pelaksanaan Muallim Speed Lane (M-SL) adalah contoh usaha pemudah cara yang merupakan usaha sama antara pelbagai agensi bagi membantu pelabur untuk mengurangkan tempoh masa dalam pembinaan dan pelesenan.

c. Mempromosikan Pelbagai Insentif Kerajaan

Kerajaan Negeri melalui agensi seperti InvestPerak dengan kerjasama daripada MIDA sentiasa mempromosikan insentif-insentif kerajaan dalam usaha untuk menarik pelabur asing ke negeri Perak. Antara insentif-insentif yang dipromosikan kepada syarikat asing adalah Elaun Cukai Pelaburan (ITA) serta Pengecualian Cukai Pendapatan (ITE). Insentif-insentif ini dilengkapkan dengan kelebihan Negeri Perak dapat menjadikan negeri sebagai destinasi pelaburan asing.

Kerajaan Negeri sedar kepentingan mewujudkan peluang pekerjaan yang boleh dimanfaatkan rakyat tempatan. Oleh itu, Kerajaan Negeri memastikan pelaburan asing dan domestik tidak sekadar membawa modal, tetapi meningkatkan taraf hidup rakyat melalui strategi berikut:

a. Kadar Pengambilan Pekerja Tempatan:

□ Syarat Pelaburan: Berdasarkan kepada polisi semasa yang ditetapkan oleh kerajaan persekutuan menerusi MITI, syarat yang dikenakan dalam Lesen Pengilang yang diluluskan menetapkan komposisi tenaga kerja iaitu sekurang-kurangnya 80% tenaga kerja tempatan dan 20% tenaga kerja asing.

□ Pembangunan Modal Insan: Melalui inisiatif seperti Perak Sejahtera 2030, kerajaan bekerjasama dengan institusi TVET untuk melatih belia tempatan agar memiliki kemahiran yang relevan dengan keperluan industri (Up-skilling & Re-skilling).

b. Tahap Gaji Dan Kualiti Pekerjaan:

• Dasar Gaji Progresif: Perak menyokong pelaksanaan Dasar Gaji Progresif peringkat Persekutuan untuk memastikan kenaikan gaji selari dengan produktiviti.

• Fokus Pekerjaan Berkemahiran Tinggi: Dengan menarik pelaburan dalam sektor teknologi (Semikonduktor, E&E, Automotif), kerajaan bertujuan mewujudkan peluang pekerjaan kolar biru dan kolar putih yang menawarkan gaji lebih tinggi berbanding sektor buruh tradisional.

Soalan Dari : YB ENCIK AZMAN BIN NOH
Ahli Dewan Undangan Negeri : (PENGKALAN BAHARU)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. PROJEK RUMAH SAKIT DAN TERBENGKALAI

- 1) Minta kerajaan negeri maklumkan perkembangan terkini Dashboard Perumahan Negeri Perak ?
- 2) Apakah usaha kerajaan negeri dalam menangani projek sakit dan terbengkalai ?

Jawapan Soalan 1

JAWAPAN 1

Untuk makluman Yang Berhormat,

Kerajaan Negeri dimaklumkan bahawa pembangunan Dashboard Hartanah@Perak telah selesai bagi fasa pertama. Fasa ini melibatkan penyediaan paparan maklumat berkaitan status pembangunan perumahan di seluruh negeri Perak yang merangkumi kesemua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Selain itu, dashboard ini turut memaparkan maklumat berkaitan bilangan serta lokasi projek terbengkalai di negeri Perak.

Bagi fasa seterusnya, Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak (LPHP) bersama PerakGIS akan terus mempertingkatkan dan mengemaskini fungsi dashboard ini dari semasa ke semasa. Usaha ini bertujuan memastikan lebih banyak maklumat komprehensif dapat dipaparkan untuk makluman umum, termasuk berkaitan projek sakit dan projek terbengkalai.

Setiap data projek sakit dan terbengkalai yang diperolehi daripada Jabatan Perumahan Negara (JPN), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan dikemas kini secara berterusan ke dalam dashboard tersebut bagi memastikan maklumat yang disediakan sentiasa tepat dan terkini.

JAWAPAN 2

Untuk makluman Yang Berhormat,

Susulan kerjasama MoU antara Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak (LPHP) dan Jabatan Perumahan Negara (JPN) yang telah ditandatangani pada 10 Julai 2024, pelbagai langkah proaktif telah dilaksanakan bagi menangani isu projek sakit dan terbengkalai di Negeri Perak.

Melalui kerjasama ini, pihak JPN telah mula melibatkan LPHP sebagai agensi pemudah cara dalam mesyuarat yang membincangkan isu-isu teknikal berkaitan pelaksanaan projek berkenaan. Selain itu, mesyuarat teknikal secara berkala turut dilaksanakan antara LPHP, JPN dan pihak pemaju bagi memantau perkembangan kerja di tapak serta memastikan setiap langkah pemulihan berjalan mengikut perancangan.

Di samping itu, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Perak turut terlibat bersama-sama LPHP dan Jabatan Perumahan Negara (JPN) dengan mengadakan beberapa siri lawatan tapak ke projek-projek sakit dan terbengkalai bagi menilai keadaan sebenar di lokasi serta mengenal pasti tindakan susulan yang perlu diambil.

Perbincangan bersama pihak pemaju turut dilaksanakan bagi memahami isu dan cabaran yang dihadapi oleh mereka, selain membincangkan langkah penyelesaian yang sesuai untuk memastikan projek dapat diteruskan semula.

Tidak ketinggalan, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Perak, LPHP dan JPN juga mengadakan beberapa sesi perjumpaan bersama para pembeli bagi mendengar sendiri hasrat, pandangan dan cadangan mereka supaya penyelesaian yang diambil mengambil kira kepentingan semua pihak.

Soalan ini telah dijawab secara lisan pada 21 April 2026
Persidangan Keenam Tahun Keempat Dewan Negeri Yang Kelima Belas

2. Projek Ladang Hutan merupakan satu langkah yang sangat efisien bagi mendapatkan hasil hutan setelah harga kayu tidak ada harga di pasaran sekarang.
Adakah kerajaan negeri merancang untuk membuka lagi ladang ladang hutan didalam hutan simpan negeri Perak.

Jawapan Soalan 2

Dato' Seri Yang di- Pertua,

Yang Berhormat Pengkalan Baharu bertanyakan sama ada kerajaan negeri merancang untuk terus membuka ladang hutan di negeri Perak. Untuk makluman Yang Berhormat Pengkalan Baharu, negeri Perak telah diluluskan kawasan Zon Pembangunan Ladang Hutan (ZPLH) seluas 100,000 hektar melalui Mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN) Ke-68 pada tahun 2012. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Perak telah menetapkan pelaksanaan sebenar ZPLH di Negeri Perak hanya melibatkan keluasan seluas 32,375 hektar, iaitu bersamaan kira-kira 3 peratus daripada keseluruhan keluasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) di negeri ini. Pelaksanaan pembangunan ladang hutan ini dilaksanakan secara berfasa dan tidak diberikan kelulusan secara serentak, bagi memastikan perancangan yang lebih tersusun serta pemantauan yang berkesan terhadap impak alam sekitar dan pengurusan sumber hutan.

Sehingga 31 Disember 2025, daripada jumlah keluasan yang ditetapkan tersebut, hanya berbaki seluas 809 hektar yang masih belum diberikan kelulusan. Perincian status pelaksanaan adalah seperti berikut:

Bil	Perkara	Keluasan (Ha)
1	Keluasan Ladang Hutan diluluskan	31,566.00
2	Keluasan Ladang Hutan yang telah dibangunkan	8,810.00
3	Keluasan Ladang Hutan yang telah ditanam	8,184.00
4	Keluasan Ladang Hutan dalam proses penanaman	626.00

Ingin saya tegaskan bahawa pembukaan kawasan ladang hutan dalam Hutan Simpanan Kekal adalah tertakluk sepenuhnya kepada had keluasan ZPLH yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri. Pada masa ini, Kerajaan Negeri tidak mempunyai sebarang perancangan untuk membuka atau menambah keluasan baharu bagi Zon Pembangunan Ladang Hutan di negeri Perak.

3. Banyak tanah yang di tanda di atas MAIPK sering kali di ceroboh oleh orang. Apakah langkah kerajaan negeri bagi membendung kegiatan ini memandangkan tanah tanah ini kebanyakan nya berskala kecil dan sukar di majukan.

Jawapan Soalan 3

Untuk makluman Yang Berhormat Pengkalan Baharu, isu pencerobohan tanah milik Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) merupakan satu cabaran yang dipandang serius kerana setiap inci tanah tersebut adalah aset amanah umat Islam yang wajib dipelihara. Walaupun sebahagian besar tanah ini berskala kecil dan mempunyai kekangan dari sudut pembangunan komersial, ia tetap perlu diurus secara berhemah. Bagi membendung kegiatan ini, MAIPk telah merangka strategi komprehensif yang merangkumi aspek penguatkuasaan, teknikal dan pembangunan ekonomi. Bagi mengatasi masalah tanah terbiar yang sering menjadi sasaran penceroboh, MAIPk melaksanakan strategi pengoptimuman penggunaan tanah berskala kecil. Ini dilakukan melalui skim pajakan atau sewaan jangka pendek serta pelaksanaan aktiviti ekonomi mikro yang bersesuaian dengan lokasi setempat. Pendekatan ini bukan sahaja mengurangkan risiko pencerobohan, malah memastikan tanah tersebut memberikan pulangan hasil yang berterusan untuk manfaat umat Islam tanpa menjejaskan status tanah tersebut. Pada masa yang sama, pengukuhan pemantauan dan penguatkuasaan dalaman menerusi rondaan berkala yang lebih sistematik akan dilaksanakan. Tindakan tegas akan diambil berdasarkan peruntukan undang-undang terhadap mana-mana pihak yang didapati menceroboh. Selaras dengan itu, usaha pendokumentasian, pemetaan dan pendaftaran tanah sedang dipergiat bagi memastikan setiap aset direkodkan dengan tepat, sekali gus memudahkan tindakan penguatkuasaan dan mengelakkan sebarang pertikaian hak milik pada masa hadapan. Selain itu, kawalan fizikal turut diperkukuhkan melalui pemasangan papan tanda amaran serta pemagaran di kawasan-kawasan yang berisiko tinggi. Namun, kawalan ini tidak akan berkesan tanpa pendekatan kolaboratif bersama komuniti setempat. MAIPk kini aktif menggalakkan masyarakat untuk menjadi mata dan telinga dalam menyalurkan maklumat berkaitan aktiviti pencerobohan. Melalui kesedaran bahawa tanah ini adalah amanah untuk kepentingan ummah, kerjasama erat antara MAIPk dan penduduk dapat mewujudkan benteng pertahanan sosial yang lebih kukuh. Secara keseluruhannya, MAIPk kekal komited memantapkan tadbir urus tanah agar lebih cekap, telus dan responsif. Sinergi antara ketegasan undang-undang, penglibatan aktif masyarakat, serta kreativiti dalam pengurusan aset memastikan setiap tanah amanah bukan sahaja terpelihara daripada pencerobohan, malah dioptimumkan sepenuhnya demi kesejahteraan dan kelestarian ekonomi ummah di negeri Perak.

SOALAN-SOALAN BERTULIS

1. Kerja kerja penyelenggaraan jalan terutama di jalan federal dan state di bawah JKR di lihat banyak berlaku kerosakan walaupun baru saja di turap semula, apakah langkah kerajaan selepas ini bagi memastikan permukaan jalan di turap dengan baik.

Jawapan Soalan 1

Untuk makluman Yang Berhormat,

- 1) Kerja-kerja penurapan di bawah seliaan JKR yang dilaksanakan oleh pihak kontraktor perlu merujuk spesifikasi atau piawaian yang telah ditetapkan.
 - 2) Walau bagaimana pun, sekiranya berlaku kerosakan dalam tempoh tanggungan kecacatan, pihak JKR akan memastikan pihak kontraktor menjalankan kerja pembaikan semula mengikut spesifikasi JKR.
 - 3) Selain itu, pihak JKR juga menjalankan pemantauan di tapak dari semasa ke semasa bagi memastikan kerja yang dilaksanakan adalah mengikut kelulusan Pelan Kualiti Projek.
2. Kerja kerja menampal permukaan jalan yang sering dilakukan oleh pihak JKR di atas jalan federal dan jalan state sering kali kembali rosak walaupun baru di tampal, apakah langkah yang kerajaan lakukan bagi memastikan kerja-kerja ini dapat di lakukan dengan sempurna.

Jawapan Soalan 2

Untuk makluman Yang Berhormat,

- 1) Bagi kerja-kerja penampalan lubang di atas permukaan jalan, ia merupakan penyenggaraan rutin demi keselamatan pengguna jalan raya.

- 2) Kaedah penampalan lubang ini perlu merujuk kepada spesifikasi JKR yang telah ditetapkan bagi memastikan kualiti kerja dipatuhi.
 - 3) Walau bagaimanapun, selain faktor kualiti kerja, faktor luaran seperti cuaca hujan, bebanan trafik yang tinggi dan kenderaan berat yang melebihi had muatan juga boleh menyumbang kepada kerosakan jalan.
 - 4) Bagi skop penyenggaraan berkala pavemen pula, pihak JKR sedia maklum dan telah mengenal pasti keperluan penyenggaraan dengan menyediakan Anggaran Penyenggaraan Jabatan secara tahunan bagi Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri.
 - 5) Pihak JKR juga mengambil pendekatan untuk melaksanakan penilaian kondisi jalan bagi mengenal pasti kaedah rawatan yang bersesuaian dengan tahap kerosakan yang berlaku.
3. Terdapat masih banyak tanah-tanah kerajaan di teroka oleh peneroka di kawasan Hujung Pasir Pantai Remis, Kg Gelung pepuyu di Beruas dan Kawasan Paya Besar di Beruas, adakah kerajaan berhasrat untuk melakukan pemutihan agar kerajaan dapat mengutip hasil bagi menambah pendapatan kerajaan negeri.

Jawapan Soalan 3

Yang Berhormat Pengkalan Baharu,

Kerajaan Negeri ingin menjelaskan bahawa tidak semua kawasan tanah Kerajaan akan dilupuskan bagi tujuan pemberimilikan. Sebahagian kawasan tersebut perlu dikekalkan dan dirizabkan sebagai simpanan strategik bagi memenuhi keperluan serta perancangan pembangunan pada masa hadapan, termasuk untuk kepentingan generasi akan datang.

Sehubungan itu, mana-mana pihak yang menceroboh atau mengusahakan tanah Kerajaan tanpa kebenaran yang sah akan dikenakan tindakan penguatkuasaan yang sewajarnya selaras dengan peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa, khususnya di bawah Kanun Tanah Negara 1965.

4. Terdapat lebih kurang 100 meter parit dan longkang simen di kawasan Kampung Tersusun Belakang Masjid Beruas yang tidak termasuk di dalam RTB Lembangan Sungai Beruas, adakah kerajaan berhasrat untuk menyelesaikan masalah tersebut kerana kelak bila siap projek RTB ini ianya masih tidak mampu untuk menyelesaikan masalah banjir kerana di situ akan menjadi bottleneck menghalang kelancaran air keluar ke Sungai Beruas

Jawapan Soalan 4

Untuk makluman YB

Projek RTB adalah bawah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di bawah Pejabat YB Dato Seri Nizar

5. Banjir akan tetap berlaku di Kg Padang Serai seandainya Projek RTB Sungai Beruas siap kelak, apakah perancangan kerajaan bagi mengatasi masalah banjir termenung di Kg Padang Serai.

SOALAN DITOLAK (andaian)

Soalan Dari : YB ENCIK MOHD HAFEZ BIN SABRI
Ahli Dewan Undangan Negeri : (MANJOI)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. PERUMAHAN.

- a)Apakah usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dalam membantu pemilikan rumah mampu milik terutamanya dari aspek pinjaman perumahan diperolehi oleh kebanyakan golongan berpendapatan rendah ?
- b)Adakah kerajaan mempunyai cadangan mempermudah permohonan Penyewaan Program Perumahan Rakyat (PPR) terutamanya bagi golongan Belia dan B40 ?

Jawapan Soalan 1

JAWAPAN A

Untuk makluman Yang Berhormat,

Kerajaan Negeri sentiasa komited bagi membantu rakyat untuk memiliki rumah sendiri terutamanya dari aspek pinjaman perumahan yang diperolehi oleh kebanyakan golongan yang berpendapatan rendah.

Untuk makluman Yang berhormat usaha ini turut dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan iaitu dengan mewujudkan Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad (SJKP) bagi membantu golongan sasaran yang sukar mendapat pinjaman komersial daripada pihak bank. Ini kerana syarat yang ditetapkan tidak terlalu ketat untuk dipenuhi oleh pemohon. Skim SJKP ini juga telah membantu ramai golongan B40 untuk memiliki rumah kediaman terutamanya golongan yang tidak mempunyai slip gaji bulanan.

Selain itu Kerajaan Negeri telah menyediakan bantuan pinjaman khusus untuk membantu golongan sasaran melalui Program Pinjaman Perumahan Perak Sejahtera. Tawaran pembiayaan yang diperkenalkan ini adalah pembiayaan pinjaman tanpa faedah yang diberikan kepada penerima yang layak dan telah memberi manfaat kepada 31 orang penerima.

Kerajaan Negeri sentiasa mencari inisiatif terbaik untuk memadankan pihak pemohon perumahan dengan pihak pembiaya kewangan melalui kerjasama strategik yang akan memberi hasil menang-menang kepada pihak-pihak yang terlibat. Ini mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan Negeri untuk membantu rakyat agar dapat memiliki rumah sendiri dan menjamin kehidupan yang sejahtera.

JAWAPAN B

Untuk makluman Yang Berhormat,

LPHP dalam proses penambahbaikan sistem pengurusan rumah PPR dan juga melibatkan kaedah baru permohonan menduduki PPR. Buat masa ini permohonan menduduki PPR masih lagi dengan kaedah menghantar borang permohonan secara manual kepada LPHP.

Melalui sistem baru yang sedang dibangunkan, selepas ini pemohon boleh memohon melalui sistem secara atas talian dan boleh menjimatkan tempoh untuk menghantar permohonan.

2. BANJIR.

(a)Apakah usaha segera kerajaan menangani lokasi kerap berlaku banjir di dalam kawasan DUN Manjoi terutamanya di perumahan Sungai Pari, Kampung Dato Ahmad Said Tambahan 2, Taman Meru Perdana, Kampung Seri Klebang, Kampung Desa Seri Chepor ?

(b)Adakah kerajaan mempunyai cadangan untuk menaik taraf saluran perparitan terutamanya di kawasan berhampiran sungai dalam DUN Manjoi ?

(c)Adakah kerajaan mempunyai cadangan untuk menaik taraf kolam tadahan di kawasan Taman Meru Perdana ?

Jawapan Soalan 2

JAWAPAN A

Untuk makluman Yang Berhormat,

Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) mengambil maklum berhubung kekerapan kejadian banjir kilat di lokasi-lokasi yang dinyatakan. Buat masa ini MBI melaksanakan kerja penyelenggaraan longkang-longkang utama dan kolam tadahan secara berkala.

Semakan di lokasi mendapati kejadian banjir juga berlaku akibat limpahan air Sungai Pari di bawah seliaan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

JAWAPAN B

Untuk makluman Yang Berhormat,

Buat masa ini, tiada perancangan menyeluruh ke atas cadangan kerja-kerja naik taraf, namun penyelenggaraan longkang *monsoon* dan kolam tadahan di bawah MBI terus dilaksanakan dari semasa ke semasa berdasarkan kepada peruntukan yang diperolehi.

JAWAPAN C

Untuk makluman Yang Berhormat,

Pihak MBI tidak mempunyai perancangan untuk menaik taraf kolam tadahan sedia ada di Taman Meru Perdana.

3. MENAIK TARAF INFRASTRUKTUR JALAN RAYA.

- a) Adakah kerajaan mempunyai cadangan menaik taraf infrastruktur jalan raya seperti lampu isyarat dan pembahagian jalan terutamanya dalam kawasan zon klebang ?
- b) Adakah kerajaan mempunyai cadangan untuk menaik taraf infrastruktur keselamatan di kawasan tumpuan berlaku kemalangan terutamanya melibatkan kenderaan berat seperti laluan Jelapang-Chemor A1 dan Chemor-Jelapang A1 ?

Jawapan Soalan 3

Untuk makluman Yang Berhormat,

- a. Bagi Jalan Persekutuan atau Jalan Negeri di kawasan Zon Klebang, di bawah seliaan JKR, pihak JKR sentiasa menjalankan pemantauan dan mengenal pasti keperluan penyenggaraan mahupun naik taraf infrastruktur.
- b. Kerja-kerja tersebut akan dilaksanakan mengikut keutamaan dan secara berperingkat mengikut peruntukan yang diterima.
- c. Selain itu, pihak JKR juga telah menyenaraikan permohonan naiktaraf jambatan di laluan FT001, Jalan Ipoh - Butterworth, Daerah Kinta melalui RMKe-13 RP2.
- d. Pihak JKR sentiasa mengambil maklum berkenaan keperluan penyenggaraan berkala seperti keadaan perabot jalan seperti mana yang telah dilaksanakan dari semasa ke semasa.
- e. Pihak konsesi yang dilantik melaksanakan penyenggaraan rutin termasuk pemeriksaan rutin bagi memastikan keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya.
- f. Secara umumnya, pihak Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) akan melaksanakan cadangan-cadangan projek bagi menaik taraf jalan raya termasuk lampu isyarat dan pembahagi jalan mengikut kepada keperluan semasa seperti pertambahan pengguna trafik dan kelulusan peruntukan yang diterima dari semasa ke semasa

SOALAN-SOALAN BERTULIS

1. BABI HUTAN BERKELIARAN.

- (a) Apakah usaha segera kerajaan bagi mencegah isu babi hutan yang masih berkeliaran dalam DUN Manjoi khususnya seperti di Jalan Berlian, Jalan Zamrud, Jalan Serindit, Kampung Dato Ahmad Said Tambahan 2, Kampung Dato Ahmad Said Tambahan 3 dan Kampung Sungai Kati ?
- (b) Apakah usaha kerajaan mengatasi masalah tanah terbiar yang menyebabkan menjadi penggumpalan babi hutan berkeliaran ?

Jawapan Soalan 1

No. Rujukan : 27239 (Manjoi) (Bertulis)

Salam Sejahtera,

Untuk makluman Yang Berhormat Manjoi,

(a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan PERHILITAN Negeri Perak telah dan sedang melaksanakan beberapa tindakan segera bagi menangani isu kehadiran babi hutan di kawasan berkenaan, antaranya:

- a) **Operasi kawalan dan tangkapan**
 - i. Melaksanakan operasi pemasangan perangkap di kawasan *hotspot* aduan.
 - ii. Menjalankan operasi menembak secara terkawal di kawasan yang dikenal pasti dengan mematuhi prosedur keselamatan yang ketat.
- b) **Pemantauan dan rondaan berkala**
 - i. Meningkatkan rondaan di lokasi berisiko tinggi bagi mengesan pergerakan kawanan babi hutan serta mencegah kemasukan ke kawasan penempatan.
- c) **Tindakan respons aduan**
 - i. Setiap aduan awam akan diberi perhatian segera dengan penugasan pasukan ke lokasi bagi penilaian situasi dan tindakan bersesuaian.
- d) **Kerjasama agensi dan komuniti**
 - i. Bekerjasama dengan pihak PBT, penghulu serta komuniti setempat dalam menyalurkan maklumat dan pelaksanaan tindakan kawalan.
- e) **Program kesedaran awam**
 - i. Memberi nasihat kepada penduduk supaya tidak meninggalkan sisa makanan atau menjalankan aktiviti yang boleh menarik kehadiran hidupan liar.

Untuk makluman Yang Berhormat Manjoi,

(b) Tanah yang dimaksudkan ialah tanah milik individu di PM748 Lot 60295, PM7918 Lot 60297 dan PM7880 Lot 60299 Mukim Hulu Kinta, Daerah Kinta.

Namun demikian, semakan pentadbiran oleh Pejabat Daerah Kinta mendapati tapak tersebut tidak diusahakan, bersema samun dan ditumbuhi oleh hutan belukar.

Pentadbiran ini akan mengeluarkan Surat Peringatan Syarat Tersirat Mengusahakan Tanah Kategori Bangunan mengikut Seksyen 116 (1)(a)&(c) Kanun Tanah Negara (Akta 828) kepada pemilik tanah kerana gagal mendirikan bangunan dalam masa dua (2) tahun setelah tanah itu diperolehi dan hendaklah dijagabaik.

Kegagalan pemilik tanah mematuhi surat peringatan tersebut akan menyebabkan tanah boleh dikenakan tindakan penguatkuasaan pelucuthakan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) kerana pelanggaran syarat mengikut Seksyen 130 Kanun Tanah Negara (Akta 828).

Sekian, terima kasih.

2. PEMBUANGAN SAMPAH HARAM.

(a)Apakah usaha segera kerajaan bagi mencegah isu pembuangan sampah haram yang berlaku di kawasan perumahan Meru Prima dan kawasan kilang perindustrian berhampiran Chepor Seramik ?

(b)Apakah usaha kerajaan mengatasi masalah ini supaya tidak lagi berulang berkaitan pembuangan sampah haram terutamanya di kalangan pemaju perumahan ?

Jawapan Soalan 2

JAWAPAN A

Untuk makluman Yang Berhormat,

Pihak Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) telah mengambil beberapa usaha bagi menangani masalah sampah. Antara langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:

- i. Melaksanakan kutipan sampah domestik mengikut jadual yang telah ditetapkan iaitu sebanyak 3 kali seminggu;
- ii. Menyediakan perkhidmatan kutipan sampah kebun dan pukat secara percuma bagi taman perumahan mulai tahun 2021 sehingga kini;
- iii. Menjalankan kutipan dan pembersihan lokasi sampah haram mengikut jadual yang ditetapkan iaitu sebulan atau dua bulan sekali;
- iv. Mengedarkan risalah kepada orang awam berkenaan kewajipan “Penyediaan Tong Sampah di Premis Perniagaan dan Rumah Kediaman” dan “Larangan Pembuangan Sampah Haram”;
- v. Memasang papan tanda larangan pembuangan sampah haram dan papan tanda kesedaran awam di lokasi yang telah dikenal pasti sebagai *hot spot* sampah haram;
- vi. Tindakan tegas bagi menangani isu pembuangan sampah haram khususnya di kawasan Perindustrian Chepor Seramik telah diambil melalui pengeluaran 21 kompaun berjumlah RM11,000.00 sepanjang tahun 2025. Manakala di Meru Prima tindakan boleh diambil oleh pihak pemaju (*joint management body*) yang bertanggungjawab menyelenggara perumahan berstrata. Pemantauan akan dilakukan dari masa ke semasa;
- vii. Mengadakan program pengedaran tong sampah secara percuma bagi taman perumahan di sekitar bandar raya Ipoh. Program ini mula diperkenalkan pada tahun 2021; dan
- viii. Mengadakan Program Perak Bersih dan Sihat (Perak BEST 2.0) 2025 “Memerangi *Hot Spot* Sampah Haram” di Perindustrian Seramik Chemor pada 22 Ogos 2025.

JAWAPAN B

Untuk makluman Yang Berhormat,

Antara inisiatif MBI untuk mengatasi masalah / isu pembuangan sampah haram dalam kalangan pemaju perumahan adalah dengan mengenakan wang cagaran bagi projek pembinaan. Ia bertujuan untuk memastikan kontraktor binaan mengurus dan melupuskan sisa binaan dengan betul serta tidak membuang sampah secara haram.

Wang cagaran ini juga menjadi jaminan bahawa tapak pembinaan akan dibersihkan selepas projek pembinaan siap / selesai. Sekiranya kontraktor gagal mematuhi syarat, wang cagaran ini boleh digunakan oleh pihak berkuasa untuk menampung kos pembersihan sisa pembinaan sekaligus mengelakkan pencemaran alam sekitar.

Selain itu, pihak berkuasa tempatan (PBT) boleh melaksanakan penguatkuasaan lebih tegas terhadap pembuangan sampah haram dengan mengenakan kompaun pada kadar maksimum kepada pihak terlibat khususnya pemaju perumahan.

3. KESELAMATAN LALU LINTAS

- (a)Apakah langkah kerajaan untuk mengatasi rumah kedai lama terbiar yang boleh mendatangkan bahaya di laluan utama Pekan Chemor ?
- (b)Apakah langkah kerajaan menjamin keselamatan lalu lintas utama berhampiran SK Jati dan SMK Jati ?
- (c)Apakah langkah kerajaan menjamin keselamatan lalu lintas utama berhampiran Sekolah Maahad Ummah ?

Jawapan Soalan 3

JAWAPAN A

Untuk makluman Yang Berhormat,

Pihak Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) telah mengeluarkan Notis Bangunan Usang di bawah Seksyen 83, Akta 133 kepada pemilik rumah kedai. Notis telah dikeluarkan kepada pemilik rumah kedai dari bulan Disember 2024 sehingga Januari 2025.

Sehingga kini tiada pematuhan dari pemilik rumah kedai dan kes akan di bawa ke tindakan pendakwaan di mahkamah.

JAWAPAN B

Untuk makluman Yang Berhormat,

Dari aspek keselamatan, pihak MBI membina 1 unit bonggol dan penambahan garisan *transverse bar* di kawasan berkenaan yang bertujuan untuk memperlambatkan keselamatan kenderaan di kawasan sekolah berkenaan.

JAWAPAN C

Untuk makluman Yang Berhormat,

4. JALAN PINTAS.

- (a)Adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan jalan pintas terus dari Taman Dato Ahmad Said ke Masjid Jamek Kg Dato Ahmad Said Tambahan 3 ?
- (b)Adakah kerajaan bercadang bagi pembinaan jalan tersebut juga sebagai laluan alternatif bagi penduduk, pihak berkuasa seperti polis, bomba, JPAM dan ambulan sekiranya berlaku kecemasan ?
- (c)Adakah kerajaan bercadang menaik taraf jalan pintas berhampiran Hala Jati Meru 29 dan SMK Jelapang Jaya ?

Jawapan Soalan 4

JAWAPAN A DAN B

Untuk makluman Yang Berhormat,

Buat masa kini, pihak Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) tidak mempunyai sebarang cadangan untuk mewujudkan jalan pintas. Namun, sebarang urusan / akses boleh menggunakan jalan masuk sedia ada ke Taman Dato Ahmad Said iaitu Jalan Intan.

JAWAPAN C

Untuk makluman Yang Berhormat,

Pada masa ini, pihak MBI tidak mempunyai sebarang cadangan untuk menaik taraf jalan pintas berhampiran Hala Jati Meru 29 dan SMK Jelapang Jaya.

5. TAMAN PERMAINAN.

(a)Apakah langkah kerajaan bagi menyelenggara taman permainan yang tidak diselenggara di kawasan perumahan dalam DUN Manjoi ?

(b)Apakah langkah kerajaan bagi mengatasi salah guna taman permainan sebagai tempat pembuangan sampah haram, meletak kereta dan juga kebun tanaman haram ?

(c)Apakah langkah kerajaan bagi mengatasi tempat berkumpulnya haiwan seperti anjing sehingga meninggalkan najis di taman permainan ?

Jawapan Soalan 5

JAWAPAN A

Untuk makluman Yang Berhormat,

Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan alatan mainan / senaman secara berkala iaitu sekali dalam 2 - 3 bulan.

MBI sentiasa memantau keadaan alatan mainan / senaman, perabut taman, dan menjalankan kerja-kerja pembersihan padang / sampah kebun serta melaksanakan kerja membaik pulih secara dalaman dan lantikan kontrak perpendukan pada pemantauan berkala, aduan dan permohonan orang awam. Pelaksanaan kerja pembaikpulihan dan menaik taraf taman permainan adalah mengikut bajet tahunan MBI dan peruntukan luar.

JAWAPAN B

Untuk makluman Yang Berhormat,

Beberapa langkah telah diambil oleh MBI dalam menangani penyalahgunaan padang awam / taman permainan dengan penguatkuasaan undang-undang kecil taman. Notis pencerobohan kawasan akan diletakkan di kawasan yang telah dikenal pasti terdapat penyalahgunaan fungsi taman.

Tindakan seterusnya adalah perobohan binaan haram dan pembersihan kawasan kebun haram. MBI juga menaik taraf kawasan lapang dengan pembinaan trek / laluan pejalan kaki bagi mengawal pencerobohan dan kacau ganggu kawasan lapang.

JAWAPAN C

Untuk makluman Yang Berhormat,

MBI mengambil tindakan melalui pemantauan dan operasi berkala yang tertumpu khusus kepada anjing-anjing terbiar serta melaksanakan penangkapan mengikut prosedur yang ditetapkan

Soalan Dari : YB ENCIK BERHANUDIN BIN AHMAD
Ahli Dewan Undangan Negeri : (MANONG)

SOALAN-SOALAN LISAN

1. Loji rawatan air berfungsi merawat air mentah dari sumber sungai atau empangan. Ia memastikan bekalan air bersih, selamat, dan mematuhi piawaian Kementerian Kesihatan untuk kegunaan domestik dan industri. Masalah bekalan air yang tidak berkualiti, keruh dan berbau sering dihadapi penduduk di sekitar pekan Manong. Masalah ini berlaku secara berulang-ulang khususnya jika berlaku hujan lebat.
 - a) Adakah kerajaan bercadang untuk meningkatkan keupayaan (upgrade) loji rawatan air Manong (kategori half treatment) yang dibina pada tahun 1987 kepada kategori full treatment?
 - b) Adakah rekod bacaan kualiti air di kawasan pekan Manong sentiasa mematuhi piawaian Kementerian Kesihatan?

Jawapan Soalan 1

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Loji Rawatan Air (LRA) Manong adalah merupakan loji rawatan air kategori Rawatan Penuh "**full treatment**".
- b) Buat masa ini, LRA Manong masih mempunyai kapasiti yang mencukupi untuk memenuhi permintaan bekalan air setempat.
- c) LAP juga komited menjalankan pemantauan aset secara berkala bagi memastikan kelancaran operasi serta kualiti bekalan air kepada pengguna.
- d) Berkaitan bacaan kualiti air pula, secara keseluruhannya kualiti air di kawasan pekan Manong adalah mematuhi piawaian Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
- e) Walaubagaimana pun, dari pemantauan pihak LAP, didapati kualiti air mentah dari Sungai Guar semakin merosot.
- f) LAP telah mengambil inisiatif menaiktaraf sistem pengedosan bahan kimia yang lebih efektif bagi menangani isu kekeruhan (**turbidity**) air mentah yang tinggi.
- g) Perkara ini dikuatiri berpunca daripada aktiviti penerokaan di bahagian **upstream** sungai sehingga menjejaskan kualiti air mentah.

Soalan ini telah dijawab secara lisan pada 15 April 2026
Persidangan Kedua Tahun Keempat Dewan Negeri Yang Kelima Belas

2. Menurut laporan Interim Banci Pertanian 2024, Perak merekodkan jumlah nilai jualan hasil pertanian sebanyak hampir RM 16 juta secara keseluruhan pada tahun 2023. Adakah peningkatan hasil pertanian berlaku secara konsisten?
 - a) Berdasarkan jualan hasil pertanian tersebut, berapakah pegangan pertanian yang dimiliki oleh individu dan pertubuhan?
 - b) Berapakah keluasan kawasan (hektar) bertanaman di negeri Perak? Berdasarkan jumlah tersebut berapa jumlah hektar diusahakan oleh pegangan individu dan pegangan pertubuhan?

SOALAN DITOLAK ()

3. Banjir kilat merupakan isu yang sering berlaku khususnya di kawasan bandar dan penempatan padat. Ia merupakan bencana yang semakin kerap berlaku. Sistem perparitan tidak mencukupi, pembangunan tidak terkawal dan perancangan bandar tidak menyeluruh merupakan antara punca utama berlakunya banjir kilat.
 - a) Adakah kerajaan memantau secara menyeluruh dan sistematik projek-projek pembangunan di sesuatu bandar?
 - b) Apakah tindakan yang boleh diambil oleh kerajaan kepada pemaju atau individu yang melanggar syarat-syarat pembangunan yang ditetapkan oleh PBT?

Jawapan Soalan 3

JAWAPAN A

Untuk makluman Yang Berhormat,

Kerajaan Negeri melalui semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sentiasa melaksanakan pemantauan projek pembangunan secara menyeluruh dan sistematik selaras dengan peruntukan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) serta undang-undang kecil bangunan yang berkuat kuasa.

Setiap cadangan pembangunan diwajibkan melalui proses kelulusan Pelan Kebenaran Merancang (KM), pelan bangunan dan pelan kejuruteraan yang merangkumi komponen sistem perparitan, saliran dan pengurusan air larian permukaan. Penilaian teknikal turut melibatkan agensi berkaitan seperti Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan PLANMalaysia.

Pemantauan dan kawalan projek-projek pembangunan di sesuatu kawasan kawalan PBT sememangnya dilaksanakan melalui mekanisme pemantauan sedia ada. Terdapat 2 kaedah kawalan dan pemantauan yang dilaksanakan iaitu kawalan kelulusan pelan Pembangunan dan lawatan fizikal pemantauan tapak sepanjang kerja-kerja pembinaan berjalan.

Kaedah yang pertama adalah kawalan kelulusan pelan pembangunan oleh PBT (termasuk Pelan Perparitan & Saliran dan Pelan Kerja Tanah) yang mana merangkumi ulasan teknikal oleh agensi seperti JKR, JPS, PDT dan Jabatan teknikal dalaman PBT. Sistem perparitan dan saliran diwajibkan mematuhi Garis Panduan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) bagi mengelakkan risiko berlaku banjir pada kawasan pembangunan dan kawasan sekitar yang berdekatan. Kawalan kelulusan pelan ini bukan sahaja terhad kepada kawalan risiko banjir, tetapi juga kawalan kelodak, hakisan tanah dan lain-lain isu berkaitan.

Kaedah kedua iaitu pemantauan juga dilaksanakan melalui lawatan tapak dan pemantauan semasa kerja-kerja pembinaan berjalan. Sebarang ketidakpatuhan yang ditemui semasa lawatan tapak, notis akan dikeluarkan kepada pihak pemaju atau pelaksana bagi mengambil tindakan pembetulan dengan kadar segera sebelum tindakan lebih tegas diambil seperti pengeluaran notis henti kerja, kompaun/denda atau pembatalan kelulusan pelan selain berhadapan tindakan undang-undang.

Dalam pada itu, Kerajaan Negeri juga telah membuat ketetapan ke atas setiap kelulusan KM di mana bagi sebarang jenis pemajuan tanah, pihak pemaju perlu dikenakan caj wang sumbangan saliran WSS mengikut keluasan kawasan pemajuan merujuk kepada Akta 133. Caj WSS ini akan dikutip oleh pihak PBT dan diselaraskan oleh pihak JPS Negeri Perak selaku urus setia Kumpulan Wang Amanah WSS ini.

Hasil kutipan WSS akan diagihkan kepada semua PBT yang memohon bagi membantu kerja penyelenggaraan sistem saliran serta kolam takungan banjir. Oleh yang demikian kerjasama daripada semua pihak terutama pihak pemaju adalah amat diperlukan bagi membantu PBT menilai dan mengenakan caj WSS yang tepat ke atas pemajuan mengikut keluasan sebenar.

Walau bagaimanapun, hasil semakan mendapati di kawasan hotspot banjir kilat di Manong (Kampung Guar), tiada sebarang pembangunan baharu yang diluluskan yang boleh dikaitkan secara langsung dengan kejadian banjir kilat tersebut.

Sehubungan itu, disyorkan pihak berkaitan mempertimbangkan kemungkinan kejadian banjir adalah tidak berpunca daripada kegagalan kawalan pembangunan, sebaliknya berkemungkinan disebabkan oleh faktor luaran seperti :-

- i. Aktiviti pembalakan di kawasan hulu yang menyumbang kepada peningkatan aliran permukaan serta mendapan kelodak;
- ii. Aktiviti pertanian yang berpotensi menyebabkan hakisan tanah dan pengurangan kapasiti sistem saliran semula jadi.

JAWAPAN B

Untuk makluman Yang Berhormat,

Pihak PBT boleh mengambil tindakan ke atas pemaju atau perunding yang ingkar dan melanggar syarat-syarat pembangunan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

Tindakan yang boleh diambil adalah dengan mengeluarkan notis berhenti kerja, kompaun, pembatalan kelulusan, perobohan struktur, tindakan mahkamah dan senarai hitam syarikat pemaju atau perunding.

SOALAN-SOALAN BERTULIS

1. Pengusaha ternakan udang dan ikan di Ulu Kenas, Kuala Kangsar menghadapi masalah status tanah. Status asal tanah tersebut adalah tanah sawah. Isu status tanah ini menyebabkan kawasan tersebut sukar dibangunkan sebagai kawasan industri ternakan udang dan ikan. Apakah usaha kerajaan untuk membantu pengusaha ternakan udang dan ikan di kawasan tersebut supaya dapat dimajukan sebagai kawasan industri ternakan udang dan ikan?

Jawapan Soalan 1

Yang Berhormat Manong,

Kerajaan Negeri mengambil maklum berhubung isu yang dihadapi oleh pengusaha ternakan udang dan ikan di kawasan Ulu Kenas, Kuala Kangsar yang berdepan kekangan akibat status tanah yang masih dikategorikan sebagai tanah sawah.

Untuk makluman Yang Berhormat, penggunaan tanah adalah tertakluk kepada kategori kegunaan serta syarat nyata sebagaimana diperuntukkan di bawah Kanun Tanah Negara. Secara dasarnya, tanah yang disyaratkan sebagai sawah padi perlu dikekalkan bagi menjamin keterjaminan makanan negara, khususnya dalam pengeluaran padi dan beras sebagai makanan ruji rakyat.

Sehubungan itu, pendirian Kerajaan Negeri bersama agensi berkaitan termasuk Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) dan Jabatan Pertanian adalah untuk tidak membenarkan pertukaran guna tanah secara sewenang-wenangnya, terutamanya di kawasan jelapang padi yang telah dilengkapi dengan infrastruktur pengairan dan sokongan pertanian yang menyeluruh.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri mengambil pendekatan yang seimbang dalam menangani isu ini. Bagi kawasan di luar jelapang padi atau tanah yang didapati tidak sesuai untuk tanaman padi, pertimbangan boleh diberikan berdasarkan penilaian teknikal oleh Jabatan Pertanian. Sekiranya disahkan tidak sesuai, Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan pemberian permit khas atau lesen sementara bagi aktiviti pertanian lain termasuk akuakultur, tertakluk kepada syarat-syarat tertentu serta pemantauan berkala.

Selain itu, bagi membolehkan pembangunan industri ternakan udang dan ikan dilaksanakan secara lebih terancang, pengusaha juga boleh mengemukakan permohonan tukar syarat nyata dan/atau kategori kegunaan tanah di bawah Seksyen 124 Kanun Tanah Negara untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri. Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Kangsar bersedia membantu dari segi khidmat nasihat serta pemprosesan permohonan tersebut.

Yang Berhormat, berdasarkan Rancangan Tempatan Daerah Kuala Kangsar 2035, zon pertanian dibenarkan untuk aktiviti akuakultur termasuk ternakan udang dan ikan. Oleh itu, pihak berkuasa tempatan pada dasarnya tiada halangan terhadap pembangunan industri ini, tertakluk kepada pematuhan syarat teknikal dan kelulusan jabatan-jabatan berkaitan.

Seiring dengan itu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perikanan Malaysia turut menyediakan pelbagai bentuk sokongan kepada pengusaha akuakultur, termasuk bantuan input ternakan, peralatan, makanan ikan serta peningkatan kemudahan biosekuriti melalui program seperti Sistem Penyampaian Khidmat Sokongan (SPeKS) dan pensijilan MyGAP. Selain itu, khidmat nasihat teknikal, kajian kesesuaian tapak serta kursus dan latihan turut disediakan bagi meningkatkan keupayaan dan kemahiran pengusaha.

Walau bagaimanapun, bagi melayakkan pengusaha menerima bantuan tersebut, beberapa syarat perlu dipatuhi antaranya pendaftaran premis dengan Jabatan Perikanan, status pemilikan tanah yang jelas serta telah memulakan aktiviti ternakan dengan rekod pengeluaran.

Kerajaan Negeri juga ingin menegaskan bahawa sebarang aktiviti yang dijalankan tanpa kebenaran dan bercanggah dengan syarat nyata tanah boleh dikenakan tindakan di bawah peruntukan undang-undang sedia ada. Justeru, pengusaha disarankan untuk mematuhi prosedur yang ditetapkan dan mendapatkan kelulusan rasmi bagi mengelakkan sebarang tindakan penguatkuasaan.

Kesimpulannya, Kerajaan Negeri komited untuk membantu pengusaha ternakan udang dan ikan di kawasan Ulu Kenas melalui pendekatan yang menyeluruh dan seimbang, iaitu dengan memberi pertimbangan kepada pembangunan industri akuakultur secara terkawal tanpa menjejaskan kepentingan strategik kawasan sawah dalam menjamin keterjaminan makanan negara..